



**IJM CORPORATION BERHAD**

(104131-A)

laporan tahunan 2012

PEMBENTUKAN KEMAJUAN

# Kandungan

## Rangka Kerja & Komitmen

- 04 Piagam IJM
- 05 Penyata Wawasan, Misi dan Nilai Kami
- 06 Profil Korporat
- 08 Anugerah-Anugerah
- 09 IJM dalam Tajuk Utama
- 10 Struktur Kumpulan
- 12 Diari Korporat

## Organisasi & Pengemudian

- 18 Lembaga Pengarah & Setiausaha-Setiausaha
- 20 Profil Para Pengarah
- 26 Carta Organisasi Kumpulan
- 28 Profil Pengurusan Kanan

## Ringkasan Maklumat Pemegang Saham

- 36 Sorotan Kewangan Kumpulan
- 38 Prestasi Suku Tahunan
- 40 Penyata Nilai Ditambah & Pengagihan
- 41 Maklumat untuk Para Pelabur
- 43 Analisis Pemegangan Saham & Pemegangan Waran
- 51 Kakitangan & Produktiviti

## Kajian & Laporan Perniagaan

- 54 Penyata Pengerusi
- 60 Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif
- 86 Penyata Urus Tadbir Korporat
- 97 Laporan Jawatankuasa Audit
- 100 Penyata Kawalan Dalaman
- 106 Laporan Kualiti
- 110 Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar

## Tanggungjawab Korporat

- 123 Tempat Pasaran
- 125 Alam Sekitar
- 128 Komuniti
- 132 Tempat Kerja

## Penyata Kewangan & Lain-Lain

- 138 Penyata Kewangan
- 289 Senarai 10 Harta Teratas
- 291 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 293 Borang Proksi
- 295 Informasi Korporat

# ke **28** Mesyuarat Agung Tahunan

**IJM CORPORATION BERHAD** (104131-A)

Tempat : Victorian Ballroom,  
Aras 1, Holiday Villa Hotel & Suites Subang  
9 Jalan SS12/1, 47500 Subang Jaya  
Selangor Darul Ehsan


Tarikh : Selasa, 28 Ogos 2012

Masa : 3.30 petang

Apa yang akan berlaku pada masa depan adalah lebih daripada wawasan di IJM. Sebagai salah satu daripada rakan kongsi negara dalam mencorak semula masa depan negara kita, IJM telah memainkan peranan penting dalam mercu tanda ikon yang baru muncul dan projek-projek mapan dalam dan di luar sempadan Malaysia. Kekuatan kami terpahat dalam bertahun-tahun kejayaan terbukti dan penyampaian kecemerlangan boleh dipercayai yang dipacu oleh nilai-nilai teras kami mengenai Integriti, Semangat, Kecekapan, Kerja Berpasukan, Menghormati Kepelbagaian, Inovasi, Fokus Pelanggan dan Kualiti.

# Rangka Kerja & Komitmen

- 04 Piagam IJM
- 05 Penyata Wawasan, Misi dan Budaya Kami
- 06 Profil Korporat
- 08 Anugerah-Anugerah
- 09 IJM dalam Tajuk Berita
- 10 Struktur Kumpulan
- 12 Diari Korporat





Teras kejayaan kami adalah komitmen kami untuk mengota janji-janji kami. IJM telah membina reputasi yang tiada tolak bandingnya tertusuk dalam **INTERGITI** dan **KUALITI**.



# Piagam IJM

Dasar dan pengendalian perniagaan kami akan terus dipandu oleh komitmen yang kukuh ke arah...

- Kualiti Produk & Perkhidmatan
- Perhubungan Klien Diamanahkan
- Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar
- Kebajikan Pekerja
- Tanggungjawab Sosial
- Urus Tadbir Korporat yang Baik
- Memaksimumkan Pulangan Pemegang Pelbagai Kepentingan
- Kelakuan Beretika



# Wawasan Kami

Wawasan korporat kami adalah untuk menjadi sebuah konglomerat Malaysia terkemuka dalam pasaran yang kami memberi khidmat.

## Misi Kami

Misi kami adalah untuk memberikan nilai yang mapan kepada pemegang pelbagai kepentingan harta kami dan memperkayakan kehidupan dengan Tanda Kecemerlangan IJM.

## Nilai Kami

Di IJM, kami telah dipandu oleh satu set nilai teras dalam segala yang kami lakukan. Nilai-nilai ini membentuk bahagian penting daripada budaya korporat kami, yang menjurus ke arah kejayaan jangka panjang.

### INTEGRITI

Kami bertindak dengan integriti dan profesionalisme dalam segala yang kami lakukan dan dengan semua orang yang kami berurusan, sentiasa menunaikan janji kami.

### SEMANGAT

Kami memberi komitmen dengan penuh semangat untuk cemerlang dalam setiap yang kami lakukan, sentiasa berusaha sampai ke habis-habisan dan melepas piawaian kecemerlangan pada setiap kali ada peluang.

### KECEKAPAN

Kami memacu kecekapan dengan sentiasa mencari jalan untuk membaiki diri kami dan prestasi, keberkesan dan produktiviti pasukan kami.

### KERJA BERPASUKAN

Kami bekerja dan berjaya dalam perpaduan, mempercayai dan saling percaya antara satu sama lain dalam mengejar matlamat kami dikongsi sama.

### MENGHORMATI KEPELBAGAIAN

Kami merangkum falsafah keterbukaan dalam menerima perbezaan pendapat, budaya dan sumbangan, melayan semua orang dengan penuh hormat.

### INOVASI

Kami percaya dalam penambah baikan berterusan, sentiasa mencari idea-idea baru dan menggalakkan pemikiran kreatif.

### FOKUS PELANGGAN

Dalam apa yang kami lakukan, pelanggan-pelanggan sentiasa di hati kami. Kami memenuhi jangkaan pelanggan dengan kualiti yang tinggi penuh bergaya.

### KUALITI

Kami memberikan produk dan perkhidmatan yang cemerlang secara berterusan, tanpa henti mengatasi jangkaan.

# Profil Korporat



Ampersand @ Kia Peng, Kuala Lumpur



Kemudahan Katering Emiriah, Dubai



Cerucuk ICP digunakan di Stesen Kuasa Jana Manjung, Manjung, Perak



Ladang kelapa sawit di Sabah

IJM adalah salah satu daripada konglomerat terkemuka di Malaysia dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”). Kegiatan perniagaan terasnya merangkumi pembinaan, pembangunan harta tanah, pengilangan dan pengkuarian, konsesi infrastruktur dan perladangan.

Beribu pejabat di Selangor, Malaysia, aspirasi serantau IJM telah menyaksikan kehadirannya yang semakin mantap dalam pasaran-pasaran membangun berhampiran dengan operasi yang pada masa ini meliputi 10 buah negara, dengan tumpuan utama di Malaysia, India, Emiriah Arab Bersatu, China dan Indonesia.

Pertumbuhan luar biasa IJM sepanjang lebih tiga dekad yang lepas adalah hasil daripada tumpuan teguhnya ke atas kekompetenan terasnya, pempelbagaian ke dalam perniagaan berkaitan secara strategik dan pengembangan terpilih ke dalam pasaran-pasaran baru.



Jalan Bertol Jaipur-Mahua, India



Melabuhkan kapal, MV Ocean Concord di Pelabuhan Kuantan, Pahang

Hasil penggabungan antara tiga buah syarikat pembinaan tempatan bersaiz sederhana – IGB Construction Sdn Bhd, Jurutama Sdn Bhd dan Mudajaya Sdn Bhd, IJM telah ditubuhkan pada tahun 1983 untuk bersaing dengan lebih berkesan terhadap pesaing-pesaing asing yang lebih besar. Syarikat dengan pantas telah mula memantapkan dirinya sebagai kumpulan pembinaan yang diurus secara profesional dan telah berjaya mendapat penerimaan pasaran dengan cepat. Sepanjang beberapa tahun, Syarikat secara progresif telah membina keupayaan penyerahan, kehandalan daya saing dan keupayaan kewangannya untuk mengukuhkan asasnya sebagai kontraktor tempatan yang bereputasi baik.

Pada April 2007, IJM telah mengambil alih Kumpulan Road Builder ("RBH"), pesaing terdekatnya, untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu jurubina terbesar di negara ini. Selain daripada mengukuhkan buku tempahan pembinaan, simpanan tanah harta tanah dan portfolio infrastrukturnya, Kumpulan yang diperbesarkan ini membolehkan IJM meraih manfaat sinergistik yang besar, kemunculan tempatan yang lebih masyhur serta memperoleh kunci kira-kira yang lebih besar untuk membida tugas-tugas yang lebih besar dan memudahkan pengembangannya ke dalam pasaran luar negeri.

Usaha niaga IJM sebagai pemaju harta tanah bermula sebagai kemajuan semula jadi daripada pengalamannya dalam perniagaan pembinaan. Cabang harta tanah Kumpulan sejak itu telah berkembang dengan agak pesat. Disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities, IJM Land Berhad pada masa ini merupakan salah satu daripada pemaju harta tanah terbesar di Malaysia dengan perbandaran berselerak, bangunan komersial dan kondominium bertingkat tinggi di bawah pembangunan dalam bidang-bidang pertumbuhan utama di seluruh negara. Selain memantapkan dirinya sebagai pemaju perbandaran yang bereputasi baik di India, IJM juga telah berjaya menjalankan usaha niaga luar negara pada masa lepas seoerti di Orlando USA, Singapura dan Australia.

Pada awalnya menyokong keperluan dalaman, Bahagian Industri Kumpulan pantas mengembangkan operasinya ke dalam kegiatan teras berskala besar yang memberi tumpuan dalam memenuhi permintaan dari luar Kumpulan. IJM terus mengembangkan operasinya dalam bahagian ini dengan pengambilalihan strategik seperti pengambilalihan Industrial Concrete Products Berhad pada tahun 2004 dan berjaya mempelbagaikan pasaran ke dalam pasaran China, India dan Pakistan.

Mengambil peluang ke atas kepakaran pembinaannya, Kumpulan juga memiliki dan mengendalikan konsesi infrastruktur untuk membina aliran pendapatan berulang jangka panjang. Kemajuan awal dalam aset-aset konsesi di Malaysia, walau bagaimanapun, ternyata sukar dan, oleh yang demikian tumpuan antarabangsa telah diterima pakai. Penglibatan IJM dalam skim penswastaan infrastruktur luar negeri (Bina-Kendali-Pindah) terbukti amat berjaya. Antara pelaburan-pelaburan semasa Kumpulan dalam projek-projek infrastruktur luar negeri utama adalah Western Access Tollway di Argentina, lima lebuh raya bertol dan loji kuasa Gautami di India, dan konsesi rawatan air Binh An di Vietnam. Di Malaysia, Kumpulan mengendalikan tiga konsesi lebuh raya dan pelabuhan daripada penggabungan RBH. Kumpulan sebelum ini telah melabur dan memperoleh keuntungan daripada penjualan beberapa aset infrastruktur di China.

Kumpulan juga menceburi ke dalam perladangan kelapa sawit pada tahun 1985 sebagai sumber pendapatan teguh untuk menyerap kesan sifat kitaran perniagaan pembinaan terasnya. Sejak dari itu pelaburan ini telah mendatangkan hasil yang baik. Kini telah disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities, IJM Plantations Berhad telah menyumbang dengan ketara kepada perolehan Kumpulan sepanjang beberapa tahun dan juga telah memberikan Kumpulan daya tahan yang lebih baik dalam menempuh makro-ekonomi dan kos input yang tidak menentu. Ia pada masa ini telah meluaskan operasi perladangannya ke Indonesia.

**Apabila IJM disenarai awam pada tahun 1986, ia mempunyai permodalan pasaran sebanyak RM66 juta dan jumlah aset sebanyak RM172 juta. Pada 31 Mac 2012, permodalan pasaran Kumpulan dan jumlah aset masing-masing sekitar RM7.8 bilion dan RM13.9 bilion.**

# Anugerah-Anugerah



**Rekod prestasi IJM yang cemerlang telah diperakui dan telah diberi pengiktirafan dengan beberapa anugerah. Anugerah-anugerah yang diterima baru-baru ini termasuk:**

- Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia – Kontraktor Terbaik 2009
- Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (Pencapaian Antarabangsa) pada tahun 2007, 2006 dan 2001
- Anugerah Kecemerlangan MITI bagi Eksport Perkhidmatan tahun 2007 dan 2003
- Anugerah Tahunan Kontraktor Antarabangsa Malaysia Tahun 2005 dan 2000
- Anugerah Kecemerlangan Kejuruteraan Jalan Raya tahun 2004
- Anugerah Projek dalam Kategori Projek Kemahiran Utama pada tahun 2004 dan Bangunan Utama pada tahun 2003
- Anugerah Tahunan Jurubina Malaysia Tahun 2002 dan 2001

**Budaya profesionalisme, prestasi dan urus tadbir Syarikat yang baik serta mengambil berat ke atas masyarakat dan alam sekitar juga menyaksikannya dianugerahkan dengan:**

- Anugerah Perhubungan Pelabur Malaysia bagi Laman Web Perhubungan Pelabur Terbaik (Mid Cap) pada 2012
- Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia – Anugerah Kecemerlangan Industri (Pembinaan) 2011 dan 2010, dan Anugerah Merit 2009
- Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA (Pembinaan dan Infrastruktur) tahun 2009, 2008, 2007, 2006, 2004 dan 2003, dan Anugerah Merit pada tahun 2010
- Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (Pengumuman Khas Amalan Terbaik Alam Sekitar) pada tahun 2008
- Anugerah CSR Perdana Menteri (Kategori Alam Sekitar) tahun 2007
- Anugerah Pingat Emas bagi Kecemerlangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara pada tahun 2007
- Anugerah Asia Money Best Managed Company (Modal Sederhana) di Malaysia pada tahun 2006
- Laporan Kajian Urus Tadbir Korporat 200 PLC Teratas tahun 2006 (Tempat Kesembilan)
- Anugerah Pelaporan Alam Sekitar dan Sosial Malaysia ACCA tahun 2006 (Pemenang Tempat Kedua dalam Pelaporan Sosial Terbaik)
- Anugerah Merit Korporat BSKL (Sektor Pembinaan) tahun 2003, 2002 dan 2001
- Anugerah sulung Urus Tadbir Korporat Perniagaan Malaysia pada tahun 2002



# Struktur Kumpulan



**IJM  
CORPORATION  
BERHAD**  
(104131-A)

Nota: Syarikat-syarikat tidak beroperasi atau lengai tidak dimasukkan

- Anak syarikat/syarikat bersekutu/entiti kawalan bersama IJM Corporation Berhad
- Anak-anak Syarikat
- Syarikat Bersekutu
- Entiti Kawalan Bersama
- Anak syarikat/syarikat bersekutu langsung Road Builder (M) Holdings Bhd
- ⓐ Anak syarikat langsung IJM (India) Infrastructure Limited, anak syarikat IJMII (Mauritius) Limited
- ! Entiti kawalan bersama langsung IJM Vijayawada (Mauritius) Limited
- & Anak syarikat langsung IJMII (Mauritius) Limited, anak syarikat IJM Investments (M) Limited
- \$ Syarikat bersekutu IJM International Limited
- ▲ Anak syarikat milik penuh RB Port Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Road Builder (M) Holdings Bhd
- # Syarikat bersekutu IEMCEE Infra (Mauritius) Limited
- \* Syarikat bersekutu IJMII (Mauritius) Limited
- H Syarikat bersekutu KP Port Services Sdn Bhd
- O Entiti kawalan bersama langsung IJM Trichy (Mauritius) Limited
- ♦ Anak syarikat langsung RB Manufacturing Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh IJM Corporation Berhad



PEMBINAAN



HARTANAH

## ➤ IJM Construction Sdn Bhd

- Road Builder (M) Sdn Bhd
  - Commerce House Sdn Bhd
- IJM Building Systems Sdn Bhd
- IJM Construction Vietnam Company Limited
- IJM Investments J. A. Limited
  - IJM Gulf Limited
    - IJM Gulf Pakistan (Pvt) Limited
    - IM Technologies Pakistan (Private) Limited
    - Karachi Expressway J. A. Limited
  - Ground Envirotech Pte Ltd
  - IJM Construction (Pakistan) (Private) Limited
  - Jurutama Sdn Bhd
  - Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd
  - CSC Ground Engineering Sdn Bhd
  - Hexacon Construction Pte Limited
  - Integrated Water Services (M) Sdn Bhd
  - Highway Master Sdn Bhd
  - IJMC-Ambang Usaha Joint Venture
  - Hafeera-IJM Joint Venture
  - IJMC-Norwest Joint Venture
  - IJMC-Peremba Joint Venture
  - IJMC-Perkasa Sutera Joint Venture
  - IJMC-Puncabahan Joint Venture
  - ISZL Consortium
  - Shimizu-Nishimatsu-UEMB-IJM Joint Venture
  - Kiara Teratai-IJM Joint Venture
  - IJMC-JAKS Joint Venture

## ➤ IJM Construction (Middle East) Limited Liability Company

- IJM (India) Infrastructure Limited &  
• IJM (India) Geotechniques Private Limited

## ➤ IJM Land Berhad

- IJM Properties Sdn Bhd
  - Aqua Aspect Sdn Bhd
  - Chen Yu Land Sdn Bhd
  - Cypress Potential Sdn Bhd
  - IJM Management Services Sdn Bhd
  - Jelutong Development Sdn Bhd
  - Liberty Heritage (M) Sdn Bhd
  - Manda'rina (M) Sdn Bhd
  - NS Central Market Sdn Bhd
  - Sinaran Intisari (M) Sdn Bhd
  - Suria Bistari Development Sdn Bhd
  - Worldwide Ventures Sdn Bhd
  - Island Golf View Sdn Bhd
- RB Land Sdn Bhd
  - Aras Varia Sdn Bhd
  - Casa Warna Sdn Bhd
  - Dian Warna Sdn Bhd
  - Ikatan Flora Sdn Bhd
  - RB Property Management Sdn Bhd
  - Seremban Two Holdings Sdn Bhd
  - Seremban Two Properties Sdn Bhd
  - Seremban Two Property Management Sdn Bhd
  - Shah Alam 2 Sdn Bhd
  - Titian Tegas Sdn Bhd
  - Tarikan Abadi Sdn Bhd
  - Unggul Senja Sdn Bhd
- Sova Holdings Sdn Bhd
- Emko Properties Sdn Bhd
  - Emko Management Services Sdn Bhd
- ERMS Berhad
  - Holiday Villa Management Sdn Bhd
- RB Development Sdn Bhd
  - Astaka Tegas Sdn Bhd
  - Cekap Tropikal Sdn Bhd
  - Elegan Pesona Sdn Bhd
  - Good Debut Sdn Bhd
  - IJM Management Services-Giat Bernas Joint Venture
  - IJM Properties-JA Manan Development Joint Venture
  - Radiant Pillar Sdn Bhd
  - Sierra Selayang Sdn Bhd
  - Sierra Ukay Sdn Bhd
  - Valencia Terrace Sdn Bhd
  - Larut Leisure Enterprise (Hong Kong) Limited
- IJM Lingamaneni Township Private Limited @
- Swarnandhra-IJMII Integrated Township Development Company Private Limited @
- OSW Properties Pty Limited \$
- NPE Property Development Sdn Bhd
- Kuching Riverine Resort Management Sdn Bhd ♦**



## INDUSTRI

### ➤ Industrial Concrete Products Sdn Bhd

- Durabon Sdn Bhd
- Expedient Resources Sdn Bhd
- Tadmansori Rubber Industries Sdn Bhd
- ICP Investments (L) Limited
  - ICPB (Mauritius) Limited
    - IJM Concrete Products Private Limited
    - IJM Steel Products Private Limited
- ICP Jiangmen Co. Ltd
- ICP Marketing Sdn Bhd
- Malaysian Rock Products Sdn Bhd
  - Aggregate Marketing Sdn Bhd
  - Azam Ekuiti Sdn Bhd
- IJM Concrete Private Limited
  - IJM Concrete Pakistan
- IJM Concrete Products Pakistan Private Limited
- Kuang Rock Products Sdn Bhd
- Oriental Empire Sdn Bhd
- Scaffold Master Sdn Bhd
- Strong Mixed Concrete Sdn Bhd

### ➤ Kemenia Industries Sdn Bhd

- Cofreth (M) Sdn Bhd
- Metech Group Berhad
- Spirolite (M) Sdn Bhd



## PERLADANGAN

### ➤ IJM Plantations Berhad

- Akrab Perkasa Sdn Bhd
- Berakan Maju Sdn Bhd
- Desa Talisai Palm Oil Mill Sdn Bhd
- Desa Talisai Sdn Bhd
- Excellent Challenger (M) Sdn Bhd
- Gunaria Sdn Bhd
  - PT Sinergi Agro Industri
- IJM Edible Oils Sdn Bhd
- Minat Teguh Sdn Bhd
  - PT Primabahagia Permai
  - PT Prima Alumga
  - PT Indonesia Plantation Synergy
- Rakanan Jaya Sdn Bhd
- Ratus Sempurna Sdn Bhd
- Sabang Mills Sdn Bhd
- Sijas Plantations Sdn Bhd



## INFRASTRUKTUR & LAIN-LAIN

### ➤ Road Builder (M) Holdings Bhd

- Besraya (M) Sdn Bhd
- New Pantai Expressway Sdn Bhd
- Kuantan Port Consortium Sdn Bhd
  - KP Port Services Sdn Bhd
  - KPN Services Sdn Bhd
  - Sukma Samudra Sdn Bhd ^
- Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn Bhd
- KP Depot Services Sdn Bhd H

### ➤ IJM Investments (M) Limited

- IEMCEE Infra (Mauritius) Limited
- IJMII (Mauritius) Limited
  - Roadstar (India) Infrastructure Private Limited ®
  - Swarnandhra Road Care Private Limited ®
- IJM Rajasthan (Mauritius) Limited
  - Jaipur-Mahua Tollway Private Limited
- IJM Rewa (Mauritius) Limited
  - Rewa Tollway Private Limited
- IJM Trichy (Mauritius) Limited
- IJM Vijayawada (Mauritius) Limited
  - Gautami Power Private Limited #
  - Swarna Tollway Pte Ltd \*

### ➤ IJM International Limited

- IJM Investments (L) Ltd
- IJM Highway Services Sdn Bhd
- CIDB Inventions Sdn Bhd
- Emas Utilities Corporation Sdn Bhd
- Grupo Concesionario del Oeste S. A.
- Kumpulan Europlus Berhad
- Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd
  - Trichy Tollway Private Limited o
  - Vijayawada Tollway Private Limited !

# Diari Korporat

# 2011



## 16 April

### Sumbangan kepada Tabung Bangunan IEM

Sumbangan telah dibuat kepada Institusi Kejuruteraan, Malaysia untuk rancangan penyambungan bangunan mereka.



## 10-11 Mei

### Bina Semangat bagi Prestasi Cemerlang @ Kompleks Sukan Cobra, PJ

Satu bengkel telah dianjurkan untuk menggalakkan integrasi kakitangan, memanfaatkan kemahiran kepimpinan dan memaksimumkan prestasi pasukan.

## 1 Julai

### Dialog Pengurusan Kanan 2011 @ Holiday Villa Subang

Lembaga, pengurusan kanan dan pengurus menghadiri dialog tahunan yang bertemakan 'Ke Arah Prestasi Yang Lebih Baik' di mana prestasi kumpulan dan prestasi bahagian, strategi operasi dan isu-isu lain telah dibincangkan.



## 28 April

### Kempen Mesra & Sopan 2011 @ LEKAS

Bahagian Tol IJM melancarkan Kempen Kemesraan untuk menggalakkan budaya memberikan 'perkhidmatan sopan dan mesra' kepada pelanggan-pelanggan kami.



## 23 Mei

### Ceramah Benih IJM DxP @ Keningau, Sabah

Ceramah komersil mengenai benih DxP IJM telah diadakan untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran mengenai produk kami.

## 2 Julai

### Majlis Makan Malam 'Rock It' 2011 @ Sunway Pyramid Convention Centre

Kakitangan IJM menghadiri majlis makan malam tahunan dengan makanan yang hebat, muzik yang fantastik dan persembahan secara langsung.



## 2-3 Mei

### Hari Korporat CIMB & Credit Suisse Malaysia @ London

IJM mengambil bahagian dalam mesyuarat bersemuka dan berkumpulan kecil dengan pengurusan dana sepanjang 2 hari.



## 26 Jun

### Memunggut dana bagi Mangsa Strok @ Taman Jaya, PJ

IJM mengambil bahagian dalam acara memunggut dana yang dianjurkan oleh Persatuan Strok Kebangsaan Malaysia (NASAM).

## 5-6 Julai

### Kejohanan Golf Georgetown-IJM International Pertama 2011 @ Pulau Pinang

Ketua Pegawai Eksekutif Kami & Pengarah Urusan ("CEO & MD"), Dato' Teh Kean Ming telah menghadiri perasmian kejohanan golf di mana IJM adalah penaja acara.





## 12 Ogos

### Kejohanan Catur Merdeka @ Seremban

IJM Land menghantar satu pasukan junior 5 peserta dipilih daripada Kumpulan Catur Komuniti S2nya untuk mengambil bahagian dalam Festival Catur Malaysia edisi ke-8.



## 7 September

### CG Blueprint 2011-Ke Arah Kecemerlangan dalam Urus Tadbir Korporat @ Wisma IJM

PricewaterhouseCoopers menyampaikan ceramah mengenai CG Blueprint yang dilancarkan baru-baru ini oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk para Pengarah dan kakitangan pengurusan kanan.



## 29 September

### Anugerah Pemaju Hartanah Teratas 2011

IJM Land mengorak langkah sehingga takuk kedudukan kesembilan di antara 10 pemaju teratas di Malaysia dan muncul tempat ketiga dalam penarafan kualitatif.



## 19 Ogos

### Ramadan Buka Puasa @ Kuantan

Pelabuhan Kuantan telah mengadakan acara ‘Buka Puasa’ dirasmikan oleh Pengurusnya, YM Tengku Tan Sri Dato’ Seri Ahmad Rithaudeen Bin Tengku Ismail dan membuat sumbangan kepada pelajar-pelajar sekolah agama Tafiz Al Quran dan beberapa buah masjid.



## 24 Ogos

### AGM @ Holiday Villa Subang

IJM telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya ke-27 dan pemegang-pemegang saham telah meluluskan resolusi untuk menerima penyata kewangan teraudit, pelantikan semula para pengarah dan juruaudit, antara lain.



## 21-22 September

### Forum Pelabur CLSA @ Hong Kong

IJM bertemu dengan ramai pengurus dana untuk membentangkan prestasi kewangan dan gambaran keseluruhan perniagaannya.



## 24 September

### KSIJM Kejohanan Pool 2011 @ Brewball Midvalley

KSIJM menganjurkan Kejohanan pool untuk menggalakkan keseimbangan kerja – kehidupan yang baik dan mentaliti kemenangan di kalangan kakitangan.

## 2 Oktober

### Adidas Malaysia King Of The Road 2011 @ NPE Highway

7,700 pelari mengambil bahagian dalam pertandingan yang bertemakan ‘Warna’ di Lebuhraya Pantai Baru (“NPE”) dengan memakai lapis larian berwarna. Acara itu telah dimulakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato Shaziman Bin Hj Abu Mansor.

## 18 Oktober

### Anugerah Biasiswa IJM 2011 @ Holiday Villa Subang

IJM menyampaikan Anugerah Biasiswa kepada 25 penerima yang layak manakala 50 anak kakitangan menerima Anugerah Kecemerlangan Akademik.



# Diari Korporat (samb.)

# 2012

## 22 Oktober

### Majlis Perasmian Sau Seng Lum (PJ) Haemodialysis Centre @ Puchong

Pembukaan pusat pemulihan ini yang menyediakan rawatan dialisis kos rendah telah dirasmikan oleh CEO & MD kami. IJM telah mendermakan mesin dialisis pada masa lepas dan juga pada masa ini menyokong usaha yang mulia ini.



## 15 November

### Kempen Derma Darah @ Wisma IJM, PJ

Kempen menderma darah telah dianjurkan bersama dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya.

## 26 November

### The Outdoor Adventure @ Taman Pertanian Malaysia, Shah Alam

Kakitangan IJMer mengambil bahagian dalam aktiviti luar yang secara fizikalnya mencabar dalam persekitaran yang getir.



## 3 Disember

### Give Day Out

2,000 kakitangan IJMer seluruh operasi kami di Malaysia, India dan China menjalankan Inisiatif Tanggungjawab Korporat pilihan mereka dan membantu memberi perubahan kepada masyarakat.



## 7 Disember

### Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia – Anugerah Kecemerlangan Industri (Pembinaan) 2011 @ Kuala Lumpur

IJM menerima Anugerah untuk dua tahun berturut-turut daripada Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti.



## 15 Disember

### Ceramah Sindrom Metabolic @ Wisma IJM

Ceramah pendidikan telah diberikan oleh Dr. Rajbans Singh untuk meningkatkan kesedaran mengenai Sindrom Metabolik kepada kakitangan kami.



## 11 Januari

### Malam Penghargaan Media @ Bangsar, KL

IJM Land telah mengadakan Malam Penghargaan Media perdana untuk ahli-ahli akhbar, media dan agensi pengiklanan. Hadirin juga telah diberi taklimat mengenai pelancaran projek akan datang kami.



## 11 Januari

### Penglibatan Pelbagai Kepentingan @ Plantations

IJM Plantations mengalau-alukan Senator Australia Nick Xenophon dan YB Dato Shahrir Abdul Samad ke salah sebuah ladang mereka.



## 15 Januari

### Ucapan Tahniah Tulus Ikhlas kepada Dato' Tan Gim Foo

Timbalan CEO dan Timbalan MD kami telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Negeri Kedah Darul Aman - Darjah Setia Diraja Kedah (D.S.D.K.) yang membawa gelaran Dato' oleh Sultan Kedah, DYMM Al-Sultan Almu'tasim Billahi Muhibuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan baginda ke 84.

## 31 Januari

### Surat Penerimaan bagi Projek Paket MRT VS ("LA")

IJM Construction menerima LA daripada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd bagi Lembah Kelang: Paket Jajaran Sungai Buloh-Kajang pada jumlah kontrak sebanyak RM974.78 juta.



## 14-16 Februari

### International Construction Week ("ICW") @ KLCC

IJM mengambil bahagian dalam ICW, yang merupakan program tahunan Kementerian Kerja Raya Malaysia dan CIDB. Ia telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.

## 25-26 Februari

### Pencarian Harta Karun Lebuh raya 2012 @ Melaka

Staff Kakitangan mengambil bahagian dalam pencarian harta karun yang menyeronokkan meneroka lebuh raya IJM – Lebuh Raya Pantai Baru, Lebuh Raya Besraya dan LEKAS menuju ke Melaka.



## 10-11 Mac

### Acara Melihat Burung Pemangsa 2012 @ PNB Ilham Resort, Port Dickson

IJM menyokong acara tahunan yang menyambut kepulangan burung hijrah pemangsa ke tempat pembiakan mereka di hemisfer utara dan meningkatkan kesedaran awam mengenai pemuliharaan burung pemangsa dan habitatnya.



## 3 Mac

### Siang: Lawatan Terowong @ Projek Pemindahan Air Mentah Pahang-Selangor

KSIJM menganjurkan lawatan sambil belajar ke tapak untuk ahli-ahlinya untuk membiasakan dengan kemajuan pembinaan projek yang unit.



## 13-29 Mac

### Kem Latihan Tahunan 2012 @ Kuantan Port

Latihan adalah untuk meningkatkan kekuatan mental dan fizikal Skuadron Kedua Pakar Jurutera Rejimen Tentera Diraja di Pelabuhan Kuantan. Ia telah dirasmikan oleh YH Dato' Khairul Anuar Bin Abdul Rahman dari Lembaga Pelabuhan Kuantan.



## 20-21 Mac

### Persidangan Pelabur Credit Suisse Asian @ Hong Kong

IJM mengambil bahagian dalam sesi bersemuka dan berkumpulan kecil dengan pelabur institusi yang menghadiri persidangan itu.


# Organisasi & Pengemudian

- 18 Lembaga Pengarah & Setiausaha-Setiausaha
- 20 Profil Para Pengarah
- 26 Carta Organisasi Kumpulan
- 28 Profil Pengurusan Kanan





Pihak pengurusan dan  
kakitangan IJM mengamalkan  
**KERJA BERPASUKAN**  
dan **MENGHORMATI**  
**KEPELBAGAIAN** mewujudkan  
persekitaran kerja yang  
kondusif.



## Lembaga Pengarah & Setiausaha-Setiausaha

*kiri ke kanan (duduk)*

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @  
Krishnan

Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim Bin Ali

*kiri ke kanan (berdiri)*

Y. Bhg. Dato' Teh Kean Ming  
Y. Bhg. Dato' Tan Gim Foo





*kiri ke kanan  
atas:*

Y. Bhg. Datuk Yahya Bin Ya'acob

Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng

Y. Bhg. Datuk Lee Teck Yuen

*tengah:*

Y. Bhg. Dato' David Frederick Wilson

Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon

Jeremie Ting Keng Fui, *Setiausaha*

*bawah:*

Ng Yoke Kian, *Setiausaha*

# Profil Para Pengarah

## **Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim Bin Ali**

**PMN, PJN, SPMS, SIMP, DGSM, DHMS, DSDK, JSM, KMN**

*Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Universiti Malaya*

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan

Tan Sri Abdul Halim, dilahirkan pada Julai 1943, telah menyertai Lembaga pada 25 April 2007. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi IJM Corporation Berhad pada 24 Ogos 2011.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1966. Beliau menyertai Kementerian Luar Negeri dan berkhidmat dalam Perkhidmatan Diplomatik Malaysia dari tahun 1966 hingga 1996. Dalam tempoh ini, beliau berkhidmat dalam beberapa misi diplomatik luar negeri, termasuk pelantikan sebagai duta di Vietnam dan Austria. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha kepada Kerajaan Malaysia pada tahun 1998 dan bersara pada 2001. Selepas persaraan beliau, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga Januari 2007.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Malaysia Building Society Berhad (Pengerusi), Kumpulan Pemantau Pemegang Saham Minoriti (Pengerusi) dan ESSO Malaysia Berhad.

## **Y. Bhg. Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan**

**PSM, DSPN, SMS**

*Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), CPA(M), MBA*

Naib Pengerusi Eksekutif

- Jawatankuasa Eksekutif

Tan Sri Dato' Tan, dilahirkan pada Disember 1952, telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Eksekutif pada 1 Januari 2011. Beliau menyertai IJM Corporation Berhad ("IJM") sebagai Pengawal Kewangan pada 1983 dan kemudian menganggotai Lembaga sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1984, Pengarah pada 10 April 1990 dan Timbalan Pengarah Urusan pada 1 November 1993. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 1997. Beliau telah ditukar sebagai jawatan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan pada 26 Februari 2004, dan telah berhenti daripada menjadi CEO & MD pada 31 Disember 2010.

Beliau berkelayakan sebagai Akauntan Awam diperakui pada 1978 selepas tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1975, dan memegang Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM, beliau telah berkhidmat dengan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad selama tujuh (7) tahun, dengan jawatan terakhir beliau sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat awam lain termasuk IJM Plantations Berhad, IJM Land Berhad (Pengerusi), Malaysian Airline System Berhad, Yayasan Komuniti & Pendidikan Malaysia dan Grupo Concesionario del Oeste S.A., Argentina. Beliau adalah ahli Lembaga Gabenor Hartanah Malaysia diperbadankan (MPI). Beliau juga berkhidmat sebagai Pemegang Amanah Yayasan Kepimpinan Perdana. Beliau terlibat secara aktif dalam mempromosikan ikatan perniagaan India Malaysia dan pada masa ini adalah Presiden Majlis Perniagaan Malaysia-India (MIBC) dan Pengerusi Forum CEO Malaysia India.

**Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim Bin Ali**

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas



**Y. Bhg. Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan**

Naib Pengurus Eksekutif



# Profil Para Pengarah (samb.)

## Y. Bhg. Dato' Teh Kean Ming

**DSPN, PKT**

*Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Sivil), P.Eng., MIEM*

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan

- Jawatankuasa Eksekutif
- Jawatankuasa Sekuriti & Opsyen

Dato' Teh, dilahirkan pada April 1955, telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan pada 1 Januari 2011. Beliau adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan dari 1 Julai 2008 hingga 31 Disember 2010, dan Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Keat dari 1 September 2005 hingga 16 Ogos 2006 dan Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon dari 16 Ogos 2006 hingga 30 Jun 2008.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Universiti of New South Wales, Australia pada 1981.

Beliau adalah Jurutera Residen Sivil & Struktur Kejuruteraan bagi Projek Dayabumi Fasa 3 (1981-1983) dan Menara Maybank (1983-1987) dan Jurutera Kawasan Antah Biwater J.V. Sdn Bhd (1987-1989) sebelum menyertai IJM Construction Sdn Bhd sebagai Pengurus Projek (1989-1993), Pengurus Kanan (Projek) (1994-1997) dan Pengarah Projek (1998-2001). Beliau adalah Pengurus Besar Kumpulan IJM Corporation Berhad ("IJM") dari 1 April 2001 hingga 31 Disember 2004. Beliau juga adalah ketua Bahagian Hartanah IJM dari 2001 hingga 2008 dan Pengarah Urusan IJM Properties Sdn Bhd dari 1 Januari 2005 hingga 10 Jun 2009.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat lain termasuk IJM Land Berhad, IJM Plantations Berhad, ERMS Berhad dan Road Builder (M) Holdings Bhd.

## Y. Bhg. Dato' Tan Gim Foo

**DSDK**

*Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Sivil) (Kepujian), P.Eng., MIEM, MBA*

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan

- Jawatankuasa Eksekutif

Dato' Tan, dilahirkan pada Jun 1958, telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan pada 1 Januari 2011. Beliau adalah Pengarah Silih ganti kepada Encik Soo Heng Chin dari 1 September 2005 hingga 30 Januari 2010 dan Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon dari 30 Januari 2010 hingga 31 Disember 2010. Beliau juga adalah Pengarah Urusan IJM Construction Sdn Bhd ("IJMC") dan mengetuai Bahagian Pembinaan Kumpulan.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian Kelas Pertama) dari Universiti Malaya pada 1983, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Charles Stuart University, New South Wales, Australia.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Jurutera Tapak Mudajaya Construction Sdn Bhd (1983-1986) sebelum menyertai IJM Corporation Berhad sebagai Jurutera Perancangan & Reka Bentuk (1986-1988). Beliau adalah Pengurus Projek (1988-1994), Pengurus Kanan (1994-1997) dan Pengarah Projek (1998-2009). Beliau adalah Pengarah Eksekutif IJMC dari 1 Januari 2005 hingga 30 Januari 2010.

**Y. Bhg. Dato' Teh Kean Ming**

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan



**Y. Bhg. Dato' Tan Gim Foo**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif &  
Timbalan Pengarah Urusan



## Profil Para Pengarah (samb.)



### Y. Bhg. Datuk Yahya Bin Ya'acob

**PJN, DIMP, JSM, KMN, SMP, PBS**  
*Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), D.P.A.  
 (Malaya), M.B.M. (Filipina)*

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan

- Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan
- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Sekuriti & Opsyen

Datuk Yahya, dilahir pada Januari 1944, telah dilantik sebagai Pengarah pada 31 Mac 1999.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma Pentadbiran Awam dari Universiti Malaya masing-masing pada 1967 dan 1970, dan memperoleh ijazah Sarjana Pengurus Perniagaan dari Asian Institute of Management pada 1976.

Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia selama lebih 32 tahun, dengan berkhidmat selama lima (5) tahun yang terakhir sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya sebelum beliau bersara pada tahun 1999. Jawatan-jawatan lain beliau termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan (1991-1994), Setiausaha Bahagian Kontrak, Kementerian Kewangan (1988-1991), Timbalan Pengarah Unit Pelaksanaan & Penyelaras, Jabatan Perdana Menteri (1986-1988), dan Timbalan Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Kewangan (1976-1986).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Emas Kiara Industries Berhad, LBI Capital Berhad, UDA Holdings Berhad, Pelaburan Johor Berhad dan Damansara Realty Berhad.



### Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng

**PJN, JSM**  
*FCA*

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

- Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan
- Jawatankuasa Audit

Datuk Oh, dilahirkan pada Julai 1944, telah dilantik menjadi Pengarah pada 12 April 2002.

Beliau mengikuti latihan perakaunan beliau di London dan berkelayakan sebagai Akauntan Bertauliah pada 1969 dan merupakan ahli Fellow Institute of Chartered Accountants of England and Wales. Beliau juga adalah ahli Institut Akauntan Awam diperakui Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia.

Beliau menyertai Coopers & Lybrand di London pada 1969 dan di Malaysia pada 1971. Beliau adalah rakan firma kanan Coopers and Lybrand (sekarang dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers), Malaysia dari 1974 sehingga beliau bersara pada 1997. Beliau adalah Ahli Jawatankuasa Bursa Saham Kuala Lumpur yang dilantik Kerajaan dari 1990-1996, dan bekas Presiden (1994-1996) dan Ahli Majlis (1981-2002) MICPA, dan juga ahli Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia Berhad dari 2008 hingga Mei 2011.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat awam lain termasuk Alliance Financial Group Berhad (Pengerusi), British American Tobacco (Malaysia) Berhad, Dialog Group Berhad, IJM Plantations Berhad, Malayan Flour Mills Berhad, Kumpulan Europlus Berhad dan Ingenious Growth Berhad. Beliau juga adalah Pemegang Amanah Yayasan Pendidikan UTAR; dan Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dilantik Kerajaan.



### Y. Bhg. Datuk Lee Teck Yuen

**PJN**  
*Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kejuruteraan  
 Sivil & Pentadbiran Perniagaan*

Pengarah Bukan Eksekutif

- Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan

Datuk Lee, dilahirkan pada Ogos 1956, telah dilantik sebagai Pengarah pada 30 Mei 2007.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Sivil dan Pentadbiran Perniagaan dari University of Leeds, United Kingdom pada 1978.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Road Builder (M) Holdings Bhd, IJM Land Berhad, Malaysian South-South Corporation Berhad (Pengarah Eksekutif ) dan ASEAN Business Forum. Beliau juga pada masa ini adalah Presiden Persatuan Ski Air Malaysia, Setiausaha Kehormat Malaysian South-South Association dan Konsul Kehormat Republik Columbia.



### **Y. Bhg. Dato' David Frederick Wilson**

**DIMP**  
MA (Mech.Sc)

Pengarah Bukan Eksekutif  
• Suruhanjaya Sekuriti & Opsyen

Dato' Wilson, seorang warganegara British, dilahirkan pada Mac 1945, telah dilantik menjadi Pengarah pada 30 Mei 2007.

Beliau memegang ijazah Sarjana Sastera dalam Sains Mekanikal dari Cambridge University, United Kingdom. Beliau adalah ahli Fellow Institution of Civil Engineers, United Kingdom dan Institution of Highways and Transportation, United Kingdom.

Beliau bekerja dalam beberapa projek infrastruktur dan pembangunan di United Kingdom, Afrika, Amerika Tengah, Caribbean dan Timur Tengah sebelum datang ke Malaysia pada 1980 sebagai Ketua Jurutera Residen bagi pembinaan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Seremban dan pelaksanaan sistem tol lebuh raya pertama di Malaysia.

Pada 1986, beliau menyertai United Engineers (Malaysia) Berhad sebagai Pengurus Besar – Perkhidmatan Teknikal dan adalah Pengarah Urusan Kinta Kelas plc dari 1990 hingga 1994 bila mana beliau bertanggungjawab bagi pengurusan pembinaan Lebuhraya Utara Selatan. Pelantikan beliau berikutnya termasuk Pengarah Urusan Renong Overseas Corporation Sdn Bhd (1995-2002), Pengarah Urusan Crest Petroleum Berhad (1998-2000) dan Presiden Bahagian Pembinaan dan Kejuruteraan Kumpulan Renong (1998-2002).

Pada 2002, beliau telah beralih ke Road Builder (M) Holdings Berhad pada mulanya sebagai Pengarah Bukan Eksekutif dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif yang bertanggungjawab bagi operasi pembinaan di India.



### **Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon**

**KMN, DSPN, JMN**  
*Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Sivil) (Kepujian),  
MIEM, P.Eng.*

Pengarah Bukan Eksekutif

Dato' Goh, dilahirkan pada Jun 1949, adalah Pengarah Bukan Eksekutif sejak 30 Jun 2009.

Beliau tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1973, dan berkhidmat sebagai jurutera dalam Kementerian Kerja Raya selama sebelas (11) tahun dan adalah Jurutera Pengawasan sebelum menyertai IJM Corporation Berhad sebagai Jurutera Kanan pada 1984. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar (Kawasan Tengah) pada 1986 dan telah menjadi Pengarah Silih Ganti pada 25 Julai 1995 sebelum memegang jawatan Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 1997. Beliau telah ditukarkan jawatannya sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan pada 2004, dan selepas persaraan beliau, beliau kekal sebagai Pengarah Eksekutif selama setahun sehingga 29 Jun 2009 untuk menyelia kegiatan-kegiatan luar negara.

Beliau adalah ahli Panel Perunding Pembangunan Malaysia Productivity Corporation (dahulu dikenali sebagai National Productivity Corporation) ("MPC") dan juga ahli Kumpulan Sumber Teknikal mengenai Sumber Manusia MPC (2003-Januari 2010). Beliau adalah Pengurus Majlis Presiden Industri Pembinaan (Jun 2007 hingga Jun 2008), dan beliau adalah Presiden Persatuan Jurubina Malaysia bagi sesi 2004/2006, dan berkhidmat sebagai Timbalan Presiden, Naib Presiden dan Timbalan Ketua Setiausaha. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Malaysia (2004-2006), Majlis Perunding Presiden Lembaga Jurutera, Malaysia (2002-2004). Beliau pada masa ini adalah ahli Kumpulan Penasihat ("APG"), ahli Kajian Sains dan Teknologi ("SST"), di Universiti Terbuka Wawasan (Mac 2010).

#### **Nota:**

1. Tidak ada perhubungan keluarga di antara para Pengarah dan/atau pemegang-pemegang saham utama Syarikat.
2. Semua Pengarah adalah warganegara Malaysia melainkan Dato' David Frederick Wilson yang merupakan warganegara British.
3. Kecuali bagi Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan, Datuk Lee Teck Yuen, dan Dato' Goh Chye Koon, yang mempunyai kepentingan dianggap dalam urus niaga pihak ketiga berkaitan tertentu sebagaimana dinyatakan dalam Nota 53 kepada penyata kewangan, tidak ada Pengarah mempunyai apa-apa kepentingan kewangan dalam mana-mana pengaturan perniagaan yang melibatkan Kumpulan.
4. Semua Pengarah mengekalkan rekod bersih berhubung dengan sabitan untuk kesalahan-kesalahan.

# Carta Organisasi Kumpulan

## LEMBAGA PENGARAH

— Jawatankuasa Eksekutif

— Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa  
Pengurusan Risiko  
Cyrus Eruch Daruwalla

Audit Dalaman  
Lyndon Alfred Felix

— Jawatankuasa Pencalonan &  
Imbuhan

— Jawatankuasa Sekuriti &  
Opsyen

Setiausaha-setiausaha  
Syarikat  
Jeremie Ting Keng Fui  
Ng Yoke Kian



**Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan**

**Dato' Teh Kean Ming**



**Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif & Timbalan  
Pengarah Urusan**

**Dato' Tan Gim Foo**

## BAHAGIAN

### Pembinaan



Dato' Tan Gim Foo

### Hartanah



Dato' Soam Heng Choon

### Industri



Khor Kiem Teoh

### Perladangan



Joseph Tek Choon Yee

### Infrastruktur - Pelabuhan



Dato' Ho Phea Keat

### Infrastruktur - Tol



James Wong Tet Foh

### Usaha Niaga Antarabangsa

Anthony Teoh Teik Thiam  
IndiaPook Fong Fee  
PakistanTan Kiam Choon  
Timur TengahTan Peng Kok  
VietnamAdam Eleod  
Argentina

## PERKHIDMATAN SOKONGAN KUMPULAN

### Akaun & Kewangan



Cyrus Eruch Daruwalla

### Strategi & Pelaburan Korporat



Lee Chun Fai

### Perundungan



James Ponniah Joseph

### Pembangunan Perniagaan & Usaha Niaga Baru



Gabriel Chia Kee Loy

### Perkhidmatan Korporat, Pentadbiran & Sistem Maklumat



Jeremie Ting Keng Fui

### Sumber Manusia



Agnes Choon

### Audit Dalaman



Lyndon Alfred Felix

### Perhubungan Pelabur



Shane Guha Thakurta

### Komunikasi Korporat



Juliet Choong Wai Gaik

### Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar



Rozaimy bin Amiruddin

### Kualiti

S. Ramesh a/l  
V. Subramaniam

### Perkhidmatan Korporat



Ng Yoke Kian

# Profil Pengurusan Kanan



Dato' Soam Heng Choon



Khor Kiem Teoh

## **Y. Bhg. Dato' Soam Heng Choon**

**DIMP***Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Sivil) (Kepujian), P.Eng, MIEM***Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan (IJM Land Berhad)**

Dato' Soam, dilahirkan pada Ogos 1959, telah ditukar pelantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan IJM Land Berhad (“IJML”) berkuat kuasa sejak 1 Februari 2010. Sebelum daripada itu, beliau adalah Pengarah Urusan Syarikat IJML sejak 2 Oktober 2006. Beliau pada masa ini adalah juga Pengarah Urusan RB Land Sdn Bhd dan IJM Properties Sdn Bhd.

Beliau tamat pengajian daripada University of Strathclyde, United Kingdom dengan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian Kelas Pertama) dalam Kejuruteraan Sivil. Beliau telah berkhidmat dengan Kementerian Kerja Raya sebelum menyertai Kumpulan Road Builder (M) Holdings Bhd pada 1989.

Beliau adalah Jurutera Profesional dan ahli Institusi Jurutera, Malaysia. Beliau adalah Naib Presiden Persatuan Pemaju Harta Tanah dan Perumahan (REHDA) Malaysia dan Pengurus Mantan yang Lepas REHDA, cawangan Negeri Sembilan.

## **Khor Kiem Teoh**

*Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Sivil***Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan (Industrial Concrete Products Sdn Bhd)**

En Khor, dilahirkan pada Ogos 1958, adalah Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan Industrial Concrete Products Sdn Bhd (“ICP”) sejak 5 November 2007.

Beliau tamat pengajian daripada Auburn University, Alabama, USA dengan Ijazah Sarjana Muda Sains mengkhusus dalam Kejuruteraan Sivil pada 1981. Selepas tamat pengajian, beliau menyertai Jurutera Konsultant (SEA) Sdn Bhd, firma perunding kejuruteraan sebagai jurutera. Beliau terlibat dalam reka bentuk Lebuh Raya Ekspres Utara Selatan.

Beliau menyertai ICP pada 1984 sebagai Jurutera Jualan dan dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Jualan pada 1993. Beliau adalah Timbalan Pengurus Besar pada 2002 dan selepas itu menjadi Pengurus Besar pada 2003. Pada 17 Ogos 2004, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi dan sebagai Pengarah Silih Ganti kepada En Lim Yong Keat. Beliau meletakkan jawatan sebagai Pengarah Silih Ganti kepada En Lim Yong Keat pada 21 September 2005. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif ICP pada 16 Ogos 2006.



Dato' Ho Phea Keat

James Wong Tet Foh

### **Y. Bhg. Dato' Ho Phea Keat**

**DIMP***Sarjana Muda Teknologi (Sivil), P.Eng., MIEM*

Pengarah Urusan (Kuantan Port Consortium Sdn Bhd)

Dato' Ho, dilahirkan pada Mac 1955, telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Kuantan Port Consortium Sdn Bhd ("KPC") pada 1 September 2009.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Kelas Pertama) dalam Kejuruteraan Sivil daripada Indian Institute of Technology , Bombay, India pada 1982. Beliau adalah Jurutera Profesional berkelayakan dan juga merupakan ahli korporat Institusi Jurutera Malaysia. Beliau juga memegang sijil latihan lanjutan mengkhusus dalam kejuruteraan Pelabuhan dan Pangkalan daripada Port & Harbour Research Institute, Jepun.

Dalam 1983, beliau menyertai Lembaga Pelabuhan Kuantan sebagai Jurutera Sivil dan bersara secara pilihan daripada Perkhidmatan Kerajaan sebagai Jurutera Sivil Kanan pada 1997. Beliau adalah Ketua Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan KPC pada 1998 dan dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar Infrastruktur, Penyelidikan dan Pembangunan, satu jawatan yang dipegang oleh beliau selama tujuh (7) tahun, di mana beliau juga bertanggungjawab bagi spektrum penuh kerja-kerja Infrastruktur Sivil dan Maritim Pelabuhan Kuantan. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengarah Urusan pada September 2008.

### **Ir. James Wong Tet Foh**

*Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Sivil) (Kepujian), Sarjana Sains, P.Eng.*

Ketua Bahagian Tol

Ir. James Wong, dilahirkan pada April 1961, telah dilantik menjadi Ketua Bahagian Tol pada 21 Julai 2011.

Beliau tamat pengajian pada 1984 dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian Kelas Pertama) dalam Kejuruteraan Sivil, dan Ijazah Sarjana Sains dalam Struktur Konkrit pada 1985 dari Imperial College of Science, Technology & Medicine, United Kingdom . Beliau memperoleh pendaftaran Jurutera Profesional dengan Lembaga Jurutera Malaysia pada 1989 selepas menghabiskan masa lima tahun pertama daripada kerjayanya dengan firma perundingan kejuruteraan forensik yang mengkhusus dalam bangunan lama atau kerja-kerja infrastruktur yang meliputi bidang geoteknik, siasatan struktur dan bahan.

Beliau menyertai Kumpulan Syarikat UEM pada 1989 sebagai Jurutera Projek Kanan dan telah berkhidmat selama 21 tahun dalam pelbagai keupayaan, termasuk sebagai Ketua Pegawai Operasi bagi UE Construction Sdn Bhd (2002-2004) dan Pengarah Projek Antarabangsa bagi UEM Builders Berhad (2004-2009) meliputi India, Timur Tengah, Indonesia dan Singapura. Di UEM, beliau terlibat secara langsung dengan projek-projek besar seperti Lebuh raya Bertol Antara Bandar Utara Selatan, Sistem LRT II Putra KL , Projek Landasan Elektrik Berkembar Ipoh-Rawang, College of Technology Qatar dan lebuh raya utama di India. Pada 2009, beliau telah berpindah ke Lafarge Concrete (M) Sdn Bhd sebagai Naib Presiden Pemasaran dan Strategi (Asia).

Beliau menyertai IJM Construction Sdn Bhd sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan pada Januari 2010 dan telah ditukar ke jawatan sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan IJM Corporation Berhad pada Februari 2011, sebelum pelantikan beliau sebagai Ketua Bahagian Tol.

# Profil Pengurusan Kanan (samb.)



Joseph Tek Choon Yee



Velayuthan A/L Tan Kim Song

## **Joseph Tek Choon Yee**

Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian), MPhil. (Cantab)

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan (IJM Plantations Berhad)

Encik Joseph Tek, dilahirkan pada Januari 1966, telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan (“CEO & MD”) IJM Plantations Berhad (“IJMP”) pada 23 Mei 2010.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Kelas Pertama dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau adalah pemegang biasiswa Commonwealth ODASS-Sime Darby dan memperoleh Ijazah Sarjana beliau dalam Falsafah (Pembibakan Tanaman) daripada Universiti Cambridge, England. Beliau juga menghadiri Program Pembangunan Pengurusan Kanan ASEAN dianjur oleh Harvard Business School Alumni Club Malaysia.

Beliau menyertai IJMP pada September 2004 untuk mengetuai kegiatan penyelidikan, latihan dan pembangunan Kumpulan, dan telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti pada 22 Mei 2008 dan Pengarah Eksekutif pada 19 Oktober 2008 selain daripada menjadi Pengurus Besar-Perladangan (Sabah). Beliau kemudiannya ditukar pelantikan sebagai Ketua Pegawai Operasi & Pengarah Eksekutif pada 18 Mei 2009, sebelum pelantikan beliau sebagai CEO & MD IJMP

Sebelum menyertai IJMP pada 2004, beliau menyertai Sime Darby Plantations Sdn Bhd sebagai Pembiak Baka Tanaman di Ebor Research (1991-1997), Pengurus R&D (1997-2000) dan kemudian Pengurus- Perniagaan Agritech (2000-2001) bersama Sime Aerogreen Sdn Bhd dan Sime Gardentech Sdn Bhd. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua R&D bersama Persatuan Minyak Sawit Malaysia (“MPOA”) (2001-2004).

Berdepan dengan ketidakpastian ekonomi global berikutan krisis hutang zon Eropah, kami di IJM merasa bangga kerana telah dapat mencapai prestasi yang mencatat rekod bagi tahun kewangan di bawah kajian.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012 (“FY2012”), Kumpulan mencapai jumlah dagangan lebih tinggi sebanyak 21% kepada RM4,517.86 juta (FY2011: RM3,702.72 juta) dengan semua bahagian kendalian telah mencatat hasil yang lebih tinggi.


Selaras dengan itu, keuntungan kami telah meningkat sebanyak 22% untuk mencatat keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM801.59 juta (FY2011: RM659.73 juta). Ini sebahagian besarnya boleh dikaitkan kepada

peningkatan sumbangan daripada bahagian Pembinaan, Industri dan Perladangan. Bahagian Hartanah telah mencapai tahun yang cemerlang walaupun keuntungan adalah lebih rendah daripada tahun sebelumnya disebabkan oleh keuntungan pelupusan tidak berulang daripada jualan anak syarikat dalam tahun kewangan yang lepas. Bahagian Infrastruktur telah terjejas oleh kerugian pertukaran asing tidak direalis berbanding dengan keuntungan pertukaran asing dalam tahun terdahulu.

**Prestasi Kumpulan (RM' juta)**



# Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Adalah jelas daripada carta bahawa asas perolehan terpelbagai Kumpulan telah menyumbang kepada peningkatan prestasi keseluruhan Kumpulan. Prestasi setiap bahagian selanjutnya diterangkan dalam muka surat berikut.

## Perniagaan dan Pasaran Terpelbagai Kumpulan

	PEMBINAAN	HARTANAH	INDUSTRI	INFRASTRUKTUR	PERLADANGAN
Malaysia	•	•	•	•	•
India	•	•	•	•	
Timur Tengah	•				
China		•	•		
Pakistan				•	
Vietnam		•		•	
Argentina					•
Indonesia					•
Singapura	•	•			



PEMBINAAN

Pejabat kedai Fasa 2 Bukit Raja, Shah Alam



HARTANAH

Perbandaran Bandar Utama, Sandakan, Sabah



INDUSTRI

Sistem Penghantar, Kuari Labu, Negeri Sembilan



PERLADANGAN

Kilang Minyak Sawit Desa Talisai



INFRASTRUKTUR

Kapal di Himpitan, Pelabuhan Kuantan, Pahang

Dengan mempunyai asas yang kukuh diiringi dengan wawasan strategik para pemimpin kami, komitmen tegas mereka kepada kecemerlangan produk dan perkhidmatan yang disokong kemahiran pelaksanaan kakitangan kami, Saya yakin bahawa Kumpulan IJM sedang dalam ‘Mencorak Kemajuan’ – untuk mencapai pertumbuhan dan kejayaan berterusan pada masa hadapan.

Prestasi yang memberangsangkan menunjukkan petanda yang amat baik bagi Kumpulan yang baru-baru ini telah memperkenalkan inisiatif Budaya Prestasi Tinggi (“HPC”) dan telah memberi nafas baru kepada Wawasan, Misi dan Nilai-nilai Terasnya untuk menunjukkan keterasingan dalam kawasan pasaran. Inisiatif HPC akan menggalakkan kakitangan kami untuk menerima pakai sikap kerja yang dipandu prestasi sejajar dengan nilai-nilai teras kami berdasarkan model Kad Skor Seimbang, yang akhirnya akan menyumbang kepada kejayaan Kumpulan.

Saya percaya bahawa, dengan pelaksanaan HPC, IJM sedang mencorak rangka tindakan untuk membina asas yang lebih kukuh yang akan memastikan Kumpulan sentiasa peka dalam memberikan Tanda Kecemerlangan kami kepada pelanggan-pelanggan kami, membentuk nilai yang dipertingkatkan kepada pemegang-pemegang saham kami, dan lebih penting lagi, membentuk nilai mapan bagi pemegang-pemegang pelbagai kepentingan kami dan juga masyarakat.

Komitmen dan usaha Kumpulan ke arah kecemerlangan urus tadbir korporat telah menyebabkan IJM menerima pengiktirafan setelah dianugerahkan dengan Indeks Anugerah Kecemerlangan Industri (Pembinaan) 2011 untuk dua tahun berturut-turut dan Anugerah Perhubungan Pelabur Malaysia bagi Laman Web Perhubungan Pelabur Terbaik (Modal Pertengahan) 2012. Anak syarikat hartaanah kami, IJM Land Berhad telah dianugerahkan dengan Anugerah Pemaju Hartanah Terbaik *The Edge* 2011 dan Anugerah Pemaju 10 Teratas BCI Asia 2012 Malaysia. Anugerah-anugerah ini adalah testimoni dedikasi dan komitmen kami ke arah kecemerlangan prestasi.

Jawatankuasa Tanggungjawab Korporat (“CR”) kami telah menunjukkan prestasi yang begitu memuaskan dalam tahun kewangan. Daripada beberapa kegiatan yang telah diadakan, acara yang paling ketara dan terbesar adalah ‘Give Day Out’ yang dilaksanakan di seluruh operasi kami di Malaysia, India dan China di mana 2,000 kakitangan secara berpasukan telah menjalankan kegiatan inisiatif mengikut pilihan mereka sejajar dengan teraju-teraju CR utama kawasan pasaran, alam sekitar, komuniti dan tempat kerja. Lebih banyak cerita dilaporkan dalam seksyen CR Laporan Tahunan.

Saya benar-benar berbangga dengan kakitangan kami. Mereka telah memberikan sokongan dan komitmen yang tidak goyah dalam membantu insan yang kurang bernasib baik dengan semangat untuk menunjukkan contoh sebenar-benarnya warga IJM bukan semata-mata berorientasikan kerja dan prestasi tetapi juga individu yang mengambil berat mengenai komuniti beliau.

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Grand Hyatt, Kuala Lumpur

# PEMBINAAN

## Pasukan Pengurusan Pembinaan:



FY2012 telah menjadi satu lagi tahun yang amat mencabar bagi Bahagian Pembinaan. Dengan suasana ketidakpastian ekonomi global terutamanya dalam keadaan ekonomi maju, harga bahan pembinaan yang melonjak, kekurangan buruh mahir, kegiatan yang semakin perlahan dalam subsektor bukan kediaman, kos buruh yang meningkat serta persaingan sengit yang mencirikan industri.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012, Bahagian Pembinaan telah mencapai prestasi yang bertambah baik dengan hasil sebanyak RM1,951.96 juta (FY2011: RM1,336.19 juta) dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM62.00 juta (FY2011: Kerugian sebelum cukai sebanyak RM79.23 juta) yang masing-masing adalah lebih tinggi sebanyak 46% dan 178% dari tahun yang lepas. Peningkatan ketara dalam hasil boleh dikaitkan kepada pelaksanaan berkesan projek-projek utama di peringkat tempatan.

Bahagian kembali meraih keuntungan pada tahun ini berbanding dengan kerugian dan kerosotan nilai pada tahun terdahulu dibuat di bawah FRS139. Pemulihan sebahagian besarnya disebabkan oleh sumbangan meningkat daripada projek-projek tempatan khususnya yang telah mencapai tahap pembinaan yang jauh ke hadapan. Projek-projek utama tempatan yang sedang dalam pelaksanaan terdiri daripada Grand Hyatt Hotel di persekitaran KLCC, Penyambungan timur Besraya di Kuala Lumpur, Traders Hotel di Johor, Jambatan Kedua Pulau Pinang (Pakej 3B), Tiga Himpitan Baru di Pelabuhan Kuantan, Institut Kanser Negara di Putrajaya dan The Light Collection 1 & 2 di Pulau Pinang.

Walaupun keuntungan yang bertambah baik, Bahagian sebenarnya telah mencapai margin keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah. Ini terutamanya disebabkan persekitaran perniagaan yang mencabar bagi projek-projek di luar negaranya terutamanya di India di mana kos pinjaman yang tinggi dan

proses tuntutan progres yang rendah telah menyebabkan kerugian. Di peringkat tempatan, margin keuntungan pembinaan juga semakin menghakis pembidaan yang lebih bersaingan bagi projek-projek baru, keperluan kualiti yang ketat, kos lebih tinggi bagi buruh mahir dan bahan pembinaan.

Dalam tahun kewangan, Bahagian telah berjaya menyiapkan beberapa projek di peringkat tempatan dan luar negara. Di Timur Tengah, Bahagian telah berjaya menyiapkan Fasa 1, Plot 1, Zon C Pembangunan Al Reem Island, projek pembangunan campuran di bawah sebuah konsortium usaha sama. Di India pula, Bahagian telah berjaya menyiapkan kerja-kerja Pemulihan & Penaikan Taraf bagi jalan raya bertol Jhansi-Lakhandan di Negeri Madhya Pradesh dan pembangunan perbandaran Rain Tree Park Dwaraka Krishna di Vijayawada.

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Taman Pokok Hujan Kukatpally (Kukatpally Rain Tree Park), Vijayawada, India

Bahagian Pembinaan optimis dalam mendapatkan projek-projek lebih besar, khususnya kerja-kerja infrastruktur mengambil kira permintaan yang kukuh dalam pasaran domestik dipacu oleh pelaburan dan projek langsung asing berpunca daripada beberapa inisiatif oleh Kerajaan.

Di peringkat tempatan, projek-projek siap termasuklah Fasa 2 Kedai Pejabat Bukit Raja di Shah Alam, Rumah Banglo dan Rumah Berkembar Dua Fasa 2, 3 & 4 Persada Green di Puchong, Kondominium Laman Baiduri di Subang Jaya, Apartmen Kos Sederhana Ukay Perdana Sri Hijauan di Ampang dan 779 unit Apartmen Servis dan Lot Kedai Spring Ville Ukay Perdana di Ampang.

Bahagian juga telah berjaya menambah buku tempahannya kepada RM4,360.00 juta dengan mendapatkan kontrak-kontrak utama diperoleh berjumlah RM2,070.00 juta. Antara projek-projek besar yang diperoleh di Malaysia termasuklah Pakej V5-Projek Mass Rapid Transit (RM974.78 juta), Pusat Pemulihian Perkeso di Alor Gajah (RM238.00 juta), Depot Unit Electrified Multiple di Seremban (RM119.64 juta) dan LL Themed Hotel di Johor Bahru (RM112.50 juta). Dari segi projek-projek dalam Kumpulan, Bahagian telah memulakan kerja-kerja di Tiga Himpitan Baru di Pelabuhan Kuantan (RM110.00 juta), the Light Collection 1 & 2 (RM246.24 juta), Pearl Regency-Vertiq Block (RM115.00 juta) dan Maritime Square (RM84.29 juta) di Pulau Pinang. Tiada kerja baru telah diperoleh di luar pesisir.

Dengan buku tempahan yang kukuh dan harapan positif bagi kerja-kerja pada masa hadapan, Bahagian akan menumpukan lebih banyak sumber dan memperhebatkan usaha-usaha dalam pelaksanaan kerja-kerja semasa untuk memastikan penyiapan projek lebih awal. Selain

daripada itu, Bahagian adalah komited untuk selanjutnya meningkatkan keberdayasaingan dan meningkatkan kecekapan kendalian dari segi produktiviti lebih tinggi dan mengurangkan pembaziran untuk mencapai prestasi lebih baik dalam Bahagian.

Bahagian optimis dalam mendapatkan projek-projek lebih besar, khususnya kerja-kerja infrastruktur mengambil kira permintaan yang kukuh dalam pasaran domestik dipacu oleh pelaburan dan projek langsung asing berpunca daripada beberapa inisiatif oleh Kerajaan. Bahagian yakin bahawa projek-projek yang baru diperoleh akan menyumbang secara positif kepada perolehan masa hadapan Bahagian. Ini akan dicapai dalam rangka kerja ke atas sistem pengurusan risiko sedia ada dengan mengetahui mengenai kemaruapan dijangka dan persekitaran perniagaan global yang mencabar.

Bahagian mengakui bahawa Keselamatan dan Kualiti adalah ciri penting kecemerlangan dan kepuasan pelanggan. Dalam hubungan ini, Bahagian kekal komited sepenuhnya kepada kecemerlangan proses dan peningkatan berterusan untuk mencapai standard prestasi tertinggi manakala mematuhi keperluan undang-undang yang terpakai.

### Perkhidmatan Sokongan Pembinaan:



James Ponniah Joseph Gabriel Chia Kee Loy Dammavalam Sreenivasa Rao Soh Wan Heng Jim Mah Foong Kong Devaraj A/L Govindarajoo



Cho Foong Khuan Pang Sek Loh Liew Chee Khong Harjeet Singh Casslyn Chong Siew Chen Cheong Kong Wah

Latihan kakitangan dan pengenalan teknologi baru dan sistem maklumat bagi kecekapan kendalian adalah perlu dan akan terus menerima penekanan sewajarnya. Pelan penggantian bagi prestasi mapan juga penting dan akan terus diberikan perhatian.

Pemberian projek-projek infrastruktur dan pembinaan besar yang tepat pada masanya oleh Kerajaan serta juga sektor swasta sudah pasti akan menyumbang secara ketara kepada pertumbuhan industri pembinaan tempatan pada tahun-tahun yang mendatang. Namun demikian, ketidakpastian yang semakin memuncak dalam ekonomi dunia dan persekitaran luar yang sukar berkemungkinan mengendurkan senario ini. Secara keseluruhan, Bahagian masih lagi optimis tentang harapan pertumbuhannya bagi FY2013.



*Pemulihan & Peningkatan Taraf jalan Jhansi-Lakhandan, Madhya Pradesh, India*



*Projek pembangunan bercampur Pulau Al Reem di Timur Tengah*



*Kondominium Laman Baiduri, Subang Jaya*

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Kondominium Lakefront @ Wangsa Baiduri, Subang Jaya

# HARTANAH

## Pasukan Pengurusan Hartanah:



Bahagian Hartanah mencatat satu lagi tahun dengan prestasi yang kukuh dengan mencatatkan hasil sebanyak RM1,232.93 juta (FY2011: RM1,178,76 juta) dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM283.89 juta (FY2011: RM289.66 juta). Walaupun hasil meningkat sebanyak 5%, keuntungan sebelum cukai adalah rendah sedikit sebanyak 2% memandangkan keuntungan sebelum cukai FY2011 termasuk keuntungan sekali sebanyak RM63 juta atas pelupusan anak syarikat, Delta Awana Sdn Bhd, syarikat pelaburan harta tanah yang memiliki gedung membeli-belah Aeon Bandaraya Melaka. Prestasi kukuh pada tahun kewangan ini pada dasarnya boleh dikaitkan kepada kadar pembelian terus kukuh yang dicapai bagi pelancaran baru Bahagian dan kos kewangan lebih rendah yang ditanggung.

Persekitaran ekonomi domestik yang kondusif telah memudahkan prestasi yang memuaskan. Ekonomi Malaysia mencatat kadar pertumbuhan yang stabil sebanyak 5.1% di sebalik persekitaran ekonomi antarabangsa yang semakin mencabar dibantu oleh permintaan domestik, dipacu oleh kedua-dua perbelanjaan isi rumah dan perniagaan, dan disokong oleh penggunaan sektor awam yang lebih tinggi.

Sejajar dengan persekitaran ekonomi yang stabil, keadaan pasaran buruh yang bertambah baik dan kebimbangan krisis inflasi yang semakin meningkat, pasaran harta tanah kekal pada kadar pertumbuhan yang sederhana sahaja menjelang akhir tahun.

Pada 2011, pasaran harta tanah Malaysia mencatat 430,403 urus niaga bernilai RM137.83 bilion yang masing-masing adalah 14% dan 28% lebih tinggi berbanding dengan 2010. Projek-projek Bahagian di seluruh negara pula terus menikmati kadar pengambilan yang sihat, yang membolehkan ia untuk mencapai RM1.35 bilion dalam jualan.

The Light Collection I & II Pulau Pinang, adalah pembangunan kawasan himpitan “The Light” berprestij kami, projek kondominium Pearl Regency, the Vertiq dan The Address dan suit pejabat Maritime; Laman Granview Lembah Klang di Puchong; pembangunan kediaman bertanah Johor dipanggil Nusa Duta dan projek-projek kondominium D’Rich dan D’Ambience, kesemuanya mendapat sambutan yang di luar jangkaan.

Perbandaran berterusannya seperti Seremban 2 di Negeri Sembilan, Shah Alam 2 di Puncak Alam, Selangor dan Bandar Utama in Sandakan, Sabah, juga terus menerima sambutan yang menggalakkan.

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Aviva Green, perbandaran Seremban 2

Gambaran keseluruhan dalam jangka masa terdekat bagi Bahagian Hartanah kekal positif berbelakangkan jualan komited dalam tangan yang kukuh, simpanan tanah yang terletak secara strategik, campuran produk yang meluas dan regim kadar faedah yang akomodatif disokong oleh mudah tunai ketara dalam sistem perbankan.

Sumbangan hasil dan keuntungan FY2012 Bahagian adalah terutamanya daripada Light Linear, Light Point, kondominium Light Collection I & II and Pearl Regency Pulau Pinang; Laman Granview Lembah Klang; 1 Lagenda Melaka; pembangunan bertanah Nusa Duta, Johor dan perbandaran di Shah Alam 2, Seremban 2 dan Bandar Utama.

Pada 2012, ekonomi Malaysia diunjurkan untuk berkembang pada kadar stabil sebanyak 4% hingga 5%, berteraskan pertumbuhan yang membingkas dalam permintaan domestik. Sementara itu, Bank Negara telah menerima paku pendekatan lebih awal bagi kestabilan makroekonomi serta juga memastikan tahap hutang isi rumah yang berhemah. Antara langkah-langkah dilaksanakan adalah, nisbah pinjaman-kepada-nilai (LTV) maksimum sebanyak 70% ke atas pinjaman perumahan ketiga dan berikutnya, langkah-langkah baru ke atas kad kredit bagi menggalakkan pengurusan kewangan berhemah dan kriteria penggunaan pendapatan bersih bagi menilai kelayakan permohonan pinjaman.

Bahagian cukup bersedia dalam menahan sentimen berhati-hati ini dengan campuran seimbangnya ke atas produk yang mampu dimiliki untuk memenuhi permintaan pelanggan yang sentiasa berubah-ubah dari segi harga, produk dan konsep. Bahagian akan terus mengawasi pemasaran dan kuantum pelancarannya pada masa hadapan bagi memadankannya dengan permintaan pasaran.

Projek-projek baru Bahagian dalam pelaksanaan termasuk Seri Riana Residence, projek kondominium di Wangsa Maju, Kuala Lumpur yang terletak secara strategik berdekatan dengan projek Riana Green East yang amat berjaya dan dengan jarak berjalan kaki ke gedung membeli-belah Wangsa Walk yang popular dan stesen LRT Sri Rampai, projek kediaman bertanah Sanctuary Gardens di Permatang Tinggi, Pulau Pinang dan projek sulungnya di Kota Kinabalu, Sabah yang merupakan projek kondominium blok berkembar dengan pandangan panoramik Teluk Likas.

Selain daripada itu, Bahagian secara aktif sedang bersedia membawa ke pasaran perbandaran hijau seluas 1,879 yang baru di Lembah Klang dinamakan Bandar Rimbau dan presint komersial bagi projek The Light di Pulau Pinang.



Taman Pokok Hujan Kukatpally (Kukatpally Rain Tree Park), Vijayawada, India

Di India, Fasa 1 Rain Tree Park, Perbandaran Dwaraka Krishna di Vijayawada telah pun siap dibina. Pada masa ini, usaha-usaha sedang dilaksanakan untuk memasarkan unit-unit selebihnya. Sentimen keseluruhan sektor harta tanah masih lagi lemah di negeri-negeri Andhra Pradesh terutamanya disebabkan oleh ketidakpastian berterusan politik dan ekonomi.

Di sebalik suasana yang berhati-hati, gambaran keseluruhan dalam jangka masa terdekat bagi Bahagian Hartanah kekal positif berbelakangkan jualan komited dalam tangan yang kukuh, simpanan tanah yang terletak secara strategik, campuran produk yang meluas dan regim kadar faedah yang akomodatif disokong oleh mudah tunai ketara dalam sistem perbankan.



Menara IJM Land, Penang



e-Gate, Penang

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Cerucuk ICP digunakan di Projek Megayard, Tuas, Singapura

# INDUSTRI

## Pasukan Penguruan Industri:



FY2012 adalah tahun yang lebih baik bagi Bahagian Industri. Keuntungan pra-cukai meningkat sebanyak 26% kepada RM138.15 juta (FY2011: RM109.50 juta) berbelakangkan jumlah dagangan lebih tinggi yang meningkat sebanyak 11% kepada RM892.66 juta (FY2011: RM807.40 juta). Prestasi meningkat terutamanya boleh dikaitkan kepada penyerahan produk cerucuk dan kuari yang bertambah baik.

Perniagaan teras, pengilangan dan jualan Bahagian bagi cerucuk Konkrit Prategang Terpintal (“PSC”) di bawah ICP menunjukkan prestasi lebih baik pada FY2012 berikutan dengan peningkatan dalam eksport yang tidak pernah berlaku sebelum ini yang telah melonjakkan hasil hampir 30% manakala keuntungan kendalian yang meningkat sebanyak 34% kepada RM99.5 juta.

Dalam tahun, tempahan bagi beberapa projek tempatan yang agak besar seperti The Light, Pulau Pinang; Tiga Himpit Baru di Pelabuhan Kuantan, Pahang; Loji Peleburan Aluminium di Bintulu, Sarawak; Loji Kuasa Kimanis, Sabah; dan Hab Pengangkutan Bersepadu di KLIA 2, Selangor telah diperoleh. Selain daripada itu, penyerahan daripada projek-projek dari tahun-tahun yang lepas yang menyumbang kepada jualan adalah Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Projek Terminal Minyak & Gas di Kimanis, Sabah. Projek-projek besar yang diperoleh yang dijangka akan menyumbang secara positif kepada jualan bagi tahun yang akan datang adalah Dermaga 8 & 16 di Pelabuhan Utara dan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Klang Selatan, Selangor; dan Loji Kuasa Arang Batu Jana Manjung di Perak.

Dari segi jualan di luar negara, eksport cerucuk meningkat sebanyak 260% dalam tempoh. Majoriti daripada jualan adalah kepada negara Singapura bagi projek-projek seperti Limbungan Kapal Mega di Selatan Tuas; Stesen Jana Kuasa Pulau; dan

beberapa Kompleks Petrokimia di Pulau Jurong. Selain daripada itu, Bahagian juga mengeksport ke Amerika Utara, Indonesia dan Timur Tengah. Menjelang akhir tahun kewangan, Bahagian memperoleh projek-projek seperti Jurong Aeromatics Complex dan Punggol Walk Development yang akan menyumbang kepada hasil pada masa hadapannya.

ICP memulakan pembinaan talian baru di kilang Jawi yang dijangkakan akan memulakan pengeluaran dalam suku ketiga tahun FY2013 dengan keupayaan pengeluaran tahunan sebanyak 172,000 tan. Ia akan dilengkapi dengan kemudahan moden termasuk pam suapan konkrit automatik, peranti pembersihan acuan dan pengendalian penghantar, boleh mengurangkan kebergantungan ke atas buruh untuk mencapai output cerucuk berkualiti lebih tinggi.

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Trak konkrit Siap Campur di Islamabad, Pakistan

**Bahagian Industri berjaya membangunkan konkrit dengan kekuahan yang sangat tinggi gred 90 yang mewakili satu pencapaian peristiwa penting yang baru di Malaysia dan di ASEAN**

Dalam komitmennya ke arah melindungi kakitangannya dan melindungi alam sekitar, Bahagian telah menubuhkan Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, sebuah sistem bersepadu OHSAS 18001:2007 dan piawaian-piawaian ISO 14001:2004. Pada April 2012, Ibu Pejabat ICP dan Kilang Nilai telah diaudit oleh SIRIM dan telah berjaya disyorkan bagi pentauliahan.

Bahagian terus menekankan ke atas meningkatkan kualiti dan ketahanan cerucuk PSCnya melalui R&D yang telah berjaya membangunkan konkrit dengan kekuahan yang sangat tinggi gred 90 yang mewakili satu pencapaian peristiwa penting yang baru di Malaysia dan di ASEAN dalam usahanya melaksanakan standard lebih tinggi dari segi kekuahan dan dalam hartanah konkrit bagi pasaran niche. Ia telah mengkaji selidik secara intensif ke atas sistem pengilangan konkrit dipam berteknologi tinggi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas buruh, memastikan penggunaan berkesan ke atas sumber dan penambahbaikan dalam masa pusing ganti, dengan itu membawa kepada output kualiti seimbang yang lebih tinggi.

Di luar negara, keputusan ICP Jiangmen meningkat sedikit dengan mencatatkan kerugian sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM2.34 juta (FY2011: Kerugian sebanyak RM3.34 juta). Hasil meningkat sebanyak 36% disebabkan oleh penghantaran lebih tinggi memandangkan projek marin di Wilayah Guangdong telah dimulakan semula selepas ditunda pada tahun sebelumnya. Penghantaran utamanya adalah ke Terminal Pengendalian Arang Batu Shenhua, Zhuhai; Fasa II Pelabuhan Xinhui; Projek Rel Kren di Pelabuhan Fangcheng, Guangxi; dan Terminal Pengendalian Arang Batu di Pelabuhan Gaolan, Zhuhai. Maju ke hadapan, lebih banyak projek dijangka akan dimulakan dan syarikat yakin untuk mendapatkan beberapa daripadanya .

Durabon Sdn Bhd (“DSB”) telah mencapai hasil sebanyak RM118.51 juta, peningkatan sebanyak 31% dari tahun terdahulu. Di sebalik hasil yang lebih tinggi, PBT adalah lebih rendah sebanyak 14% kepada RM10.87 juta. Jumlah jualan meningkat telah menyumbang peningkatan sebanyak 21% dalam jualan domestik dan peningkatan sebanyak 128% dalam eksport. Walau bagaimanapun, margin operasi merosot sebanyak 34% kepada 9%, terutamanya disebabkan oleh margin eksport yang lebih rendah timbul daripada persaingan sengit daripada pengilang bar PC China. DSB akan meneruskan usaha-usaha pemasarannya untuk meningkatkan jualan eksport ke Vietnam dan Indonesia di mana lebih banyak kegiatan pembinaan dijangka tidak akan berhenti-henti.

Jumlah dagangan dalam kuari bertambah baik sebanyak 15% kepada RM115.37 juta atas prestasi lebih baik bagi semua kuari kecuali bagi Kuantan. Jualan telah disokong oleh permintaan yang kukuh dari Singapura, projek-projek pembangunan hartaanah di Johor dan Lembah Klang, projek KLSE Highway (Latar) dan, jualan dalam Kumpulan . Di Kuantan, hasil jatuh selepas selesainya penyerahan kepada projek Lebuh Raya Pantai Timur dan pengurangan dalam projek-projek pembangunan hartaanah.

Kuari Bahagian di Medchal, Hyderabad memulakan operasi pada November 2011 dan mencatat jumlah dagangan sebanyak RM3.24 juta dan kerugian sebelum cukai sebanyak RM1.01 juta dalam empat bulan operasi pertamanya terutamanya disebabkan oleh kos permulaan. Bahagian berharap agar kuari akan mencapai prestasi lebih balik dalam tahun kewangan yang akan datang memandangkan ia terus mewarkan kemunculannya.



Cerucuk diangkat dengan pengangkat vakum semasa proses penyahacuan



Kuari Ulu Choh, Johor

Strong Mixed Concrete Sdn Bhd mencatat peningkatan sebanyak 10% dalam hasil kepada RM58.70 juta ke atas volum lebih tinggi dan campuran jualan yang lebih baik. PBT meningkat sebanyak 102% kepada RM1.84 juta. Lojinya terletak secara strategik berdekatan dengan projek MRT KL dan peningkatan dalam projek-projek pembangunan harta tanah di Pulau Pinang dan Johor harus memberi petanda baik bagi syarikat.

Di India, jumlah dagangan bagi sektor siap campur meningkat sebanyak 7% kepada RM102.72 juta berdasarkan harga jualan dan penghantaran yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, keuntungan pra-cukai jatuh sebanyak 76% kepada RM0.42 juta memandangkan semakan menaik dalam harga jualan tidak dapat seiring dengan kenaikan yang kerap berlaku dalam kos bahan mentah dan diesel.

Kebimbangan politik dan keselamatan di Pakistan terus melembapkan kegiatan pelaburan dan pembinaan dalam negara, dengan itu menghalang prestasi loji-loji Karachi dan Islamabad. Loji Karachi mencatat kejatuhan sebanyak 20% dalam jualan kepada RM3.63 juta dengan kerugian pra-cukai sebanyak RM0.66 juta. Memandangkan situasi menjadi semakin teruk, Bahagian telah menutup operasi pada Februari 2012. Sementara itu, loji Islamabad mencapai peningkatan sebanyak 3% dalam jumlah dagangan kepada RM5.87 juta dan keuntungan pra-cukai adalah RM0.34 juta berikutan keselamatan di bandar semakin bertambah baik.

Jumlah dagangan bagi perniagaan jaringan dawai keluli di bawah IJMSPL melonjak sebanyak 102% kepada RM7.25 juta untuk mengurangkan kerugian sebelum cukai sebanyak 40% kepada RM2.37 juta. Memandangkan kerugian yang berulang dan ketidakupayaan untuk meraih penerimaan pasaran yang lebih luas disebabkan oleh buruh murah yang berlebihan, Bahagian telah menutup operasi pada Mac 2012.

Perniagaan penyewaan aram-aram di bawah Scaffold Master Sdn Bhd mencatat peningkatan sebanyak 24% dalam jumlah dagangan kepada RM7.90 juta atas permintaan yang lebih tinggi daripada pasaran dalaman dan luaran. Walau bagaimanapun, keuntungan pra-cukai meningkat hanya sebanyak 13% kepada RM2.94 juta atas susut nilai lebih tinggi daripada pembelian baru dan kadar sewa yang lebih rendah. Ia dijangkakan bahawa permintaan daripada dalam Kumpulan dan pasaran luaran dijangka akan meningkat dengan permulaan projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi dai Pelan Greater Kuala Lumpur.

Kemena Industries Sdn Bhd, anak syarikat 55% milik Syarikat di Bintulu, Sarawak terlibat dalam pengeluaran produk konkrit siap campur dan konkrit bertetulang pratuang. Jumlah dagangannya jatuh sebanyak 17% kepada RM21.03 juta atas hasil yang lebih rendah daripada kontrak dalam industri minyak dan gas. Akibat daripada itu, keuntungan pra-cukai jatuh sebanyak 6% kepada RM2.95 juta. Syarikat sedang menjalani program peningkatan dan pengembangan. Ia dijangka akan meningkatkan prestasinya selepas selesainya program pada 2012.

Spirolite (M) Sdn Bhd, syarikat bersekutu 38% milik syarikat yang mengilang paip, tiub, tangki dan kontena telah menyumbang jumlah dagangan sebanyak RM11.29 juta dan keuntungan pra-cukai sebanyak RM0.82 juta.

Maju ke hadapan, persekitaran kendalian dijangka akan menjadi sukar dan dipenuhi dengan ketidakpastian. Untuk memberi prestasi lebih baik, Bahagian akan terus berhemah dengan sumbernya dan sentiasa berhati-hati terhadap perubahan mendadak harga bahan mentah dan strategi pesaing-pesaing.

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Ladang Meliau

# PERLADANGAN

## Pasukan Pengurusan Perladangan:



Joseph Tek Choon Yee



Puru Kumaran



Velayuthan A/L Tan Kim Song



Ng Chung Yin



Madusoodanan



S Kugarajah



Francis Chai Min Fah



P K Venugopal

Harga produk sawit kekal kukuh pada FY2012. Sejajar dengan situasi ini, Bahagian mencatat satu lagi rekod prestasi dengan pertumbuhan hasil sebanyak 10% kepada RM590.43 juta (FY2011: RM538.26 juta) dan keuntungan pra-cukai meningkat sebanyak 10% kepada RM215.25 juta (FY2011: RM196.01 juta).

Harga minyak sawit mentah (“CPO”) kekal menjadi pemangkin utama dalam memacu kewangan kukuh Bahagian bagi tahun di bawah kajian. Permintaan bagi minyak sayuran dalam penggunaan makanan adalah bulis telah ditopang oleh pertumbuhan bilangan penduduk khususnya di China dan India, dan kenaikan tahap pendapatan. Ini juga berbelakangkan kelembapan dalam bekalan digabung dengan manfaat yang timbul daripada swap oleh pembuat spekulasi dalam pasaran komoditi minyak sawit. Memandangkan situasi ini, purata harga jualan dicapai dalam tahun kewangan meningkat kepada RM3,049 setiap tan (FY2011: RM2,760 setiap tan), peningkatan sebanyak 10% berbanding tahun yang lepas.

Bahagian juga mendapat manfaat daripada perubahan memuaskan dalam corak hasil tanaman. Tahun kewangan menyaksikan peningkatan dalam pengeluaran gugusan buah segar (“FFB”) berikutan pemuliharaan dari tahun yang lepas di mana minyak sawit mengalami tekanan biologi disebabkan oleh kejadian luar biasa kedua-dua El Nino dan La Nina. Sejak dengan situasi ini, pengeluaran FBB Bahagian telah mencatat pertumbuhan digit berganda sebanyak 13% kepada 648,853 tan (FY2011: 575,210 tan) dan begitu juga, jumlah FFB yang dikilang oleh Bahagian, termasuk pembelian buah dari luar, telah meningkat sebanyak 14% kepada 805,699 tan (FY2011: 708,522 tan).

Pada 31 Mac 2012, jumlah keluasan hektar ditanam Bahagian di Sabah beragregat 25,441 hektar (FY2011: 25,199 hektar) yang mana 96% membentuk keluasan hektar yang matang. Bahagian meneruskan program penanamannya di Indonesia dan telah mengembangkan keluasan hektar ditanamnya untuk berakhir dengan keluasan 21,320 hektar pada akhir tahun kewangan (FY2011: 13,606 hektar). Dari segi lokasi geografi, 54% daripada jumlah keluasan hektar ditanam adalah terletak di Sabah iaitu di wilayah Sandakan dan Sugut, manakala 46% yang selebihnya adalah di Indonesia.

Butir-butir mengenai profil usia kelapa sawit Bahagian adalah seperti berikut:-

MALAYSIA	Ha	%
Matang (> 20 tahun)	2,938	12
Matang – Utama (8 – 20 tahun)	19,464	77
Mature – Muda (4 – 7 tahun)	2,135	8
Belum Matang (1 – 3 tahun)	904	3
<b>JUMLAH</b>	<b>25,441</b>	<b>100</b>
INDONESIA		
Matang – Utama (8 – 20 tahun)	726	3
Mature – Muda (4 – 7 tahun)	826	4
Belum Matang (1 – 3 tahun)	19,768	93
<b>JUMLAH</b>	<b>21,320</b>	<b>100</b>

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Kawasan perumahan di Ladang Excellent Challenger II

Bagi menggalakkan produktiviti yang lebih tinggi manakala bekerja dengan sumber-sumber terhad, beberapa skim insentif telah diperkenalkan untuk menarik dan mengekalkan pekerja-pekerja mahir.

Empat kilang minyak sawit Bahagian dengan jumlah kapasiti sebanyak 195 tan FFB setiap jam akan dapat memproses 166,171 tan CPO (FY2011: 151,096 tan), peningkatan sebanyak 10% dari tahun sebelumnya manakala pengeluaran PK mencatat 37,340 tan (FY2011: 32,574 tan). Purata kadar pengestrakan CPO adalah sebanyak 20.6%, pengurangan sebanyak 3% daripada 21.3% pada tahun yang lepas manakala kadar pengestrakan PK kekal stabil pada 4.6% (FY2011: 4.6%). Kejatuhan dalam purata kadar pengestrakan CPO adalah terutamanya disebabkan oleh corak cuaca yang luar biasa selain daripada kerugian yang timbul daripada kekangan buruh dalam tahun kewangan.

Dalam tempoh pelaporan, loji penghancur isirong Bahagian telah menghancurkan kira-kira 37,267 tan (FY2011: 32,909 tan) isirong untuk menghasilkan 16,908 tan (FY2011: 14,941 tan) minyak isirong sawit mentah pada kadar pengestrakan sebanyak 45.4% (FY2011: 45.4%). Jumlah output pengeluar isirong sawit adalah 18,509 tan (FY2011: 16,457 tan) dengan kadar pengestrakan sebanyak 49.7% (FY2011: 50.0%). Butir-butir mengenai statistik perlادangan lima tahun boleh didapati dalam Laporan Tahunan 2012 IJM Plantations Berhad.

Sumbangan dibuat kepada Kerajaan dalam bentuk cukai jualan Sabah dan levi keuntungan durian runtuh serta juga ces minyak sawit yang dibayar kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia ("MPOB") berjumlah

RM42.40 juta (FY2011: RM37.92 juta). Bahagian kekal teliti dalam mencari langkah-langkah inovasi untuk mengawal kenaikan kos pengeluaran seperti baja, bahan api dan buruh. Inisiatif berkesan dari segi kos seperti penggunaan mesin, pemuliharaan tanah dan air secara aktif diteruskan di tapak-tapak yang terpilih.

Bahagian terus menekankan ke atas pembangunan modal insan bagi pertumbuhan mapan. Ketersediaan pekerja-pekerja mahir kekal menjadi cabaran utama. Bagi menggalakkan produktiviti yang lebih tinggi manakala bekerja dengan sumber-sumber terhad, beberapa skim insentif telah diperkenalkan untuk menarik dan mengekalkan pekerja-pekerja mahir. Program latihan komprehensif telah dijalankan manakala program kadet bagi lepasan ijazah dari Malaysia dan Indonesia terus menyokong pertumbuhan pesat projek-projek di Indonesia. Dari 2012 ke atas, program serupa akan dijalankan *insitu* di Indonesia.

Bahagian mendokong kepentingan menyemai kebolehan untuk bertahan manakala menjaga alam sekitar merupakan sebahagian penting perniagaan. Kepelbagaiannya kaedah-kaedah yang boleh dikekalkan telah diterima pakai dalam penanaman kelapa sawitnya, penuaian dan proses-proses pengeluaran minyak sawit seperti pemuliharaan tanah dan air, penggunaan sisa oleh produk sampingan, pengurusan perosak bersepadu serta juga amalan pembakaran sifar.



*Wisma IJM Plantations, Sandakan*

Bahagian masih lagi seiring dengan program penanaman barunya di Indonesia. Pada 31 Mac 2012, jumlah kawasan ditanam telah bertambah kepada 21,320 hektar (FY2011: 13,606 hektar), peningkatan ketara sebanyak 57% daripada tahun terdahulu. Sejajar dengan keadaan ini, 4,000 hektar lagi telah dibersihkan bagi penanaman tahun yang akan datang manakala tapak semaihan yang dibuka di tapak mengendalikan lebih 2 juta semaihan pada akhir tahun dan akan sedia untuk ditanam meliputi lebih daripada 12,000 hektar. Bahagian juga menjangkakan akan dapat menyiapkan kilang minyak sawit pertamanya dengan keupayaan memproses sebanyak 60 tan FFB setiap jam di Kalimantan pada 2012.

Bahagian kekal positif ke atas harapan industri minyak sawit berdasarkan asas-asas disokong dengan baiknya. Sekiranya harga CPO terus berada pada trend menaik semasa, berserta dengan keadaan cuaca yang baik dan pengeluaran tanaman yang baik, Bahagian menjangka akan dapat mencapai prestasi yang baik dalam tahun mendatang, tanpa mengambil kira keadaan yang di luar jangkaan.

Dalam tahun-tahun mendatang dan dalam menghadapi cabaran yang semakin meningkat, Bahagian akan bekerja keras tanpa mengira penat untuk mencapai sasaran perniagaannya manakala melaksanakan langkah-langkah berhemah dalam menguruskan perniagaan.



*Pokok-pokok kelapa sawit matang*



*Kilang Minyak Sawit I Sabang*

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Lebuh Raya Besraya

# INFRASTRUKTUR

## Pasukan Pengurusan Tol:



James Wong Tet Foh

Dato' Neoh Soon Hiong

Wan Salwani Binti Wan Yusof

Yap Pak How

Chua Lay Hoon

Hwa Tee Hai

Ong See Chang

## Pasukan Pengurusan Pelabuhan:



Dato' Ir. Ho Phea Keat

Haji Khasbullah Bin A Kadir

Azahari Bin Muhammad Yusof

Bahagian Infrastruktur telah menunjukkan prestasi yang baik dengan peningkatan jumlah dagangan sebanyak 8% kepada RM668.32 juta (FY2011: RM620.28 juta) terutamanya disebabkan oleh sumbangan lebih tinggi daripada konsesi pelabuhannya dan jalan raya bertol di Malaysia. Di sebalik peningkatan dalam jumlah dagangan, keuntungan pra-cukai, namun demikian jatuh sebanyak 22% kepada RM86.14 juta (FY2011: RM110.67 juta) terutamanya disebabkan oleh penyelenggaraan besar berjadual di bawah IFRIC 12 sebanyak RM27.4 juta dan kerugian pertukaran asing tidak direalis sebanyak RM15.29 juta (FY2011: Keuntungan pertukaran asing tidak direalis sebanyak RM35.91 juta). Keuntungan/kerugian pertukaran asing ini timbul terutamanya daripada pinjaman didenominasikan dalam USDnya yang digunakan untuk membiayai pelaburan IJM di India.

Aset infrastruktur Bahagian terdiri daripada sembilan (9) konsesi tol (dengan tiga (3) di Malaysia, lima (5) di India dan satu (1) di Argentina), dua pelabuhan- setiap satunya di Pahang dan Terengganu, loji kuasa di India dan loji rawatan air di Vietnam.

### Jalan Raya Bertol

Konsesi jalan raya bertol tempatan terus menunjukkan hasil dan keuntungan yang stabil kepada Bahagian Infrastruktur. Pada masa ini, terdapat tiga (3) jalan raya bertol iaitu Lebuh Raya Besraya milik penuh ("Besraya") sepanjang 16.6 Km, Lebuh Raya Pantai Baru ("NPE") sepanjang 19.6 Km dan Lebuh Raya Kajang Seremban 50%-milik ("LEKAS") sepanjang 44.3 Km tempoh konsesi masing-masing dipegang selama 44, 34 dan 33 tahun.

Dalam tahun kewangan, Besraya mencatat jumlah dagangan sebanyak RM58.62 juta (FY2011: RM61.16 juta) Keuntungan pra-cukainya meningkat sebanyak 5% kepada RM40.28 juta terutamanya disebabkan oleh kos kendalian yang lebih rendah

dan pengiktirafan keuntungan nilai saksama ke atas pelaburan. Pada Julai 2011, Besraya menerbitkan RM700 juta Sukuk Mudharabah Bercagar, Program Sekuriti Islam yang mana perolehan telah digunakan untuk membiayai sebahagian reka bentuk dan pembinaan projek Penyambungan Timur Besraya ("BEE"). Selepas siap BEE pada 2013, ia akan menambah laluan sepanjang 12.3 Km kepada Besraya sedia ada dan menyediakan jaringan hubungan ke bahagian-bahagian Utara dan Timur Laut Kuala Lumpur. Pada tahun akan datang, hasil Besraya dijangka akan meningkat memandangkan kadar tolnya adalah layak untuk disemak pada Januari 2013.

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Jalan Bertol Akses Barat, Argentina

NPE mencatat jumlah dagangan yang lebih tinggi sedikit sebanyak RM105.83 juta pada FY2012. Keuntungan pra-cukainya sebanyak RM31.59 juta adalah 16% lebih tinggi dari tahun terdahulu. Peningkatan prestasi adalah disebabkan oleh pertumbuhan trafik yang kukuh sebanyak 9% dan kos kendalian yang lebih rendah. Kenaikan tol secara berjadualnya pada 2009 telah ditunda oleh Kerajaan yang telah memberi pampasan kepada NPE selaras dengan peruntukan perjanjian konsesi. Kerajaan juga telah memberi pampasan kepada NPE bagi semua pengurangan bayaran tol daripada kenderaan Kelas 1 di plaza tol PJS2 daripada RM1.60 kepada RM1.00. Pengurangan adalah untuk meringankan beban penduduk yang tinggal berhampiran dan berkuat kuasa selama 5 tahun dari 18 Februari 2011.

LEKAS menyumbang jumlah dagangan sebanyak RM22.26 juta (FY2011: RM15.76 juta) dan kerugian pracukai sebanyak RM25.93 juta (FY2011: RM23.71 juta) terutamanya disebabkan oleh pelunasan aset lebuhraya, kos kewangan dan volum trafik yang rendah. LEKAS sedang dalam tahun-tahun awal operasinya dan pertumbuhan koridor pembangunan di sepanjang kawasan berdekatan lebuhraya yang beransur-ansur mencapai tempoh matangnya.

Dalam tahun-tahun yang mendatang, operasi tol tempatan yakin akan dapat mencapai hasil yang lebih tinggi dan kecekapan kos untuk mengekalkan keberuntungan. Maju ke hadapan, Bahagian menjangkakan akan dapat mengembangkan portfolionya dengan kemasukan projek lebuhraya sepanjang 316 Km yang baru melalui pelaburan IJM dalam Kumpulan Europlus Berhad dan West Coast Expressway Sdn Bhd.

Di India, jalan raya bertol beroperasi Bahagian terdiri daripada milik penuh Rewa Tollway (387 Km) dan Swarna Tollway 35%-milik (145 Km) telah dikendalikan selama

lapan tahun dengan peningkatan bilangan trafik. Laluan bertol yang baru adalah milik penuh Jaipur-Mahua Tollway (108 Km), Chilkaluripet-Vijayawada Tollway 50%-milik (79 Km) dan Trichy Tollway 50%-milik (93 Km). Kerja pembinaan pada Enam Laluan Chilkaluripet-Vijayawada Tollway diteruskan pada tahun kewangan. Laluan bertol India memegang tempoh konsesi berkisar antara 16 hingga 31 tahun.

Pada tahun kewangan, laluan bertol India telah menyumbang hasil sebanyak RM119.02 juta (FY2011: RM119.30 juta) terutamanya disebabkan oleh sumbangan daripada laluan bertol Jaipur-Mahua dan Rewa. Hasil lebih rendah telah dilaporkan daripada Laluan Bertol Vijayawada disebabkan oleh hasil tol telah ditahan eskrow sementara menunggu penyelesaian pertikaian di bawah timbang tara dengan National Highway Authority of India. Laluan bertol India mencatat kerugian pra-cukai sebanyak RM33.79 juta (FY2011: Keuntungan pra-cukai sebanyak RM19.40 juta) terutamanya disebabkan oleh kerugian pertukaran asing tidak direalis berhubung dengan pinjaman didenominasikan dalam USD luar pesisirnya sebanyak RM15.29 juta (FY2011: Keuntungan pertukaran asing sebanyak RM35.91 juta). Tanpa ciri-ciri pertukaran asing, Bahagian Tol India akan berada dalam kedudukan kerugian pra-cukai lebih rendah sebanyak RM18.50 juta (FY2011: Kerugian sebanyak RM16.51 juta). Adalah dijangkakan bahawa operasi tol di India, yang masih lagi di peringkat awalnya tahap konsesinya, manakala hasil yang lebih baik akan dapat terus dilihat, cabaran akan terus dihadapi dari segi kos hutang yang tinggi.

Di Argentina, Grupo Concesionario del Oeste S.A. ("GCO")-20% milik Kumpulan yang mengendalikan konsesi 21-tahun Western Access Tollway (56 Km) di Buenos Aires, telah menyumbang jumlah dagangan lebih tinggi sebanyak 14% kepada RM51.23 juta dari tahun terdahulu disebabkan oleh kadar tol yang lebih tinggi diperkenalkan



Dermaga gudang hadapan di Himpitan No.1, Pelabuhan Kuantan



Operasi pemunggahan di Pelabuhan Kuantan, Pahang

Untuk menampung kegiatan yang meningkat di Pelabuhan Kuantan, Bahagian telah melabur sebanyak RM150 juta untuk membina 600 meter lagi himpitan.

pada akhir 2010 dan volum trafik lebih tinggi sebanyak 4% kepada 113,000,000 PCU pada 2011. Akibat daripada itu, bahagian keuntungan Kumpulan meningkat sebanyak 2.9 kali kepada RM4.82 juta dari tahun terdahulu. Dengan kenaikan kadar tol baru-baru ini pada akhir 2011 dan pada April 2012, gambaran keseluruhan 2012 GCO adalah amat positif dan syarikat dijangkakan akan terus menyumbang kepada aliran pendapatan yang stabil kepada Kumpulan.

#### Pelabuhan

Konsesi dua pelaburan Bahagian menyumbang secara positif kepada keuntungan Kumpulan. Pada tahun kewangan, Pelabuhan Kuantan telah mencapai prestasi yang boleh dibanggakkan dengan peningkatan keuntungan pra-cukai sebanyak 85% kepada RM91.70 juta (FY2011: RM49.50 juta) berbelakangkan jumlah dagangan lebih tinggi sebanyak RM174.90 juta (FY2011: RM124.20 juta) terutamanya disebabkan oleh peningkatan daya pemprosesan kargo dan semakan tarif pada Mei 2011. Daya pemprosesan kargo dicatatkan adalah 15.4 juta (FY2011: 12.7 juta) tan berat muatan, peningkatan sebanyak 21% daripada tahun terdahulu yang disumbangkan oleh eksport cecair kimia, import minyak mineral dan petroleum, eksport bijih besi dan kontena.

39% pegangan Kumpulan dalam Pelabuhan Kemaman, Terengganu yang mengendalikan Dermaga Timur dan Himpitan Cecair Kimia juga telah menunjukkan prestasi yang



Bantuan tepi jalan di Lebuh Raya Kajang Seremban

baik. Kumpulan mencatat bahagiannya daripada jumlah dagangan sebanyak RM16.26 juta (FY2011: RM13.42 juta) dan bahagian keuntungan pra-cukai sebanyak RM4.76 juta (FY2011: RM2.90 juta) timbul daripada perkhidmatan pengendalian kargo dan marin.

Untuk menampung kegiatan yang meningkat di Pelabuhan Kuantan, Bahagian telah melabur sebanyak RM150 juta untuk membina 600 meter lagi himpitan. Kerja-kerja dijangka akan siap dibina pada Disember 2012.

Maju ke hadapan, konsesi pelabuhan kami akan menumpukan ke atas memastikan perniagaannya terletak pada kedudukan yang memuaskan dalam persekitaran perniagaan yang makin mencabar untuk terus menghasilkan keputusan lebih baik dalam tahun-tahun yang akan datang.

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Loji Kuasa Gautami, Andhra Pradesh, India



Loji Rawatan Air Binh An, Vietnam

### Loji Kuasa

Satu-satunya konsesi loji kuasa Kumpulan di Andhra Pradesh, India, adalah 20%-milik Gautami Power, 469 MW gas asli berdasarkan Loji Kuasa Kitaran Digabung. Loji kuasa menyumbang jumlah dagangan lebih rendah sebanyak 16% kepada RM103.50 juta dan margin keuntungan pra-cukai sebanyak 76% kepada RM2.72 juta bagi bahagian Kumpulan dalam keputusan dalam tahun kewangan. Keputusan telah dihalang oleh kekurangan bekalan gas. Pelaburan dijangka akan menyumbang kepada aliran pendapatan yang lebih tetap kepada Kumpulan di sepanjang tempoh konsesi sehingga tahun 2023.

### Loji Rawatan Air

Syarikat bersekutu 36%-milik, Binh An Water Corporation Ltd di Vietnam telah menyumbang keuntungan bersih sebanyak RM3.36 juta (FY2011: RM3.36 juta) kepada bahagian keputusan Kumpulan pada tahun kewangan. Pelaburan dijangka akan menyumbang aliran pendapatan yang stabil kepada Kumpulan sehingga tahun 2019.



Pusat Kawalan Trafik di Jalan Bertol Swarna, India



Jalan Bertol Jaipur-Mahua, India

## KESIMPULAN

Tahun kewangan di bawah kajian sesungguhnya telah menjadi tahun yang amat memberangsangkan bagi IJM diserta dengan prestasi keuntungan yang memecah rekod di bawah persekitaran pasaran yang bersaingan dan mencabar.

Harapan bagi Bahagian Pembinaan kami adalah amat cerah memandangkan penambahan buku tempahan kekal memuaskan berikut dengan pemberian projek infrastruktur dan pembinaan utama. Prospek yang memuaskan adalah sejarah dengan penekanan Kerajaan ke atas perbelanjaan infrastruktur diserta dengan peningkatan dalam projek-projek dalam Kumpulan. Selain daripada itu, Bahagian Industri kami telah bersedia untuk mendapat manfaat daripada pertumbuhan dijangka dalam kegiatan infrastruktur.

Permintaan berterusan bagi hartaanah berharga sederhana dan mampu milik, disokong oleh harapan ekonomi domestik yang membingkas, demografi yang memuaskan dan kadar gadai janji yang akomodatif bersama dengan jualan belum dibilang yang kukuh melebihi RM1 bilion, akan terus mengekalkan Bahagian Hartanah kami berada mengikut ramalan.

Bahagian Perladangan pula bersedia untuk memberi prestasi memuaskan dalam satu lagi tahun sekiranya berlaku kenaikan dalam trend harga CPO semasa untuk terus kekal memandangkan bekalan minyak masak global yang semakin ketat. Aset infrastruktur kami terdiri daripada tol, pelabuhan, air dan konsesi kuasa dijangka akan terus menyumbang kepada aliran pendapatan yang stabil kepada Kumpulan pada tahun yang akan datang.

Kumpulan mengekalkan sikap berjaga-jaga dalam tindakan kami dan sentiasa proaktif dalam mengendalikan pengurusan persekitaran perniagaan yang mencabar dan amat berdaya saing. Selain daripada itu, Kumpulan berusaha untuk meningkatkan nilai pemegang-pemegang saham serta juga terus menyumbang kepada masyarakat.

Bagi tahun kewangan yang akan datang, saya yakin bahawa IJM akan mengatasi cabaran-cabaran untuk meningkatkan prestasi kami selanjutnya sungguh pun di bawah keadaan kendalian yang amat sukar.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan IJM atas dedikasi dan kerja keras yang tidak berbelah-bahagi mereka dalam menempatkan Kumpulan pada kedudukan semasa. Manakala kami telah menunjukkan prestasi kerja yang baik bagi tahun kewangan di bawah kajian, kami akan terus mencorak perkembangan pertumbuhan dan membina asas yang kukuh bagi Kumpulan untuk mencapai pertumbuhan yang mapan pada masa hadapan.

**Dato' Teh Kean Ming**  
Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan

## Penyata Urus Tadbir Korporat

Lembaga Pengarah (“Lembaga”) menyokong sepenuhnya lapan (8) prinsip Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia 2012 (“Kod”), di mana Syarikat akan berusaha untuk menerima pakai urus tadbir korporat yang baik sebagai bahagian terpenting dalam urusan dan budaya perniagaannya. Lembaga komited untuk memastikan agar standard urus tadbir korporat tertinggi, sebagaimana yang terkandung dalam Kod, diamalkan di seluruh peringkat IJM Corporation Berhad dan anak-anak syarikatnya (“Kumpulan”).



Indeks Urus Tadbir Korporat  
Malaysia – Anugerah  
Kecemerlangan Industri  
(Pembinaan) 2011

IJM menerima Anugerah Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia.

### I. LEMBAGA PENGARAH

#### 1. Piagam Lembaga

Piagam Lembaga sebagai sumber rujukan dan risalah induksi utama, memberikan wawasan kepada bakal ahli-ahli Lembaga dan pengurusan kanan, telah diterima pakai oleh Lembaga pada 25 Mei 2012. Bidang teras Piagam Lembaga termasuk yang berikut:-

- (i) Keahlian Lembaga, yang termasuk komposisi, pelantikan dan pemilihan semula, kebebasan Pengarah dan jawatan pengarah baru;
- (ii) Peranan Lembaga, yang termasuk tugas dan tanggungjawab dan perkara-perkara yang dirizabkan untuk Lembaga;
- (iii) Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan (“CEO&MD”);
- (iv) Jawatankuasa Lembaga;
- (v) Mesyuarat Lembaga;
- (vi) Pelaporan Kewangan;
- (vii) Imbuhan Para Pengarah;
- (viii) Latihan Pengarah & Pendidikan Berterusan;
- (ix) Setiausaha Syarikat;
- (x) Perhubungan Pelabur dan Komunikasi Pemegang Saham; dan
- (xi) Akses kepada Maklumat dan Nasihat Bebas.

Butiran mengenai Piagam Lembaga boleh didapati untuk rujukan dalam laman web Syarikat di [www.ijm.com](http://www.ijm.com).

## **2. Komposisi Lembaga**

Terdapat sembilan (9) ahli Lembaga, enam (6) adalah Pengarah Bukan Eksekutif, dan di kalangan para Pengarah Bukan Eksekutif, tiga (3) adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Pengerusi adalah salah satu daripada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Datuk Yahya bin Ya'acob adalah Pengarah Kanan Bukan Eksekutif Bebas, yang akan melayani sebarang pertanyaan atau kebimbangan berhubung dengan Kumpulan yang dibangkitkan oleh pemegang-pemegang saham.

Imbangan antara Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Eksekutif, berserta dengan sokongan daripada Pengurusan, adalah untuk memastikan agar terdapat perwakilan yang berkesan dan saksama bagi pemegang-pemegang saham, termasuk pemegang saham minoriti. Ia selanjutnya memastikan agar isu-isu strategi, prestasi dan sumber ditangani dan disiasat dengan mengambil kira kepentingan pemegang saham untuk jangka panjang, pemegang pelbagai kepentingan dan masyarakat di mana Kumpulan menjalankan perniagaannya.

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas boleh memberi pertimbangan, pengalaman dan objektiviti bebas tanpa tertakluk kepada pertimbangan operasi. Mereka membantu untuk memastikan agar kepentingan semua pemegang saham diambil kira oleh Lembaga dan supaya isu-isu berkaitan tertakluk kepada pertimbangan objektif dan saksama oleh Lembaga. Selaras dengan pengesoran Kod, tempoh jawatan Pengarah Bebas Syarikat tidak boleh melebihi tempoh terkumpul selama (9) tahun. Pengarah Bebas boleh terus berkhidmat dalam Lembaga tertakluk kepada penamaan semula Pengarah Bebas sebagai Pengarah Bukan Bebas. Sekiranya Lembaga berhasrat untuk mengekalkan Pengarah Bebas sebagai Pengarah Bebas selepas mencapai tempoh terkumpul selama sembilan (9) tahun, kelulusan daripada pemegang-pemegang saham adalahlah diperlukan.

Dua (2) daripada Pengarah Bebas, iaitu Datuk Yahya bin Ya'acob dan Datuk Oh Chong Peng, yang telah berkhidmat dalam Lembaga selama lebih daripada (9) tahun sebagai Pengarah Bebas, akan terus berkhidmat dalam Lembaga sebagai Pengarah Bebas sehingga selesai Mesyuarat Agung Tahunan pada 28 Ogos 2012.

Peranan Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas dan CEO&MD adalah berbeza dan berasingan untuk memastikan terdapat keseimbangan kuasa dan pengaruh. Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas bertanggungjawab dalam soal kepimpinan, keberkesanan, tatacara dan urus tadbir Lembaga. Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas sebelum ini tidak memegang jawatan CEO&MD dalam Kumpulan.

CEO&MD mempunyai tanggungjawab yang menyeluruh ke atas pengurusan sehari-hari perniagaan dan pelaksanaan dasar-dasar dan keputusan Lembaga. CEO&MD bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan sewajarnya matlamat strategik, operasi yang berkesan dalam Kumpulan, dan untuk menerangkan, menjelaskan dan memaklumkan Lembaga tentang perkara-perkara penting berhubung dengan Kumpulan.

Komposisi dan saiz Lembaga dikaji dari masa ke masa untuk memastikan kewajarannya. Profil setiap Pengarah dibentangkan pada muka surat 20 hingga 25.

## **3. Tugas dan Tanggungjawab Lembaga**

Lembaga bertanggungjawab terutamanya dalam rancangan strategik keseluruhan Kumpulan bagi prestasi perniagaan, menyelia tatacara perniagaan dengan cara yang betul, perancangan penggantian, pengurusan risiko, komunikasi pemegang saham, kawalan dalaman, sistem maklumat pengurusan dan perkara-perkara berkutan; manakala pengurusan bertanggungjawab bagi pelaksanaan dasar-dasar yang dinyatakan dan pencapaian objektif-objektif korporat yang dinyatakan Kumpulan. Pembatasan yang melengkap dan mengukuhkan peranan penyeliaan Lembaga.

Para pengarah mempunyai pelbagai bidang kemahiran, pengalaman dan pengetahuan yang diperlukan untuk mentadbir Kumpulan. Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif adalah profesional-profesional dalam bidang kejuruteraan, kewangan, perakaunan, ekonomi atau pentadbir awam kanan yang berpengalaman. Berbekalkan pelbagai kecekapan, keupayaan, kemahiran teknikal dan pengalaman perniagaan yang berkaitan, mereka berganding bahu untuk memastikan Kumpulan terus menjadi peneraju yang berdaya saing dalam segmen industrinya yang terpelbagai dengan reputasi yang kukuh dalam kecekapan teknikal dan profesional.

Syarikat, dari masa ke masa, menggunakan perkhidmatan Pengarah-pengarah Eksekutif yang telah bersara untuk peranan khusus dalam operasi Syarikat bagi tempoh tertentu. Pengarah-pengarah ini dibayar imbuhan atas perkhidmatan mereka.

# Penyata Urus Tadbir Korporat (samb.)

## 4. Mesyuarat Lembaga

Lembaga mengadakan sekurang-kurang empat mesyuarat berjadual tahunan, dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila dan bila diperlukan. Dalam tahun kewangan, empat (4) mesyuarat Lembaga telah diadakan.

Rekod kehadiran setiap Pengarah adalah seperti berikut:

	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratusan
<b>Pengarah Eksekutif</b>		
Dato' Teh Kean Ming	4 / 4	100%
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	4 / 4	100%
Dato' Tan Gim Foo	4 / 4	100%
<b>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</b>		
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	4 / 4	100%
Datuk Yahya bin Ya'acob	4 / 4	100%
Datuk Oh Chong Peng	4 / 4	100%
<b>Pengarah Bukan Eksekutif</b>		
Datuk Lee Teck Yuen	4 / 4	100%
Dato' David Frederick Wilson	4 / 4	100%
Dato' Goh Chye Koon	4 / 4	100%

Selain mesyuarat Lembaga ini, para Pengarah juga menghadiri mesyuarat pengadilan tender dan taklimat pelaburan, di mana para Pengarah membincangkan penyertaan Kumpulan dalam membida projek besar yang melebihi RM500 juta (atau RM250 juta bagi kontrak luar negeri) atau pelaburan. Mesyuarat dan perundingan tidak rasmi diadakan secara kerap dan secara bebas untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman. Para pengarah juga menghadiri dialog tahunan Forum Pengurusan Kanan di mana strategi-strategi operasi, kemajuan pelaksanaan dan isu-isu lain dibentangkan, dibincangkan dan disampaikan kepada pengurus-pengurus kanan Kumpulan.

## 5. Bekalan Maklumat

Semua Pengarah disediakan dengan laporan prestasi dan kemajuan atas dasar tepat pada masanya sebelum mesyuarat Lembaga yang dijadualkan. Semua kertas Lembaga, termasuk isu-isu kompleks atau perkara-perkara khusus, diedarkan terlebih dahulu untuk memastikan para Pengarah dimaklumkan secukupnya dan mendapat peluang untuk mencari maklumat tambahan, dan berupaya memperoleh penjelasan selanjutnya daripada Setiausaha Syarikat, sekiranya timbul keperluan sedemikian. Di mana wajar, perkhidmatan pengurusan kanan lain atau perunding luar akan diatur untuk memberi taklimat ringkas dan membantu para Pengarah menjelaskan sebarang keraguan atau keimbangan.



Para Pengarah dan Pengurusan Kanan menghadiri Ceramah Liabiliti Pengarah dan Pegawai

Jadual perkara-perkara yang diperuntukkan terutamanya untuk perbincangan Lembaga termasuk kelulusan rancangan korporat, belanjawan tahunan, usaha niaga baru, pengambilalihan dan pelupusan usaha niaga dan harta tanah bernilai tinggi, dan perubahan kepada pengurusan dan struktur kawalan dalam Kumpulan, termasuk dasar-dasar utama, pengagihan had kuasa, dan penglibatan dalam pengadilan tender bagi projek pembinaan yang melebihi had ditetapkan. Semua minit perbincangan Lembaga direkod dengan sebaiknya, termasuk isu-isu yang dibincangkan dan keputusan yang dicapai.

Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat sepenuh masa. Para Pengarah boleh mendapatkan nasihat bebas, di mana wajar, atas perbelanjaan Syarikat, untuk memastikan para Pengarah dapat membuat keputusan secara bebas dan bermaklumat.

## 6. Jawatankuasa yang Ditubuhkan oleh Lembaga

Lembaga telah menugaskan fungsi tertentu kepada Jawatankuasa yang dibentuk untuk membantu dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Jawatankuasa menjalankan fungsi di bawah bidang tugas yang ditetapkan dengan jelas. Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga untuk menguruskan dan membincangkan mengenai perkara-perkara yang ditugaskan kepadanya mengikut bidang tugas mereka. Pengerusi bagi setiap Jawatankuasa perlu melaporkan kepada Lembaga tentang hasil mesyuarat Jawatankuasa dan laporan tersebut dimasukkan ke dalam dokumen Lembaga.

### A. Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif ditubuhkan pada 31 Mac 1995 dan keahliannya terdiri daripada Pengarah-pengarah Eksekutif Lembaga. Jawatankuasa Eksekutif bermesyuarat setiap bulan untuk mengkaji beroperasi bahagian operasi Kumpulan. Turut hadir adalah Ketua Bahagian, Ketua Pegawai Kewangan, Setiausaha Syarikat, dan ketua-ketua bahagian berkaitan. Bidang tugas Jawatankuasa Eksekutif boleh didapati untuk rujukan dalam laman web Syarikat di [www.ijm.com](http://www.ijm.com).

Dalam tahun kewangan, 11 mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif telah diadakan. Semua ahli Jawatankuasa Eksekutif telah menghadiri semua mesyuarat selain daripada Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan, yang telah memohon maaf kerana tidak dapat menghadiri tiga (3) mesyuarat tersebut.

### B. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 31 Januari 1994 yang kesemuanya terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Jawatankuasa Audit dipengerusikan oleh Datuk Oh Chong Peng dan ahli-ahli lain Jawatankuasa Audit adalah Datuk Yahya bin Ya'acob dan Tan Sri Abdul Halim bin Ali. Bidang tugas dan ringkasan kegiatan Jawatankuasa Audit dibentangkan pada muka surat 97 hingga 99.

### C. Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan

Jawatankuasa Imbuhan ditubuhkan pada 2 Disember 1998 dan telah dinamakan semula sebagai Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan pada 16 Mei 2001. Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan terdiri sepenuhnya daripada para Pengarah Bukan Eksekutif, yang dipengerusikan oleh Datuk Yahya bin Ya'acob (*ketiga dari kiri*). Tiga ahli lain dalam Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan adalah Tan Sri Abdul Halim bin Ali (*pertama dari kiri*), Datuk Oh Chong Peng (*kedua dari kiri*) dan Datuk Lee Teck Yuen (*keempat dari kiri*).



Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan adalah untuk membantu Lembaga dalam mengkaji dan mencadangkan dasar imbuhan yang sesuai terpakai kepada para Pengarah, CEO&MD dan pengurusan kanan serta pelantikan dan penilaian prestasi para Pengarah.

Bidang tugas Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan termasuk mengkaji dan menentukan campuran kemahiran, pengalaman dan lain-lain kualiti (termasuk kecekapan teras para Pengarah Bukan Eksekutif setiap tahun); dan untuk menilai keberkesanannya Lembaga secara keseluruhan,

jawatankuasa Lembaga dan sumbangan setiap individu Lembaga setiap tahun, termasuk kebebasan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas ("INED"). Maklumat terperinci mengenai bidang tugas Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan boleh didapati untuk rujukan dalam laman web Syarikat di [www.ijm.com](http://www.ijm.com).

# Penyata Urus Tadbir Korporat (samb.)

Kegiatan Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan bagi tahun kewangan termasuk yang berikut:-

- (i) mengkaji gaji, kenaikan pangkat dan bonus & insentif pengurusan kanan Kumpulan;
- (ii) menaksir dan menilai keberkesanan para Pengarah melalui Penilaian Diri & Rakan Sejawat dan Penilaian Lembaga secara keseluruhan (termasuk CEO&MD dan kebebasan INED);
- (iii) mengkaji Manual Sumber Manusia - Skim & Syarat Perkhidmatan;
- (iv) mengkaji kontrak perkhidmatan bagi kakitangan kontrak kanan;
- (v) mengkaji komposisi Lembaga;
- (vi) mengkaji Yuran Pengarah untuk Kumpulan; dan
- (vii) mengkaji cadangan skim insentif untuk kakitangan.

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan bermesuarat sekiranya diperlukan. Enam (6) mesuarat telah diadakan dalam tahun kewangan dan rekod kehadiran setiap ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

<b>Jawatankuasa Pelantikan &amp; Imbuhan</b>	<b>Bilangan Mesuarat Dihadiri</b>	<b>Peratusan</b>
Datuk Yahya bin Ya'acob	6 / 6	100%
Tan Sri Abdul Halim bin Ali <i>(Dilantik pada 6 Oktober 2011)</i>	3 / 3	100%
Datuk Oh Chong Peng	6 / 6	100%
Datuk Lee Teck Yuen	6 / 6	100%

Semua cadangan Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan adalah tertakluk kepada pengendorsan Lembaga.

## D. Jawatankuasa Sekuriti dan Opsyen

Jawatankuasa Sekuriti dan Opsyen (“SOC”) ditubuhkan pada 27 Ogos 2007 menggabungkan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Saham dan Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Kakitangan yang sebelum ini ditubuhkan masing-masing pada 3 September 1986 dan 30 Oktober 2003. SOC bertanggungjawab bagi melaksanakan dan mentadbir opsyen, dan mengawal selia dan meluluskan urus niaga sekuriti dan pendaftaran. SOC terdiri daripada Datuk Yahya bin Ya'acob (Pengerusi), Dato' Teh Kean Ming dan Dato' David Frederick Wilson.

## 7. Penilaian Lembaga

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan berpuas hati dengan prestasi dan keberkesanan Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Kriteria penilaian Lembaga telah dikaji dan dipertingkatkan oleh Jawatankuasa & Imbuhan pada tahun ini.

Penilaian Lembaga terdiri daripada Penilaian Lembaga, Penilaian Individu (Diri & Rakan Sejawat) dan Penilaian Kebebasan Pengarah Bebas. Penilaian Lembaga adalah berdasarkan kriteria tertentu, meliputi bidang-bidang seperti komposisi dan struktur Lembaga, tanggungjawab utama Lembaga, proses Lembaga, prestasi CEO&MD, perancangan penggantian dan urus tadbir Lembaga. Bagi Penilaian Individu (Diri & Rakan Sejawat), kriteria penilaian termasuk sumbangsan kepada interaksi, peranan dan tugas, pengetahuan dan integriti dan penilaian bebas. Kriteria bagi menilai kebebasan Pengarah Bebas termasuk perhubungan antara Pengarah Bebas dan Syarikat dan penglibatan beliau dalam mana-mana urus niaga penting dengan Syarikat.

## **8. Pelantikan ke Lembaga**

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan bertanggungjawab untuk membentangkan cadangan bagi pelantikan para Pengarah ke dalam Lembaga, termasuk dari anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu. Dalam membentangkan cadangan ini, Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan juga mempertimbangkan keperluan campuran kemahiran dan pengalaman, yang para Pengarah bawa masuk ke dalam Lembaga.

Proses bagi pelantikan para Pengarah Bukan Eksekutif (sama ada Pengarah Bebas maupun Bukan Bebas) ke dalam Lembaga adalah seperti berikut:-

- (i) Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan mengkaji taksiran & penilaian tahunan Lembaga;
- (ii) Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan menentukan matriks kemahiran;
- (iii) sumber bagi calon;
- (iv) Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan menilai dan memadankan kriteria calon, dan akan mempertimbangkan kepelbagaiannya, termasuk jantina, di mana sesuai;
- (v) Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan mencadangkan kepada Lembaga bagi pelantikan; dan
- (vi) Lembaga meluluskan pelantikan calon.

## **9. Pemilihan Semula**

Tataurus Pertubuhan Syarikat memperuntukkan bahawa setiap Pengarah yang baru dilantik adalah tertakluk kepada pemilihan semula dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang terdekat. Tambahan pula, satu pertiga (1/3) daripada Lembaga hendaklah bersara dari pejabat dan adalah layak bagi pemilihan semula pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, dan semua Pengarah harus menawarkan diri bagi pemilihan semula setiap tiga tahun. Ini telah diamalkan secara konsisten.

## **10. Latihan Pengarah**

Semua Pengarah telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori Pengarah yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”). Para Pengarah kami telah menghadiri persidangan, seminar, dan program latihan dari masa ke masa meliputi bidang-bidang seperti kewangan, pengurusan risiko, undang-undang berperaturan, peraturan dan garis panduan. Taklimat induksi juga diberi oleh Setiausaha Syarikat kepada para Pengarah yang baru dilantik.

Syarikat menyedari kepentingan latihan berterusan bagi para Pengarah untuk membolehkan para Pengarah melaksanakan tugas mereka, dan akan secara berterusan, menilai dan menentukan keperluan latihan para Pengarahnnya.

Dalam tahun ini, semua Pengarah telah menghadiri pelbagai program latihan, seminar dan/atau persidangan. Maklumat terperinci mengenai Latihan Pengarah dan penglibatan dalam kegiatan Kumpulan boleh didapati untuk rujukan dalam laman web Syarikat di [www.ijm.com](http://www.ijm.com).

Kemas kini mengenai perundungan syarikat dan sekuriti, dan peraturan dan perundungan lain yang berkaitan, seperti pindaan kepada Akta Syarikat, 1965 (“Akta”), Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities, Kod dan Rangka Tindakan Urus Tadbir Korporat 2011 dan Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007 telah diberikan kepada Lembaga, berserta dengan dokumen Lembaga, untuk membiasakan mereka dengan perkembangan terkini dalam bidang ini.

Di mana mungkin dan apabila timbul peluang, mesyuarat Lembaga akan diadakan di lokasi dalam perniagaan Kumpulan beroperasi untuk membolehkan para Pengarah mendapat gambaran yang lebih baik tentang perniagaan dan meningkatkan pemahaman mereka tentang operasi Kumpulan. Lembaga juga telah melawat tapak-tapak projek Kumpulan pada tahun ini.

# Penyata Urus Tadbir Korporat (samb.)

## II. IMBUHAN

Dasar imbuhan Syarikat adalah berdasarkan falsafah memberi wajaran yang lebih tinggi ke atas bonus berkaitan prestasi. Ini telah termaktub dalam dasar imbuhan bagi Pengarah Eksekutif dan pengurusan kanan, yang dikaji setiap tahun oleh Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan. Kumpulan juga mengambil bahagian dalam tinjauan khusus industri yang dijalankan oleh firma profesional bebas untuk mendapatkan data semasa dalam menanda aras Kumpulan.

Prestasi para Pengarah diukur melalui sumbangan dan komitmen Pengarah kepada kedua-dua Lembaga dan Kumpulan. Imbuhan Pengarah Eksekutif dan pengurusan kanan bergantung pada prestasi Kumpulan, pencapaian matlamat dan/ atau sasaran organisasi yang diklasifikasikan serta Petunjuk Prestasi Utama (“KPI”) yang ditetapkan pada awal setiap tahun. Inisiatif strategik atau KPI bagi CEO&MD bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 merangkumi empat (4) bidang utama iaitu Komersial, Pemegang Pelbagai Kepentingan, Kecekapan dan Infrastruktur.

Dalam hal Pengarah Bukan Eksekutif, tahap imbuhan menggambarkan sumbangan dan pengalaman dan tahap tanggungjawab dipikul oleh setiap Pengarah Bukan Eksekutif tertentu.

Selain daripada gaji pokok dan bonus & insentif untuk semua kakitangannya, termasuk Pengarah Eksekutif, Kumpulan juga menawarkan manfaat dalam bentuk wang seperti penjagaan perubatan swasta (termasuk insurans penyakit kritikal “mudah alih”) dan kereta selaras dengan Skim dan Syarat Perkhidmatan IJM. Selain daripada kadar caruman berkanun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak 12%, Kumpulan menyediakan caruman tambahan dalam lingkungan antara 1% hingga 5% kepada semua kakitangannya berdasarkan tempoh perkhidmatan.

### Imbuhan Para Pengarah

Butir-butir imbuhan para Pengarah dalam tahun adalah seperti berikut:

- A. Agregat imbuhan para Pengarah dikategorikan dalam komponen yang sesuai:

#### Syarikat

	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus, Insentif & Lain-lain RM'000	KWSP RM'000	Manfaat bukan berbentuk wang RM'000	Jumlah RM'000
Pengarah Eksekutif	2,088	–	2,996	922	82	6,088
Pengarah Bukan Eksekutif	1,070	726	185	102	50	2,133
<b>Jumlah</b>	<b>3,158</b>	<b>726</b>	<b>3,181</b>	<b>1,024</b>	<b>132</b>	<b>8,221</b>

#### Syarikat Lain yang Berkaitan

	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus, Insentif & Lain-lain RM'000	KWSP RM'000	Manfaat bukan berbentuk wang RM'000	Jumlah RM'000
Pengarah Eksekutif	618	324	477	182	33	1,634
Pengarah Bukan Eksekutif	–	257	17	–	–	274
<b>Jumlah</b>	<b>618</b>	<b>581</b>	<b>494</b>	<b>182</b>	<b>33</b>	<b>1,908</b>

B. Imbuhan agregat setiap Pengarah:

	Imbuhan diterima daripada Syarikat	Imbuhan diterima daripada Syarikat Berkaitan lain
<b>Pengarah Eksekutif</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	3,488	184 * #
Dato' Teh Kean Ming	2,600	167 * #
Dato' Tan Gim Foo	-	1,283 ^
<b>Pengarah Bukan Eksekutif</b>		
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	168	-
Datuk Yahya bin Ya'acob	136	50 ^^
Datuk Oh Chong Peng	144	95 #
Datuk Lee Teck Yuen	98	79 *
Dato' David Frederick Wilson	698 ▲	-
Dato' Goh Chye Koon (Pengarah Bukan Eksekutif dari 30 Jun 2009)	758 ▲	-
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	99	50 ^^
Datuk Hj Hasni bin Harun (bersara pada 24 Ogos 2011)	32 **	-
<b>Jumlah</b>	<b>8,221</b>	<b>1,908</b>

\* Yuran dan elaun yang diterima daripada IJM Land Berhad dalam kapasitinya sebagai Pengarah Bukan Eksekutif.

# Yuran dan elaun yang diterima daripada IJM Plantations Berhad dalam kapasitinya sebagai Pengarah Bukan Eksekutif.

^ Imbuhan Dato' Tan Gim Foo dalam kapasitinya sebagai Pengarah Urusan IJM Construction Sdn Bhd.

^^ Yuran diterima daripada IJM Construction Sdn Bhd dalam kapasitinya sebagai Pengarah Bukan Eksekutif.

▲ Imbuhan Dato' David Frederick Wilson dan Dato' Goh Chye Koon telah diterima berhubung dengan tugas khusus di luar negara.

\*\* Yuran dan elaun telah dibayar kepada Zelan Berhad.

### III. PERHUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

#### 1. Dialog Antara Syarikat dengan para Pelabur

Syarikat memberi penekanan utama dalam memastikan taraf tertinggi ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam penzahiran maklumat yang penting kepada pemegang-pemegang sahamnya serta pelabur-pelabur berpotensi mahu pun orang awam.

Ini dicapai melalui pengumuman dan pendedahan tepat pada masanya yang dibuat kepada Bursa Securities, yang termasuk keputusan kewangan suku tahunan, pemberian kontrak material, perubahan dalam komposisi Kumpulan dan sebarang maklumat material lain yang boleh mempengaruhi proses membuat keputusan pelabur. Keputusan kewangan diaudit tahun penuh Syarikat dikeluarkan dalam tempoh dua (2) bulan selepas tahun kewangan berakhir. Laporan tahunan yang komprehensif dikeluarkan dalam tempoh empat (4) bulan selepas tahun kewangan berakhir.

Kumpulan juga menjalankan sesi dialog tetap dengan penganalisis kewangan. Sekurang-kurangnya dua (2) Taklimat Ringkas Syarikat berjadual diadakan setiap tahun, biasanya berkebetulan dengan pengumuman keputusan suku kedua dan suku terakhir Kumpulan untuk menjelaskan keputusan yang dicapai serta strategi jangka terdekat dan jangka panjang, selain implikasinya pada masa hadapan.

Sidang akhbar biasanya diadakan selepas setiap Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat dan/atau Mesyuarat Agung Luar Biasa untuk memberikan pihak media peluang untuk menerima kemas kini daripada Lembaga mengenai prosiding di mesyuarat dan untuk menangani sebarang pertanyaan atau bidang kepentingan media.

# Penyata Urus Tadbir Korporat (samb.)



*Para Pengarah dan Pengurusan Kanan mengambil bahagian dalam Dialog Pengurusan Kanan 2011 bertemakan 'Ke arah Prestasi Yang Lebih Tinggi'*



*Mesyuarat Agung Tahunan IJM Ke-27*

Syarikat juga mengambil bahagian dalam beberapa forum pelabur institusi tempatan dan di luar Malaysia. Ringkasan kegiatan perhubungan pelabur Kumpulan dalam tahun kewangan dan maklumat korporat tambahan dan/atau pendedahan Kumpulan boleh didapati untuk rujukan dalam laman web Syarikat di [www.ijm.com](http://www.ijm.com).

Sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai material tidak akan diberi kepada mana-mana pemegang saham atau kumpulan pemegang saham atas dasar pilihan kecuali setakat perwakilan mereka dalam Lembaga.

## 2. Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan adalah forum utama bagi dialog dengan pemegang-pemegang saham. Notis mesyuarat dan laporan tahunan dihantar kepada pemegang-pemegang saham sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh mesyuarat selaras dengan Tataurus Pertubuhan Syarikat.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, pembentangan yang diberi oleh CEO&MD untuk menjelaskan strategi, prestasi dan perkembangan utama Kumpulan kepada pemegang-pemegang saham. Lembaga juga menggalakkan pemegang-pemegang saham untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab pada Mesyuarat Agung Tahunan.

## 3. Fungsi Perhubungan Pelabur

Kumpulan, menyedari kepentingan perhubungan pelabur, telah menubuhkan Jabatan Perhubungan Pelabur untuk sentiasa membangunkan dan mengekalkan program perhubungan pelaburnya dan untuk memaklumkan pemegang-pemegang saham dan komuniti pelaburan secara konsisten tentang perkembangan Kumpulan dalam cara yang berkesan, jelas dan tepat pada masanya.

## 4. Keterbukaan dan Ketelusan

Kumpulan telah membangunkan satu laman web yang komprehensif di [www.ijm.com](http://www.ijm.com), yang merangkumi seksyen khas mengenai Perhubungan Pelabur, untuk meningkatkan lagi komunikasi pemegang saham.

Untuk melayani keperluan pemegang pelbagai kepentingan Kumpulan dengan lebih baik, satu halaman maklum balas di laman web menyediakan tempat bagi pemegang-pemegang pelbagai kepentingan untuk mencadangkan penambahbaikan kepada Kumpulan melalui e-mel: Selain itu, pemegang-pemegang pelbagai kepentingan yang berhasrat untuk menghubungi Kumpulan masing-masing boleh berbuat demikian melalui halaman 'Hubungi Kami' ('Contact Us') atau 'Maklum Balas' ('Feedback').

Pertanyaan pelabur berhubung dengan prestasi kewangan atau perkembangan syarikat boleh disalurkan kepada Pengurus Perhubungan Pelabur IJM Corporation Berhad, En. Shane Guha Thakurta (Tel: +603-79858041, Faks: +603-79529388, E-mel: shanethakurta@ijm.com), manakala pertanyaan berkaitan pemegang saham dan syarikat boleh diajukan kepada Setiausaha Syarikat, Cik Ng Yoke Kian dan En. Jeremie Ting Keng Fui (Tel: +603-79858131, Faks: +603-79521200, E-mel: csa@ijm.com).

## 5. Bayaran Dividen Elektronik (“eDividen”)

Syarikat telah melaksanakan eDividen pada tahun 2010 berikutan pengumuman Bursa Malaysia untuk menggalakkan kecekapan sistem bayaran dividen yang lebih baik. eDividen merujuk kepada bayaran dividen tunai melalui pengkreditan secara langsung ke dalam akaun bank pemegang saham berbanding dengan membuat bayaran melalui cek bank. Syarikat sangat menggalakkan semua pemegang saham untuk mendaftar eDividen melalui pejabat broker saham di mana akaun CDS pemegang saham diselenggara. Maklumat lanjut boleh diperoleh dari laman web Bursa Malaysia di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

## IV. KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

### 1. Pelaporan Kewangan

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunan kepada pemegang-pemegang saham, Lembaga berhasrat untuk membentangkan penilaian seimbang dan boleh difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini juga terpakai kepada laporan-laporan awam lain yang sensitif dari segi harga dan laporan-laporan kepada pengawal atur.

### 2. Penyata Tanggungjawab Para Pengarah

Para Pengarah diperlukan oleh Akta untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan selaras dengan peruntukan Akta dan piawaian perakaunan diluluskan terpakai untuk memberi gambaran sebenar dan saksama tentang keadaan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan. Di mana terdapat piawaian perakaunan atau dasar-dasar baru yang berkuat kuasa dalam tahun ini, kesan pengolahan baru ini akan dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah perlu:

- i) menggunakan dasar perakaunan sejawarnya yang diamalkan secara konsisten;
- ii) membuat penghakiman dan anggaran yang munasabah dan berhemah;
- iii) memastikan agar semua piawaian perakaunan terpakai yang diluluskan telah patuh; dan

- iv) menyediakan penyata kewangan atas dasar usaha berterusan memandangkan para Pengarah mempunyai jangkaan munasabah, setelah membuat pertanyaan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk terus beroperasi pada masa hadapan yang boleh diramal.

Para Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan agar Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang menzhirkan, secara tepat semunasabah mungkin, kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang membolehkan mereka memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta.

Para Pengarah juga telah mengambil langkah-langkah tertentu sebagaimana secaramunasabah terbuka kepada mereka untuk melindungi aset Kumpulan dan Syarikat, dan untuk menghalang penipuan dan ketidakakuratan yang lain.

Sebuah blog@IJM dalam portal intranet telah dibangunkan sejak tahun 2006 untuk membolehkan kakitangan Kumpulan membangkitkan hal-hal kebimbangan atau isu-isu integriti, di kalangan ahli yang lain.

### 3. Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan dibentangkan pada muka surat 100 hingga 105.

### 4. Perhubungan dengan Juruaudit

Melalui Jawatankuasa Audit, Lembaga mempunyai perhubungan langsung dengan juruaudit luar. Peranan Jawatankuasa Audit berhubungan dengan juruaudit luar dinyatakan pada muka surat 97 hingga 99. Juruaudit luar dijemput untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit dan semua mesyuarat umum dan menerima laporan audit dalaman.

### 5. Yuran Bukan Audit

Jumlah yuran bukan audit yang ditanggung bagi perkhidmatan yang diberikan oleh juruaudit luar dan syarikat gabungannya kepada Kumpulan bagi FY 2012 berjumlah RM0.55 juta.

### 6. Urus Niaga Pihak Berkaitan

Urus niaga pihak berkaitan utama Kumpulan bagi tahun kewangan dinyatakan dalam Nota 53 untuk Penyata Kewangan. Nota ini juga membentangkan urus niaga berulang yang dilakukan dalam tempoh selaras dengan mandat am yang diperoleh daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 24 Ogos 2011.

# Penyata Urus Tadbir Korporat (samb.)

## V. KOD DAN POLISI

### 1. Kod Etika dan Tata Laku

Kod Etika dan Tata Laku (“CEC”), yang menggariskan prinsip dan standard etika dan tata laku perniagaan Kumpulan, telah diterima pakai oleh Lembaga pada 25 Mei 2012. CEC terpakai kepada semua kakitangan (termasuk kakitangan sepenuh masa, kakitangan dalam tempoh percubaan, kakitangan kontrak dan kakitangan sementara) dan para Pengarah Kumpulan.

Bidang teras tatacara di bawah CEC termasuk yang berikut:-

- (i) percanggahan kepentingan;
- (ii) maklumat sulit;
- (iii) maklumat dalaman dan perdagangan sekuriti;
- (iv) perlindungan aset dan dana;
- (v) rekod dan kawalan perniagaan;
- (vi) pematuhan kepada undang-undang;
- (vii) pemberian hadiah peribadi;
- (viii) kesihatan dan keselamatan;
- (ix) gangguan seksual;
- (x) kepentingan luar;
- (xi) tingkah laku yang saksama dan berbudi bahasa; dan
- (xii) salah laku.

Butiran mengenai CEC boleh didapati untuk rujukan dalam laman web Syarikat di [www.ijm.com](http://www.ijm.com).

### 2. Polisi Pengaduan Salah Laku

Polisi Pengaduan Salah Laku Syarikat telah diterima pakai sejak tahun 2006. Polisi telah disemak pada Mei 2011 berikutan pengenalan Akta Perlindungan Pengaduan Salah Laku 2010 untuk meningkatkan liputan dan perlindungan kepada pengadu salah laku, yang merangkumi laporan salah laku, kesalahan, rasuah dan kejadian penipuan, pembaziran dan/atau penyalahgunaan yang disyaki dan/atau diketahui melibatkan sumber Kumpulan.

Polisi Pengaduan Salah Laku dipaparkan pada portal intranet dan laman Syarikat di [www.ijm.com](http://www.ijm.com) bagi memudahkan akses bagi pelaporan oleh kakitangan dan syarikat bersekutu Kumpulan.

### 3. Polisi Pendedahan Korporat

Lembaga memberikan penekanan penting dalam memastikan pendedahan yang dibuat kepada pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur adalah menyeluruh, tepat dan pada masa yang tepat dan juga penting ke arah membina dan mengekalkan kredibiliti dan keyakinan pelabur. Polisi Pendedahan Korporat bagi Kumpulan untuk merangka polisi dan prosedur bagi pendedahan maklumat material sedang ditangani, berikutan penekanan Bursa Securities sebagaimana digariskan dalam Panduan Pendedahan Korporatnya.

Ditandangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusinya yang bertarikh 17 Julai 2012.

Tan Sri Abdul Halim bin Ali  
Pengerusi

# Laporan Jawatankuasa Audit

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa Audit menjalankan tugas dan tanggungjawabnya selaras dengan bidang tugasnya dan mengadakan perbincangan dengan juruaudit dalaman, juruaudit luar dan kakitangan pengurusan. Jawatankuasa Audit berpendapat bahawa tidak ada salah nyataan atau kerugian, kontigensi atau ketidakpastian material yang telah timbul, berdasarkan kajian dan perbincangan yang diadakan.

## KEAHLIAN DAN BIDANG TUGAS JAWATANKUASA AUDIT

### KEAHLIAN

Jawatankuasa Audit perlu dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan para Pengarah Bukan Eksekutif dan mestilah dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) ahli, dengan majoriti daripada mereka merupakan Pengarah-pengarah Bebas.

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah memilih seorang Pengerusi daripada kalangan mereka, yang merupakan Pengarah Bebas. Dalam menentukan kebebasan, Lembaga mesti mematuhi Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad ('Bursa Securities').

Pengerusi Jawatankuasa Audit, Datuk Oh Chong Peng adalah Akauntan Bertauliah yang berkelayakan, ahli Fellow Institute of Chartered Accountants of England and Wales, dan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia.

Lembaga Pengarah akan mengkaji tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap daripada ahli-ahlinya sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun.

### MESYUARAT



Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit  
kiri ke kanan

• Tan Sri Abdul Halim bin Ali • Datuk Oh Chong Peng • Datuk Yahya bin Ya'acob

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun dengan kehadiran oleh Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan wakil-wakil juruaudit luar. Ahli-ahli Lembaga dan pengurusan kanan lain boleh menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit.

Sekurang-kurangnya dua kali setahun, Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pengurusan. Juruaudit, kedua-dua dalaman dan luar, boleh meminta diadakan satu mesyuarat sekiranya mereka anggap ianya perlu.

Pengerusi Jawatankuasa Audit berbincang atas dasar berterusan dengan pengurusan kanan, Ketua Audit Dalaman dan juruaudit luar, untuk sentiasa mengetahui perkembangan terkini mengenai perkara-perkara dan isu-isu yang melibatkan Kumpulan.

Kuorum terdiri daripada dua (2) orang ahli yang hadir dan majoritinya yang mana mesti merupakan Pengarah Bebas.

Setiausaha Syarikat bertindak sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Audit. Minit-minit setiap mesyuarat adalah diedarkan kepada setiap ahli Lembaga, dan Pengerusi Jawatankuasa melaporkan mengenai isu-isu utama yang dibincangkan dalam setiap mesyuarat kepada Lembaga.

# Laporan Jawatankuasa Audit (samb.)

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa Audit mengadakan empat (4) mesyuarat. Semua ahli Jawatankuasa Audit telah menghadiri semua mesyuarat selain daripada Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, yang selepas bersara, tidak lagi menjadi ahli pada 24 Ogos 2011, dan butir-butir kehadiran mereka dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dibentangkan di bawah:-

	Bil. mesyuarat diadakan dalam tahun	Bil. mesyuarat dihadiri
Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng <i>Pengerusi Jawatankuasa Audit</i> <i>(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	4	4
Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim bin Ali <i>Ahli</i> <i>(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	4	4
Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob <i>Ahli</i> <i>(Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif)</i>	4	4

## KUASA

Jawatankuasa Audit di mana sahaja perlu dan munasabah bagi pelaksanaan tugasnya, hendaklah selaras dengan prosedur yang ditentukan oleh Lembaga dan atas tanggungan Syarikat:

- mempunyai kuasa untuk menyiasat sebarang kegiatan dalam bidang-bidang tugasnya;
- mempunyai akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat yang berkaitan dengan Kumpulan;
- mempunyai saluran komunikasi secara langsung dengan juruaudit luar dan dalaman, serta semua kakitangan Kumpulan; dan
- boleh mendapat nasihat profesional bebas luar atau nasihat lain dan untuk mendapatkan kehadiran orang luar dengan pengalaman dan kepakaran yang berkenaan jika ia anggap ini adalah perlu.

## TUGAS-TUGAS

Berikut adalah ringkasan tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit secara kolektif:

- 1) Untuk mengkaji keputusan suku tahunan kepada Bursa Securities dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan sebelum dikemukakan kepada Lembaga;
- 2) Untuk menimbang pencalonan dan pelantikan juruaudit luar, serta yuran audit mereka.
- 3) Untuk menimbang mana-mana surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar, dan mana-mana persoalan mengenai peletakan jawatan atau pemecatan.
- 4) Untuk berbincang dengan juruaudit luar, sebelum permulaan audit, rancangan audit mereka, yang hendaklah menyatakan sifat audit, dan untuk memastikan penyelarasaran audit di mana ia melibatkan lebih daripada satu (1) firma audit.

- 5) Untuk mengkaji dengan juruaudit luar, penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman, surat pengurusan mereka dan jawapan pengurusan.
- 6) Untuk mengkaji bantuan yang diberi oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar;
- 7) Untuk mengkaji ruang lingkup audit dalaman, fungsi, kekompetenan dan sumber audit luaran bersama-sama dengan rancangan dan program audit dalaman.
- 8) Untuk memantau mana-mana urus niaga pihak berkaitan dan keadaan di mana percanggahan kepentingan mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan.
- 9) Untuk mengkaji laporan-laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko berhubung dengan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan.
- 10) Untuk membincang masalah dan reservasi timbul daripada audit luar interim dan akhir, dan apa-apa perkara juruaudit luar dan/atau juruaudit dalaman mungkin ingin bincangkan (tanpa kehadiran pengurusan, di mana perlu).
- 11) Untuk mengkaji semua maklumat kewangan prospektif yang diberikan kepada pengawal atur dan/atau orang-orang awam.
- 12) Untuk melapor dengan segera kepada Bursa Securities mengenai apa-apa perkara yang dilaporkan olehnya kepada Lembaga, yang tidak diselesaikan secara memuaskan mengakibatkan pelanggaran Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Securities.

Butir-butir mengenai bidang tugas Jawatankuasa Audit tersedia untuk rujukan di laman web Syarikat di [www.ijm.com](http://www.ijm.com).

## RINGKASAN KEGIATAN BAGI TAHUN KEWANGAN

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa Audit menjalankan kegiatan-kegiatan yang berikut:

### 1.0 Pelaporan Kewangan

- Mengkaji pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan;
- Dalam mengkaji penyata kewangan teraudit tahunan, Jawatankuasa Audit berbincang dengan pengurusan dan juruaudit luar prinsip-prinsip perakaunan dan piawaian yang digunakan dan pertimbangan mereka mengenai perkara-perkara yang boleh mempengaruhi penyata-penyata kewangan

### 2.0 Audit Dalaman

- Mengkaji rancangan audit tahunan dicadangkan oleh Juruaudit Dalaman untuk memastikan kecukupan skop dan liputan kerja;
- Mengkaji keberkesanan proses audit, keperluan sumber bagi tahun dan menilai prestasi fungsi Audit Dalaman;
- Mengkaji laporan audit yang dibentangkan oleh Juruaudit Dalaman mengenai penemuan mereka dan pengesyoran mereka berhubung dengan kelemahan sistem dan kawalan. Jawatankuasa Audit kemudian mencadangkan agar kelemahan kawalan diperbetulkan dan pengesyoran bagi penambahbaikan dilaksanakan.

### 3.0 Audit Luar

- Mengkaji strategi audit juruaudit luar, rancangan audit dan skop kerja bagi tahun;
- Mengkaji penemuan laporan juruaudit luar, khususnya isu-isu yang ditimbulkan dalam surat pengurusan dan memastikan di mana wajar, tindakan pembetulan yang perlu telah diambil oleh pengurusan .

### 4.0 Jawatankuasa Pengurusan Risiko

- Mengkaji laporan dan penilaian Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

### 5.0 Urus Niaga Pihak Berkaitan

- Mengkaji urus niaga pihak berkaitan yang timbul dalam Kumpulan untuk memastikan bahawa urus niaga adalah saksama dan munasabah, dan tidak memudaratkan pemegang saham minoriti.

## LATIHAN

Dalam tahun, semua ahli Jawatankuasa Audit telah menghadiri pelbagai seminar, program latihan dan persidangan. Butir-butir ini boleh didapati di laman web Syarikat [www.ijm.com](http://www.ijm.com).

## FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman Kumpulan dijalankan oleh Jabatan Audit Dalaman (“IAD”), yang melapor terus kepada Jawatankuasa Audit mengenai kegiatannya berdasarkan Rancangan Audit Dalaman tahunan yang diluluskan. Rancangan Audit Dalaman tahunan yang diluluskan dirancang untuk meliputi projek-projek dan entiti-entiti di semua peringkat operasi dalam Kumpulan. IAD menerima pakai pendekatan pengauditan berdasarkan risiko, dengan mengambil kira amalan terbaik global dan piawaian industri. Ketua Audit Dalaman melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan mempunyai akses langsung kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit ke atas semua isu kawalan dalaman dan audit.

Peranan utama IAD adalah untuk menyediakan awatankuasa Audit dengan laporan bebas dan objektif, dilaksanakan secara adil, dengan kecekapan dan dengan berhati-hati secara profesional sewajarnya, mengenai keberkesanan sistem kawalan dalaman dalam Kumpulan. Jawatankuasa Audit membincangkan laporan audit dalaman untuk memastikan pengesyoran daripada laporan-laporan telah diambil tindakan sewajarnya oleh pengurusan.

## KEGIATAN AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN KEWANGAN

Dalam tahun kewangan, audit dalaman yang dilaksanakan meliputi bahagian pembinaan, hartanah, industri dan infrastruktur, serta operasi luar negara Kumpulan. Jabatan terus menyediakan khidmat audit dalaman kepada IJM Land Berhad dan IJM Plantations Berhad, dan dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan nilai ditambah, ia juga memainkan peranan penasihat aktif dalam mengkaji dan mempertingkatkan kawalan dalaman sedia ada dalam Kumpulan.

Jumlah kos yang ditanggung bagi fungsi audit dalaman Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012 adalah lebih kurang RM1.7 juta.

**Laporan Jawatankuasa Audit ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 17 Julai 2012.**

# Penyata Kawalan Dalaman

Lembaga berusaha untuk memupuk dan memulihara pada seluruh Kumpulan satu sistem kawalan dalaman yang kukuh, amalan pengurusan risiko serta urus tadbir korporat yang baik sebagaimana dinyatakan dalam Penyata Lembaga mengenai Kawalan Dalaman yang dibuat dalam mematuhi Perenggan 15.26 Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad dan Penyata Mengenai Kawalan Dalaman: Garis Panduan bagi Para Pengarah Syarikat-syarikat Tersenarai Awam.

## TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Lembaga mengakui tanggungjawabnya untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi pelaburan pemegang-pemegang saham dan aset-aset Kumpulan, dan untuk menjalankan tanggungjawab pengemudiannya dalam mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk mengurus risiko-risiko ini selaras dengan amalan-amalan terbaik Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia.

Lembaga selanjutnya menegaskan sekali lagi tanggungjawabnya untuk mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Kumpulan, termasuk sistem-sistem bagi pematuhan dengan undang-undang, peraturan-peraturan, arahan-arahan serta garis panduan yang berkenaan.

Tanpa mengambil kira, sistem Kumpulan dari segi sifatnya hanya boleh mengurus dan bukan menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan. Selaras dengan itu, sistem tersebut hanya boleh memberi aminan munasabah tetapi bukan jaminan mutlak terhadap salah nyataan atau kerugian material.

Kumpulan telah pun mengamalkan proses pengurusan risiko berterusan yang dikaji secara kerap oleh Lembaga untuk mengenal pasti, mendokumen, menilai, mengawasi dan mengurus risiko ketara yang boleh menghalang Kumpulan daripada mencapai objektif-objektif korporatnya.

## TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA AUDIT

Kumpulan mempunyai struktur organisasi dengan garis-garis kebertanggungjawaban, kuasa dan tugas yang nyata. Jawatankuasa Audit, dengan bantuan Jawatankuasa Pengurusan Risiko, membuat penilaian secara tetap ke atas profil risiko Kumpulan, dan melalui Jabatan Audit Dalaman Kumpulan, mengkaji dan mengawasi keberkesanan sistem kawalan Dalaman Kumpulan.

Jabatan Audit Dalaman melaksanakan audit dalam ke atas beberapa unit kendalian dalam Kumpulan berdasarkan pendekatan audit berdasarkan risiko yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit secara tahunan. Butir-butir lanjut mengenai Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit.

## JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (“RMC”) yang dikhushuskan untuk melaksanakan kajian secara kerap ke atas profil risiko Kumpulan. RMC dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan dianggotai wakil-wakil daripada semua bahagian perniagaan, kedua-dua dalam negeri dan luar negeri, serta daripada jabatan-jabatan sokongan operasi Ibu Pejabat yang berkenaan.

Setiap fungsi bahagian pengurusan risiko perniagaan diketuai oleh ketua bahagian masing-masing. RMC melapor kepada Jawatankuasa Audit atas dasar suku tahunan di mana isu risiko penting dan tindakan kawalan dan pengurangan dipertimbangkan.



#### RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

RMC pada dasarnya membangun, melaksana dan mengekal sistem pengurusan risiko untuk memastikan visi dan objektif Kumpulan dicapai. Kajiannya meliputi perkara-perkara seperti tindak balas kepada risiko ketara dikenal pasti termasuk ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan, kaedah dan garis panduan yang terpakai, perubahan kepada kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan, dan output daripada proses-proses pemantauan.

# Penyata Kawalan Dalaman (samb.)

## PROSES PENGURUSAN RISIKO



Peta risiko yang menangani risiko-risiko kepada pencapaian strategik, kewangan dan objektif perniagaan lain menggunakan aspek kuantitatif dan kualitatif untuk menilai kemungkinan dan impaknya, dan kawalan-kawalan bagi meyakinkan pengurusan bawaha proses-proses yang ada disediakan akan terus beroperasi dengan memuaskan dan berkesan, disediakan secara tahunan oleh setiap unit perniagaan.

Memandangkan profil risiko perniagaan berubah-ubah, bidang-bidang baru diperkenalkan untuk penilaian. Peta risiko ini tidak termasuk syarikat bersekutu dan usaha sama Kumpulan memandangkan mereka diuruskan oleh jawatankuasa pengurusan mereka masing-masing.

Ibu pejabat Kumpulan juga menimbangkan risiko yang berkaitan dengan objektif strategik Kumpulan, yang tidak ditangani oleh unit-unit perniagaan. Profil risiko disatukan dan mana-mana tindakan pengurangan kemudiannya dilaporkan kepada RMC sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit.

Sebagai sebuah konglomerat global dengan portfolio perniagaan yang terpelbagai, Kumpulan menghadapi pendedahan kepada pelbagai risiko. Dengan yang demikian, Kumpulan telah menyediakan perlindungan insurans yang mencukupi dan dikaji secara tetap di mana ia tersedia atas terma-terma yang boleh diterima dari segi ekonomi untuk meminimumkan impak kewangan berkaitan.

## PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Risiko pasaran merujuk kepada risiko yang timbul daripada keadaan ekonomi dan sifat kekitaran sedia ada perniagaan Kumpulan iaitu pembinaan, pembangunan harta tanah dan pengilangan.

Dalam keadaan ekonomi semasa, peningkatan buku tempahan dan keadaan berlebihan keupayaan kekal menjadi perkara-perkara utama yang diberi perhatian. Dengan yang demikian Kumpulan sentiasa menerokai pelbagai potensi perniagaan dan pemelbagaian geografi serta mencari kegunaan alternatif bagi keupayaan yang berlebihan. Sektor harta tanah kekal mencabar di tengah-tengah persaingan yang sengit di kalangan pengusaha-pengusaha harta tanah baru mengakibatkan bahagian harta tanah Kumpulan terpaksa menerima pakai strategi pasaran yang lebih agresif dengan pembezaan produk dan fleksibiliti dalam penawaran produk untuk menepati permintaan pasaran.

Sejak sekian lama, Kumpulan telah memasuki dalam pasaran baru muncul seperti India, Timur Tengah, Indonesia dan China. Manakala Kumpulan boleh memasuki pasaran-pasaran tersebut, kerja-kerja asing datang bersama dengan risiko-risiko tambahan mengambil kira persekitaran kendalian dan ekonomi yang berbeza dan persekitaran ekonomi serta persaingan sengit daripada pengusaha-pengusaha tempatan dan antarabangsa. Namun demikian Kumpulan terus memantau risiko pasaran sambil secara berterusan mencari peluang-peluang tempatan dan di peringkat antarabangsa untuk mengisi semula buku tempahan dan mengekalkan perolehan.

### PENGURUSAN RISIKO KOMODITI

Risiko komoditi timbul daripada kemeruapan harga-harga komoditi yang sering dikaitkan dengan perniagaan perladangan kami. Kumpulan mengurus risiko-risiko tersebut dengan sentiasa mengawasi harga komoditi, menggunakan lindungan nilai dan mengawasi secara rapi trend peletakan harga bahan-bahan gantian utama seperti minyak dan lemak.

### PENGURUSAN RISIKO KREDIT DAN MUDAH TUNAI

Risiko-risiko kredit ini timbul daripada ketidakupayaan untuk mendapatkan semula hutang tepat pada masanya yang mungkin mempunyai kesan teruk ke atas keuntungan, aliran tunai dan pendanaan Kumpulan. Kumpulan meminimumkan pendedahan sedemikian dengan menilai kepercayaan kredit pelanggan berpotensi, pengawasan rapi kutipan dan hutang lampau tempoh, dan penggunaan kredit yang lebih berkesan bagi memastikan penuilan pada tahap yang selesa.

### PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Risiko operasi timbul daripada pelaksanaan fungsi perniagaan syarikat termasuk kerosakan dalam sistem dan peralatan, keadaan berlebihan keupayaan, ketidakcukupan buruh mahir dan keadaan cuaca buruk. Kumpulan mematuhi dengan ketat dasar, prosedur, proses, kawalan kualiti dan amalan terbaik untuk memastikan semua sistem dan peralatan berfungsi dengan baik. Untuk mengurus isu berlebihan keupayaan, Kumpulan sentiasa mengkaji rancangan perniagaannya dan mencari kegunaan alternatif bagi keupayaan yang tersedia.

Kumpulan telah melaksanakan skim imbuhan yang menarik untuk menarik dan mengekalkan buruh mahir bagi memenuhi keperluan sedia ada dan masa hadapan. Untuk menghadapi musim kering seperti 'El Nino' dan musim hujan 'La Nina' yang menjelaskan tanaman kelapa sawit, bahagian perladangan Kumpulan mematuhi dengan ketat manual penanaman, menggunakan amalan pertanian yang baik, melaksanakan langkah-langkah penjimatan air dan pengairan untuk mengekalkan hasil pengeluaran yang tinggi.



Ditengah-tengah persaingan yang sengit, IJM Land mengamalkan strategi pasaran agresif dengan pelbagai penawaran hartanah untuk sesuai dengan permintaan pasaran



Untuk mengurangkan risiko ketidakcukupan buruh di ladang-ladang kami, skim imbuhan yang menarik ditawarkan untuk menarik dan mengekalkan pekerja

# Penyata Kawalan Dalaman (samb.)

## PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN BERPERATURAN

Kumpulan melalui bahagian undang-undang dalamannya sendiri, menyelenggara pengawasan undang-undang dalam Kumpulan dan melapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan. Ketua bahagian Undang-undang adalah seorang jurutera dan peguam mengikut profesi dan mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam pelbagai organisasi sebelum menyertai Kumpulan. Beliau menyediakan input undang-undang mengenai pematuhan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan terpakai serta mengenai perkara-perkara perniagaan dan operasi.

## RANCANGAN PEMULIHAN BENCANA

Dengan ancaman kerosakan sistem maklumat pengurusan (“MIS”), dan lain-lain bencana yang berpotensi seperti kebakaran, banjir, gempa bumi atau kegagalan peralatan utama, antara lainnya, keberterusan operasi perniagaan menjadi kebimbangan utama kepada Kumpulan.


Sejak itu, Kumpulan telah menyediakan satu tapak pengeluaran bagi sistem ERPnya di pusat penghosan luaran di Cyberjaya, Kuala Lumpur yang telah direka agar hampir bebas daripada bencana manakala Pusat Data IJM yang sedia ada di Wisma IJM, Petaling Jaya terus menempatkan aplikasi bukan ERP.

Pusat Data IJM juga bertindak sebagai tapak panas bagi pemulihian sistem, atau sebaliknya, jika sekiranya berlaku kegagalan MIS. Sokongan Data dilaksanakan secara sistematis setiap hari. Sekiranya berlaku gangguan besar yang menyebabkan kehilangan data, sistem aplikasi akan dipulihkan dalam masa 48-72 jam untuk memastikan keberterusan operasi perniagaan.

Latihan pengurusan kejadian kerap diadakan di kawasan harta tanah dan tapak kami berkisar dari latihan keselamatan kebakaran asas sehingga latihan pemindahan besar-besaran dijalankan untuk memastikan kakitangan kami sentiasa bersedia dan biasa dengan rancangan tindak balas kecemasan dan pengurusan krisis kami. Kumpulan secara berterusan mempertingkatkan rancangan keberterusan perniagaannya untuk memastikan keberterusan fungsi kritis sekiranya berlaku krisis.



Latihan pertolongan cemas dan CPR telah diadakan untuk menyediakan kakitangan kami sekiranya berlaku keadaan kecemasan



Bengkel Pelan Tindakan Kecemasan & Pengurusan Krisis



Dialog Pengurusan Kanan Tahunan diadakan untuk memastikan kakitangan sentiasa mengikuti prestasi dan isu-isu berkaitan Kumpulan.

### ELEMEN PENTING SISTEM KAWALAN DALAMAN KUMPULAN

- Perwakilan tanggungjawab yang digariskan dengan jelas kepada Lembaga, Jawatankuasanya dan unit-unit kendalian, termasuk tahap kuasa yang jelas bagi semua aspek perniagaan;
- Dasar dan prosedur kendalian standard yang didokumenkan dengan jelas yang tertakluk kepada kajian dan penambahbaikan dari masa ke masa;
- Komunikasi dari pihak atasan ke bawahan mengenai nilai-nilai syarikat seperti pencegahan penipuan dan ruang bagi pengaduan salah laku;
- Maklumat tetap dan komprehensif yang disampaikan kepada pengurusan, meliputi prestasi kewangan dan petunjuk perniagaan penting, seperti keadaan ekonomi dan pasaran;
- Belanjawan tahunan disediakan untuk mengawasi prestasi sebenar berbanding dengan belanjawan dan prestasi tempoh sebelumnya, dengan pemeriksaan varians utama dan tindakan pengurusan diambil sebagaimana yang perlu;
- Taklimat setengah tahun dengan juruanalisis diadakan pada hari keputusan kewangan dikeluarkan, untuk memaklumkan pemegang-pemegang saham, pemegang-pemegang pelbagai kepentingan dan orang awam mengenai prestasi Kumpulan manakala menggalakkan ketelusan dan perbincangan terbuka; dan
- Mengadakan lawatan ke unit-unit operasi oleh ahli-ahli Lembaga dan pengurusan kanan bagi membiasakan diri dengan operasi perniagaan.

### PENILAIAN RISIKO TAHUNAN DAN SUKU TAHUNAN

Dalam tahun kewangan di bawah kajian, semua bahagian telah melaksanakan kajian menyeluruh tahunan mereka akan profil risiko mereka dan selaras dengan itu, mencadangkan perubahan kepada pengurusan risiko dan proses-proses kawalan dalaman, yang telah dinilai oleh RMC dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

Kumpulan telah mengenal pasti bidang risiko utama yang menjadi kebimbangan dan tindakan-tindakan pengurangan telah diambil dalam rangka masa yang wajar. Beberapa bidang risiko penting yang dikenal pasti termasuk kemelesetan ekonomi, mudah tunai yang ketat, pengutipan yang lambat, persekitaran harta tanah yang bersaingan dan naik turun harga komoditi. Beberapa kelemahan kecil dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa kajian telah atau sedang ditangani. Selain daripada itu, Kumpulan menjalankan kemas kini penilaian risiko suku tahunan. Tidak ada kerugian, kontigensi atau ketidakpastian material yang timbul daripada kajian-kajian tersebut.

Berdasarkan pertanyaan dan maklumat yang disediakan, kami dengan sukacitanya menyatakan bahawa sistem kawalan dalaman adalah secara amnya memuaskan dan mencukupi bagi tujuannya. Pengurusan secara berterusan mengambil langkah-langkah untuk memastikan kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman, dan untuk melindungi aset-aset Kumpulan dan pelaburan pemegang-pemegang saham.

**KUMPULAN AKAN TERUS MENGAWASI SEMUA RISIKO UTAMA YANG MELIBATKAN KUMPULAN DAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU UNTUK MENGURANGKANNYA DAN MEMPERTINGKATKAN SISTEM KAWALAN DALAMAN KUMPULAN.**

**Penyata Kawalan Dalamani ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 17 Julai 2012.**

# Laporan Kualiti

Dalam IJM, kami mengaitkan Kualiti dengan Kepuasan Pelanggan dan Penambahbaikan Berterusan. Kami percaya bahawa penumpuan kepada Kepuasan Pelanggan dan pematuhan Penambahbaikan Berterusan dan Standard Kualiti adalah aspek penting untuk kekal berdaya saing dalam tempat pasaran hari ini. Salah satu daripada objektif utama Kumpulan adalah untuk menumpukan kegiatan kami untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan pelanggan kami.

Moto Kumpulan “Kecemerlangan Melalui Kualiti” menggambarkan dengan tepat komitmen yang tiada kompromi kepada standard kualiti dan meneruskan usaha untuk Penambahbaikan Berterusan ini. Sistem Kualiti IJM ditakrif melalui objektif, dasar, proses dan infrastruktur organisasinya yang ditetapkan ke arah pengurusan kualiti menyeluruh sejajar dengan wawasan misi dan nilai terasnya.

## PENYATA POLISI KUALITI

Selaras dengan falsafah kualiti IJM, Kumpulan percaya bahawa proses kecermelangan adalah tunggak operasi kami. Kualiti adalah mercu tanda kami dengan itu kami akan berusaha bersama-sama untuk:

- Memastikan projek-projek yang dilaksanakan dan perkhidmatan yang disediakan memenuhi kepuasan pelanggan;
- Secara berterusan mempertingkatkan kemahiran, proses-proses dan sistem pengurusan kualiti kami;
- Dipercayai oleh pemegang pelbagai kepentingan kami atas dedikasi, tindakan profesional serta integriti kami;
- Memastikan pematuhan kepada keperluan undang-undang yang berkenaan;
- Berusaha untuk menjadi peneraju industri.



*Pemasangan pendakap yang betul bagi cerucuk selaras dengan prosedur kualiti di projek pengembangan himpitan kami, di Pelabuhan Kuantan*

## KOMITMEN DAN BUDAYA

Komitmen Kumpulan ke arah kualiti dapat dilihat daripada penglibatan pengurusan kanan dalam jawatankuasa pengurusan kualiti dan mesyuarat-mesyuarat kajian pengurusan.

Kumpulan memberi penekanan pada pembangunan budaya yang mementingkan kualiti berhubung dengan proses-proses dan sistem-sistem pada setiap peringkat operasi untuk meningkatkan kesedaran kakitangan akan tanggungjawab dan komitmen mereka ke arah kecemerlangan kualiti.

Kumpulan mendokong kecacatan sifar dan pematuhan kepada keperluan kualiti. Ini adalah titik fokus penambahbaikan berterusan.



*Perkakas yang betul digunakan untuk mengekalkan kualiti konkrit dan kerja bata di projek Aviva Green kami, Seremban 2*



Penggunaan panduan yang disesuaikan dengan penanaman cerucuk persegi pada kedudukan yang betul di Projek Pusat Pemulihian Perkeso, Melaka



Latihan ‘Teori dan Aplikasi Lepa Epoksi’ dikendalikan oleh Pembekal Lepa Epoksi (Axel) untuk Personel QC Bahagian Industri kami di Wilayah Tengah dan Utara

## KAWALAN & PEMANTAUAN

Kumpulan menjalankan pemeriksaan dan pengujian menyeluruh ke atas kualiti produknya untuk memastikan produk ini memenuhi syarat-syarat dan standard kualiti.

Kumpulan adalah komited ke arah memenuhi keperluan pelanggan dan memberikan dan produk dan perkhidmatan berkualiti, dan dengan yang demikian telah membangunkan dan secara berkesan melaksanakan sistem kualiti yang terdiri daripada:

- Sistem pengurusan kualiti yang distrukturkan dengan baik pada setiap peringkat operasi yang berkenaan;
- Jaminan dan lawatan kawalan rutin untuk menentusah keberkesanaan pelaksanaannya;
- Audit dalaman dan luaran berjadual;
- Analisis data berkesan termasuk tinjauan kepuasan pelanggan;
- Sistem maklum balas berdasarkan pengetahuan;
- Indeks prestasi penting sebagai sebahagian daripada objektif kualiti; dan
- Penggunaan berkesan sistem berdasarkan elektronik bagi pemantauan dan kawalan berpusat.



Kod Amalan Audit Pemantauan MPOB Tahunan yang dikendalikan dari Okt hingga Dis 2011

## KEPUASAN PELANGGAN & PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Kepuasan Pelanggan menjadi ukuran rujukan kami bagi mengukur kejayaan. Kami mentafsir kualiti sebagai tahap sehingga mana kami memuaskan pelanggan-pelanggan kami. Dengan yang demikian, sistem pengurusan bersepada kami merangkumi semua usaha kami untuk mengoptimalkan kegiatan tertumpu pelanggan kami.

Kumpulan telah menyediakan sistem kawal atur sendiri yang dibangunkan secara dalaman dipanggil Sistem Penilaian Standard Kualiti IJM (“IQSAS”) bagi beberapa aspek pembinaan bangunan dan kerja-kerja sivilnya. Ini bertindak sebagai ukur rujuk di antara kalangan projek-projeknya dan kemudiannya sebagai pemangkin bagi peningkatan kualiti berterusan.

Projek-projek pembangunan hartaanah berharga tinggi kami juga dinilai berdasarkan Sistem Penilaian Kualiti Pembinaan (“CONQUAS”) manakala produk-produk dikilang Kumpulan adalah diperakui kualitinya untuk mematuhi standard berperaturan yang berkenaan dan beberapa loji adalah diperakui kepada Majlis Akreditasi Singapura.

# Laporan Kualiti (samb.)

Sebagai bahagian penting pengurusan kualiti kami, proses-proses kami direka untuk menambah nilai kepada pelanggan-pelanggan kami. Penambahbaikan berterusan juga merupakan bahagian penting falsafah IJM untuk mewujudkan dan mengekalkan prestasi berkualiti yang lebih baik dan dilaksanakan melalui pendekatan-pendekatan yang berikut:

- Mengkaji dan mengemas kini secara progresif manual dan prosedur Sistem Pengurusan Kualiti (“QMS”) untuk menangani keperluan pelanggan dan perniagaan, dan kemajuan teknologi;
- Pembangunan pengetahuan dan kemahiran kakitangannya untuk memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan dalam keperluan produk dan perkhidmatan;
- Latihan semasa kerja pada keseluruhan operasinya;
- Penekanan ke atas kecemerlangan proses;
- Pelaburan dalam perkakasan dan perisian terkini;
- Menjadikan inovasi sebagai sebahagian daripada strategi operasi;
- Pengenalan bahan-bahan berprestasi tinggi dalam produk-produk dikelangnya dan bergerak ke arah lebih banyak pengautomatan ; dan
- Pelaksanaan garis panduan dan sistem kawalan proses bagi pelaksanaan dan pengawasan berkesan.

Kami akan terus mengawasi proses-proses kami untuk membolehkan kami secara berterusan mempertingkatkan prestasi kami. Akhir sekali, matlamat kami adalah untuk diiktiraf sebagai peneraju Kualiti oleh pelanggan, pesaing kami dan industri secara amnya.



## PENGIKTIRAFAN & PENSIJILAN

Untuk menggalakkan persaingan sihat di kalangan pekerjayaan dalam menghasilkan kerja yang berkualiti Kumpulan memberikan Anugerah Kualiti tahunan kepada projek-projek yang cemerlang di kalangan kumpulannya. Anugerah diberikan bagi dua kategori yang terdiri daripada kerja-kerja pembinaan dan sivil.

QMS Kumpulan telah diperakui oleh standard ISO 9001 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa sejak 1996. Sejak itu, Kumpulan telah berhasrat untuk secara berterusan mencapai pematuhan ISO 9001:2008 dalam operasi perniagaan terasnya. Berikut adalah syarikat-syarikat yang telah memperoleh pensijilan yang terkenal:

1. IJM Corporation Berhad
  2. IJM Land Berhad
  3. IJM Construction Sdn Bhd
  4. Road Builder (M) Sdn Bhd
  5. Industrial Concrete Products Sdn Bhd
  6. Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd
  7. IJM Building Systems Sdn Bhd
  8. Jurutama Sdn Bhd
  9. IJM (India) Infrastructure Ltd
  10. Kuang Rock Products Sdn Bhd
  11. Expedient Resources Sdn Bhd
  12. Strong Mixed Concrete Sdn Bhd
  13. Durabon Sdn Bhd
  14. Besraya (M) Sdn Bhd
  15. New Pantai Expressway Sdn Bhd
  16. Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd
  17. IJM Highway Services Sdn Bhd
  18. Kuantan Port Consortium Sdn Bhd
- (Mengurus Kargo Pukal Cecair)

Bahagian Industri kami telah memperoleh pengiktirafan selanjutnya apabila Certification International (Singapore) Pte Ltd menganugerahkan Industrial Concrete Products Sdn Bhd Pensijilan SS EN 206-1:2009, SS 544: Part 1 & 2:2009, SAC CT 06:2010 bagi kilang-kilang konkrit siap campurnya: Klang 1 & 2, Kapar, Lumut 1 & 3, Nilai dan Senai.

Bahagian Perladangan kami memastikan bahawa amalan penanamannya adalah selaras dengan keperluan industri. Hasilnya, unit-unit kendalian Bahagian di Sabah terdiri daripada 1 tapak semaihan, 11 ladang, 4 kilang minyak sawit dan 1 loji penghancuran isirong sawit, adalah diperakui di bawah Kod amalan MPOB (“CoPs”) bagi kualiti, keselamatan makanan dan kemapanan.



## MENJULANG KE KEMUNCAK

Bercita-cita untuk mencapai kemuncak yang lebih tinggi dalam Pengurusan Kualiti, IJM telah memulakan dua sistem baru seperti berikut:-

- a) SIRIM 5-S
- b) Sistem Pengurusan Dokumen Elektronik

### 1. SIRIM 5-S Pelaksanaan bagi Tapak Pembinaan

Objektif sistem ini adalah untuk memandu projek pembinaan dan sub-kontraktor kami untuk meningkatkan keselamatan, kebersihan, kualiti, produktiviti dan imej melalui Amalan 5-S proprietari.

5-S => ISO 9000 + ISO 14001 + OSHAS 18001 => TQM

B. JEPUN	SIRIM 5-S	B.MALAYSIA	50-mata	Contoh Tipikal
<b>Seiri</b>	Structurise	Struktur	10	Melupuskan benda yang tidak diperlukan
<b>Seiton</b>	Systematise	Sistematik	10	30-sat mendapatkan balik alatan, dokumen dan bahagian
<b>Seiso</b>	Sanitise	Sanitis	5	Tanggungjawab pembersihan individu
<b>Seiketsu</b>	Standardise	Standard	15	Penyimpanan tersusun
<b>Shitsuke</b>	Self-discipline	Sentiasa disiplin diri	10	Melaksanakan tanggungjawab individu

### 2. Sistem Pengurusan Dokumen Elektronik (“eDMS”)

IJM telah memasuki satu lagi peristiwa penting bagi peningkatan sistem kualiti dengan melaksanakan eDMS, penyelesaian berdasarkan awan (cloud based solution). Sistem ini membolehkan penyeragaman, pemusatan dan penyatuan dokumen-dokumen menjadi satu depositori; manakala menyediakan bagi kemudahan mendapatkan balik dan penyelenggaraan dokumen secara elektronik. eDMS juga membolehkan kawalan organisasi bergerak dan mekanisme operasi berkesan.




Kakitangan tapak berikrar bagi Pelaksanaan 5-S

# Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar

Perkara penting yang sentiasa dititikberatkan dalam strategi perniagaan mapan dan nilai teras Syarikat adalah komitmennya terhadap keselamatan dan kesihatan personelnya dan orang awam serta perlindungan alam sekitar.

Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("SPKKAS") ditubuhkan sebagai sebahagian daripada dedikasi dan komitmen Kumpulan ke arah melindungi orang ramai dan menjaga alam sekitar. HSEMS secara khususnya direka untuk bukan sahaja "mengurus, mengawal dan menangani" tetapi juga ia diperluaskan untuk penambahbaikan berterusan, sejajar dengan keperluan standard-standard OHSAS 18001, MS ISO 14001 dan MS 1722 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Pelan Keselamatan dan Kesihatan Projek ("PKKP") dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar Projek ("PPASP") telah ditubuhkan atas dasar keperluan khusus projek meliputi fasa-fasa pembangunan projek daripada pra-pembinaan hingga tahap penyahaktifan. Ini adalah untuk memastikan pematuhan yang konsisten dengan peraturan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar. Selain itu, Pelan Tindakan Kecemasan ("PTK") juga telah ditubuhkan di tapak-tapak projek yang menggariskan prosedur pengurusan kecemasan dan pemulihan perniagaan.



## Penyata Dasar Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("KKAS")

Berpandukan motonya, "Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Adalah Tanggungjawab Semua", Objektif utama IJM adalah untuk mencegah kemalangan, penyakit pekerjaan dan pencemaran alam sekitar.

Untuk mencapai objektif-objektif ini, IJM telah menyediakan dasar-dasar dan prosedur-prosedur KKAS, dan rangka kerja yang komprehensif membantu Kumpulan untuk:

- Mematuhi semua perundangan KKAS dan syarat-syarat lain yang terpakai;
- Membiasakan semua kakitangan dan pemegang pelbagai kepentingan dengan latihan, maklumat dan kemudahan yang tersedia;
- Meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawaban di semua peringkat organisasi; dan
- Memantau dan sentiasa mengkaji objektif-objektif KKAS yang telah ditetapkan.

## Organisasi KKAS

SPKKAS telah dilaksanakan di semua peringkat Syarikat dan Organisasi KKAS telah diwujudkan untuk menguruskan dan memantau secara berkesan pelaksanaannya.

- Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("PKKAS")

Jawatankuasa, ini diketuai oleh CEO & Pengarah Urusan bermesyuarat pada selang masa yang dirancang untuk mengkaji operasi dan prestasi KKAS.

- Jawatankuasa Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("KKAS")

Diketuai oleh kakitangan pengurusan kanan yang dilantik, Jawatankuasa ini ditubuhkan di peringkat korporat dan di semua tempat kerja sebagai sebahagian daripada pematuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ("OSHA") 1994.

- Jabatan KKAS Korporat

Membantu Syarikat dalam menujuhkan, melaksanakan dan menyelenggara SPKKAS.

## Program Pengurusan KKAS

Syarikat telah memperkenalkan pelbagai program pengurusan dalam tahun kewangan di bawah kajian untuk memacu pengurusan KKAS Syarikat ke peringkat lebih tinggi yang termasuk:

- Penilaian Sendiri KKAS

Direka untuk membantu Pasukan Projek mengenal pasti tahap pematuhan mereka terhadap SPKKAS yang melibatkan pemprosesan 16 elemen yang ditaksir dan dinilai menggunakan sistem skor.

- Keselamatan berasakan Tingkah Laku

Melibatkan tinjauan untuk menilai status budaya keselamatan di IJM yang sebaliknya membantu meningkatkan keberkesanan pelaksanaan SPKKAS.

- Pelaporan KKAS

Ditubuhkan sejajar dengan objektif IJM untuk memulihara alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan kertas. Sistem penyimpanan dan pemerolehan data dalam talian membantu penyebaran dan perkongsian maklumat KKAS secara lebih berkesan meliputi seluruh peringkat Syarikat.

- Program Penilaian Prestasi Alam Sekitar (“PPAS”)

Satu alatan yang membolehkan IJM menentusahkan prestasi alam sekitarnya serta bidang-bidang untuk penambahbaikan.

## Pemantauan dan Pengukuran Prestasi KKAS

### i) Audit KKAS Dalaman


Langkah ini bertujuan untuk mengkaji dan mengukur tahap pematuhan SPKKAS dan pematuhan kepada syarat-syarat berperaturan yang terpakai. Dalam tahun kewangan, sejumlah 17 audit telah dijalankan.

### ii) Pemeriksaan Mengejut KKAS

Tujuannya adalah untuk menentusahkan pematuhan terhadap standard dan keperluan KKAS yang ditubuhkan. 22 Pemeriksaan Kesihatan & Keselamatan dan 23 Pemeriksaan Mengejut Alam Sekitar telah dijalankan dalam tahun kewangan.

Bahagian Pembinaan telah menetapkan penarafan khusus sebanyak 75% dan ke atas sebagai petunjuk prestasi utama yang perlu dicapai oleh semua projek. 60% daripada projek keseluruhan yang diperiksa telah diberikan penarafan ‘Cemerlang’ dan ‘Baik’ kerana mencapai skor 75% ke atas.

**Pemeriksaan Mengejut KKAS**



# Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (samb.)



Sistem Pagar Perlindungan Tepi mencegah kejatuhan dari bangunan bertenaga tinggi semasa pembinaan



Jaring Keselamatan Penangkap Kejatuhan mencegah serpihan yang jatuh daripada menderakan orang di bawahnya

## Pencegahan Bahaya Keselamatan

IJM komited untuk mengurangkan risiko di tapak-tapak projek pembinaannya dengan menerapkan amalan terbaik dan melaksanakan teknologi-teknologi baru seperti sistem Pagar Perlindungan Tepi untuk melindungi pekerja-pekerja daripada kemalangan terjatuh dari tempat tinggi. Sistem tersebut digunakan dalam beberapa projek misalnya Platinum Park Fasa 3, Institut Kanser Negara dan Traders Hotel. Secara alternatif, Jaring Keselamatan Perlindungan Kejatuhan digunakan sama ada secara menegak sebagai Perlindungan Tepi bagi pencegahan kejatuhan atau secara melintang sebagai aplikasi menampung kejatuhan. Selain itu, penggunaan palam dan soket industri tugas berat telah diseragamkan dengan pencegahan litar pintas.



Papan DB Perindustrian dipasang di tapak-tapak pembinaan untuk mencegah litar pintas

## Amalan-amalan Keselamatan dan Kesihatan Lain

Bahagian Industri kami telah menyediakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang diwujudkan selaras dengan standard OHSAS 18001:2007 dan dilaksanakan di semua kilangnya. Sistem ini diaudit oleh juruaudit dalaman untuk memastikan pematuhan dengan perundangan dan standard yang terpakai.



Gas mudah terbakar disimpan di tempat yang selamat untuk mencegah bahaya kebakaran

Bahagian Perladangan telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dalam setiap unit operasi dengan kerap mengadakan Mesyuarat Keselamatan dalam usaha mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA). Kakitangan dilatih dalam aspek kesihatan dan keselamatan termasuk pengurusan krisis, kemalangan mesin, penyelenggaraan pencegahan dan pengurusan ruang terbatas.



Ceramah kesihatan yang dikendalikan untuk kakitangan di bahagian perladangan

## ALAM SEKITAR

Kumpulan mempunyai sasaran utama yang ditetapkan dalam polisi alam sekitar korporatnya seperti pencegahan pencemaran, pengurusan sumber asli, pemulihan semula keadaan landskap di tapak-tapak projek, peminimuman gangguan sosial dan alam sekitar serta menghormati budaya masyarakat.

Sebagai usaha mematuhi ISO 14001, Syarikat mengambil pendekatan tersusun untuk memulakan, melaksanakan dan memantau pelan alam sekitar dengan mewujudkan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (“PAS”). Petunjuk-petunjuk prestasi yang diwujudkan adalah berdasarkan penilaian kesan alam sekitar, objektif alam sekitar dan keperluan-keperluan berkanun.

### MODEL ISO 14001



### Pemantauan Alam Sekitar

Rangka kerja pemantauan alam sekitar kami disokong oleh Program Pemantauan Kualiti Alam Sekitar (“PPKAS”) yang mengukur sendiri kualiti alam sekitar kawasan sekeliling yang terjejas akibat operasi dan kegiatan perniagaan kami. Program ini tertumpu pada kualiti udara, bunyi dan air sungai untuk meminimumkan potensi kerosakan atau kemudaratan kepada sistem ekologi.

### Penjagaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

Penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar disumbangkan melalui amalan-amalan terbaik yang dipraktikkan dalam operasi sehari-hari Kumpulan. Berikut adalah langkah-langkah yang diterima pakai oleh beberapa bahagian yang memberikan gambaran keseluruhan mengenai kegiatan alam sekitar Kumpulan.

#### Pembinaan

Bahagian Pembinaan telah menerima pakai amalan terbaik untuk mengawal dan mencegah pencemaran alam sekitar. Antara amalan-amalan yang dilaksanakan termasuk:

#### Kawalan Pencemaran Air

Pencemaran air dikawal dengan melaksanakan Pelan Kawalan Hakisan dan Mendapan, yang termasuk:

- Penstabilan cerun untuk mengelak hakisan tanah dengan menggunakan penutup bumi sementara, penanaman rumput, tumbuh-tumbuhan dan penyemaian hidro;
- Sistem saliran sementara untuk mengawal aliran air permukaan untuk menghindari banjir;
- Pembinaan kolam keladak, kolam enapan atau pemasangan pagar keladak di tempat/kawasan yang sesuai sebelum mulakan kerja-kerja pembinaan;
- Pemantauan kualiti air tetap;
- Cara penyimpanan bahan-bahan binaan yang betul seperti simen dan pasir untuk mencegah daripada dihanyutkan air; dan
- Permatang pasir digunakan bagi kerja-kerja penebusgunaan tanah di sepanjang pinggir laut.



Penanaman rumput di cerun-cerun bukit untuk mencegah hakisan tanah

# Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (samb.)

## Kawalan Pencemaran Udara dan Bunyi

Kawalan-kawalan yang disediakan mencakupi amalan-amalan yang membantu mengurangkan pencemaran udara dan bunyi seperti:

- Larangan pembakaran terbuka untuk mencegah pelepasan partikel-partikel jelaga dan gas-gas bertoksik;
- Melembapkan kawasan tapak/laluan akses dengan air untuk membendung habuk;
- Trak-trak yang dimuatkan dengan bahan binaan ditutup atau dilembapkan;
- Kaedah-kaedah penanaman cerucuk digunakan dalam kerja-kerja asas untuk mencegah pencemaran bunyi;
- Penyelenggaraan kenderaan dan jentera pembinaan yang mencukupi untuk mencegah pelepasan asap hitam; dan
- Mendirikan dinding adang di tapak-tapak pembinaan untuk membendung habuk dan pencemaran bunyi.

Selain itu, kualiti udara dan bunyi dipantau secara kerap dan mematuhi Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

## Pengurusan Sisa

Sistem Pengurusan Sisa mematuhi Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Sisa Berjadual) 2005, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan syarat-syarat lain yang disenaraikan oleh Majlis Perbandaran Tempatan. Sistem ini menjelaskan peranan, tanggungjawab dan kaedah pengendalian sisa dengan betul.

## Industri

Prosedur operasi standard Bahagian Industri adalah untuk melindungi kualiti udara dan meminimumkan pencemaran bunyi di dalam dan di sekitar komuniti dalam mana ia beroperasi.

## Kawalan Pencemaran Udara dan Bunyi

Semua kakitangan perlu memakai peralatan perlindungan kebisingan sebagai langkah pencegahan dan pematuhan kepada peraturan OSHA. Sistem pemercik air dipasang di bahagian penghancur, penghantar dan di sepanjang laluan akses untuk melembapkan kawasan berhabuk di kuari.



*Pemasangan pagar papan untuk mengurangkan pencemaran bunyi*



*Penyimpanan sisa berjadual – amalan pengurusan sisa yang baik*



*Papan tanda bahaya keselamatan dipasang di kilang-kilang kami*



Pengayaan hidupan flora di Hundred-Acre Wood dengan koleksi Orkid Borneo di IJM Plantations



Pencinta Burung memerhatikan spesies-spesies burung yang terdapat di ladang-ladang

### **Pemantauan Habuk**

Kilang-kilang kami mematuhi peraturan bagi pencegahan dan kawalan bahaya kesihatan disebabkan habuk mineral sebagaimana ditetapkan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967. Pemantauan habuk juga dijalankan di semua kilang dan kuari.

### **Pencegahan Tanah Runtuhan**

Penanaman rumput di lereng-lereng bukit diterima pakai di kuari-kuari kami sebagai langkah pencegahan daripada tanah runtuh dan kesan-kesan buruk lain kepada alam sekitar.

### **Pelandskapan dan Pengemasan**

Untuk menjadikan persekitaran yang lebih hijau di kilang-kilang dan kuari-kuari kami, pokok-pokok dan tumbuhan ditanam serta taman dan kolam ikan dibina.

### **Hartanah**

#### **Bangunan Hijau**

Cabang hartenah kami, IJM Land adalah pemaju pertama di Pulau Pinang untuk mendapatkan pensijilan GBI bagi pembangunan hartenah bertingkat tinggi bagi projek-projek kondominium Light Linear dan Light Point.

Pemaju pada masa ini sedang giat membuat persiapan untuk memasarkan perbandaran hijau baru berkeluasan 1,879 ekar di Lembah Klang iaitu Bandar Rimbayu.

Ini adalah bukti kepada usaha berterusannya untuk mewujudkan reka bentuk mapan untuk meminimumkan kesan negatif bangunan kepada alam sekitar.

Bahagian ini berusaha untuk mewujudkan reka bentuk hartenah yang berpegang kepada prinsip keharmonian dan pemuliharaan alam sekitar untuk mewujudkan keadaan kehidupan yang optimum. Ciri-ciri ini termasuk mengorientasikan unit-unit untuk menghadap ke ‘utara’ dan ‘selatan’ bagi mengurangkan haba, penggunaan cahaya semula jadi untuk meminimumkan penggunaan tenaga elektrik, memasang penukar penyaman udara dilengkapi pemasangan paip dan menerapkan landskap hijau yang subur dalam pembangunannya.

### **Perladangan**

Bahagian Perladangan kami komited untuk meminimumkan kesan kegiatan pertanian ke atas alam sekitar dengan amalan terbaik manakala pada masa yang sama melaksanakan inisiatif hijau seperti pemuliharaan dan peningkatan biodiversiti.

### **Pemuliharaan Tanah**

Lebih kurang 8.2% daripada simpanan tanah perladangan diperuntukkan untuk tujuan pemuliharaan, pendidikan, rekreasi dan latihan. Kejayaan gemilangnya adalah projek “Hundred-Acre Wood” yang menunjukkan inisiatif pemuliharaan ekologi, pendidikan ilmu alam dan usaha-usaha latihan ke atas 100 ekar plot tanah.

Tapak tersebut menempatkan tapak semai bagi spesies-spesies pokok hutan hujan tropika yang bernilai tinggi termasuk Laran (*Neolamarckia cadamba*) dan Sesenduk (*Endospermum spp.*), tадahan air, kebun buah-buahan dan taman herba perubatan dengan lebih 150 spesies pokok perubatan. Projek ini menghalang hakisan pada lereng-lereng curam, mengurangkan degradasi tanah dan membina semula rangkaian habitat semula jadi.

# Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (samb.)



Kegiatan penanaman pokok di ladang



Pemfileman dokumentari mengenai ekosistem pokok bakau oleh Jabatan Perhutanan Sabah di Hundred-Acre IJM Plantation

## Projek Penanaman Hutan

Di kawasan-kawasan yang tidak sesuai bagi penanaman kelapa sawit, bahagian peladangan telah menjalankan usaha penanaman hutan daripada spesies-spesies pokok yang mempunyai daya tahan kepada banjir yang berpanjangan seperti Bongkul (*Neonaucleasubdita*) dan Sepat (*Mitragnaspesciosa*).

## Sekuestrasi Karbon

Anggaran karbon yang diserap oleh pokok-pokok kelapa sawit dikira berdasarkan metodologi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (“LMSM”). Dalam tahun pelaporan, jumlah karbon disekuester telah meningkat sebanyak 17% kepada 768,034 tan metrik atau 30 tan metrik setiap hektar tanaman berbanding dengan tahun sebelumnya memandangkan lebih banyak pokok telah mencapai kematangan.

### Karbon disekuester oleh pokok-pokok kelapa sawit Kumpulan dalam FY 2012

	Kumpulan Usia (tahun)	Jumlah Biomass (tan/ha)	Karbon (tan/ha)	Kawasan Ditanam (hektar)	Jumlah Karbon (tan metrik)
<b>Belum matang</b>	(1-3 years)	14.5	5.8	904	5,245
<b>Matang</b>	(4-8 years)	40.3	16.12	2,920	47,070
	(9-13 years)	70.8	28.32	13,418	379,991
	(14-18 years)	93.4	37.36	4,486	167,603
	(19-24 years)	113.2	45.28	3,713	168,125
<b>Jumlah</b>				25,441	768,034

## Pembakaran Sifar

Dasar pembakaran sifar digunakan kepada kedua-dua proses penanaman baru dan penanaman semula pokok kelapa sawit yang membantu untuk meminimumkan pemanasan global dan mematuhi undang-undang alam sekitar.



Tadahan air di Ladang Minat Teguh



Kapsyen: Pekerja-pekerja melepaskan serangga pemangsa bagi mengawal serangga pemakan daun secara biologi

### Pemuliharaan Air dan Tanah

Tanaman penutup bumi kekacang ditanam untuk memuliharkan kesuburan tanah yang hilang selepas pembersihan tanah. Untuk memenuhi keperluan dan penggunaan air harian, takungan air yang besar dengan tumbuh-tumbuhan yang sesuai telah diwujudkan. Parameter taburan hujan juga dipantau setiap hari.

### Penggunaan Agrokimia

Program baja adalah berdasarkan nutrien daun dan profil prestasi kadar hasil pokok kelapa sawit. Strategi rintangan anti perosak telah diterima pakai dengan memilih bahan kimia rawatan secara berhati-hati untuk mengelak pergantungan berlebihan ke atas mana-mana satu jenis bahan kimia dan kuantiti yang digunakan dipantau secara dekat.

### Pengurusan Perosak Bersepadu

Bahagian perladangan kami menggunakan amalan terbaik yang melibatkan gabungan teknik-teknik pengurusan perosak untuk mengekalkan tahap biodiversiti yang tinggi dalam ekosistem. Pokok-pokok bermanfaat seperti *Turnera subulata*, *Antigonon leptopus* dan *Cassia cobanensis* ditanam untuk mengekalkan keseimbangan populasi serangga perosak kelapa sawit dengan alam semula jadi yang menyebabkan pengurangan penggunaan racun serangga bagi mengawal ulat kelongsong dan ulat bulu netel.

Serangga pemangsa yang dibiacakan dalam insektarium ditempatkan di pusat penyelidikan bagi mengawal serangga pemakan daun secara biologi. Kotak burung hantu juga digunakan untuk mengawal tikus secara biologi di ladang-ladang. Begitu juga, uncang-uncang feromon digunakan untuk memerangkap kumbang badak *Oryctes rhinoceros*, berbanding kawalan kimia. Penggunaan minimum racun perosak telah membolehkan pelbagai jenis flora dan fauna hidup subur di ladang.

### Penggunaan Keluaran Sampingan Sisa

Dasar pelepasan sisa sifar diterima pakai dalam proses pengilangan. Efluen kilang minyak sawit ("POME") yang kaya dengan nutrien dirawat dengan betul sebelum dilepaskan ke ladang untuk pengairan. Tandan buah kosong ("EFB") juga disalurkan bagi penyungkupan di ladang-ladang. Di Sabang, cebisan EFB dan POME dicampurkan bagi menghasilkan biokompos untuk mengurangkan pergantungan pada baja tak organik dan untuk meningkatkan marginal tanah.

# Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (samb.)



Lebuh Raya LEKAS telah dibina berdasarkan Syarat Kelulusan EIA



Personnel pelabuhan mengambil bahagian dalam latihan kebakaran

## Tol

### Sistem Kad Pintar

Untuk mengurangkan penggunaan kertas pada tiket-tiket bercetak, Bahagian Tol menggunakan sistem ‘Kad Pintar’ sebagai pengganti yang juga mengurangkan percanggahan yang mungkin dalam kutipan tol dan memudahkan pemerolehan data dengan mudah.

### Pematuhan EIA

LEKAS telah dibina berdasarkan Syarat-syarat Kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (“EIA”) dengan menggabungkan teknologi terkini dalam reka bentuk dan pembinaan lebuh raya dengan kesan minimum kepada alam sekitar.

## Pelabuhan

### Kawalan Pencemaran Laut

Bahagian Pelabuhan kami mematuhi sepenuhnya peraturan tempatan dan antarabangsa, misalnya Konvensyen Pencemaran Minyak Marin (Konvensyen MARPOL 73/78) dan Panduan Keselamatan Antarabangsa bagi Kapal Tangki Minyak dan Terminal (ISGOTT).

Bagi kapal tangki minyak yang masuk ke Pelabuhan Kuantan, adalah wajib baginya mematuhi senarai semak keselamatan kapal pesisir untuk memastikan pematuhan kepada kawalan keselamatan dan pencemaran. Sebagai langkah pengurangan, Pasukan Tindakan Kecemasan Tumpahan Minyak bahagian ini sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi kecemasan.

### Kawalan Pencemaran Habuk

Untuk mengurangkan pencemaran habuk di kawasan pelabuhan, bahagian ini juga mengarahkan agar lori-lori yang membawa kargo pukal seperti hampas isirung sawit, baja, serpihan kayu dan barang pukal lain, menutup kargo sebelum meninggalkan premis-premis pelabuhan.

Penggunaan sistem penghantar bagi pemuatan dan pemunggahan kargo digalakkan untuk meminimumkan pencemaran habuk daripada kargo pukal dan untuk melindungi kesihatan kakitangan pelabuhan dan pengguna dalam jangka panjang. Penggunaan topeng habuk juga digalakkan.



Perhimpunan/taklimat ringkas mengenai keselamatan dan kesihatan di kilang-kilang



Latihan Pertolongan Cemas di Wisma IJM

## PROGRAM LATIHAN DAN KESEDARAN KKAS

I-Portal syarikat bertindak sebagai medium penting untuk menyebarkan maklumat KKAS mengenai manual terkini, amaran kejadian dan tindakan pembetulan yang dicadangkan kepada semua peringkat kakitangan. Latihan dan kempen dijalankan secara berterusan untuk menggalakkan kesedaran mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Tema Bahagian Industri “Cemerlang dalam Budaya Keselamatan dan Kesihatan” diteruskan buat tahun kedua berturut-turut pada tahun 2012 untuk menggalakkan amalan keselamatan. Pertandingan dianjurkan untuk menilai pematuhan undang-undang, amalan keselamatan & kesihatan dan pengemasan yang betul. Ganjaran-ganjaran ini bertindak sebagai galakan bagi usaha berterusan untuk meningkatkan status Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (“KKP”) di tempat kerja.

Kesedaran ke atas OSH sentiasa digalakkan di kilang-kilang kami melalui pelbagai program, latihan dan kempen seperti latihan memadam kebakaran dan pertolongan cemas, gotong-royong dan kegiatan 5S, perhimpunan/taklimat ringkas mengenai hal-hal keselamatan dan kesihatan. Selain daripada itu, ganjaran-ganjaran diberikan bagi setiap pencapaian sebanyak 500 Hari Tanpa Kemalangan.

Bahagian Perlادangan menjalankan program Peningkatan Produktiviti dengan Alternatif Pintar (“PPAP”) yang menumpu pada penggalakan pengendalian selamat agrokimia. Semua pengguna agrokimia didaftarkan dan diluluskan di bawah Akta Racun Perosak 1974 (Akta 149) dan Peraturan, dan Akta Keselamatan Makanan 1983 (Akta 281). Latihan keselamatan dan menyelamat kerap dijalankan dengan kerjasama daripada Pasukan Tindakan Kecemasan Pertahanan Awam (PTKPA) dan jabatan-jabatan tempatan.



Pertandingan Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan di peringkat Bahagian Industri

Setiap tahun, Bahagian Pelabuhan mengambil bahagian dalam latihan memadam kebakaran. Pada Mei 2011, latihan bersama menghadapi kebakaran telah diadakan di loji Momentive Specialty Chemicals yang terletak di kawasan perindustrian pelabuhan. Objektifnya adalah untuk membolehkan pegawai keselamatan pelabuhan kami membiasakan diri dengan persekitaran dan bersiap sedia sekiranya berlaku kecemasan.

## ANUGERAH-ANUGERAH KKAS

Anugerah KKAS telah diberikan setiap tahun kepada projek-projek/tapak-tapak dan kilang-kilang yang menunjukkan prestasi cemerlang di kalangan pesaingnya berdasarkan set kriteria merangkumi syarat-syarat pematuhan undang-undang dan Sistem Pengurusan KKAS. Anugerah ini bertindak sebagai galakan untuk mempromosikan amalan terbaik dalam KKAS dan untuk meningkatkan prestasi dalam Sistem Pengurusan KKAS.

# Tanggungjawab Korporat

- 123 Tempat Pasaran
- 125 Alam Sekitar
- 128 Komuniti
- 132 Tempat Kerja





Dengan memupuk  
**FOKUS PELANGGAN**,  
kami mendapat inspirasi  
untuk pergi lebih jauh dan  
menggunakan amalan mapan  
untuk menjadi lebih baik.

## Tanggungjawab Korporat

Matlamat Tanggungjawab Korporat IJM (“CR”) adalah konsisten dengan nilai teras Kumpulan di mana Kumpulan berusaha keras untuk menjaga kebajikan komuniti di mana kita tinggal, melindungi dan memulihara alam sekitar, serta meningkatkan nilai kakitangan dan rakan niaganya. IJM tetap komited kepada pegangan ini dan ia secara konsisten ditunjukkan dalam tatacara perniagaannya. Oleh yang demikian, rangka kerja CR Kumpulan didukung oleh 4 bidang utama:



## TEMPAT PASARAN

Keupayaan untuk menguasai keyakinan pelanggan kami, pembekal, rakan niaga, pelabur, jurubank, kerajaan dan badan-badan berperaturan adalah sangat penting kepada kejayaan berterusan Kumpulan. Dalam hal ini, Kumpulan memberi penekanan utama dalam memupuk budaya yang kaya dengan nilai dan etika perniagaan yang teguh, urus tadbir korporat yang baik dan pengelolaan produk yang cemerlang.

### **Etika Perniagaan & Urus Tadbir Korporat**

IJM sangat percaya bahawa dengan meletakkan “*Tone at the Top*” di tempat yang betul melalui kepimpinan yang beretika, asas yang kukuh untuk memastikan standard integriti yang tinggi terpelihara dalam Kumpulan pasti menjadi kenyataan. Ini dapat dilihat dalam Kod Etika dan Tatacara yang menggariskan prinsip dan standard etika dan tatacara perniagaan Kumpulan. Kod Etika dan Tatacara IJM boleh didapati dalam laman web Syarikat di [www.ijm.com](http://www.ijm.com). Latihan dan bengkel-bengkel yang direka oleh Jabatan Sumber Manusia juga kerap menerapkan unsur-unsur yang memupuk budaya etika di kalangan kakitangan.

Urus tadbir korporat yang baik adalah sinonim dengan cara Kumpulan menjalankan operasi perniagaannya sebagaimana disebarluaskan melalui nilai terasnya ke atas Integriti yang menyatakan bahawa “*Kami bertindak secara profesionalisme dalam apa sahaja yang kami lakukan dengan sesiapa sahaja kami beruruskan, sentiasa menepati janji kami*”. Ini dapat dilihat dalam pelaksanaan pelbagai amalan terbaik seperti:-

- 1) Keseimbangan Lembaga yang mencukupi antara pengarah eksekutif, pengarah bukan eksekutif dan pengarah bebas.
- 2) Pendedahan telus ke atas imbuhan Lembaga.
- 3) Rangka kerja pengurusan risiko yang teguh.
- 4) Dasar Pemantauan Salah Laku yang disediakan kepada orang awam melalui laman web: [www.ijm.com](http://www.ijm.com).

Sila rujuk kepada Penyata Urus Tadbir Korporat untuk maklumat lanjut mengenai amalan urus tadbir korporat terbaik Kumpulan dan Penyata Kawalan Dalaman bagi rangka kerja pengurusan risiko, amalan dan langkah-langkah kawalan dalaman lain.



Anugerah Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia 2011 (kiri)  
Anugerah Perhubungan Pelabur Malaysia bagi Laman Web Perhubungan Pelabur Terbaik (Permodalan Sederhana) 2012 (kanan)

### **Penglibatan Pemegang Pelbagai Kepentingan**

IJM percaya penglibatan pemegang pelbagai kepentingannya adalah tepat pada masanya, berkesan dan telus. Kumpulan melalui program Perhubungan Pelabur yang diwujudkannya telah berjaya menyampaikan dan menyebarluaskan kualiti dan maklumat yang tepat mengenai perkembangan, operasi dan prestasi kewangan Kumpulan kepada pelbagai pihak berkepentingan. Sebahagian daripada program termasuk pengumuman penyata kewangan suku tahunan, mesyuarat penganalisis serta taklimat ringkas syarikat kepada akhbar.

Kumpulan juga mempunyai laman web komprehensif di [www.ijm.com](http://www.ijm.com) untuk mempertingkatkan lagi komunikasi pemegang pelbagai kepentingan. Pengunjung yang melayari laman web dialu-alukan untuk memberikan maklum balas dan ulasan bagi penambahbaikan berhubung dengan penawaran produk, perkhidmatan Kumpulan atau apa-apa perkara lain yang ia mahu dibangkitkan.

## Tanggungjawab Korporat (samb.)

### Pengawasan Produk

Dengan menerima pakai pensijilan sistem kualiti ISO 9001, Kumpulan telah menetapkan polisi, prosedur dan amalan terbaik bagi penyerahan produk dan perkhidmatan dengan kualiti dan standard terunggul. Kajian, penambahbaikan berterusan dan penilaian kawalan kualiti yang meningkatkan proses pengeluaran juga kerap dijalankan. Sebagai bukti kepada komitmen Kumpulan kepada kualiti, IJM telah menerima pengiktirafan dengan memenangi beberapa anugerah; Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia – Kontraktor Terbaik Tahun 2009 dan Anugerah Pencapaian Antarabangsa pada tahun 2007, 2006 dan 2001.

Diterap dalam nilai terasnya, Kumpulan sentiasa mencipta inovasi dan menambah baik kualiti produk dan perkhidmatannya untuk memenuhi jangkaan permintaan yang sentiasa berubah dalam pelbagai pasaran di mana ia beroperasi. Selain daripada pengujian agregat, Makmal Penyelidikan dan Pembangunan Pusat Bahagian Industri Kilangnya di Klang telah melancarkan skop pengujian baru yang meliputi ujian pemampatan bagi tiub, silinder dan teras, serta ujian indeks bentuk agregat.

Di Malaysia Timur, kegiatan R&D Bahagian Perladangan dijalankan melalui Pusat Kualiti, Latihan dan Penyelidikannya di mana ia kekal menumpu pada pelaksanaan kawalan biologi untuk mengurangkan penggunaan racun perosak kimia dan mempertingkatkan kadar hasil kelapa sawit melalui pembiakan berkaedah. Selain itu, biji benih kelapa sawit kacukan diperakui SIRIM MS157:2005 dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang membawa cap dagangan 'IJM DxP' telah dikeluarkan dan digunakan dalam penanaman semula kelapa sawit di Sabah dan di Indonesia.

Maklumat lanjut mengenai amalan kualiti terbaik Kumpulan diliputi dalam *Laporan Kualiti*.



*Penglibatan dengan juruanalisis*



*Penglibatan pemegang pelbagai kepentingan di ladang kami*



*Seminar sulung mengenai Benih DxP IJM*

## ALAM SEKITAR

Kumpulan kami meletakkan penekanan yang tinggi dalam pemuliharaan alam sekitar kami. Oleh yang demikian, apabila kami menjalankan perniagaan, kami sedar dan peka kepada kesan alam sekitar yang mungkin timbul dan berusaha sedaya upaya untuk meminimumkan kesan tersebut dengan pelan alam sekitar yang cekap bagi mematuhi peraturan alam sekitar.



Menjadi tuan rumah Perlumbaan Pendidikan Alam Sekitar (EERace) untuk guru tempatan

### Kempen Alam Sekitar

#### *Acara Membaling Bebola Lumpur*

Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk merawat dan memuliharkan sungai-sungai dan tasik-tasik yang tercemar, IJM Land telah menganjurkan beberapa acara “Membaling Bebola Lumpur” di Pulau Pinang dan Seremban. Bebola lumpur EM (Mikroorganisma Efektif) berkesan dalam mengeluarkan enap cemar dan pencemaran lain, di mana acara itu sahaja merupakan kegiatan berorientasi keluarga yang menyeronokkan yang digunakan sebagai platform untuk kakitangan berinteraksi dan bergaul mesra dengan masyarakat.

#### *Acara Melihat Burung Pemangsa 2012*

IJM menyedari kepentingan pemuliharaan dan terus menyokong Acara Melihat Burung Pemangsa anjuran Persatuan Pencinta Alam Malaysia di Tanjung Tuan. Acara tahunan ini bersempena meraikan fenomena menakjubkan di mana beribu-ribu burung pemangsa kembali ke tempat pembiakan mereka di Hemisfera Utara yang menjadikan Tanjung Tuan sebagai laluan penghijrahan utama. Acara tersebut telah berjaya meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pemuliharaan burung pemangsa dan habitat mereka.



Acara membaling bola lumpur di S2, Seremban



Kakitangan dalam acara tahunan Melihat Burung Pemangsa 2012

## Tanggungjawab Korporat (samb.)

### Larian Ozon & Mesra Alam 2011

Kakitangan daripada Bahagian Industri mengambil bahagian dalam Larian Ozon dan Mesra Alam anjuran Jabatan Alam Sekitar, Perak untuk mewujudkan kesedaran tentang isu-isu iklim dunia dan penipisan lapisan ozon.

### Inisiatif-inisiatif Alam Sekitar Lain

#### *Pembersihan Pantai*

Dalam tahun kewangan, warga IJM telah merintis beberapa usaha pemuliharaan alam sekitar. Dengan usaha bersepadu dan berterusan, IJM berharap dapat memainkan peranan dalam memulihara keindahan pantai dan taman-taman di pelbagai lokasi untuk generasi akan datang. Kakitangan IJM di Pulau Pinang keluar untuk membersihkan bahagian pulau terpencil yang boleh dilihat dari Jambatan Pulau Pinang, di mana mereka telah membersihkan sampah sarap, serpihan puing, botol-botol kosong dan bungkusan makanan yang dibuang.

Kakitangan kami di Pelabuhan Kuantan juga turut membersihkan kawasan pantai Batu Hitam yang terkenal di Kuantan. Tidak ketinggalan juga, kakitangan daripada ibu pejabat Kumpulan di Kuala Lumpur telah menjelajah ke Pantai Kelanang dan Morib untuk melaksanakan inisiatif pembersihan pantai mereka.

#### *Menaik taraf kemudahan di Zoo Negara*

Memandangkan IJM menggalakkan tapak-tapak projek pembinaannya menerapkan ciri-ciri mesra alam, pasukan daripada Bahagian Pembinaan telah melaksanakan hari penuh peristiwa di Zoo Negara. Dengan bantuan daripada kakitangan Zoo Negara, mereka menambah baik landskap di kawasan-kawasan terpilih zoo serta menyumbang sebuah bangku untuk kemudahan pengunjung zoo.



*Menaik taraf kemudahan di Zoo Negara*



*Kegiatan membersihkan pantai di Batu Hitam, Kuantan*



*Membersihkan kawasan yang boleh dilihat dari Jambatan Pulau Pinang*

### Kempen Bermula di Rumah: IJM Going Green Pledge, No Styro Zone & Mari Kitar Semula

Langkah pertama ke arah menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik bermula di rumah; dan di IJM, beberapa ikrar dan usaha telah dimulakan untuk memupuk tanggungjawab menjaga alam sekitar di kalangan kakitangan. Program pertama adalah kempen ‘Go-Green’ di mana kakitangan berikrar untuk menerapkan pendekatan yang lebih mesra alam dalam melaksanakan tugas harian. Kempen untuk menghentikan penggunaan Styrofoam juga telah dilancarkan di ibu pejabat berserta dengan kempen kitar semula.



*CEO & MD, Dato' Teh Kean Ming menandatangani Go-Green Pledge*



*Pelancaran kempen kitar semula IJM*



*Tiga Pukulan “Gong” oleh Pengarah Urusan Pelabuhan Kuantan, Dato’ Ir Ho Phea Keat untuk melancarkan kempen Go-Green*



*Penyokong-penyokong ‘Go Green’ Pelabuhan Kuantan*



*Pelaksanaan ‘Go Green’ di IJM Land, Penang*



*Kitar semula di ladang-ladang*

# Tanggungjawab Korporat (samb.)

## KOMUNITI

Kami mempunyai komitmen yang tinggi kepada masyarakat, dan kami sangat yakin dalam membuat perubahan yang positif dalam setiap kehidupan yang kami dekati. Usaha kemasyarakatan kami tertumpu pada kebajikan, pendidikan dan pembangunan sukan di peringkat akar umbi.



Acara sulung IJM GIVE Day Out 2011



Warga IJM menghiburkan kanak-kanak di rumah kebajikan

### Acara sulung IJM GIVE Day Out

3 Disember 2011 menandakan pelancaran sulung acara Give Day Out IJM. Konsep ini direka untuk melibatkan semua peringkat kakitangan dalam usaha mengibarkan bendera CR Kumpulan dan dilancarkan di setiap lokasi di mana IJM bertapak, terutamanya di Malaysia, India dan China.

Lebih 100 kumpulan, terdiri daripada 2,000 kakitangan, keluar dan mengambil bahagian dalam inisiatif CR pilihan mereka. Cabaran bagi setiap kumpulan adalah untuk muncul dengan inisiatif yang menarik dan kreatif.

Aktiviti-aktiviti termasuk memulihkan persekitaran sekolah, sungai dan taman-taman awam; penanaman pokok di hutan simpan dan sepanjang lebuh raya IJM; pembinaan sebuah gelanggang badminton untuk anak-anak yatim; bersiar-siar dengan kanak-kanak yang kurang berasib baik; menanam benih bakau; membersihkan kawasan pantai dan pelbagai kegiatan lain yang menyeronokkan.

Objektif utama acara *IJM Give Day Out* 2011 adalah:

- Untuk mendekati golongan kurang berasib baik.
- Untuk berbakti kepada alam sekitar di mana kami beroperasi dengan melakukan sesuatu yang positif.
- Untuk memupuk penyepaduan kakitangan dan kerja berpasukan.
- Untuk mewujudkan kesedaran tentang pelbagai punca dan kawasan komuniti yang memerlukan bantuan.
- Untuk menggalakkan semangat “menyumbang ke arah kebaikan” di kalangan kakitangan.



Kegiatan gotong royong semasa acara IJM GIVE Day Out 2011

### Larian Relay For Life – Fighting Cancer Together 2011 (Bersama Memerangi Kanser)

Buat kali kedua tahun pelaksanaannya, IJM Land adalah Penaja Super Gold dalam menyokong Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia di Pulau Pinang dan program kesedaran larian *Relay for Life – Fighting Cancer Together* Persatuan Hospital Pulau Pinang. Acara ini diadakan pada Oktober 2011 untuk meningkatkan kesedaran tentang kanser dan mengumpul dana bagi program kanser termasuk memberi sokongan kepada pesakit. Lari berganti-ganti ini adalah kempen dan juga acara, dan dalam ‘larian berganti-ganti’ semalam yang diadakan di Taman Perbandaran (*Youth Park*) kami membantu mengingatkan bahawa kami adalah sebahagian daripada perintis usaha memerangi kanser secara berterusan dan bahawa kami bersama-sama bekas pesakit kanser berjuang melawan kanser.



Pembentukan Bulatan Biru Manusia bagi Hari Diabetes Sedunia 2011



Aktiviti luar semasa Hari Diabetes Sedunia 2011

### Acara Kemasyarakatan

Bersempena dengan Hari Diabetes Sedunia 2011, IJM bekerjasama dengan pertubuhan bukan untung, Pusat Rawatan Diabetes Sau Seng Lam (SSL) di Petaling Jaya membuat formasi simbolik Bulatan BIRU Manusia (*BLUE Human Circle*) yang merupakan simbol bagi diabetes global dibentuk sebagai sebahagian daripada Kesatuan bagi kempen kesedaran Diabetes. Pondok pemeriksaan kesihatan dan kecergasan percuma telah didirikan sejajar dengan acara tersebut.

Acara ‘Berbuka Puasa’ tahunan Pelabuhan Kuantan adalah acara penting yang mengumpulkan ahli-ahli keluarga diraja Pahang, pembesar-pembesar negeri, pihak media, kakitangan dan ahli keluarga mereka untuk berbuka puasa dengan kanak-kanak dari pusat spastik dan sekolah-sekolah rendah di Gambang, Beserah dan Balok.

Bahagian Perladangan juga meneruskan penglibatannya dengan masyarakat dalam projek-projek penjagaan kesihatan awam seperti program ‘Kesedaran Kesihatan Payu Dara’ serta penyediaan penjagaan perubatan dan penajaan bekalan ubat-ubatan kepada masyarakat Sugut-Paitan.

Operasi Tol Kumpulan melalui kerjasama dengan Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Polis Di-Raja Malaysia dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah terlibat secara aktif dalam kempen keselamatan peringkat kebangsaan semasa musim perayaan. Semasa kempen berlangsung, lebuh raya bertol menawarkan diskau ke atas kadar tol dan mengajihkan pelekat pantulan cahaya kepada penunggang motosikal yang berulang-alik di sepanjang lebuh raya IJM.

Pada Jun 2011, sukarelawan IJM telah bekerjasama dengan Persatuan Strok Kebangsaan Malaysia (NASAM) membuat kutipan derma dengan menjual pelbagai makanan dan minuman kepada orang awam. Karnival ini telah mendapat sambutan yang baik dengan NASAM menggunakan perolehan untuk membantu bekas pesakit strok untuk pulih daripada trauma strok.



Kakitangan menyediakan makanan semasa NASAM Karnival di Taman



Warga Pelabuhan Kuantan mengunjungi rumah orang tua dan rumah jagaan pada tahun ini

## Tanggungjawab Korporat (samb.)

### Pendidikan: Biasiswa IJM, Program Latihan Amali, Pameran Kerjaya & Pendidikan

IJM telah menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang sejak 18 tahun lepas. Program biasiswa telah diwujudkan untuk membantu membangunkan dan memupuk bakat-bakat muda Malaysia yang cemerlang ke dalam barisan pemimpin masa hadapan. Sehingga kini, program ini telah memanfaatkan lebih daripada 170 pelajar. Sebagai sebahagian daripada usaha memupuk bakat mereka, IJM telah menugaskan mentor untuk memberi bimbingan dan nasihat kepada semua calon yang berjaya semasa menjalani pengajian mereka serta semasa program latihan amali mereka di IJM.

Program latihan amali IJM juga memberikan peluang kepada pemegang-pemegang biasiswanya untuk menjalani latihan perindustrian dengan Kumpulan sebagai sebahagian daripada keperluan kursus mereka. Selain itu, untuk memberikan peluang pekerjaan atau latihan amali kepada individu-individu yang layak, Kumpulan sentiasa mengambil bahagian dalam pameran kerjaya dan pendidikan untuk mengisi jawatan yang ada dalam Kumpulan dalam cara yang berkesan dan untuk menarik individu-individu yang berkelayakan.

### Pembangunan Sukan

#### *Kejuaraan Golf Antarabangsa Pertama IJM-George Town 2011*

IJM berbangga kerana menjadi penaja utama dalam acara julung kali yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini adalah selaras dengan Memorandum Persefahaman antara Majlis dan bandar-bandar Persahabatan iaitu Taipei, Kaoshung, Okinawa, Naha, Medan, Adelaide, Xiamen, Yogyakarta, Jakarta, Thailand dan Sabah dalam mempromosikan sukan dan pelancongan, warisan, kebudayaan dan kreatif serta mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah ‘Green Building Index City’.

#### *Adidas King of the Road 2011*

Acara larian Adidas ‘King of the Road’ (“KOTR”) di Malaysia telah disokong oleh Lebuh Raya Pantai Baru IJM. Ia menandakan edisi ke- 13 penganjurannya oleh Adidas – jenama sukan terkemuka dunia. Acara ini telah berlangsung dengan sangat jayanya dengan penyertaan lebih 7,000 pelari termasuk 100 pelari dari IJM. Dengan menyokong KOTR, IJM mengulangi komitmennya dalam membangunkan dan memupuk sukan bagi semua peringkat umur.



Upacara Penyampaian Anugerah Biasiswa IJM



Cabar Kejuaraan Tropi Pasukan



Kakitangan dalam acara larian NPE-Adidas King of the Road



Edisi Ke-10 perlawanan 10-sebelah IJMP-MSSS-SRU di Sabah



Pertandingan Piala Angel, Serdang Rhythmic Angels

### **Program Pembangunan Ragbi**

Pembangunan IJM dalam sukan ragbi bermula sejak tahun 1990-an dan penajaannya dalam pembangunan ragbi di Semenanjung Malaysia dijayakan melalui perkongsian dengan Persatuan Ragbi Gabungan Bekas Pelajar (“COBRA”).

Untuk memartabatkan pembangunan ragbi, usaha perlu dimulakan di peringkat sekolah. Oleh yang demikian, IJM berbesar hati kerana dikaitkan dalam program kerjasama yang dipanggil Program Pembangunan Ragbi Sekolah COBRA –CIMB dengan kerjasama Yayasan CIMB di mana tumpuan utama mereka adalah untuk mengangkat martabat sukan ragbi di peringkat sekolah.

Fasa pertama ditumpukan kepada melatih guru-guru untuk menjadi jurulatih ragbi yang berkelayakan dan mempromosikan sukan ini di kalangan pelajar-pelajar sekolah manakala fasa kedua, disasarkan untuk menaik taraf kemahiran jurulatih-guru manakala dalam masa yang sama mengasah bakat-bakat generasi pemain ragbi Malaysia akan datang yang bertaraf dunia. Program ini telah melatih lebih 400 guru sebagai Jurulatih Ragbi Peringkat Satu.

Program-program Kejurulatihan ini telah dikendalikan oleh jurulatih bertauliah Lembaga Ragbi Antarabangsa (“IRB”) daripada Akademi Ragbi Penguin, United Kingdom. Sejak penubuhannya, program tersebut dengan penglibatan guru-guru terlatih telah menjangkau sehingga lebih 30,000 pelajar dari sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

Di Sabah, program-program pembangunan ragbi Bahagian Perlادangan dilaksanakan melalui Akademi Kecemerlangan Ragbi. Kegiatan utamanya termasuk penganjuran tahunan pelbagai kejohanan mengikut kumpulan usia untuk membangunkan kecemerlangan sukan, mencungkil bakat-bakat muda dan memupuk para atlet agar dapat memberi sumbangan kepada negeri dan negara.

### **Gimnastik**

Pencapaian Kelab Serdang Rhythmic Angels dalam menubuhkan pusat latihan dalam tempoh yang singkat sungguh mengagumkan IJM yang kemudiannya mengambil peranan sebagai penaja utama dalam pertandingan gimnastik berirama antara kelab antarabangsa dwitahunan.



Program Pembangunan Ragbi dengan COBRA

Pertandingan tersebut telah menjadi platform bagi ahli gimnastik muda untuk bersaing di peringkat antarabangsa serta menyediakan platform bagi jurulatih dan pengadil untuk mengasah kemahiran kejurulatihan dan pengadilan mereka, selain memupuk perhubungan dengan kelab-kelab tempatan dan antarabangsa.

Ditubuhkan pada tahun 1998, kelab gimnastik yang berpangkalan di Seri Kembangan dan diuruskan keseluruhannya oleh sukarelawan, telah memenangi anugerah sulung “Kelab Gimnastik Berirama Prestasi Terbaik” daripada Persatuan Gimnastik Amatur Selangor. Daripada bilangan awal seramai 12 ahli gimnastik pada permulaannya, pengambilan telah meningkat dua kali ganda terdiri daripada peringkat-peringkat pembangunan dan kumpulan usia yang berlainan.

### **Pembangunan Kriket**

IJM berbangga kerana dapat menyumbang kepada pembangunan sukan kriket di Malaysia dengan menaja Persatuan Kriket Malaysia dalam pertandingan dan acara anjurannya. Persatuan Kriket Malaysia berusaha untuk menyediakan perkhidmatan dan sumber terbaik kepada semua badan sekutu kriket negeri dan untuk membangunkan program Pembangunan Remaja yang cukup tersusun.

# Tanggungjawab Korporat (samb.)

## TEMPAT KERJA

Persekutaran kerja yang sihat, selamat dan progresif menjamin aset-aset utama kami; warga IJM berupaya mempamerkan potensi bakat sebenar mereka. Pelaburan berterusan dalam warga kerja kami dalam membentuk program latihan dan pembangunan yang mewujudkan peluang bagi pertumbuhan profesional juga diberi keutamaan dalam Kumpulan.

### Kesihatan & Keselamatan

Kumpulan telah menyediakan rangka kerja Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("HSE") dan sistem pengurusan yang komprehensif untuk memastikan agar:

- Semua perundangan, garis panduan dan syarat-syarat lain HSE yang terpakai dipatuhi;
- Semua kakitangan dan pemegang pelbagai kepentingan mendapat latihan, maklumat dan kemudahan yang tersedia untuk mereka;
- Usaha-usaha menyeluruh telah dibuat untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab di semua peringkat;
- Penilaian prestasi terhadap objektif peningkatan keselamatan dilaksanakan atas dasar kerap;
- Objektif-objektif kesihatan dan keselamatan sentiasa dipantau, dikaji dan dipertingkatkan; dan
- Audit HSE dan pemeriksaan mengejut dijalankan.

Maklumat lanjut mengenai amalan kesihatan dan keselamatan Kumpulan, dasar-dasar dan prosedur-prosedur boleh didapati dalam Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar..

### Kepelbagaian Tempat Kerja

Sebagaimana yang termaktub dalam nilai teras IJM, Menghormati Kepelbagaian dalam seluruh organisasi adalah penting bagi kelestarian perniagaan keseluruhan dan IJM komited untuk menyediakan persekitaran di mana semua kakitangan, tanpa mengira usia, jantina, bangsa, agama, kewarganegaraan dan pendidikan, mendapat peluang yang sama untuk berkembang maju. Gabungan sihat ini menggalakkan kakitangan untuk berusaha mencapai potensi sebenar mereka semasa bekerja bersama-sama secara harmoni untuk mencapai matlamat organisasi dan pertumbuhan mapan.

Analisis kakitangan Kumpulan mengikut pengelasan, komposisi etnik dan produktiviti ditunjukkan dalam *Laporan Kakitangan & Produktiviti*.



*Majlis Makan Malam Tahunan IJM 2011*

### Pembangunan Modal Insan

Pembangunan berterusan kemahiran dan keupayaan kakitangan IJM memainkan peranan penting dalam mencapai keputusan terbaik dan oleh yang demikian Kumpulan memberikan penekanan utama dalam latihan yang direka untuk membantu pembangunan kakitangannya sendiri untuk masa depan mereka dan masa depan Kumpulan.

Pangkalan analisis keperluan latihan telah dibangunkan oleh Kumpulan untuk mengenal pasti dan mengumpul semak jurang antara pengetahuan atau kemahiran semasa kakitangan dengan pengetahuan atau kemahiran yang diperlukan. Selain itu, Program Latihan Jurutera IJM memberikan pengetahuan dan pemahaman yang mendalam tentang industri pembinaan sekali gus menyediakan jurutera siswazah persiapan bagi menggalas peranan Pengurus Projek yang sentiasa mencabar.

Jumlah jam latihan yang dicapai dan bilangan kakitangan yang dilatih pada FY2012 masing-masing adalah 41,920 jam dan 2,726 kakitangan, meningkat 1.7 kali berbanding jam latihan tahun sebelumnya yang merangkumi kursus dalam dan luaran yang berkisar daripada kursus berkaitan teknikal dan pengurusan kemahiran hingga kemahiran mudah dan pembelajaran sepanjang hayat.

Dalam menyediakan satu lagi saluran pembangunan diri, IJM mempunyai Toastmasters Club sendiri, yang ditubuhkan pada tahun 2004 dan merupakan sebahagian daripada Toastmasters Antarabangsa, di mana ia menyediakan sokongan bersama dan persekitaran pembelajaran yang positif di mana kakitangannya diberi galakan untuk membangunkan kemahiran berpidato, kepimpinan dan berkomunikasi.



Penerima Anugerah Lama Berkhidmat IJM



Anugerah Keselamatan & Kesihatan dan Kerja Bangunan (Kualiti) 2011

### Anugerah Kakitangan

Sebagai penghargaan atas kesetiaan, dedikasi dan kerja keras mereka yang dicurahkan kepada Kumpulan, kakitangan yang telah berkhidmat selama 20 tahun diberi Anugerah Lama Berkhidmat manakala kakitangan yang telah mencapai usia persaraan 55 tahun dan telah berkhidmat untuk tempoh lebih daripada 15 tahun dalam Kumpulan diberikan Anugerah Persaraan sebagai pengiktirafan atas komitmen dan kesungguhan mereka.

Pada FY2012, sejumlah 53 kakitangan telah menerima Anugerah Lama Berkhidmat dan 10 kakitangan telah menerima Anugerah Persaraan. Selain daripada pengiktirafan kesetiaan, IJM juga menitikberatkan kepentingan kesihatan dan keselamatan, oleh itu Kumpulan memperkenalkan Anugerah HSE dan Kualiti yang bertindak sebagai memperingati taraf standard kami yang tinggi.

Dalam menganjurkan ‘Kempen Budi Bahasa’ dengan objektif menggalakkan amalan berbudi bahasa dan perkhidmatan yang mesra; Lebuhraya bertol IJM juga memberi ganjaran kepada prestasi kakitangan yang cemerlang sebagai galakan kepada kakitangan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik.

### Kebajikan Kakitangan

#### Perlindungan Kakitangan

Kumpulan telah melaksanakan pelbagai skim perlindungan kakitangan untuk memastikan kakitangan dijaga dengan baik, seperti Skim Manfaat Insurans Berbilang Kumpulan meliputi jangka hayat, kehilangan upaya kekal menyeluruh, penyakit kritis dan juga menyediakan pulangan pelaburan. Ia mudah alih dan menawarkan kakitangan perlindungan komprehensif sehingga usia 70 tahun dan boleh dilanjutkan untuk melindungi pasangan pada kadar yang mampu dibayar.

Selain itu, kakitangan juga dilindungi oleh Polisi Insurans Kemalangan Diri Kumpulan bagi kehilangan upaya kekal menyeluruh dan/atau kematian akibat kemalangan yang timbul semasa bekerja. Kumpulan juga menawarkan rawatan perubatan pesakit luar dan pergi-gian, pemeriksaan fizikal tahunan, rawatan hospital dan manfaat pembedahan.

#### Bantuan untuk Membeli Hartanah Kediaman

IJM Land, cabang hartanah Kumpulan membangunkan pelbagai jenis harta tanah kediaman, berkisar daripada apartmen asas hingga ke kondominium mewah, rumah teres mampu milik hingga rumah berkembar dua dan banglo di perbandaran utama di seluruh negara. Kakitangan kami menikmati diskaun 5% bagi pembelian harta tanah kediaman yang dibangunkan oleh IJM Land.

#### Anugerah Kecemerlangan Akademik

Setiap tahun, IJM menyampaikan hadiah-hadiah kepada anak-anak kakitangan bagi pencapaian cemerlang dalam peperiksaan SPM, STPM dan A-Level. Bagi tahun semasa, sejumlah 50 orang anak-anak telah diberi Anugerah Kecemerlangan Akademik dan hadiah wang tunai sebagai galakan kepada kanak-kanak untuk cemerlang dalam pelajaran mereka, selain meningkatkan kesedaran tentang keperluan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka.

# Tanggungjawab Korporat (samb.)

## Keseimbangan Kerja dan Kehidupan

IJM menggalakkan kakitangannya untuk mengamalkan keseimbangan antara kerja dan kehidupan untuk memastikan mereka sentiasa sihat dan bertenaga. Pelbagai aktiviti sukan, sosial dan kebajikan telah dikelolakan oleh Kumpulan sepanjang tahun dengan membantu Kelab Sukan IJM ("KSIJM") miliknya sendiri.

Sebagai sebahagian daripada usaha menggalakkan sukan dan berkesatuhan di kalangan kakitangan kami, IJM telah menganjurkan sukan antara bahagian dwitahunan yang dipanggil Sukan IJM yang bertindak sebagai platform penting bagi kakitangan daripada semua bahagian dan pelbagai lokasi berhimpun dan menggalakkan interaktif di kalangan kakitangan dalam suasana yang sihat dan menyeronokkan.



Pertandingan Boling

Selain itu, pertandingan captain ball, badminton, snuker, membaling damak, boling dan ping pong telah dianjurkan untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan kakitangan. Begitu juga, dalam usaha untuk menggalakkan aktiviti luaran, KSIJM telah menganjurkan aktiviti luaran '*eko-rekreasi merangkap pendidikan*' yang melibatkan peserta-peserta IJM dalam siri halangan udara di Taman Pertanian Malaysia.

Selain itu, Kompleks Sukan IJM-COBRA di Petaling Jaya, yang diuruskan oleh Kumpulan, telah digunakan untuk penganjuran banyak aktiviti dalaman dan luaran seperti badminton dan skuasy untuk kakitangan.



Pertandingan Ping Pong



Pertandingan Captain Ball



Aktiviti luaran halangan udara



Ceramah kesedaran kesihatan



Kempen derma darah

Selain sukan, pelbagai ujian saringan kesihatan dan ceramah kesihatan kerap dijalankan untuk mendidik kakitangan tentang kepentingan mengesas faktor-faktor risiko kesihatan di peringkat awal. KSIJM juga telah menganjurkan kempen derma darah dengan kerjasama daripada beberapa buah hospital tempatan. Untuk menyemai gaya hidup sihat di kalangan kakitangan, KSIJM juga telah menganjurkan kegiatan mingguan seperti yoga dan tarian cardio mix dance di ibu pejabat IJM.

Antara pelbagai acara sosial yang dianjurkan dalam tahun ini adalah Pesta Tahun Baru dan Makan Malam Tahunan Kakitangan. Selain itu, perayaan pelbagai budaya di Malaysia telah diraikan tahun ini dengan penyerahan ganjaran perayaan kepada kakitangan. Di samping itu, KSIJM mengambil peluang untuk memperkenalkan kakitangan kepada lebuh raya IJM dengan menganjurkan pertandingan Pencarian Harta Karun bermotor ke Melaka. Lebih kurang 20 pasukan mengambil bahagian dalam acara tahunan ini yang melalui rangkaian Lebuh Raya Pantai Baru, Lebuh Raya Besraya dan Lebuhraya Kajang Seremban.

**Tanggungjawab Korporat ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 17 Julai 2012.**




Pesta Tahun Baru IJM 2012



Pencarian Harta Karun Bermotor Tahunan oleh KSIJM



Penyerahan ganjaran perayaan kepada kakitangan



# Penyata Kewangan & Lain-Lain

- 
- A complex geometric pattern is visible in the background, consisting of numerous overlapping triangles formed by thin lines of varying colors: light blue, orange, and red. These triangles overlap significantly, creating a dense, intricate web of geometric shapes across the entire page.
- 138 Penyata Kewangan
  - 289 Senarai 10 Harta Teratas
  - 291 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
  - 293 Borang Proksi
  - 295 Informasi Korporat

# Laporan dan Penyata Para Pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka yang kedua puluh lapan bersama dengan penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012.

## KEGIATAN UTAMA

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam kegiatan pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan adalah dalam pembinaan, pembangunan harta tanah, pengilangan dan pengkuarian, operasi hotel, operasi pelabuhan, operasi lebuhraya bertol, perladangan dan pemegangan pelaburan.

Tidak ada perubahan ketara dalam kegiatan utama ini dalam tahun kewangan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	550,486	112,247
Boleh diakaitkan kepada:		
Pemilik-pemilik Syarikat	409,076	112,247
Kepentingan bukan mengawal	141,410	-
	<hr/>	<hr/>
	550,486	112,247

## DIVIDEN

Dividen dibayar sejak akhir tahun kewangan yang lepas adalah seperti berikut:

	RM'000
Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011:	
Dividen interim kedua satu tier sebanyak 7 sen setiap saham, dibayar pada 13 Julai 2011	95,465
Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012:	
Dividen interim pertama satu tier sebanyak 4 sen setiap saham, dibayar pada 22 Disember 2011	55,261
	<hr/>
	150,726

Pada 29 Mei 2012, para Pengarah telah mengisyiharkan dividen interim kedua satu tier berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012 sebanyak 8 sen setiap saham untuk dibayar pada 4 Julai 2012 kepada setiap ahli yang adalah berhak untuk menerima dividen setakat jam 5:00 petang pada 15 Jun 2012.

Para Pengarah tidak mengesyorkan bayaran sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan dalam tahun kewangan dinyatakan dalam penyata kewangan.

## MODAL SAHAM

Dalam tahun kewangan, modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar telah ditambah daripada RM1,351,114,355 kepada RM1,381,608,554 melalui terbitan 30,494,199 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesama timbul daripada pelaksanaan Waran 2009/2014 pada harga pelaksanaan RM4.00 setiap saham selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 18 September 2009.

Saham biasa baru yang diterbitkan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham biasa sedia ada Syarikat.

## SAHAM PERBENDAHARAAN

Dalam tahun kewangan, Syarikat membeli semula 2,000 daripada saham biasanya daripada pasaran terbuka pada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia") bagi RM12,197. Harga purata dibayar bagi saham-saham dibeli semula adalah lebih kurang RM6.05 setiap saham.

Butir-butir mengenai saham perbendaharaan dikemukakan dalam Nota 14(C) kepada penyata kewangan.

## WARAN 2009/2014

Waran 2009/2014 dibentuk melalui Surat Ikatan Pol bertarikh 18 September 2009.

Pada 26 Oktober 2009, Syarikat memperuntukkan 132,097,381 Waran baru 2009/2014 pada harga terbitan RM0.25 setiap Waran berasaskan 1 Waran bagi setiap 10 saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 sesaham dipegang dalam Syarikat selepas Terbitan Bonus 2:5.

Setiap Waran 2009/2014 memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan 1 saham biasa baru dalam Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 26 Oktober 2009 hingga 24 Oktober 2014, pada harga pelaksanaan RM4.00 selaras dengan peruntukan dalam Surat Ikatan Pol. Mana-mana Waran 2009/2014 tidak dilaksanakan pada tarikh matang akan luput dan berhenti menjadi sah untuk apa-apa tujuan. Pada tarikh kunci kira-kira, 99,383,838 Waran 2009/2014 (2011: 129,878,037) masih tidak dilaksanakan.

Saham-saham biasa yang diterbitkan daripada pelaksanaan Waran 2009/2014 akan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham biasa sedia ada Syarikat yang diterbitkan kecuali bahawa saham-saham tersebut tidak akan berhak kepada sebarang dividen, pengagihan atau hak, tarikh keberhakan yang mana adalah sebelum tarikh peruntukan saham-saham baru timbul daripada pelaksanaan Waran 2009/2014.

## PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan dan penyata yang lepas adalah:

Tan Sri Abdul Halim bin Ali #\*, *Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas (berhenti sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan dilantik semula sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas pada 24 Ogos 2011)*

Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan, *Timbalan Pengarisi Eksekutif*

Dato' Teh Kean Ming ®, *Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") & Pengarah Urusan ("MD")*

Dato' Tan Gim Foo, *Timbalan CEO & Timbalan MD*

Datuk Yahya bin Ya'acob #\*®, *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan*

Datuk Oh Chong Peng #\*, *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

Datuk Lee Teck Yuen \*, *Pengarah Bukan Eksekutif*

Dato' David Frederick Wilson ®, *Pengarah Bukan Eksekutif*

Dato' Goh Chye Koon, *Pengarah Bukan Eksekutif*

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob (bersara sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas pada 24 Ogos 2011)

Datuk Hj Hasni bin Harun (bersara sebagai Pengarah Bukan Eksekutif pada 24 Ogos 2011)

# ahli-ahli Jawatankuasa Audit

\* ahli-ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuhan

® ahli-ahli Jawatankuasa Sekuriti dan Opsyen

# Laporan dan Penyata Para Pengarah (samb.)

## **PARA PENGARAH (samb.)**

Selaras dengan Daftar Pemegangan Saham para Pengarah, butir-butir kepentingan para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham-saham dan Waran Syarikat dan perbadanan berkaitannya dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	<b>Bilangan saham biasa bermaklumat RM1 sesaham</b>			
	<b>Baki pada 1.4.2011</b>	<b>Diperolehi</b>	<b>Dilupuskan</b>	<b>Baki pada 31.3.2012</b>
<b>IJM Corporation Berhad</b>				
<b>Nama Pengarah</b>				
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan				
Kepentingan langsung	2,449,180	–	–	<b>2,449,180</b>
Kepentingan tidak langsung	1,095,136 <sup>(1)</sup>	–	650,000 <sup>(1)</sup>	<b>445,136<sup>(1)</sup></b>
Dato' Teh Kean Ming				
Kepentingan langsung	84,000	–	–	<b>84,000</b>
Kepentingan tidak langsung	91,000 <sup>(1)</sup>	–	–	<b>91,000<sup>(1)</sup></b>
Datuk Yahya bin Ya'acob				
Kepentingan langsung	70,000	–	–	<b>70,000</b>
Datuk Lee Teck Yuen				
Kepentingan langsung	1,240,000	–	–	<b>1,240,000</b>
Kepentingan tidak langsung	580,000 <sup>(1)</sup>	–	–	<b>580,000<sup>(1)</sup></b>
Dato' Goh Chye Koon				
Kepentingan langsung	38,092	–	–	<b>38,092</b>
<b>Bilangan saham biasa bermaklumat RM0.50 sesaham</b>				
	<b>Baki pada 1.4.2011</b>	<b>Diperolehi</b>	<b>Dilupuskan</b>	<b>Baki pada 31.3.2012</b>
<b>IJM Plantations Berhad (anak syarikat)</b>				
<b>Nama Pengarah</b>				
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan				
Kepentingan langsung	646,000	–	–	<b>646,000</b>
Kepentingan tidak langsung	429,982 <sup>(1)</sup>	–	–	<b>429,982<sup>(1)</sup></b>
Datuk Oh Chong Peng				
Kepentingan langsung	100,000	–	–	<b>100,000</b>
Dato' Goh Chye Koon				
Kepentingan langsung	517,000	–	–	<b>517,000</b>
<b>Bilangan saham biasa bermaklumat RM1 sesaham</b>				
	<b>Baki pada 1.4.2011</b>	<b>Diperolehi</b>	<b>Dilupuskan</b>	<b>Baki pada 31.3.2012</b>
<b>IJM Land Berhad (anak syarikat)</b>				
<b>Nama Pengarah</b>				
Tan Sri Abdul Halim bin Ali				
Kepentingan langsung	10,000	20,000	–	<b>30,000</b>
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan				
Kepentingan tidak langsung	20,000 <sup>(1)</sup>	–	–	<b>20,000<sup>(1)</sup></b>
Datuk Lee Teck Yuen				
Kepentingan langsung	11,064,693	–	–	<b>11,064,693</b>

**PARA PENGARAH (samb.)**

<b>Bilangan Waran 2009/2014</b>					
	<b>Baki pada 1.4.2011</b>	<b>Diperolehi</b>	<b>Dilupuskan</b>	<b>Dilaksanakan</b>	<b>Baki pada 31.3.2012</b>
<b>IJM Corporation Berhad</b>					
<b>Nama Pengarah</b>					
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan					
Kepentingan langsung	1,424,348	–	–	–	<b>1,424,348</b>
Kepentingan tidak langsung	670,000 <sup>(1)</sup>	380,000 <sup>(1)</sup>	–	–	<b>1,050,000<sup>(1)</sup></b>
Dato' Teh Kean Ming					
Kepentingan langsung	39,300	–	–	–	<b>39,300</b>
Kepentingan tidak langsung	39,800 <sup>(1)</sup>	–	–	–	<b>39,800<sup>(1)</sup></b>
Datuk Yahya bin Ya'acob					
Kepentingan langsung	7,600	–	–	–	<b>7,600</b>
Dato' Goh Chye Koon					
Kepentingan langsung	15,400	–	–	–	<b>15,400</b>
<b>Bilangan Waran 2008/2013</b>					
	<b>Baki pada 1.4.2011</b>	<b>Diperolehi</b>	<b>Dilupuskan</b>	<b>Dilaksanakan</b>	<b>Baki pada 31.3.2012</b>
<b>IJM Land Berhad (anak syarikat)</b>					
<b>Nama Pengarah</b>					
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan					
Kepentingan langsung	1,248,610	–	–	–	<b>1,248,610</b>
Kepentingan tidak langsung	123,900 <sup>(1)</sup>	–	–	–	<b>123,900<sup>(1)</sup></b>
Dato' Teh Kean Ming					
Kepentingan langsung	147,000	–	–	–	<b>147,000</b>
Kepentingan tidak langsung	5,200 <sup>(1)</sup>	–	–	–	<b>5,200<sup>(1)</sup></b>
Dato' Tan Gim Foo					
Kepentingan langsung	130,000	–	–	–	<b>130,000</b>
Datuk Yahya bin Ya'acob					
Kepentingan langsung	5,000	–	–	–	<b>5,000</b>
<b>Bilangan Waran 2009/2014</b>					
	<b>Baki pada 1.4.2011</b>	<b>Diperolehi</b>	<b>Dilupuskan</b>	<b>Dilaksanakan</b>	<b>Baki pada 31.3.2012</b>
<b>IJM Plantations Berhad (anak syarikat)</b>					
<b>Nama Pengarah</b>					
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan					
Kepentingan langsung	70,060	–	–	–	<b>70,060</b>
Kepentingan tidak langsung	51,051 <sup>(1)</sup>	–	–	–	<b>51,051<sup>(1)</sup></b>
Datuk Oh Chong Peng					
Kepentingan langsung	10,000	–	–	–	<b>10,000</b>
Dato' Goh Chye Koon					
Kepentingan langsung	73,008	–	–	–	<b>73,008</b>

(1) Dipegang melalui ahli keluarga

## Laporan dan Penyata Para Pengarah (samb.)

### **PARA PENGARAH (samb.)**

Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan langsung atau tidak langsung dalam saham, opsyen ke atas saham-saham biasa atau Waran Syarikat dan perbadanan-perbadanan berkaitannya dalam tahun kewangan.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada Pengarah telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima manfaat (selain daripada yuran dan lain-lain emolumen yang ditunjukkan dalam penyata kewangan) dengan alasan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau oleh perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah adalah seorang ahli, atau dengan syarikat dalam mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan utama.

Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, sama ada dalam tahun kewangan mahupun pada akhir tahun kewangan Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya tidak menjadi pihak kepada mana-mana pengaturan yang objeknya adalah untuk membolehkan para Pengarah mendapat manfaat melalui pembelian saham-saham dalam, atau debentur, Syarikat atau mana-mana badan korporat selain daripada Waran IJM Land Berhad, anak syarikat kepada Syarikat (Lihat Nota 7 kepada penyata kewangan).

### **LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN**

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:

- (a) untuk memastikan tindakan yang diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang ragu dan berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa, selain daripada hutang, yang besar kemungkinan tidak akan dapat direalis nilai bukunya dalam perjalanan biasa perniagaan telah dikurangkan nilai kepada anggaran nilai boleh direalisnya.

Pada tarikh laporan dan penyata ini, para Pengarah tidak mengetahui mengenai apa-apa keadaan:

- (a) yang akan menjadikan jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga mana-mana tahap yang material atau nilai yang boleh dikaitkan kepada aset semasa Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
- (b) yang telah timbul yang menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar; atau
- (c) tidak sebaliknya diuruskan dalam laporan dan penyata ini atau dalam penyata kewangan yang akan menjadikan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Dalam jarak waktu antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan dan penyata ini:

- (a) tidak ada perkara, urus niaga atau peristiwa lain yang bersifat material dan luar biasa telah timbul yang, pada pendapat para Pengarah, akan secara ketara menjelaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa; atau
- (b) tidak ada gadaian telah timbul ke atas aset mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain tidak juga apa-apa liabiliti kontigen telah timbul dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan.

Tidak ada liabiliti kontigen atau lain-lain liabiliti mana-mana syarikat dalam Kumpulan telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk memenuhi obligasi mereka apabila tiba masanya.

### **LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (samb.)**

Pada pendapat para Pengarah:

- (a) selain daripada sebagaimana dinyatakan dalam penyata kewangan, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas secara ketara oleh mana-mana perkara, urus niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa;
- (b) penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dikemukakan pada muka surat 144 hingga 285 disediakan untuk memberi gambaran sebenar dan adil mengenai hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2012 dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian-piawaian Perakaunan MASB Diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965; dan
- (c) maklumat dikemukakan dalam Nota 59 kepada penyata kewangan telah disediakan selaras dengan Panduan mengenai Perkara Khas No.1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasikan dan Tidak Direalisasikan dalam Konteks Pendedahan Selaras Dengan Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, sebagaimana dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

### **JURUAUDIT**

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga selaras dengan resolusi para Pengarah.

**TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI**  
PENGARAH

**DATO' TEH KEAN MING**  
PENGARAH

Petaling Jaya  
29 Mei 2012

# Penyata Pendapatan Komprehensif

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2012 RM'000	2011 RM'000 (Dinyatakan semula)	2012 RM'000	2011 RM'000 (Dinyatakan semula)
Hasil kendalian	4,13	<b>4,517,860</b>	3,720,717	<b>199,562</b>	277,564
Kos jualan		<b>(3,370,011)</b>	(2,729,703)	<b>(70,181)</b>	(116,386)
Keuntungan kasar		<b>1,147,849</b>	991,014	<b>129,381</b>	161,178
Lain-lain pendapatan kendalian		<b>268,340</b>	322,469	<b>96,132</b>	115,970
Perbelanjaan tender, penjualan dan pengedaran		<b>(129,033)</b>	(106,128)	—	—
Perbelanjaan pentadbiran		<b>(202,465)</b>	(227,933)	<b>(29,659)</b>	(34,368)
Lain-lain perbelanjaan kendalian		<b>(112,184)</b>	(142,099)	<b>(27,079)</b>	(13,121)
Keuntungan kendalian sebelum kos kewangan	5	<b>972,507</b>	837,323	<b>168,775</b>	229,659
Kos kewangan	9	<b>(172,875)</b>	(194,986)	<b>(46,679)</b>	(47,983)
Keuntungan kendalian selepas kos kewangan		<b>799,632</b>	642,337	<b>122,096</b>	181,676
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu		<b>39,799</b>	46,844	—	—
Bahagian kerugian entiti kawalan bersama		<b>(37,840)</b>	(29,450)	—	—
Keuntungan sebelum cukai	13	<b>801,591</b>	659,731	<b>122,096</b>	181,676
Perbelanjaan cukai pendapatan	10	<b>(251,105)</b>	(197,194)	<b>(9,849)</b>	(16,715)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		<b>550,486</b>	462,537	<b>112,247</b>	164,961
Lain-lain pendapatan komprehensif (tolak cukai):					
Perbezaan terjemahan mata wang		<b>(67,206)</b>	(25,877)	<b>1,878</b>	552
Penilaian semula keuntungan ke atas hartanah, loji dan peralatan		<b>36,280</b>	—	—	—
Bahagian lain-lain pendapatan komprehensif syarikat-syarikat bersekutu		<b>(390)</b>	(9,982)	—	—
Realisasi lain-lain pendapatan komprehensif timbul daripada pelupusan anak-anak syarikat asing dan entiti kawalan bersama		—	2,640	—	—
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		<b>519,170</b>	429,318	<b>114,125</b>	165,513
Keuntungan bersih boleh dikaitkan kepada:					
Pemilik-pemilik Syarikat		<b>409,076</b>	304,491	<b>112,247</b>	164,961
Kepentingan bukan mengawal		<b>141,410</b>	158,046	—	—
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		<b>550,486</b>	462,537	<b>112,247</b>	164,961
Jumlah pendapatan komprehensif boleh dikaitkan kepada:					
Pemilik-pemilik Syarikat		<b>372,859</b>	274,198	<b>114,125</b>	165,513
Kepentingan bukan mengawal		<b>146,311</b>	155,120	—	—
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		<b>519,170</b>	429,318	<b>114,125</b>	165,513
Perolehan setiap saham bagi keuntungan bersih boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat:					
- Asas	11(a)	<b>29.84 Sen</b>	22.63 Sen		
- Dicairkan sepenuhnya	11(b)	<b>29.17 Sen</b>	22.04 Sen		

# Kunci Kira-Kira Disatukan

pada 31 Mac 2012

	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000 (Dinyatakan semula)	2010 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>MODAL DAN RIZAB BOLEH DIKAITKAN KEPADA PEMILIK-PEMILIK SYARIKAT</b>				
Modal saham	14	<b>1,381,609</b>	1,351,115	1,327,216
Premium saham	14	<b>1,934,782</b>	1,835,676	1,776,547
Saham perbendaharaan	14	(89)	(77)	–
Rizab penilaian semula		<b>60,188</b>	35,974	36,395
Rizab terjemahan pertukaran		<b>(149,233)</b>	(88,709)	(58,416)
Lain-lain rizab	15	<b>68,993</b>	78,745	75,258
Keuntungan tertahan		<b>2,051,801</b>	1,784,368	1,939,012
		<b>5,348,051</b>	4,997,092	5,096,012
		<b>1,609,647</b>	1,469,770	1,328,138
		<b>6,957,698</b>	6,466,862	6,424,150
<b>KEPENTINGAN BUKAN MENGAWAL</b>				
<b>JUMLAH EKUITI</b>				
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>				
Bon	16	<b>1,096,121</b>	448,227	568,886
Surat Niaga Perdagangan dan Nota Berjangka Sederhana	17	<b>750,000</b>	650,000	691,848
Pinjaman berjangka	18	<b>1,351,763</b>	1,498,423	1,388,610
Pinjaman sokongan kerajaan	19	<b>208,111</b>	206,091	204,157
Pembiutang sewa beli dan pajakan	20	<b>1,475</b>	2,149	510
Instrumen kewangan derivatif	22	–	8,037	–
Liabiliti cukai tertunda	23	<b>388,165</b>	370,929	363,172
Pembiutang perdagangan dan lain-lain pembiutang	24	<b>85,630</b>	88,152	80,364
Manfaat persaraan	25	<b>5,851</b>	6,159	5,914
Peruntukan	46	<b>11,577</b>	23,938	9,605
		<b>3,898,693</b>	3,302,105	3,313,066
Geran kerajaan	26	<b>81,423</b>	99,161	112,250
		<b>10,937,814</b>	9,868,128	9,849,466
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>				
Hartanah, loji dan peralatan	27	<b>1,330,335</b>	1,205,823	1,158,400
Tanah pegangan pajak	28	<b>156,651</b>	169,234	145,945
Hartanah pelaburan	29	<b>84,243</b>	124,565	452,546
Aset konsesi	30	<b>2,476,068</b>	2,213,607	2,183,231
Syarikat-syarikat bersekutu	32	<b>476,097</b>	472,538	427,354
Entiti kawalan bersama	33	<b>1,178,647</b>	1,019,810	1,063,184
Aset kewangan tersedia untuk jualan	34	<b>2,204</b>	2,204	2,214
Instrumen kewangan derivatif	22	<b>15,911</b>	771	–
Penghutang jangka panjang	35	<b>85,214</b>	70,191	159,914
Aset tidak ketara	36	<b>76,696</b>	77,120	74,804
Aset cukai tertunda	23	<b>98,810</b>	83,147	92,088
Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah	37(a)	<b>705,532</b>	673,380	702,138
Perbelanjaan pembangunan ladang	38	<b>685,694</b>	592,679	474,258
		<b>7,372,102</b>	6,705,069	6,936,076

# Kunci Kira-Kira Disatukan (samb.)

pada 31 Mac 2012

	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000 (Dinyatakan semula)	2010 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>ASET SEMASA</b>				
Kos pembangunan harta tanah	37(b)	<b>1,754,108</b>	1,614,772	1,513,061
Inventori	39	<b>499,100</b>	584,071	529,320
Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang	40	<b>1,883,863</b>	1,874,107	2,170,690
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	41	<b>584,625</b>	212,730	110,522
Instrumen kewangan derivatif	22	<b>73</b>	–	–
Deposit, tunai dan baki bank	42	<b>1,699,020</b>	1,506,597	1,221,511
Aset dipegang untuk jualan	43	<b>50,560</b>	7,152	501
Cukai boleh didapati semula		<b>47,197</b>	49,253	53,010
		<b>6,518,546</b>	5,848,682	5,598,615
Tolak:				
<b>LIABILITI SEMASA</b>				
Pembiutang perdagangan dan lain-lain pembiutang	44	<b>1,785,685</b>	1,660,175	1,689,300
Liabiliti cukai semasa		<b>25,672</b>	31,773	37,199
Instrumen kewangan derivatif	22	<b>1,466</b>	3,201	–
Pinjaman				
- Overdraft bank	45	<b>127,145</b>	65,559	55,917
- Lain-lain	45	<b>988,737</b>	924,915	902,809
Peruntukan	46	<b>24,129</b>	–	–
		<b>2,952,834</b>	2,685,623	2,685,225
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>				
		<b>3,565,712</b>	3,163,059	2,913,390
		<b>10,937,814</b>	9,868,128	9,849,466

# Kunci Kira-Kira Syarikat

pada 31 Mac 2012

	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>MODAL DAN RIZAB BOLEH DIKAITKAN KEPADA PEMILIK-PEMILIK SYARIKAT</b>			
Modal saham	14	1,381,609	1,351,115
Premium saham	14	1,934,782	1,835,676
Saham perbendaharaan	14	(89)	(77)
Rizab terjemahan pertukaran		1,595	(283)
Lain-lain rizab	15	24,846	32,470
Keuntungan tertahan		706,396	744,875
<b>JUMLAH EKUITI</b>		<b>4,049,139</b>	3,963,776
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Surat Niaga Perdagangan dan Nota Berjangka Sederhana	17	750,000	650,000
Pinjaman berjangka	18	175,000	275,000
		925,000	925,000
		<b>4,974,139</b>	4,888,776
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	27	6,700	8,378
Hartanah pelaburan	29	4,907	5,036
Anak-anak syarikat	31	4,503,000	4,427,397
Syarikat-syarikat bersekutu	32	109,535	109,535
Entiti kawalan bersama	33	340,072	323,209
Aset kewangan tersedia untuk jualan	34	2,050	2,050
Instrumen kewangan derivatif	22	5,039	771
Aset cukai tertunda	23	1,789	1,092
Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah	37(a)	281	281
		<b>4,973,373</b>	4,877,749
<b>ASET SEMASA</b>			
Inventori	39	2,220	7,966
Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang	40	764,220	712,548
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	41	129,260	168,082
Deposit, tunai dan baki bank	42	62,642	147,173
Cukai boleh didapati semula		—	9,068
		<b>958,342</b>	1,044,837
Tolak:			
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pembiutang perdagangan dan lain-lain pembiutang	44	835,747	880,208
Pinjaman	45	121,483	153,602
Cukai perlu dibayar		346	—
		<b>957,576</b>	1,033,810
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>766</b>	11,027
		<b>4,974,139</b>	4,888,776

# Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

Kumpulan	Nota	Boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat						Jumlah ekuiti RM'000		
		Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Saham Perbendaharaan RM'000	Rizab Penilaian semula RM'000	terjemahan pertukaran RM'000	Lain-lain rizab RM'000	Keuntungan an tertahan RM'000	Jumlah mengawal RM'000	Kepentingan bukan mengawal RM'000
<b>Pada 1 April 2011</b>										
Sebagaimana dilaporkan sebelum ini		1,351,115	1,835,676	(77)	35,974	(88,709)	78,745	1,834,413	5,047,137	1,469,770
Kesan penerimaan pakai Tafsiran IC 12	58	-	-	-	-	-	-	(50,045)	(50,045)	(50,045)
Sebagaimana dinyatakan semula		1,351,115	1,835,676	(77)	35,974	(88,709)	78,745	1,784,368	4,997,092	1,469,770
Pendapatan komprehensif:										6,466,862
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	-	409,076	409,076	141,410
Lain-lain pendapatan komprehensif:										550,486
Perbezaan terjemahan mata wang timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu, entiti dikawal bersama dan cawangan asing		-	-	-	-	(60,134)	-	-	(60,134)	(7,072)
Bahagian lain-lain pendapatan komprehensif syarikat-syarikat bersekutu		-	-	-	-	(390)	-	-	(390)	-
Penilaian semula keuntungan ke atas hartanah, loji dan peralatan		-	-	24,307	-	-	-	-	24,307	11,973
		-	-	24,307	(60,524)	-	-	(36,217)	4,901	36,280
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	24,307	(60,524)	-	409,076	372,859	146,311	519,170

<b>Kumpulan (samb.)</b>	<b>Nota</b>	<b>Boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat</b>						<b>Jumlah ekuiti RM'000</b>
		<b>Modal saham RM'000</b>	<b>Premium saham RM'000</b>	<b>Saham Perbendaharaan RM'000</b>	<b>Rizab Penilaian semula RM'000</b>	<b>Rizab terjemahan pertukaran RM'000</b>	<b>Keuntungan tertahan RM'000</b>	
Urus niaga dengan pemilik-pemilik:								
Realisasi rizab anak syarikat		-	-	(93)	-	(2,128)	2,221	-
Peningkatan/pencairan kepentingan dalam anak syarikat		-	-	-	-	-	6,862	(6,862)
Dividen interim kedua satu tier:								
- Tahun berakhir 31 Mac 2011	12	-	-	-	-	-	(95,465)	(95,465)
Dividen interim pertama satu tier:								
- Tahun berakhir 31 Mac 2012	12	-	-	-	-	-	(55,261)	(55,261)
Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham bukan mengawal Terbitan saham:								
- Pelaksanaan Waran 2009/2014	14	30,494	99,106	-	-	(7,624)	-	121,976
Belian balik saham	14	-	-	(12)	-	-	-	(12)
Terbitan saham oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham bukan mengawal								
<b>Pada 31 Mac 2012</b>		<b>1,381,609</b>	<b>1,934,782</b>	<b>(89)</b>	<b>60,188</b>	<b>(149,233)</b>	<b>68,993</b>	<b>2,051,901</b>
							<b>5,348,051</b>	<b>1,609,647</b>
								<b>6,957,698</b>

# Penyata Perubahan Dalam Ekuiti (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Perbenda-haraan RM'000	Boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat			Jumlah ekuiti RM'000	Kepentingan bukan mengawal RM'000
				Saham semula RM'000	Rizab terjemahan pertukaran RM'000	Rizab terahan RM'000		
<b>Kumpulan</b>								
<b>Pada 1 April 2010</b>								
- Sebagaimana dilaporkan sebelum ini	1,327,216	1,776,547	-	36,395	(58,416)	75,258	1,697,550	4,854,550
- Kesan penerimaan pakai Tarisiran IC 12	58	-	-	-	-	-	(33,209)	(33,209)
Sebagaimana dinyatakan semula	1,327,216	1,776,547	-	36,395	(58,416)	75,258	1,664,341	4,821,341
Pendapatan komprehensif:								
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	304,491	158,046
Lain-lain pendapatan komprehensif:								
Perbezaan terjemahan mata wang timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan cawangan asing	-	-	-	-	(22,951)	-	-	(2,926)
Bahagian lain-lain pendapatan komprehensif syarikat-syarikat bersekutu	-	-	-	-	(9,982)	-	-	(9,982)
Realisasi lain-lain pendapatan komprehensif timbul daripada pelupusan anak-anak syarikat asing dan entiti kawalan bersama	-	-	-	-	2,640	-	-	2,640
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	(30,293)	-	-	(30,293)	(2,926)
				(30,293)	-	304,491	274,198	155,120
								429,318

Boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat									Kepentingan bukan mengawal			Jumlah ekuiti RM'000	
Kumpulan (samb.)	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Perbendaharaan RM'000	Rizab Penilaian semula RM'000	Rizab terjemahan pertukaran RM'000	Lain-lain rizab RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000	Jumlah RM'000	Jumlah RM'000	Jumlah ekuiti RM'000	
Urus niaga dengan pemilik-pemilik													
Pemindahan kepada rizab modal atas penebusan saham keutamaan dalam anak syarikat	15	-	-	-	-	(421)	-	5,000 (845)	(5,000) 1,266	-	-	-	-
Realisasi rizab anak syarikat Pengambilalihan anak-anak syarikat	-	-	-	-	-	-	-	-	-	8,219	8,219		
Pelupusan dan pembubaran anak-anak syarikat	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(2,846)	(2,846)		
Peningkatan/pencairan kepentingan dalam anak syarikat	-	-	-	-	-	-	-	510	510	(510)	-		
Dividen interim:													
- Tahun berakhir 31 Mac 2010	-	-	-	-	-	-	-	(127,221)	(127,221)	-	-	(127,221)	
Dividen satu tier:													
- Tahun berakhir 31 Mac 2011	12	-	-	-	-	-	-	(54,040)	(54,040)	-	-	(54,040)	
Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham bukan Terbitan saham:								-	-	-	-	(27,523)	(27,523)
- Peaksanaan Waran 2005/2010	14	22,404	54,269	-	-	-	-	(273)	-	76,400	-	76,400	
- Peaksanaan Waran 2009/2014	14	1,495	4,860	-	(77)	-	-	(374)	-	5,981 (77)	-	5,981 (77)	
Belian balik saham Pemindahan kepada keuntungan tertahan atas peluputan Waran 2005/2010	14	-	-	-	-	-	-	-	-	21	-	-	-
Terbitan saham oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham bukan mengawal	15	-	-	-	-	-	-	(21)	-	-	-	28,889	28,889
<b>Pada 31 Mac 2011</b>		<b>1,351,115</b>	<b>1,835,676</b>	<b>(77)</b>	<b>35,974</b>	<b>(88,709)</b>	<b>78,745</b>	<b>1,784,368</b>	<b>4,997,092</b>	<b>1,469,770</b>	<b>6,466,862</b>		

# Penyata Perubahan Dalam Ekuiti (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

Syarikat	Nota	Tidak boleh diagih				Boleh diagih	
		Saham Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Perbenda- haraan RM'000	Rizab terjemahan pertukaran RM'000		Jumlah RM'000
<b>Pada 1 April 2011</b>		1,351,115	1,835,676	(77)	(283)	32,470	744,875
Pendapatan komprehensif:		-	-	-	-	-	112,247
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	112,247
Lain-lain pendapatan komprehensif:		-	-	-	-	-	1,878
Perbezaan terjemahan mata wang timbul daripada terjemahan cawangan dan projek asing		-	-	-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	1,878	-	114,125
Urus niaga dengan pemilik-pemilik:							
Dividen interim kedua satu tier:		12	-	-	-	-	(95,465)
- Tahun berakhir 31 Mac 2011							(95,465)
Dividen interim pertama satu tier:		12	-	-	-	-	(55,261)
- Tahun berakhir 31 Mac 2012							(55,261)
Terbitan saham:		14	30,494	99,106	-	(7,624)	-
- Peleksaanaan Waran 2009/2014					-		121,976
Belian balik saham		14	-	-	(12)	-	-
<b>Pada 31 Mac 2012</b>		<b>1,381,609</b>	<b>1,934,782</b>	<b>(89)</b>	<b>1,595</b>	<b>24,846</b>	<b>706,396</b>
							<b>4,049,139</b>

<b>Nota</b>	<b>Syarikat (samb.)</b>	<b>Pada 1 April 2010</b>	<b>Tidak boleh diagih</b>		<b>Boleh diagih</b>				
			<b>Modal saham RM'000</b>	<b>Premium saham RM'000</b>	<b>Saham Perbendaharaan RM'000</b>	<b>Rizab terjemahan pertukaran RM'000</b>	<b>Lain-lain rizab RM'000</b>	<b>Keuntungan tertahan RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
		Pendapatan komprehensif:							
		Keuntungan bersih bagi tahun kewangan Lain-lain pendapatan komprehensif:	-	-	-	-	-	164,961	164,961
		Perbezaan terjemahan mata wang timbul daripada terjemahan cawangan dan projek asing	-	-	-	552	-	-	552
		Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	552	-	164,961	165,513
		Urus niaga dengan pemilik-pemilik:							
		Dividen interim:							
		- Tanun berakhir 31 Mac 2010	-	-	-	-	-	(127,221)	(127,221)
		Dividen interim pertama satu tier:							
		- Tanun berakhir 31 Mac 2011	12	-	-	-	-	(54,040)	(54,040)
		Terbitan saham:							
		- Peaksaraan Waran 2005/2010	14	22,404	54,269	-	(273)	-	76,400
		- Pelaksanaan Waran 2009/2014	14	1,495	4,860	-	(374)	-	5,981
		Belian balik saham	14	-	-	(77)	-	-	(77)
		Pemindahan kepada keuntungan tertahan atas pelupusan Waran 2005/2010	15	-	-	-	(21)	21	-
		<b>Pada 31 Mac 2011</b>	<b>1,351,115</b>	<b>1,835,676</b>	<b>(77)</b>	<b>(283)</b>	<b>32,470</b>	<b>744,875</b>	<b>3,963,776</b>

# Penyata Aliran Tunai Disatukan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>KEGIATAN KENDALIAN</b>			
Penerimaan daripada pelanggan		4,646,379	4,023,970
Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan		(3,600,373)	(3,185,958)
Geran kerajaan diterima		—	7,774
Pendapatan daripada amanah saham		382	369
Faedah diterima		110,465	86,811
Faedah dibayar		(176,030)	(175,540)
Cukai pendapatan dibayar		(266,751)	(193,030)
<b>Aliran tunai bersih daripada kegiatan kendalian</b>		<b>714,072</b>	564,396
<b>KEGIATAN PELABURAN</b>			
Pengambilalihan anak-anak syarikat	49(b)	—	(5,269)
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu		(6,753)	(11,399)
Pengambilalihan pelaburan jangka pendek		(683,291)	(199,986)
Pelupusan anak-anak syarikat		—	66,686
Pelupusan syarikat-syarikat bersekutu		—	4,334
Pelupusan entiti kawalan bersama		—	9,765
Pelupusan pelaburan		319,249	114,112
Perolehan daripada pembubaran syarikat-syarikat bersekutu		402	1,191
Pelupusan modal kepada pemegang-pemegang saham bukan mengawal atas pembubaran anak-anak syarikat		—	(88)
Pembelian tanah pembangunan dipegang bagi pembangunan harta tanah		(108,487)	(53,349)
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan, tanah pegangan pajak dan harta tanah pelaburan		(222,717)	(171,209)
Kos ditanggung ke atas aset konsesi		(392,879)	(120,488)
Tambahan kepada perbelanjaan pembangunan ladang		(89,757)	(85,847)
Perbelanjaan tertunda ditanggung	36	(4,039)	(5,528)
Pelupusan harta tanah, loji dan peralatan, tanah pegangan pajak dan harta tanah pelaburan		15,938	11,175
Pelupusan aset dipegang untuk jualan		7,630	506
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		15,849	11,884
Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan		177	115
Penebusan saham keutamaan boleh tebus oleh entiti kawalan bersama		—	25,753
Pemulangan wang permohonan saham syarikat bersekutu		10,834	—
Pendahuluan kepada syarikat-syarikat bersekutu		(648)	(809)
Pendahuluan kepada entiti kawalan bersama		(116,693)	(108,872)
Bayaran balik pendahuluan daripada entiti kawalan bersama		5,290	18,939
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan</b>		<b>(1,249,895)</b>	(498,384)

	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>			
Terbitan saham oleh Syarikat:			
- Pelaksanaan Waran 2005/2010		-	76,400
- Pelaksanaan Waran 2009/2014		<b>121,976</b>	5,981
Terbitan saham dan waran oleh anak-anak syarikat			
kepada pemegang-pemegang saham bukan mengawal		<b>46,734</b>	28,889
Bayaran balik Bon		-	(151,000)
Pengeluaran Surat Niaga Perdagangan ("CP") dan			
Nota Berjangka Sederhana ("MTN")		<b>800,000</b>	-
Bayaran balik CP dan MTN		<b>(85,000)</b>	(89,000)
Perolehan daripada bank pinjaman		<b>511,851</b>	1,182,804
Bayaran balik pinjaman bank		<b>(484,508)</b>	(582,715)
(Bayaran balik kepada)/pendahuluan daripada Kerajaan Negeri		<b>(3,000)</b>	(6,000)
Bayaran balik Pinjaman Sokongan Kerajaan		<b>(5,000)</b>	(2,500)
Bayaran balik kepada pembiayaan sewa beli dan pajakan		<b>(2,392)</b>	(3,429)
Bayaran MTN dan faedah bon		<b>(37,520)</b>	(34,050)
Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang			
saham bukan mengawal		<b>(48,231)</b>	(27,523)
Dividen dibayar oleh Syarikat		<b>(150,726)</b>	(181,261)
(Peningkatan)/pengurangan dalam deposit bank diserahkan kepada			
pemegang amanah		-	(129,300)
Belian balik saham perbendaharaan	14(C)	<b>(12)</b>	(77)
<b>Aliran tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan</b>		<b>664,172</b>	87,219
<b>PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI DALAM TAHUN KEWANGAN</b>			
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERMULAAN</b>		<b>128,349</b>	153,231
<b>TAHUN KEWANGAN</b>		<b>1,319,618</b>	1,165,294
<b>PERBEZAAN PERTUKARANG ASING KE ATAS</b>			
<b>BAKI PEMBUKAAN</b>		<b>868</b>	1,093
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR</b>			
<b>TAHUN KEWANGAN</b>	51	<b>1,448,835</b>	1,319,618

# Penyata Aliran Tunai Syarikat

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>KEGIATAN KENDALIAN</b>			
Penerimaan daripada pelanggan		85,127	80,956
Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan		(116,463)	(161,767)
Pendapatan daripada amanah saham		382	369
Faedah diterima		9,421	15,820
Faedah dibayar		(13,108)	(12,808)
Cukai pendapatan dikembalikan (bersih)		299	-
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam kegiatan kendalian</b>		<b>(34,342)</b>	<b>(77,430)</b>
<b>KEGIATAN PELABURAN</b>			
Pembelian hartaan, loji dan peralata		(276)	(1,134)
Pelupusan hartaan, loji dan peralatan		315	193
Pengambilalihan pelaburan jangka pendek		(80,000)	(132,986)
Perolehan daripada pembubaran/pelupusan saham-saham dalam anak-anak syarikat		92	12
Perolehan daripada pelupusan/pembubaran pelaburan		125,538	62,109
Perolehan daripada pelupusan/pembubaran syarikat-syarikat bersekutu		-	1,001
Dividen diterima daripada anak-anak syarikat		127,906	144,061
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		14,262	5,612
Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan		119	64
Pendahuluan kepada anak-anak syarikat		(297,310)	(281,626)
Bayaran balik pendahuluan kepada anak-anak syarikat		211,468	365,755
Bayaran balik pendahuluan daripada anak-anak syarikat		(52,571)	(38,153)
Pendahuluan kepada syarikat-syarikat bersekutu		(1,763)	(1,111)
Bayaran balik pendahuluan kepada syarikat-syarikat bersekutu		461	2,994
Pendahuluan kepada entiti kawalan bersama		(29)	-
Bayaran balik pendahuluan daripada entiti kawalan bersama		-	352
<b>Aliran tunai bersih daripada kegiatan pelaburan</b>		<b>48,212</b>	<b>127,143</b>
<b>KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>			
<b>Terbitan saham oleh Syarikat:</b>			
- Pelaksanaan Waran 2005/2010		-	76,400
- Pelaksanaan Waran 2009/2014		121,976	5,981
Perolehan daripada bank pinjaman		180,184	137,300
Bayaran balik pinjaman bank		(312,303)	(23,837)
Bayaran faedah MTN		(37,520)	(34,050)
Dividen dibayar oleh Syarikat		(150,726)	(181,261)
Belian balik saham perbendaharaan	14(C)	(12)	(77)
Pengeluaran Surat Niaga Perdagangan ("CP") dan Nota Berjangka Sederhana ("MTN")		100,000	-
<b>Aliran tunai bersih diguna dalam kegiatan pembiayaan</b>		<b>(98,401)</b>	<b>(19,544)</b>
<b>PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM DAN SETARA TUNAI DALAM TAHUN KEWANGAN</b>			
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN</b>		<b>(84,531)</b>	<b>30,169</b>
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>		<b>147,173</b>	<b>117,004</b>
	51	<b>62,642</b>	<b>147,173</b>

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

Polisi-polisi perakaunan berikut telah dipakai secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan dalam berurusan dengan perkara-perkara yang dianggap material berhubung dengan penyata kewangan, melainkan dinyatakan sebaliknya.

## 1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan, Piawaian-piawaian Perakaunan Yang Diluluskan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Persendirian.

Penyata kewangan disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan polisi-polisi perakaunan penting ini.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi Piawaian-piawaian Perakaunan MASB Yang Diluluskan bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian yang memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan penting tertentu yang melibatkan jumlah aset dan liabiliti dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti kontingen pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tempoh dilaporkan. Ia juga memerlukan para Pengarah untuk melaksanakan pertimbangan mereka dalam proses menggunakan polisi-polisi perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran tersebut.

Bidang-bidang yang melibatkan tahap pertimbangan atau kekompleksan tertinggi, atau bidang-bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan dalam Nota 2 kepada penyata kewangan.

### (a) Piawaian, pindaan kepada piawaian disiarkan dan tafsiran yang berkuat kuasa

Piawaian perakaunan baru, pindaan kepada piawaian disiarkan dan tafsiran yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat bermula pada atau selepas 1 April 2011 dan terpakai kepada Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

- FRS 3 disemak “Kombinasi Perniagaan”
- FRS 127 disemak “Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan”
- Pindaan kepada FRS 2 “Bayaran berdasarkan saham – Urus niaga bayaran berdasarkan saham diselesaikan secara tunai Kumpulan”
- Pindaan kepada FRS 7 “Instrumen kewangan: Pendedahan – menambah baik pendedahan mengenai instrumen kewangan”
- Pindaan kepada Tafsiran IC 9 “Penilaian Semula derivatif terbenam”
- Pindaan kepada FRS 132 “Instrumen kewangan: Pembentangan - Pengelasan terbitan hak”
- Tafsiran IC 4 “Menentukan sama ada pengaturan mengandungi pajakan”
- Tafsiran IC 12 “Pengaturan konsesi perkhidmatan”
- Tafsiran IC 16 “Lindungan nilai pelaburan bersih dalam operasi asing”
- Tafsiran IC 17 “Pengagihan aset bukan tunai kepada pemilik”
- Tafsiran IC 18 “Pemindahan aset daripada pelanggan”
- Penambahbaikan kepada FRS (2010)

Semua perubahan dalam polisi-polisi perakaunan telah dibuat selaras dengan peruntukan peralihan dalam piawaian, pindaan dan penambahbaikan masing-masing kepada piawaian disiarkan dan tafsiran.

Piawaian perakaunan baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak menyebabkan perubahan ketara kepada polisi-polisi perakaunan dan tidak mempunyai kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat kecuali bagi FRS 3 Disemak “Kombinasi Perniagaan”, FRS 127 Disemak “Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan”, Pindaan kepada FRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan – Menambah baik pendedahan mengenai instrumen kewangan” dan Tafsiran IC 12 “Pengaturan konsesi perkhidmatan”, kesan yang mana dinyatakan dalam Nota 58 kepada penyata kewangan.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 1 ASAS PENYEDIAAN (samb.)

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan kepada piawaian sedia ada yang terpakai kepada Kumpulan, tetapi masih belum berkuat kuasa dan tidak diterima pakai secara awal

(i) Dalam tahun kewangan bermula pada 1 April 2012, Kumpulan akan terus menggunakan Rangka Kerja Piawaian Pelaporan Kewangan. Piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan yang adalah mandatori bagi tahun kewangan Kumpulan bermula pada atau selepas 1 April 2012 atau tempoh-tempoh terkemudian, dan Kumpulan tidak menerima pakai secara awal, adalah seperti berikut:

- Tafsiran IC 19 "Melupuskan Liabiliti Kewangan dengan Instrumen Ekuiti" (berkuat kuasa dari 1 Julai 2011) menyediakan penjelasan apabila entiti merunding semula terma-terma liabiliti kewangan dengan pemutangnya dan pemutang bersetuju untuk menerima saham-saham entiti atau instrumen ekuiti yang lain untuk menyelesaikan liabiliti kewangan sepenuhnya atau sebahagiannya. Keuntungan atau kerugian, merupakan perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan nilai saksama instrumen ekuiti yang diterbitkan, akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Entiti tidak lagi dibenarkan untuk mengelaskan semula nilai dibawa liabiliti kewangan sedia ada ke dalam ekuiti dengan tidak ada keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.
- Pindaan kepada FRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan mengenai pindaan aset kewangan" (berkuat kuasa dari 1 Julai 2011) menggalakkan ketelusan dalam pelaporan urus niaga pemindahan dan meningkatkan pemahaman pengguna mengenai pendedahan risiko berkaitan dengan pemindahan aset kewangan dan kesan risiko-risiko tersebut ke atas kedudukan kewangan entiti, khususnya yang melibatkan pensekuritian aset kewangan.

(ii) Pada November 2011, Lembaga MASB mengeluarkan rangka kerja perakaunan diluluskan MASB yang baru, Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") sehubungan dengan rancangan Lembaga untuk bergabung dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa pada 2012. Rangka Kerja MFRS akan digunakan oleh semua Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012, dengan pengecualian entiti yang berada dalam skop MFRS 141 "Pertanian" dan Tafsiran IC 15 "Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah", termasuk syarikat induknya, pelabur utama dan peneroka modal (bersama ini dipanggil "Entiti Peralihan"). Entiti Peralihan akan dibenarkan untuk menunda penerimaan pakai Rangka Kerja MFRS yang baru bagi satu tahun tambahan. Akibat daripada itu, penerimaan pakai Rangka Kerja MFRS oleh Entiti Peralihan akan menjadi mandatori bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013. Kumpulan dikategorikan di bawah Entiti Peralihan dan akan menerima pakai rangka kerja MFRS bagi tahun kewangan bermula pada 1 April 2013.

MFRS 1 "Penerimaan pakai kali pertama MFRS" memperuntukkan bagi pengecualian mengikut pilihan tertentu dan pengecualian mandatori tertentu bagi penerima pakai MFRS kali pertama.

Piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan dan tafsiran yang adalah mandatori bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 April 2013 Kumpulan atau tempoh-tempoh terkemudian, dan Kumpulan tidak menerima pakai secara awal, adalah seperti berikut:

- MFRS 141 "Pertanian" (berkuat kuasa dari 1 Januari 2012) memerlukan aset biologi dan hasil pertanian pada masa penuaian untuk diukur pada nilai saksama tolak kos untuk menjual. Perubahan dalam nilai saksama tolak kos untuk menjual aset biologi akan dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh dalam mana ia timbul.
- Tafsiran IC 15 "Perjanjian bagi pembinaan harta tanah" (berkuat kuasa dari 1 Januari 2012) mengatasi FRS 201 "Kegiatan pembangunan hartanah" berhubung dengan asas pengiktirafan pendapatan bagi pembangunan hartanah.

## 1 ASAS PENYEDIAAN (samb.)

- (b) **Piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan kepada piawaian sedia ada yang terpakai kepada Kumpulan, tetapi masih belum berkuat kuasa dan tidak diterima pakai secara awal (samb.)**

- (ii) Piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan dan tafsiran yang adalah mandatori bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 April 2013 Kumpulan atau tempoh-tempoh terkemudian, dan Kumpulan tidak menerima pakai secara awal, adalah seperti berikut: (samb.)
- MFRS 9 “Instrumen kewangan - pengelasan dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2015) menggantikan model pengelasan dan pengukuran berbilang dalam MFRS 139 dengan model tunggal yang hanya mempunyai dua kategori pengelasan: kos dilunaskan dan nilai saksama. Asas pengelasan bergantung pada model perniagaan entiti bagi menguruskan aset kewangan dan ciri-ciri aliran tunai kontrak aset kewangan.

Perakaunan dan pembentangan bagi liabiliti kewangan dan bagi penyahitirafan instrumen kewangan telah dipindah daripada MFRS 139, tanpa perubahan, kecuali bagi liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (“FVTPL”). Entiti dengan liabiliti kewangan ditetapkan pada FVTPL mengiktiraf perubahan dalam nilai saksama disebabkan oleh perubahan dalam risiko kredit liabiliti secara langsung dalam lain-lain pendapatan komprehensif (OCI). Tidak ada kitaran semula berikutnya ke atas jumlah dalam OCI kepada keuntungan atau kerugian, tetapi keuntungan atau kerugian terkumpul mungkin dipindahkan dalam ekuiti.

- MFRS 10 “Penyata kewangan disatukan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2013) perubahan dalam definisi kawalan. Pelabur mengawal syarikat menerima pelaburan apabila ia terdedah, atau mempunyai hak, kepada pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan syarikat menerima pelaburan dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas syarikat menerima pelaburan. Ia mewujudkan kawalan sebagai asas bagi menentukan yang mana entiti disatukan dalam penyata kewangan disatukan dan menyatakan keperluan perakaunan bagi penyediaan penyata kewangan disatukan. Ia menggantikan semua panduan ke atas kawalan dan penyatuhan dalam MFRS 127 “Penyata kewangan disatukan dan berasingan” dan Tafsiran IC 112 “Penyatuan - entiti tujuan khas”.
- MFRS 11 “Pengaturan bersama” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2013) memerlukan pihak kepada pengaturan bersama untuk menentukan jenis pengaturan bersama dalam mana ia terlibat dengan menilai hak dan obligasinya yang timbul daripada pengaturan, selain daripada bentuk undang-undangnya. Terdapat dua jenis pengaturan bersama: operasi bersama dan usaha sama. Operasi bersama timbul apabila pengendali bersama mempunyai hak kepada aset dan obligasi berkaitan dengan pengaturan dan dengan itu mengakaunkan bagi kepentingannya dalam aset, liabiliti, hasil dan perbelanjaan. Usaha sama timbul di mana pengendali bersama mempunyai hak kepada aset bersih pengaturan dan dengan itu mengakauneukuitikan bagi kepentingannya. Penyatuan mengikut perkadarannya usaha sama tidak lagi diperlukan.
- MFRS 12 “Pendedahan kepentingan dalam lain-lain entiti” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2013) menyatakan pendedahan diperlukan bagi entiti melapor di bawah dua piawaian baru, MFRS 10 dan MFRS 11, dan menggantikan keperluan pendedahan yang pada masa ini didapati dalam MFRS 128 “Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu”. Ia memerlukan entiti untuk mendedahkan maklumat yang membantu pembaca-pembaca penyata kewangan untuk menilai sifat, risiko dan kesan kewangan yang berkaitan dengan kepentingan entiti dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu, pengaturan bersama dan entiti berstruktur tidak disatukan.
- MFRS 13 “Pengukuran nilai saksama” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2013) disasarkan untuk meningkatkan keselarasan dan mengurangkan kekompleksan dengan menyediakan definisi tepat nilai saksama dan sumber tunggal bagi pengukuran nilai saksama dan keperluan pendedahan bagi penggunaan di seluruh MFRS. Keperluan tidak meluaskan penggunaan perakaunan nilai saksama tetapi menyediakan panduan mengenai bagaimana ia sepatutnya digunakan di mana kegunaannya telah pun diperlukan atau dibenarkan oleh lain-lain piawaian. Keperluan pendedahan dipertingkatkan adalah serupa dengan yang terdapat dalam MFRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan”, tetapi terpakai kepada semua aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama, bukan hanya yang berbentuk kewangan semata-mata.
- MFRS 127 disemak “Penyata kewangan berasingan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2013) termasuk peruntukan ke atas penyata kewangan berasingan yang kekal dalam MFRS 127 selepas peruntukan kawalan MFRS 127 telah dimasukkan dalam MFRS 10 baru.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 1 ASAS PENYEDIAAN (samb.)

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan kepada piawaian sedia ada yang terpakai kepada Kumpulan, tetapi masih belum berkuat kuasa dan tidak diterima pakai secara awal (samb.)
- (ii) Piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan dan tafsiran yang adalah mandatori bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 April 2013 Kumpulan atau tempoh-tempoh terkemudian, dan Kumpulan tidak menerima pakai secara awal, adalah seperti berikut: (samb.)
- MFRS 128 disemak “Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2013) termasuk keperluan bagi usaha sama, serta juga syarikat-syarikat bersekutu, untuk diakaunekuitikan berikut dengan pengeluaran MFRS 11.
  - Pindaan kepada MFRS 1 “Penerimaan pakai kali pertama ke atas tarikh tetap dan hiperinflasini” (berkuat kuasa dari 1 Julai 2011) termasuk dua perubahan kepada MFRS 1. Yang pertama menggantikan rujukan kepada tarikh tetap 1 Januari 2004 dengan ‘tarikh peralihan kepada MFRS’, dengan itu menghapuskan keperluan bagi entiti untuk menerima pakai MFRS buat pertama kali bagi menyatakan semula urus niaga penyahktirafan yang berlaku sebelum tarikh peralihan kepada MFRS. Pindaan kedua menyediakan panduan mengenai bagaimana entiti sepatutnya memulakan pembentangan penyata kewangan selaras dengan MFRS selepas tempoh apabila entiti tidak dapat mematuhi dengan MFRS disebabkan mata wang kefungsianya adalah tertakluk kepada hiperinflasini teruk.
  - Pindaan kepada MFRS 101 “Pembentangan perkara Lain-lain pendapatan komprehensif” (berkuat kuasa dari 1 Julai 2012) memerlukan entiti untuk mengasingkan perkara dibentangkan dalam Lain-lain pendapatan komprehensif (“OCI”) dalam penyata Pendapatan komprehensif kepada dua kumpulan, berdasarkan sama ada atau tidak ia mungkin dikitar semula kepada keuntungan atau kerugian pada masa hadapan. Pindaan tidak membincangkan perkara yang mana akan dibentangkan dalam OCI.
  - Pindaan kepada MFRS 119 “Manfaat kakitangan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2013) membuat perubahan ketara kepada pengiktirafan dan pengukuran perbelanjaan pencen, manfaat dinyatakan dan manfaat penamatan, dan kepada pendedahan bagi semua manfaat kakitangan. Keuntungan dan kerugian aktuari tidak lagi ditunda dengan menggunakan pendekatan koridor. MFRS 119 akan dibatalkan atas penggunaan pindaan ini.
  - Pindaan kepada MFRS 7 “Instrumen kewangan: Pendedahan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2013) memerlukan lebih banyak pendedahan ekstensif menumpukan ke atas maklumat kuantitatif mengenai instrumen kewangan diiktiraf yang diseimbangkan dalam kunci kira-kira dan yang tertakluk kepada penolakan utama atau pengaturan serupa tanpa mengambil kira sama ada ia telah diseimbangkan.
  - Pindaan kepada MFRS 132 “Instrumen kewangan: Pembentangan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2014) tidak mengubah model pengimbangan semasa dalam MFRS 132. Ia menjelaskan maksud “pada masa ini mempunyai hak penolakan boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang” bahawa hak penolakan hendaklah tersedia pada masa ini (bukan kontingen ke atas peristiwa pada masa hadapan) dan boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang bagi semua pihak satu lagi dalam perjalanan biasa perniagaan. Ia menjelaskan beberapa mekanisme penyelesaian secara kasar dengan ciri-ciri yang secara berkesan menyamai dengan penyelesaian bersih yang akan memenuhi kriteria pengimbangan MFRS 132.

Kumpulan dalam proses menilai kesan penuh piawaian, pindaan di atas kepada piawaian dan tafsiran disiarkan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dalam tahun semasa penggunaan awal.

## 2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN

### (a) Anak-anak syarikat

Anak syarikat adalah syarikat, perkongsian atau lain-lain entiti (termasuk entiti tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan kendalian untuk mendapatkan manfaat daripada kegiatannya, pada kebiasaananya mengiringi pemegangan saham lebih daripada separuh hak mengundi.

Kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang pada masa ini boleh dilaksanakan atau boleh ditukar dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan mengawal entiti yang lain. Dalam menilai sama ada hak-hak mengundi menyumbang kepada kawalan, Kumpulan meneliti semua fakta dan keadaan (termasuk terma-terma pelaksanaan potensi hak mengundi dan mana-mana pengaturan kontrak yang lain sama ada dipertimbangkan secara individu atau dalam kombinasi) yang melibatkan potensi hak mengundi.

Anak-anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan, kecuali bagi kombinasi perniagaan melibatkan entiti atau perniagaan di bawah kawalan bersama dengan tarikh perjanjian pada atau selepas 1 Januari 2006 dan diakaunkan dengan menggunakan kaedah penggabungan perakaunan.

## 2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN (samb.)

### (a) Anak-anak syarikat (samb.)

Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, anak-anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh bila mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh kawalan tersebut berhenti. Kos pengambilalihan diukur sebagai nilai saksama aset-aset diberikan, instrumen-instrumen ekuiti diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau diambil alih pada tarikh pertukaran. Kos pengambilalihan termasuk nilai saksama mana-mana aset atau liabiliti akibat daripada pengaturan balasan kontigen. Kos boleh dikaitkan secara langsung kepada pengambilalihan telah dijadikan perbelanjaan sebagaimana ditanggung. Aset-aset dikenal pasti diambil alih dan liabiliti dan liabiliti kontigen yang diambil alih dalam kombinasi perniagaan diukur pada awalnya pada nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan. Lebihan daripada kos pengambilalihan dan jumlah mana-mana kepentingan bukan mengawal dalam syarikat diambil alih ke atas nilai saksama aset bersih boleh dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan ditunjukkan sebagai muhibah – Lihat polisi perakaunan 3 mengenai muhibah. Sekiranya kos pengambilalihan kurang daripada nilai saksama aset bersih anak syarikat diambil alih, perbezaan diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian.

Di mana lebih daripada satu urus niaga pertukaran terlibat, sebarang pelarasan kepada nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti kontigen anak syarikat yang dikenal pasti berkaitan dengan kepentingan Kumpulan dipegang sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Kepentingan bukan mengawal mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih anak syarikat boleh dikaitkan kepada kepentingan ekuiti yang tidak dimiliki, secara langsung atau tidak langsung melalui anak-anak syarikat, oleh Syarikat. Ia diukur pada bahagian kepentingan bukan mengawal daripada nilai saksama aset dan liabiliti boleh dikenal pasti anak-anak syarikat pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti dalam ekuiti anak-anak syarikat sejak tarikh tersebut.

Semua perolehan dan kerugian anak-anak syarikat boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat dan kepentingan bukan mengawal, walaupun kerugian boleh dikaitkan kepada kepentingan bukan mengawal diputuskan dalam baki debit dalam jumlah ekuiti. Keuntungan atau kerugian boleh dikaitkan kepada kepentingan bukan mengawal bagi tahun-tahun sebelumnya tidak dinyatakan semula.

Di bawah kaedah penggabungan perakaunan, keputusan anak-anak syarikat dibentangkan seolah-olah penggabungan telah berkuat kuasa di sepanjang tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Aset dan liabiliti digabungkan diakaunkan berdasarkan jumlah dibawa daripada perspektif pemegang saham kawalan bersama pada tarikh pemindahan. Atas penyatuhan, kos penggabungan dibatalkan dengan nilai saham-saham diterima. Sebarang perbezaan kredit terhasil dikelaskan sebagai ekuiti dan dianggap sebagai rizab. Sebarang perbezaan debit terhasil diselaraskan terhadap rizab. Sebarang premium saham, rizab penebusan modal dan sebarang rizab lain yang boleh dikaitkan kepada modal saham syarikat-syarikat digabung, sehingga tahap yang ia tidak dipermodalkan melalui perbezaan debit, dikelaskan semula dan dikemukakan sebagai pergerakan dalam lain-lain rizab.

Semua urus niaga, antara syarikat baki dan keuntungan tidak direalis atas urus niaga antara syarikat-syarikat kumpulan dihapus kira kecuali bagi barang siap yang dikontrakkan yang dinyatakan pada nilai boleh direalis bersih. Kerugian tidak direalis juga dihapus kira tetapi dianggap sebagai petunjuk kerosotan nilai nilai aset dipindahkan. Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada pernyataan kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi Kumpulan.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan anak syarikat, yang adalah perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan daripada aset-aset bersihnya pada tarikh pelupusan, termasuk jumlah terkumpul mana-mana perbezaan pertukaran yang berkait dengan anak syarikat, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat.

### (b) Urus niaga dengan kepentingan bukan mengawal

Kumpulan menggunakan polisi menganggap urus niaga dengan kepentingan bukan mengawal sebagai urus niaga dengan pemilik-pemilik ekuiti Kumpulan. Bagi pembelian daripada kepentingan bukan mengawal, perbezaan antara sebarang balasan dibayar dan bahagian berkenaan daripada nilai dibawa aset bersih anak syarikat diambil alih ditolak daripada ekuiti. Keuntungan atau kerugian atas pelupusan kepada kepentingan bukan mengawal juga direkodkan dalam ekuiti. Bagi pelupusan kepada kepentingan bukan mengawal, perbezaan antara sebarang perolehan diterima dan bahagian berkenaan daripada kepentingan bukan mengawal juga direkodkan dalam ekuiti.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN (samb.)

### (c) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat, perkongsian atau lain-lain entiti dalam mana Kumpulan melaksanakan pengaruh penting, tetapi ia tidak mengawal, pada kebiasaannya mengiringi pemegangan saham antara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan polisi kewangan dan kendalian syarikat-syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diakaunkan dengan menggunakan kaedah ekuiti perakaunan dan pada mulanya diiktiraf pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu termasuk muhibah dikenal pasti atas pengambilalihan, tolak sebarang kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Bahagian Kumpulan daripada keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, dan bahagian daripada pergerakan selepas pengambilalihannya dalam rizab diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif. Pergerakan selepas pengambilalihan terkumpul diselaraskan terhadap jumlah dibawa pelaburan. Di mana bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, termasuk mana-mana penghutang tidak bercagar jangka panjang yang lain, kepentingan Kumpulan dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian selanjutnya tidak diteruskan kecuali sehingga tahap yang Kumpulan telah menanggung obligasi undang-undang atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu. Sekiranya syarikat bersekutu kemudian mencatat keuntungan, Kumpulan akan mula untuk mengiktiraf semula bahagiannya daripada keuntungan tersebut hanya selepas bahagian keuntungannya menyamai dengan bahagian kerugian tidak diiktiraf.

Keuntungan tidak direalis atas urus niaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu; kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan urus niaga memberi bukti kerosotan nilai aset dipindahkan. Di mana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan. Keuntungan dan kerugian kecairan dalam syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Bagi kepentingan bertambah dalam syarikat bersekutu, tarikh pengambilalihan adalah tarikh pembelian pada setiap peringkat dan muhibah dikira pada setiap tarikh pembelian berdasarkan nilai saksama aset dan liabiliti dikenal pasti. Tidak ada “peningkatan kepada nilai saksama (“step up to fair value”) aset bersih kepentingan yang diambil alih sebelum ini dan bahagian keuntungan dan pergerakan ekuiti bagi kepentingan diambil alih sebelum ini direkodkan secara langsung melalui ekuiti.

### (d) Entiti kawalan bersama

Entiti kawalan bersama adalah syarikat, perkongsian, atau lain-lain entiti ke atas mana terdapat perkongsian kawalan yang dipersetujui secara kontrak oleh Kumpulan dengan satu atau lebih pihak di mana keputusan kewangan dan kendalian strategik berkaitan dengan entiti memerlukan kebenaran sebulat suara pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian Kumpulan daripada keputusan selepas pengambilalihan entiti kawalan bersama dalam keuntungan atau kerugian dan bahagian pergerakan rizab selepas pengambilalihannya dalam lain-lain pendapatan komprehensif. Pergerakan selepas pengambilalihan terkumpul diselaraskan terhadap kos pelaburan dan termasuk muhibah atas pengambilalihan (tolak kerosotan nilai terkumpul).

Keuntungan tidak direalis atas urus niaga antara Kumpulan dan entiti kawalan bersamanya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama; kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan urus niaga menunjukkan bukti kerosotan nilai aset dipindahkan.

Kumpulan mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian atas jualan aset oleh Kumpulan kepada usaha niaga yang boleh dikaitkan kepada lain-lain usaha niaga. Kumpulan tidak mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugiannya daripada usaha niaga yang berpunca daripada pembelian aset oleh Kumpulan daripada usaha niaga sehingga ia menjual semula asetnya kepada pihak bebas. Walau bagaimanapun, kerugian atas urus niaga diiktiraf dengan serta-merta sekiranya kerugian menunjukkan bukti mengenai pengurangan dalam nilai boleh direalis bersih aset semasa atau kerosotan nilai.

Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan entiti kawalan bersama untuk memastikan polisi-polisi perakaunan adalah konsisten dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan.

## 2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN (samb.)

### (e) Operasi kawalan bersama

Operasi kawalan bersama adalah perjanjian kontrak di mana Kumpulan dan lain-lain pihak mempunyai kawalan bersama ke atas kegiatan ekonomi.

Berhubung dengan kepentingannya dalam operasi dikawal bersama, Kumpulan mengiktirafnya dalam penyata kewangannya, aset yang ia kawal dan liabiliti yang ia tanggung serta juga perbelanjaan yang ia tanggung dan bahagian daripada pendapatan dan perbelanjaannya yang ia peroleh daripada jualan barang atau perkhidmatan oleh usaha niaga.

## 3 MUHIBAH

Muhibah mewakili lebihan daripada kos pengambilalihan anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan.

Muhibah atas pengambilalihan anak-anak syarikat dimasukkan dalam kunci kira-kira sebagai aset tidak ketara. Muhibah diuji setiap tahun bagi kerosotan nilai dan dinyatakan pada kos tolak kerugian kerosotan nilai terkumpul. Kerugian kerosotan nilai atas muhibah tidak diterbalikkan. Keuntungan dan kerugian atas pelupusan entiti termasuk jumlah dibawa muhibah berkaitan dengan entiti terjual.

Muhibah diperuntukkan kepada unit penghasilan tunai bagi tujuan pengujian kerosotan nilai. Peruntukan dibuat kepada unit penghasilan tunai tersebut atau kumpulan unit penghasilan tunai yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi kombinasi perniagaan dalam mana muhibah timbul. Kumpulan memperuntukkan muhibah kepada setiap segmen perniagaan dalam setiap negara dalam mana ia beroperasi. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan nilai aset.

Muhibah atas pengambilalihan entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu dimasukkan masing-masing dalam pelaburan dalam entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu. Muhibah sedemikian diuji bagi kerosotan nilai sebagai sebahagian daripada baki keseluruhan.

## 4 PELABURAN

Pelaburan dalam anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ditunjukkan pada kos tolak kerosotan nilai terkumpul. Di mana petunjuk kerosotan nilai wujud, jumlah dibawa pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan nilai aset bukan kewangan.

Pelaburan jangka panjang telah dikelaskan sebagai aset kewangan tersedia untuk jualan. Ini pada awalnya diukur pada nilai saksama campur kos urus niaga dan kemudiannya, pada nilai saksama kecuali bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran disebut harga dalam pasaran aktif dan yang nilai saksama tidak boleh diukur dengan tepat. Ini diukur pada kos dan dimasukkan dalam aset bukan semasa melainkan pengurusan berhasrat untuk melupuskan pelaburan dalam masa 12 bulan dari tarikh pelaporan. Perubahan dalam nilai saksama sekuriti ekuiti tersedia untuk jualan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif. Pengurangan ketara yang berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya dianggap sebagai petunjuk bahawa aset telah rosot nilainya. Lihat polisi perakaunan 22(d)(ii) mengenai kerosotan nilai aset kewangan tersedia untuk jualan.

Pelaburan jangka pendek dalam sekuriti boleh pasar telah dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan diukur pada nilai saksama pada tarikh urus niaga dimasuki dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Nilai pasaran dikira dengan merujuk kepada harga jualan disebut harga bursa saham pada penutupan perniagaan pada tarikh kunci kira-kira. Atas pelupusan pelaburan, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai saksamanya diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 5 MATA WANG ASING

### (a) Mata wang kefungsian dan pembentangan

Perkara dimasukkan dalam penyata kewangan setiap entiti Kumpulan diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti beroperasi ("mata wang kefungsian"). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang adalah mata wang kefungsian dan pembentangan Syarikat.

### (b) Urus niaga dan baki

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang kefungsian dengan menggunakan kadar pertukaran sedia ada pada tarikh urus niaga. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing berpunca daripada penyelesaian urus niaga sedemikian dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran akhir tahun aset dan liabiliti monetari didenominasikan dalam mata wang asing diktiaraf dalam keuntungan atau kerugian.

### (c) Syarikat-syarikat Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan semua entiti Kumpulan (tidak ada satu pun yang mempunyai mata wang ekonomi hiperinflasinari) yang mempunyai mata wang kefungsian berbeza daripada mata wang pembentangan diterjemahkan kepada mata wang pembentangan seperti berikut:

- Aset dan liabiliti bagi setiap kunci kira-kira yang dibentangkan diterjemahkan pada kadar penutupan pada tarikh kunci kira-kira;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan komprehensif dikemukakan diterjemahkan pada purata kadar pertukaran (melainkan purata ini bukan merupakan anggaran munasabah kesan terkumpul ke atas kadar sedia ada pada tarikh urus niaga, dalam hal mana pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan pada kadar pada tarikh urus niaga); dan
- Semua perbezaan pertukaran terhasil diiktiraf sebagai komponen berasingan lainlain pendapatan komprehensif.

Atas penyatuhan, perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam operasi asing dimasukkan ke lain-lain pendapatan komprehensif. Apabila operasi asing dilupuskan atau dijual sebahagiannya, bahagian perkadaran daripada perbezaan pertukaran dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian atas pelupusan.

Pelarasan muhibah dan nilai saksama timbul atas pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti entiti asing diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh kunci kira-kira.

## 6 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN DAN SUSUT NILAI

Semua hartaanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan nilai terkumpul kecuali bagi tanah pegangan kekal dan modal kerja dalam pelaksanaan yang tidak disusutnilaikan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat yang tidak terbatas. Susut nilai ke atas modal kerja dalam pelaksanaan bermula apabila aset sedia bagi kegunaannya yang dihasratkan.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung boleh dikaitkan kepada pembelian aset. Kos berikutnya dimasukkan dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana sesuai, hanya apabila ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan perkara akan mengalir kepada Kumpulan dan kos perkara boleh dikira dengan agak tepat. Jumlah dibawa bahagian diganti tidak lagi diiktiraf. Semua pemberian dan penyelenggaraan yang lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh kewangan dalam mana ia ditanggung.

Hartanah hotel terdiri daripada tanah pegangan pajak, bangunan hotel dan loji dan peralatan tetap berkaitan. Hartanah hotel telah dinilai oleh jurunilai profesional bebas pada tempoh tidak melebihi 5 tahun dengan penilaian semula tambahan dalam tahun-tahun berselang di mana keadaan pasaran menunjukkan bahawa nilai dibawa hartanah dinilai semula berbeza secara material daripada nilai pasaran.

## 6 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN DAN SUSUT NILAI (samb.)

Kumpulan melunaskan perbelanjaan pembangunan infrastruktur ladang dalam ansuran tahunan sama rata sepanjang tempoh pajakan masing-masing berkisar antara 21 tahun hingga 81 tahun. Tanah pegangan pajak dikelaskan sebagai pajakan kewangan dilunaskan dalam ansuran sama rata sepanjang tempoh pajakan masing-masing yang berkisar antara 30 hingga 884 tahun. Lain-lain harta tanah, loji dan peralatan disusutnilaikan atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos aset, atau jumlah dinilai semulanya, kepada nilai bakinya sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar tahunan utama susut nilai adalah:

Bangunan, termasuk bangunan hotel	2 hingga 33.3%
Loji, mesin, peralatan dan kenderaan bermotor	4 hingga 33.3%
Peralatan, perabot dan pepasangan dan ubahsuai pejabat	5 hingga 33.3%

Selain daripada harta tanah hotel, para Pengarah telah menggunakan peruntukan peralihan Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IAS") 16 "Harta tanah, Loji dan Peralatan", yang telah diterima pakai oleh MASB, yang membolehkan aset untuk dinyatakan pada jumlah dinilai semulanya yang terakhir tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan nilai terkumpul. Selaras dengan itu, penilaian ini tidak dikemaskinikan.

Apabila jumlah dibawa aset ditambah berpunca daripada penilaian semula, penambahan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif sebagai rizab lebihan penilaian semula. Apabila amaun dibawa aset dikurangkan berpunca daripada penilaian semula, pengurangan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif sehingga tahap mana-mana baki kredit wujud dalam rizab lebihan penilaian semula aset tersebut; semua pengurangan lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Nilai baki dan hayat berguna harta tanah, loji dan peralatan disemak semula, dan diselaraskan sebagaimana sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira. Kesan-kesan ke atas mana-mana semakan daripada nilai baki dan hayat berguna dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan dalam mana perubahan timbul.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kerosotan nilai. Di mana petunjuk kerosotan nilai wujud, nilai dibawa aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan nilai aset.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan jumlah dibawa dan dimasukkan dalam penyata pendapatan. Atas pelupusan aset-aset dinilai semula, jumlah dalam rizab penilaian semula berkaitan dengan aset-aset tersebut dipindahkan kepada perolehan tertahan.

Di mana berkenaan, nilai saksama harta tanah, loji dan peralatan pada tarikh pengambilalihan anakanak syarikat dihantar ke hadapan sebagai mengantikan kos.

## 7 HARTANAH PELABURAN

Harta tanah pelaburan terdiri terutamanya daripada tanah dan bangunan yang dipegang untuk kadar hasil sewa jangka panjang atau peningkatan modal atau kedua-duanya, dan tidak didiami oleh Kumpulan. Harta tanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat yang tidak terbatas.

Susut nilai ke atas bangunan dikira untuk menghapus kira kos aset atas dasar garisan lurus sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar susut nilai tahunan bagi Bangunan adalah 2%.

Tanah pegangan pajak dilunaskan dalam ansuran sama rata sepanjang tempoh pajakan masingmasing yang berkisar antara 81 hingga 91 tahun.

Atas pelupusan harta tanah pelaburan, atau apabila ia secara kekal tidak digunakan lagi dan tidak ada manfaat ekonomi dijangka daripada pelupusannya, ia tidak akan lagi diiktiraf. Perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh persaraan atau pelupusan.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 8 ASET KONSESI

Perkara dikelaskan sebagai aset konsesi terdiri daripada Perbelanjaan Pembangunan Lebuh Raya Ekspres dan Infrastruktur Pelabuhan.

### (a) Perbelanjaan Pembangunan Lebuh Raya Ekspres

Perbelanjaan Pembangunan Lebuh Raya Ekspres ("EDE") terdiri daripada kos pembinaan (termasuk kos pembinaan semula, peluasan dan pemulihan) aset konsesi. EDE diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Di mana Kumpulan menyediakan perkhidmatan pembinaan sebagai pertukaran bagi aset konsesi, hasil dan keuntungan berkaitan dengan perkhidmatan pembinaan diiktiraf selaras dengan polisi perakaunan 9(a) mengenai pengiktirafan hasil dan keuntungan bagi kontrak pembinaan.

Selepas selesai kerja-kerja pembinaan dan permulaan operasi tol jalan raya, EDE dilunaskan sepanjang tempoh konsesi berdasarkan formula yang berikut:

$$\frac{\text{Volum trafik terkumpul sehingga kini}}{\text{Jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi}} \times \text{EDE}$$

Volum trafik keseluruhan yang diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi ditentukan melalui tinjauan trafik yang dijalankan pada setiap tahun oleh firma perunding trafik bebas dan penilaian semula para Pengarah ke atas jumlah volum trafik yang diunjurkan.

Semua faedah dan yuran ditanggung dalam tempoh pembinaan dipermodalkan dalam EDE yang kemudiannya dilunaskan dalam keuntungan atau kerugian selaras dengan formula di atas. Faedah dan yuran ditanggung selepas penyiapan kerja pembinaan dicaj kepada keuntungan atau kerugian.

Pampasan diterima berkaitan dengan perubahan dalam terma-terma perjanjian konsesi diiktiraf sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada keuntungan atau kerugian sepanjang hayat dijangka aset-aset berkaitan, atas dasar konsisten dengan pelunasan aset-aset berkaitan.

### (b) Infrastruktur pelabuhan

Infrastruktur pelabuhan terdiri daripada bangunan, dermaga kimia cecair dan basin pelabuhan dalam. Ia dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerosotan nilai terkumpul. Kos infrastruktur pelabuhan dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh konsesi.

Di mana berkenaan, nilai saksama aset konsesi pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai mengantikan kos.

## 9 PENGIKTIRAFAN HASIL DAN KEUNTUNGAN

Hasil terdiri daripada nilai saksama balasan diterima atau boleh diterima bagi jualan barang dan perkhidmatan dalam perjalanan biasa kegiatan Kumpulan. Hasil ditunjukkan selepas ditolak cukai dan diskuan jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

Kumpulan mengiktiraf hasil apabila jumlah hasil boleh dikira dengan agak tepat, ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir kepada entiti dan kriteria khusus telah dipenuhi bagi setiap kegiatan Kumpulan sebagaimana dinyatakan di bawah. Jumlah hasil tidak dianggap sebagai boleh dikira dengan agak tepat sehingga semua kontigensi berkaitan dengan jualan telah diselesaikan. Kumpulan membuat anggaran-anggarannya berdasarkan sejarah keputusan, mengambil kira jenis pelanggan, jenis urus niaga dan perkara-perkara khusus bagi setiap pengaturan.

## 9 PENGIFTIRAFAN HASIL DAN KEUNTUNGAN (samb.)

### (a) Kontrak pembinaan

Kontrak pembinaan adalah kontrak yang secara khususnya dirundingkan bagi pembinaan aset atau kombinasi aset yang saling berkait rapat atau saling bergantung dari segi reka bentuk, teknologi dan fungsinya atau tujuan atau kegunaan utamanya.

Apabila keputusan kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil kontrak dan kos kontrak masing-masing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada peringkat siap kegiatan kontrak pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos kontrak ditanggung bagi kerja yang dilaksanakan sehingga kini tanggung berbanding anggaran jumlah kos bagi kontrak. Kos ditanggung dalam tahun kewangan berhubung dengan kegiatan masa hadapan ke atas kontrak dikecualikan daripada kos ditanggung sehingga kini apabila menentukan peringkat siap kontrak. Kos sedemikian ditunjukkan sebagai jumlah terutang daripada/(kepada) pelanggan ke atas kontrak pembinaan dalam penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang pada kunci kira-kira melainkan ia tidak berkemungkinan bahawa kos kontrak sedemikian boleh diperolehi semula daripada pelanggan-pelanggannya, dalam hal mana kos sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Apabila keputusan kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil kontrak diiktiraf hanya sehingga tahap kos kontrak ditanggung yang berkemungkinan dapat diperolehi semula.

Di mana ianya berkemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi hasil kontrak, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Hasil kontrak terdiri daripada jumlah awal hasil yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak dan tuntutan yang boleh dikira dengan agak tepat. Variasi atau tuntutan hanya termasuk dalam hasil kontrak apabila ia berkemungkinan bahawa pelanggan akan meluluskan variasi atau perundingan telah mencapai peringkat lanjut hinggakan ia berkemungkinan bahawa pelanggan akan menerima tuntutan.

### (b) Kegiatan pembangunan hartanah

Di mana keputusan kegiatan pembangunan boleh dianggar dengan agak tepat dan jualan unit hartanah pembangunan dilaksanakan, hasil dan kos pembangunan hartanah masing-masing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan melalui rujukan kepada peringkat siap kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos pembangunan hartanah tanggung sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos bagi pembangunan hartanah.

Apabila keputusan kegiatan pembangunan tidak boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil pembangunan hartanah diiktiraf hanya sehingga tahap kos pembangunan hartanah ditanggung yang berkemungkinan boleh diperolehi dan kos pembangunan hartanah ke atas unit-unit pembangunan dijual diiktiraf apabila ditanggung.

Di mana ianya berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan hartanah akan melebihi jumlah hasil pembangunan hartanah, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

### (c) Jualan barang

Jualan diiktiraf semasa penghantaran produk dan penerimaan pelanggan, dan pelaksanaan perkhidmatan selepas jualan, sekiranya ada, tolak cukai dan diskauan jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

### (d) Hasil konsesi

Hasil konsesi daripada operasi jalan bertol dan operasi pelabuhan diiktiraf bila dan apabila perkhidmatan dilaksanakan.

Selaras dengan Perjanjian Konsesi berkenaan, Kerajaan Malaysia merizabkan hak untuk menstruktur semula atau menyekat pengenaan kenaikan kadar tol unit, dan dalam keadaan sedemikian, Kerajaan akan memberi pampasan bagi mana-mana pengurangan dalam hasil tol, tertakluk kepada rundingan dan lain-lain pertimbangan yang Kerajaan mungkin anggap wajar. Pampasan tol diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh dalam mana pampasan berkaitan berdasarkan pengaturan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 30 penyata kewangan.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 9 PENGIKTIRAFAN HASIL DAN KEUNTUNGAN (samb.)

### (e) Hasil operasi hotel dan kelab

Hasil hotel mewakili pendapatan diperolehi daripada sewa bilik dan jualan makanan dan minuman. Pendapatan sewa bilik diakru atas dasar harian bagi bilik yang dihuni oleh pelanggan. Jualan makanan dan minuman diiktiraf atas penghantaran kepada pelanggan. Hasil hotel diiktiraf tolak cukai dan diskaun jualan.

### (f) Lain-lain hasil

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran dibuktikan.

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa, dengan mengambil kira jumlah pokok belum dijelas dan kadar berkesan sepanjang tempoh sehingga matang, melainkan kebolehan dikutip adalah meragukan, dalam hal mana ia diiktiraf atas dasar penerimaan tunai.

Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akruan melainkan kebolehan dikutip adalah meragukan, dalam hal mana pengiktirafan pendapatan sedemikian digantung.

## 10 PINJAMAN DAN KOS PINJAMAN

Pinjaman pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, tolak kos urus niaga yang ditanggung. Pinjaman kemudianya dinyatakan pada kos dilunaskan; sebarang perbezaan antara jumlah pengiktirafan awal dan nilai penebusan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pinjaman menggunakan kaedah faedah berkesan, kecuali bagi kos pinjaman ditanggung bagi pembinaan mana-mana aset yang layak.

Kos pinjaman ditanggung ke atas pinjaman secara langsung boleh dikaitkan dengan kegiatan pembangunan harta tanah dan kontrak pembinaan sehingga siap dipermodalkan dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pembangunan harta tanah dan kos kontrak pembinaan.

Kos pinjaman untuk membiayai pembangunan perbandaran bermula apabila kegiatan diperlukan untuk menyediakan tanah pembangunan bagi kegunaan dihasratkannya bermula dan termasuk kegiatan berkaitan dengan mendapatkan kelulusan sebelum permulaan pembangunan fizikal. Permodalan kos pinjaman berhubung dengan setiap fasa pembangunan individu akan berhenti atas penyiapan fasa pembangunan masing-masing.

Kos pinjaman ditanggung atas pinjaman untuk membiayai pembinaan aset konsesi dan harta tanah, loji dan peralatan dalam tempoh yang diperlukan untuk menyiapkan dan menyediakan aset bagi kegunaannya yang dihasratkan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset.

Semua kos pinjaman lain dicaj kepada keuntungan atau kerugian.

## 11 TANAH DİPEGANG BAGI PEMBANGUNAN HARTANAH DAN KOS PEMBANGUNAN HARTANAH

Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah terdiri daripada tanah yang dipegang bagi pembangunan masa hadapan di mana tidak ada pembangunan penting telah dilaksanakan atau di mana kegiatan pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa. Tanah sedemikian dikelaskan sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak kerugian kerosotan nilai terkumpul. Tanah dipegang bagi pembangunan harta tanah dipindahkan kepada kos pembangunan harta tanah (di bawah aset semasa) apabila kegiatan pembangunan telah bermula dan pembangunan dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa.

Kos dikaitkan dengan pembelian tanah termasuk harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan lain-lain cukai berkaitan. Di mana Kumpulan sebelum ini telah merekodkan tanah pada jumlah dinilai semula, ia terus mengelakkkan jumlah ini sebagai kos dianggap sebagaimana dibenarkan oleh FRS2012004 ke atas "Kegiatan Pembangunan Hartanah". Di mana petunjuk kerosotan nilai wujud, jumlah dibawa aset dinilai dan dikurang nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan nilai aset.

Kos pembangunan harta tanah terdiri daripada kos berkaitan dengan pembelian tanah dan semua kos boleh dikaitkan secara langsung kepada kegiatan pembangunan atau yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada kegiatan ini.

## 11 TANAH DIPEGANG BAGI PEMBANGUNAN HARTANAH DAN KOS PEMBANGUNAN HARTANAH (samb.)

Kos pembangunan harta yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos termasuk kos tanah, semua kos bangunan langsung, dan lain-lain perbelanjaan pembangunan berkaitan, termasuk perbelanjaan faedah ditanggung dalam tempoh pembangunan aktif.

Di mana hasil diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian melebihi bil-bil dikeluarkan kepada pembeli-pembeli, baki ditunjukkan sebagai bil terakru di bawah penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang (dalam aset semasa). Di mana bil melebihi hasil diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, baki ditunjukkan sebagai bil progres di bawah pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang (dalam liabiliti semasa).

Di mana berkenaan, nilai saksama tanah pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai mengantikan kos.

## 12 INVENTORI

### (a) Bangunan siap

Unit harta pembangunan yang disiapkan dan dipegang untuk jualan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos terdiri daripada perkadaran kos tanah dan perbelanjaan pembangunan dan pembinaan berkaitan.

Di mana berkenaan, nilai saksama bangunan siap pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai mengantikan kos.

### (b) Barang siap, produk kuari, bahan mentah, bahan pembinaan, minyak sawit mentah, minyak isirong sawit mentah, semaihan pokok sawit, simpanan dan alat-alat ganti

Inventori dinilai pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos ditentukan atas dasar purata wajaran. Kos bahan mentah, semaihan pokok sawit simpanan dan alat ganti terdiri daripada kos asal pembelian campur kos membawa masuk inventori ke lokasi semasanya dan bagi barang siap dan produk kuari, ia terdiri daripada bahan-bahan langsung, buruh langsung, caj langsung dan overhead pengeluaran.

Nilai boleh direalis bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan berubah terpakai.

## 13 JUMLAH TERHUTANG DARIPADA/(KEPADA) PELANGGAN-PELANGGAN ATAS KONTRAK PEMBINAAN

Di mana jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung campur keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil-bil progres, baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang. Di mana bil progres melebihi jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang.

## 14 PENGHUTANG PERDAGANGAN

### (a) Penghutang perdagangan adalah jumlah terhutang daripada pelanggan bagi barang dijual atau perkhidmatan dilaksanakan dalam perjalanan biasa perniagaan dan termasuk wang tahanan yang ditahan oleh prinsipal. Sekiranya pengutipan dijangka dalam satu tahun atau kurang (atau dalam kitaran kendalian biasa perniagaan, sekiranya lebih panjang), ia dikelaskan sebagai aset semasa. Sekiranya tidak, ia dikemukakan sebagai aset bukan semasa.

Penghutang perdagangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan, tolak peruntukan bagi kerosotan nilai (lihat polisi perakaunan 22(d) mengenai kerosotan nilai aset kewangan).

### (b) Pendahuluan bagi skim plasma mewakili kos pembangunan ladang terkumpul termasuk kos pinjaman dan overhead tidak langsung tolak bayaran balik hingga kini dan peruntukan bagi kerosotan nilai, yang telah diperolehi semula daripada petani-petani plasma. Lihat Nota 35 (d) mengenai penghutang jangka panjang.

Sekiranya Kumpulan atau Syarikat memberi jaminan korporat kepada skim plasma untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan, ia akan diakaunkan sebagai kontrak jaminan kewangan.

Lihat Nota 22(d) mengenai kerosotan nilai aset-aset kewangan.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 15 PAJAKAN

Pajakan adalah perjanjian di mana pemberi pajakan memberikan kepada pemajak sebagai balasan bagi bayaran, atau siri bayaran, hak untuk mengguna aset untuk tempoh masa yang dipersetujui.

### (a) Perakaunan sebagai pemajak

#### Pajakan kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mengambil alih sebahagian besar semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada nilai saksama asset dipajak atau anggaran nilai semasa bayaran pajakan mendasari pada tarikh permulaan yang mana lebih rendah. Setiap bayaran pajakan diperuntukkan antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar seimbang ke atas jumlah pokok pajakan belum dijelas. Obligasi sewa sepadan, selepas ditolak caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah caj kewangan dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang seimbang ke atas baki liabiliti selebihnya bagi setiap tempoh.

Hartanah, loji dan peralatan dibeli di bawah kontrak pajakan kewangan disusutnilakan ke sepanjang hayat berguna aset. Sekiranya tidak ada kepastian yang munasabah bahawa pemilikan akan dipindahkan kepada Kumpulan, aset disusutnilakan sepanjang tempoh pajakan dan hayat bergunanya yang mana lebih pendek.

#### Pajakan kendalian

Pajakan asset di mana sebahagian penting daripada risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajakan dikelaskan sebagai pajakan kendalian. Pembayaran dibuat di bawah pajakan kendalian dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan.

### (b) Perakaunan sebagai pemberi pajakan

#### Pajakan kewangan

Pajakan asset di mana pemajak mengambil alih sebahagian besar daripada semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Apabila asset dipajak di bawah pajakan kewangan, nilai semasa bayaran pajakan diiktiraf sebagai penghutang. Perbezaan antara penghutang kasar dan nilai semasa penghutang diiktiraf sebagai pendapatan pembiayaan tidak terperoleh. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk menunjukkan kadar berkala faedah yang seimbang ke atas baki belum dijelas.

#### Pajakan kendalian

Aset dipajak di bawah pajakan kendalian dimasukkan dalam hartanah, loji dan peralatan dalam kunci kira-kira. Ia disusutnilakan sepanjang anggaran hayat berguna atas asasas yang seimbang dengan hartanah, loji dan peralatan serupa yang dimiliki. Pendapatan sewa (tolak mana-mana insentif diberikan kepada pemajak) diiktiraf atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan.

## 16 PEMBANGUNAN KUARI

Perbelanjaan ditanggung ke atas pembangunan permukaan kuari dipermodalkan dan dihapus kira berdasarkan volum pengeluaran sebenar ke atas anggaran rizab tersedia daripada permukaan kuari yang dibangunkan.

Di mana petunjuk kerosotan nilai wujud, nilai dibawa ke atas aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan nilai aset.

## 17 TANAH PEGANGAN PAJAK

Tanah pegangan pajak di mana bahagian penting risiko dan ganjaran pemilikan tidak dijangka diserahkan kepada pemajak menjelang akhir tempoh pajakan dianggap sebagai pajakan kendalian. Tanah pegangan pajak telah dinyatakan pada kos dianggap dan telah dilunas atas asas garisan luruh sepanjang tempoh pajakan selaras dengan corak faedah disediakan.

Tanah pegangan pajak telah dilunaskan sepanjang tempoh pajakan akan pajakan masing-masing berkisar daripada 30 hingga 50 tahun.

## 18 CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tempoh terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali sehingga tahap yang ia berkait dengan perkara diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam hal ini cukai juga diiktiraf masing-masing dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti.

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan selaras dengan undang-undang cukai setiap bidang kuasa dalam mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan boleh dicukai, termasuk cukai penahanan perlu dibayar oleh anak syarikat asing, syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama ke atas pengagihan perolehan tertahan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira antara asas cukai aset dan liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan pada masa urusniaga, tidak menjelaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara timbul atas pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama kecuali di mana pemasaran keterbalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan terbalik pada masa hadapan boleh dijangka.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai kepada tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali apabila ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam hal mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung kepada ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam hal mana cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah berhasil.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diseimbangkan apabila syarikat mempunyai hak boleh dikuatkuasakan yang sah untuk diseimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih atau untuk merealis aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

## 19 MANFAAT KAKITANGAN

### (a) Manfaat kakitangan jangka pen

Kumpulan mengiktiraf liabiliti dan perbelanjaan bagi bonus berdasarkan formula yang mengambil kira keuntungan boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat selepas pelarasan tertentu. Kumpulan mengiktiraf peruntukan di mana terdapat obligasi kontrak atau di mana terdapat amalan yang lepas yang telah membentuk obligasi konstruktif.

Upah, gaji, bonus dan manfaat bukan monetari diakrukan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 19 MANFAAT KAKITANGAN (samb.)

### (b) Manfaat selepas perkhidmatan

Kumpulan mempunyai beberapa skim manfaat selepas perkhidmatan selaras dengan syarat-syarat dan amalan-amalan tempatan dalam negara di mana ia beroperasi. Manfaat ini adalah sama ada pelan caruman dinyatakan atau pelan manfaat dinyatakan.

Pelan caruman dinyatakan adalah pelan pencen di bawah mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti berasingan (dana) dan tidak akan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya dana tidak mempunyai aset-aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tempoh-tempoh semasa dan terdahulu. Pelan caruman dinyatakan adalah pelan pencen yang mentakrifkan jumlah manfaat pencen yang akan diperuntukkan, pada kebiasaannya sebagai fungsi salah satu atau lebih faktor seperti umur, tahun perkhidmatan atau pampasan.

#### (i) Pelan caruman dinyatakan

Caruman Kumpulan kepada pelan caruman dinyatakan dicaj kepada keuntungan atau kerugian dalam tempoh kepada mana ia berkait. Sebaik sahaja caruman telah dibuat, Kumpulan tidak mempunyai obligasi bayaran selanjutnya. Caruman prabayar diiktiraf sebagai aset sehingga tahap yang bayaran balik tunai atau pengurangan dalam bayaran masa hadapan tersedia. Sebagaimana diperlukan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim pencen negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”), pelan caruman dinyatakan.

#### (ii) Pelan manfaat dinyatakan tidak dibiayai

Kuantan Port Consortium Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Syarikat yang mengendalikan Skim Manfaat Persaraan dinyatakan tidak dibiayai, bagi kakitangannya selaras dengan peruntukan-peruntukan Perjanjian Kolektif. Manfaat perlu dibayar berdasarkan bilangan tahun perkhidmatan dengan syarikat.

Peruntukan dibuat dalam kunci kira-kira syarikat bagi kos manfaat persaraan di bawah Skim yang ditentukan berdasarkan penilaian aktuari dengan menggunakan kaedah kredit unit diunjurkan. Di bawah kaedah ini, kos menyediakan manfaat persaraan diiktiraf dalam penyata pendapatan atas dasar sistematis untuk mengagihkan kos sepanjang hayat pekerjaan kakitangan dengan syarikat. Obligasi diukur pada nilai semasa daripada anggaran aliran keluar tunai masa hadapan dengan menggunakan hasil pada tarikh kunci kira-kira ke atas sekuriti kerajaan yang mempunyai tarikh matang menyamai dengan terma-terma obligasi syarikat.

Keuntungan dan kerugian aktuari timbul terutamanya daripada perubahan dalam andaian aktuari dan perbezaan antara andaian aktuari yang sebenarnya telah berlaku. Keuntungan dan kerugian dikreditkan atau dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang purata hayat pekerjaan selebihnya kakitangan yang mengambil bahagian dalam pelan.

### (c) Pampasan berdasarkan saham

Kumpulan mengendalikan pelan pampasan berdasarkan saham diselesaikan mengikut ekuiti bagi kakitangan, di bawah mana instrumen ekuiti (waran) diberikan kepada kakitangan sebagai balasan bagi perkhidmatan diterima. Nilai saksama perkhidmatan kakitangan diterima sebagai pertukaran bagi pemberian tawaran untuk jualan waran diiktiraf sebagai perbelanjaan. Jumlah keseluruhan yang akan dijadikan perbelanjaan ditentukan dengan merujuk kepada nilai saksama waran diberikan atau dijual tidak termasuk kesan mana-mana syarat perletahakan bukan pasaran.

## 20 TUNAI DAN SETARA TUNAI

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit dipegang pada panggilan dengan bank, selain daripada pelaburan jangka pendek, berkecairan tinggi dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang daripadanya, dan overdraf bank. Overdraft bank dimasukkan dalam pinjaman dalam liabiliti semasa dalam kunci kira-kira.

## 21 MODAL SAHAM

### (i) Pengelasan

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

### (ii) Kos terbitan saham

Kos luaran boleh dikaitkan secara langsung kepada terbitan saham-saham baru ditunjukkan sebagai penolakan daripada akaun premium saham. Dalam hal lain, ia dicaj kepada keuntungan atau kerugian apabila ditanggung.

### (iii) Dividen

Dividen interim ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila diisyiharkan. Dividen akhir dicadangkan terakru sebagai liabiliti hanya selepas kelulusan oleh pemegang-pemegang saham.

### (iv) Rizab waran

Perolehan daripada terbitan waran, selepas ditolak kos terbitan, dikreditkan kepada rizab waran yang tidak boleh diagih. Rizab waran dipindahkan kepada akaun premium saham selepas pelaksanaan waran dan rizab waran berhubung dengan waran tidak dilaksanakan pada penamat tempoh waran akan dipindahkan kepada perolehan tertahan.

### (v) Pembelian saham sendiri

Di mana Syarikat membeli modal saham ekuiti Syarikat, balasan dibayar, termasuk sebarang peningkatan kos luar yang boleh dikaitkan secara langsung, tolak cukai, ditolak daripada modal dan rizab boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat sebagai saham-saham pertendaharaan sehingga saham-saham tersebut dibatalkan, diterbitkan semula atau dilupuskan.

Di mana saham-saham sedemikian dijual, perbezaan antara balasan jualan dan jumlah dibawa saham-saham pertendaharaan ditunjukkan sebagai pergerakan dalam ekuiti. Di mana balasan diterima adalah lebih daripada jumlah dibawa, perbezaan kredit timbul dimasukkan kepada akaun premium saham. Di mana balasan diterima adalah kurang daripada jumlah dibawa, perbezaan debit diseimbangkan terhadap rizab.

Di mana saham-saham sedemikian dibatalkan, modal saham yang diterbitkan dikurangkan dengan nilai nominal saham-saham yang dibatalkan. Jumlah melalui mana modal saham Syarikat yang diterbitkan dikurangkan atas pembatalan saham-saham dipindahkan kepada akaun rizab penebusan modal.

## 22 INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah kontrak yang membawa kepada kedua-dua aset kewangan sebuah syarikat dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti syarikat yang lain.

Aset kewangan adalah mana-mana aset yang merupakan tunai, hak kontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan yang lain daripada syarikat yang lain, hak kontrak kepada pertukaran instrumen kewangan dengan syarikat yang lain di bawah syarat-syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti sebuah syarikat yang lain.

Liabiliti kewangan adalah mana-mana liabiliti yang merupakan obligasi kontrak untuk menyerahkan tunai atau aset kewangan yang lain kepada syarikat yang lain, atau untuk menukar instrumen kewangan dengan syarikat yang lain di bawah syarat-syarat yang berpotensi tidak menguntungkan.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 22 INSTRUMEN KEWANGAN (samb.)

### (a) Pengelasan

Kumpulan mengelaskan aset kewangannya dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan penghutang dan tersedia untuk jualan. Pengelasan bergantung pada sifat aset dan tujuan untuk yang mana aset kewangan telah diperolehi. Pengurusan menentukan pengelasan pada pengiktirafan awal.

#### (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah aset kewangan dipegang untuk perdagangan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini sekiranya diperolehi atau ditanggung pada dasarnya untuk tujuan menjual dalam jangka pendek. Deratif juga dikategorikan sebagai dipegang untuk perdagangan melainkan ia diperuntukkan sebagai lindungan nilai.

#### (ii) Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia dikemukakan sebagai aset semasa, kecuali bagi yang dijangkakan untuk direalisasikan lewat daripada 12 bulan selepas tarikh kira-kira yang dikemukakan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan penghutang Kumpulan terdiri daripada ‘penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang (selain daripada jumlah terhutang daripada pelanggan atas kontrak pembinaan, bil terakru berhubung dengan pembangunan harta tanah dan prabayar)’ dan ‘deposit, tunai dan baki bank’ dalam kunci kira-kira.

#### (iii) Tersedia untuk jualan

Aset kewangan tersedia untuk jualan adalah bukan derivatif yang sama ada diperuntukkan dalam kategori ini atau tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori lain. Ia dikemukakan sebagai aset bukan semasa melainkan pengurus berhasrat untuk melupuskan aset dalam masa 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dikelaskan sebagai tersedia untuk jualan dan yang nilai saksama tidak boleh diukur dengan tepat diukur pada kos. Pelaburan ini dinilai bagi kerosotan nilai pada setiap tarikh pelaporan.

### (b) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Pembelian dan jualan kerap aset kewangan diiktiraf pada tarikh perdagangan, tarikh bila mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset.

Aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama campur kos urus niaga kecuali bagi aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, yang diiktiraf pada nilai saksama. Kos urus niaga bagi aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dijadikan perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian.

### (c) Pengukuran berikutnya – keuntungan dan kerugian

Aset kewangan, kedua-dua tersedia untuk jualan dan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian kemudiannya dinyatakan pada nilai saksama. Pinjaman dan penghutang kemudiannya dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, termasuk kesan-kesan terjemahan mata wang, pendapatan faedah dan dividen, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh dalam mana perubahan timbul.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan tersedia untuk jualan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif, kecuali bagi kerosotan nilai (lihat polisi perakaunan Nota 22(d)(ii) mengenai kerosotan nilai aset kewangan tersedia untuk jualan) dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing ke atas aset monetari. Perbezaan pertukaran ke atas aset monetari diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, manakala perbezaan pertukaran ke atas aset bukan monetari diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif sebagai sebahagian daripada perubahan nilai saksama.

Pendapatan faedah dan dividen ke atas aset kewangan tersedia untuk jualan diiktiraf secara berasingan dalam keuntungan atau kerugian. Pendapatan dividen ke atas instrumen ekuiti tersedia untuk jualan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila hak Kumpulan untuk menerima bayaran dibuktikan.

## 22 INSTRUMEN KEWANGAN (samb.)

### (d) Pengukuran berikutnya – kerosotan nilai aset kewangan

Kumpulan menilai pada setiap tarikh kunci kira-kira sama ada terdapat bukti objektif bahawa nilai aset kewangan atau kumpulan aset kewangan adalah rosot nilai dan diiktiraf sebagai peruntukan bagi kerosotan nilai apabila bukti sedemikian wujud. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan telah rosot nilai dan kerosotan nilai ditanggung hanya sekiranya bukti objektif kerosotan nilai berpunca daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset ('peristiwa kerugian') dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggar dengan tepat.

Sekiranya mana-mana bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara jumlah dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit pada masa hadapan yang tidak ditanggung) didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan. Jumlah dibawa aset bagi aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jumlah dibawa aset kewangan dikurangkan melalui kerosotan nilai secara langsung bagi semua aset kewangan dengan pengecualian penghutang perdagangan, di mana jumlah dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi boleh dikutip, ia dihapus kira terhadap akaun peruntukan.

Dalam tempoh berikutnya, sekiranya jumlah kerosotan nilai berkurangan dan pengurangan boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerosotan nilai diiktiraf, kerosotan nilai diiktiraf sebelum ini diterbalikkan sehingga tahap yang jumlah dibawa aset tidak melebihi kos dilunasnya pada tarikh keterbalikan. Jumlah keterbalikan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

#### (i) Pinjaman dan penghutang

Kesukaran kewangan ketara penghutang, kebarangkalian bahawa penghutang akan diisyiharkan bankrap, dan pemungkiran atau kelewatan ketara dalam bayaran adalah bukti objektif bahawa nilai aset kewangan ini telah rosot.

Apabila penghutang tidak boleh dikutip, ia dihapus kira terhadap akaun peruntukan berkaitan. Penghutang sedemikian dihapus kira selepas semua prosedur yang diperlukan telah selesai dilaksanakan dan jumlah kerugian ditentukan.

Sekiranya 'pinjaman dan penghutang' mempunyai kadar faedah boleh ubah, kadar diskau bagi mengukur sebarang kerosotan nilai adalah kadar faedah berkesan semasa ditentukan di bawah kontrak. Sebagai langkah suai manfaat yang praktikal, Kumpulan boleh mengukur kerosotan nilai berdasarkan nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran boleh diperhatikan.

Sekiranya, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerosotan nilai berkurangan dan pengurangan boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerosotan nilai diiktiraf, keterbalikan kerosotan nilai diiktiraf sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

#### (ii) Aset kewangan tersedia untuk jualan

Selain daripada bukti objektif kerosotan nilai dinyatakan dalam Nota 22(d)(i) di atas, pengurangan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan ekuiti di bawah kosnya dianggap sebagai petunjuk bahawa nilai aset telah rosot. Sekiranya mana-mana bukti sedemikian wujud, kerugian terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jumlah kerugian terkumpul yang dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian adalah perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama semasa, tolak sebarang kerosotan nilai aset kewangan tersebut yang diiktiraf sebelum ini dalam keuntungan atau kerugian. Kerosotan nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian ke atas instrumen ekuiti dikelaskan sebagai tersedia untuk jualan tidak diterbalikkan melalui keuntungan atau kerugian.

### (e) Penyahiktirafan

Aset kewangan tidak lagi diiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah loput atau telah dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan.

Apabila aset kewangan tersedia untuk jualan dijual, pelarasan nilai saksama terkumpul diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 22 INSTRUMEN KEWANGAN (samb.)

### (f) Liabiliti kewangan

Kumpulan mengelaskan liabiliti kewangannya sebagai lain-lain liabiliti kewangan. Pengelasan bergantung pada sifat aset dan tujuan untuk yang mana liabiliti kewangan telah dibeli. Pengurusan menentukan pengelasan pengiktirafan awal.

#### Lain-lain liabiliti kewangan

Lain-lain liabiliti kewangan Kumpulan terdiri daripada 'bon', 'surat niaga perdagangan dan nota berjangka sederhana', 'pinjaman berjangka', 'pinjaman sokongan kerajaan', 'pembiutang sewa beli dan pajakan' dan 'pembiutang perdagangan dan lain-lain pembiutang' (selain daripada jumlah ter hutang kepada pelanggan atas kontrak pembinaan dan bil progres berhubung dengan pembangunan harta tanah) (Nota 16, 17, 18, 19, 20 dan 24).

Apabila lain-lain liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya, ia diukur pada nilai saksama campur kos urus niaga boleh dikaitkan secara langsung.

Selepas pengiktirafan awal, lain-lain liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam pendapatan komprehensif apabila lain-lain liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila obligasi dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput.

### (g) Instrumen kewangan derivatif

Deratif pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif ditandatangani dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksamanya.

### (h) Anggaran nilai saksama

Nilai saksama derivatif dan sekuriti didagangkan kepada orang awam adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai saksama kontrak swap kadar faedah dikira sebagai nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan. Nilai saksama kontrak swap peletakan harga CPO adalah berdasarkan karga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Dalam menaksir nilai saksama derivatif dan instrumen kewangan tidak didagang, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian yang berdasarkan keadaan pasaran yang wujud pada setiap tarikh kunci kira-kira. Harga pasaran disebut harga atau sebut harga peniaga bagi instrumen khusus atau serupa digunakan bagi hutang jangka panjang. Lain-lain teknik dan asas, seperti nilai didiskaunkan aliran tunai masa hadapan dan asas aset bersih mendasari instrumen, digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan selebihnya. Khususnya, nilai saksama liabiliti kewangan dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran tunai kontrak masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa tersedia kepada Kumpulan bagi instrumen kewangan yang serupa.

Nilai dibawa asset kewangan dan liabiliti kewangan dengan tempoh kematangan kurang daripada satu tahun diandaikan sebagai lebih kurang menyamai nilai saksamanya.

### (i) Pengimbangan instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diseimbangkan dan jumlah bersih dikemukakan dalam kunci kira-kira apabila terdapat hak boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangkan jumlah dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih, atau merealisikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

## 23 PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN PEMIUTANG

Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang dikelaskan sebagai aset semasa sekiranya bayaran adalah kena dibayar dalam masa satu tahun, atau dalam kitaran kendalian biasa perniagaan adalah lebih lama. Jikalau tidak, ia dikemukakan sebagai liabiliti bukan semasa.

## 24 GERAN KERAJAAN

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksamanya di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat yang ada padanya.

Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian aset dimasukkan dan penyelenggaraan aset konsesi dikelaskan sebagai bukan semasa dan dikreditkan kepada penyata pendapatan komprehensif sepanjang hayat dijangka aset-aset berkaitan, atas asas-asas yang seimbang dengan susut nilai aset berkaitan.

Kumpulan juga menganggap manfaat pinjaman kerajaan di bawah kadar faedah pasaran sebagai geran kerajaan. Pinjaman akan diiktiraf dan diukur pada awalnya pada nilai saksamanya. Manfaat di bawah kadar faedah pasaran diukur sebagai perbezaan antara nilai dibawa permulaan pinjaman dan perolehan diterima, dan diiktiraf sebagai geran kerajaan, yang akan dikreditkan kepada penyata pendapatan komprehensif sepanjang hayat berguna aset berkaitan atas asas-asas yang seimbang dengan susut nilai aset berkaitan untuk yang mana pinjaman telah diberikan kepada Kumpulan.

Kumpulan telah menggunakan polisi perakaunan secara prospektif bagi pinjaman diterima sedemikian pada dan selepas 1 April 2010 selaras dengan peruntukan peralihan pindaan kepada FRS 120 "Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan".

## 25 KEROSOTAN NILAI ASET BUKAN KEWANGAN

Aset yang mempunyai hayat berguna tidak pasti adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji secara tahunan bagi kerosotan nilai. Aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak bagi kerosotan nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerosotan nilai diiktiraf bagi jumlah dengan yang mana nilai dibawa aset melebihi jumlah boleh diperolehi semulanya. Jumlah boleh diperolehi semula adalah nilai saksama aset tolak kos untuk menjual yang mana lebih tinggi dan nilai dalam penggunaan. Untuk tujuan menilai kerosotan nilai, aset dikumpulkan pada tahap lebih rendah untuk yang mana terdapat aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penghasilan tunai). Aset bukan kewangan, selain daripada muhibah, yang mengalami kerosotan nilai disemak bagi keterbalikan yang mungkin pada setiap tarikh pelaporan.

Kerosotan nilai dicaj kepada keuntungan atau kerugian melainkan ia menterbalikkan penilaian semula sebelum ini, dalam hal mana ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Kerosotan nilai muhibah tidak diterbalikkan. Berhubung dengan lain-lain aset, sebarang peningkatan ketara dalam jumlah boleh diperolehi semula diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian melainkan ia menterbalikkan kerosotan nilai aset dinilai semula, dalam hal mana ia dimasukkan ke dalam rizab lebihan penilaian semula.

## 26 PERUNTUKAN

Peruntukan telah diiktiraf apabila:

- Kumpulan mempunyai obligasi undang-undang atau obligasi konstruktif semasa akibat daripada peristiwa-peristiwa lepas;
- ia adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi; dan
- anggaran boleh dipercayai mengenai jumlah boleh dibuat.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi menggunakan kadar pra-cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada obligasi. Peningkatan dalam peruntukan akibat daripada peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 27 MAKLUMAT BERSEGMENT

Segmen kendalian dilaporkan dalam cara yang konsisten dengan pelaporan dalaman disediakan kepada ketua pembuat keputusan kendalian. Ketua pembuat keputusan kendalian, yang bertanggungjawab memperuntukkan sumber dan menilai prestasi segmen kendalian, telah dikenal pasti sebagai Jawatankuasa Eksekutif (“EXCO”) yang membuat keputusan strategik.

## 28 LIABILITI KONTIGEN

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti kontigen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontigen adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas yang kewujudannya akan disahkan apabila berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa-peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf disebabkan ia tidak berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Liabiliti kontigen juga timbul dalam keadaankeadaan yang amat jarang sekali berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf disebabkan ia tidak boleh dikira dengan agak tepat. Liabiliti kontigen tidak termasuk kontrak jaminan kewangan.

Dalam pengambilalihan anak-anak syarikat oleh Kumpulan di bawah kombinasi perniagaan, liabiliti kontigen diambil alih telah dikira pada mulanya pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap mana-mana kepentingan minoriti.

Kumpulan mengiktiraf liabiliti kontigen syarikat-syarikat diambil alih secara berasingan sebagai sebahagian daripada proses memperuntukkan kos kombinasi perniagaan di mana nilai saksamanya boleh dikira dengan agak betul. Di mana nilai saksama tidak boleh dikira dengan agak betul, kesan terhasil akan ditunjukkan dalam muhibah timbul daripada pengambilalihan dan maklumat mengenai liabiliti kontigen diambil alih dinyatakan dalam Nota kepada penyata kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur liabiliti kontigen yang diiktiraf secara berasingan pada tarikh pengambilalihan pada jumlah yang lebih tinggi yang akan diiktiraf selaras dengan peruntukan-peruntukan FRS 1372004 Peruntukan, Liabiliti Kontigen dan Aset Kontigen dan jumlah yang diiktiraf pada awalnya tolak, di mana sesuai, pelunasan terkumpul diiktiraf selaras dengan FRS 1182004. “Hasil”.

## 29 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG

Perbelanjaan pembangunan ladang terdiri daripada perbelanjaan penanaman baru, pentadbiran estet, kos kewangan dan penyenggaraan ladang sehingga tempoh matang dan dinyatakan pada kos atau penilaian. Semua perbelanjaan ditanggung selepas tempoh matang, perbelanjaan penanaman semula dan perbelanjaan penyenggaraan dan penyelenggaraan termasuk kos pembajaan dicaj kepada keuntungan atau kerugian apabila ditanggung.

Perbelanjaan ladang tertentu anak-anak syarikat telah dinilai semula pada 1997. Para Pengarah telah menerima pakai polisi penilaian semula yang kerap ke atas aset-aset sedemikian dan tiada penilaian terkemudian telah direkodkan.

## 30 ASET BUKAN SEMASA DIKELASKAN SEBAGAI ASET DIPEGANG UNTUK JUALAN

Aset bukan semasa dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan, dan dinyatakan pada jumlah dibawa dan nilai saksama yang mana lebih rendah tolak kos untuk menjual, sekiranya jumlah dibawa diperolehi terutamanya melalui urus niaga jualan selain daripada melalui penggunaan berterusan dan jualan dianggap sebagai amat berkemungkinan.

## 31 KONTRAK JAMINAN KEWANGAN

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan Kumpulan atau Syarikat untuk membuat bayaran yang dinyatakan untuk membayar balik kepada pemegang bagi kerugian yang ia tanggung disebabkan penghutang yang dinyatakan gagal untuk membuat bayaran apabila tiba masanya, selaras dengan terma-termin instrumen hutang.

Kontrak jaminan kewangan telah diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada masa jaminan dikeluarkan. Liabiliti pada awalnya diukur pada nilai saksama dan kemudiannya pada jumlah yang mana lebih tinggi di antara jumlah ditentukan selaras dengan FRS 137 “peruntukan, liabiliti kontigen dan aset kontigen” dan jumlah yang diiktiraf pada awalnya tolak pelunasan terkumpul, di mana sesuai.

Nilai saksama jaminan kewangan ditentukan sebagai nilai semasa perbezaan dalam aliran tunai di antara bayaran kontrak di bawah instruman hutang dan bayaran yang akan diperlukan tanpa jaminan, atau anggaran jumlah yang akan menjadi perlu dibayar kepada pihak ketiga bagi mengambil alih obligasi.

# Nota kepada Penyata Kewangan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 1 MAKLUMAT AM

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam kegiatan pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri daripada pembinaan, pembangunan harta tanah, pengilangan dan pengkuarian, operasi hotel, operasi lebuh raya bertol, operasi pelabuhan, peladangan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 57 kepada penyata kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan tersenarai pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. ("Bursa Malaysia").

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah Tingkat 2, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk dikeluarkan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 29 Mei 2012.

## 2 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh para Pengarah dan berdasarkan sejarah pengalaman dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan mengenai peristiwa-peristiwa masa hadapan yang dipercayai sebagai munasabah di bawah keadaan tersebut.

Kumpulan membuat anggaran dan andaian yang berhubung dengan masa hadapan. Anggaran perakuan terhasil akan, melalui takrifan, jarang menyamai keputusan sebenar. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya digariskan di bawah.

### (a) Cukai pendapatan

Kumpulan tertakluk kepada cukai pendapatan dalam beberapa bidang kuasa. Disebabkan oleh kekompleksan urus niaga yang dimasuki oleh Kumpulan, pertimbangan penting diperlukan dalam menentukan elauan modal, kebolehan ditolak perbelanjaan tertentu dan kebolehan dikenakan cukai pendapatan tertentu dalam anggaran peruntukan bagi cukai pendapatan. Dalam menentukan amalan cukai, para Pengarah telah bergantung atas amalan industri dan pendapat pakar. Di mana keputusan cukai akhir perkara-perkara ini adalah berbeza daripada jumlah yang pada awalnya direkodkan, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas peruntukan cukai pendapatan dan cukai pendapatan tertunda dalam tempoh dalam mana penentuan dibuat.

### (b) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berkaitan dengan prestasi kewangan masa hadapan entiti tertentu dalam mana aset cukai tertunda telah diiktiraf.

### (c) Kontrak pembinaan

Kumpulan mengiktiraf keuntungan kontrak berdasarkan kaedah peringkat siap. Peringkat siap daripada kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos kontrak tanggung bagi kerja dilaksanakan sehingga kini berbanding jumlah kos yang dianggarkan bagi kontrak. Apabila ia berkemungkinan bahawa anggaran jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian dijangka ke atas kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

Pertimbangan penting diperlukan dalam anggaran jumlah kos kontrak. Di mana jumlah kos kontrak sebenar adalah berbeza daripada anggaran jumlah kos kontrak, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas keuntungan/(kerugian) kontrak yang diiktiraf.

Kumpulan telah menganggarkan jumlah hasil kontrak berdasarkan jumlah hasil permulaan yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak dan tuntutan yang boleh diukur dengan tepat berdasarkan maklumat terkini yang boleh didapati, dan dalam ketidaaan maklumat sedemikian, anggaran terbaik para Pengarah diperolehi daripada andaian, pengalaman dan pertimbangan yang munasabah.

Di mana variasi dan tuntutan sebenar yang diluluskan adalah berbeza daripada anggaran, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas keuntungan/(kerugian) kontrak yang diiktiraf.

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 2 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (d) Pembangunan harta tanah

Kumpulan mengiktiraf keuntungan pembangunan harta tanah dengan merujuk kepada peringkat siap kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan perkadarannya kos pembangunan harta tanah tanggung sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos bagi pembangunan harta tanah. Di mana ia adalah berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan harta tanah satu-satu fasa pembangunan akan melebihi jumlah hasil pembangunan harta tanah fasa pembangunan, kerugian dijangka ke atas fasa pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan sertamerta.

Pertimbangan penting diperlukan dalam anggaran jumlah kos pembangunan harta tanah. Di mana jumlah kos pembangunan harta sebenar adalah berbeza daripada anggaran jumlah kos pembangunan harta tanah, perbezaan sedemikian akan memberi kesan kepada keuntungan/(kerugian) pembangunan harta tanah yang diiktiraf.

### (e) Pelunasan perbelanjaan pembangunan lebuh raya ekspres

Perbelanjaan pembangunan lebuh raya ekspres Kumpulan dilunaskan sepanjang tempoh konsesi berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{Volum trafik terkumpul sehingga kini}}{\text{Volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi}} \times \text{Perbelanjaan pembangunan lebuh raya ekspres}$$

Untuk menentukan jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi, Kumpulan bergantung pada tinjauan trafik yang dijalankan oleh firma perunding trafik bebas dan penilaian semula tahunan para Pengarah mengenai jumlah volum trafik diunjurkan tahun semasa dan tahun-tahun hadapan. Sebarang perubahan dalam jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi akan memberi kesan kepada caj pelunasan bagi tahun.

### (f) Peruntukan bagi kerosotan nilai penghutang

Kumpulan mengiktiraf peruntukan bagi kerosotan nilai penghutang apabila terdapat bukti objektif bahawa Kumpulan tidak akan dapat mengutip semua jumlah ter hutang mengikut terma-terma asal penghutang.

Pertimbangan ketara diperlukan dalam penilaian kebolehan dikutip semula penghutang. Metodologi dan andaian digunakan bagi menganggarkan kedua-dua jumlah dan pemasaan aliran tunai masa hadapan dan kadar diskaun disemak dengan kerap untuk mengurangkan sebarang perbezaan antara anggaran kerugian dan pengalaman kerugian sebenar.

Sehingga tahap yang pemerolehan sebenar melenceng daripada anggaran pengurusan, variasi sedemikian mungkin mempunyai kesan material ke atas keuntungan atau kerugian. Berdasarkan penilaian pengurusan, pengurusan percaya bahawa tahap semasa peruntukan bagi kerosotan nilai penghutang adalah mencukupi. Selain daripada itu, pengurusan juga mengawasi dengan ketat kebolehan diterima semula penghutang ini.

### (g) Kerosotan nilai aset

Kumpulan menentukan sama ada nilai sesuatu aset telah rosot dengan menilai tahap kepada mana jumlah boleh diperolehi semula aset adalah kurang daripada kosnya. Penilaian ini adalah tertakluk kepada perubahan seperti prestasi pasaran, keadaan ekonomi dan politik negara. Pelbagai kaedah digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperolehi semula, seperti laporan penilaian dan aliran tunai didiskaunkan. Bagi aliran tunai didiskaunkan, pertimbangan ketara diperlukan dalam anggaran nilai semasa aliran tunai masa hadapan yang dihasilkan oleh aset-aset, yang melibatkan ketidakpastian dan secara ketara dipengaruhi oleh andaian-andaian yang digunakan dan pertimbangan dibuat berkaitan dengan anggaran aliran tunai masa hadapan dan kadar diskaun. Perubahan-perubahan dalam andaian-andaian mungkin secara ketara menjelaskan keputusan ujian kerosotan nilai aset Kumpulan.

### 3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kegiatan Kumpulan mendedahkan ia kepada risiko pasaran (termasuk risiko pertukaran mata wang asing, risiko kadar faedah dan risiko harga), risiko kredit dan risiko mudah tunai. Keseluruhan objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan adalah untuk meminimumkan sebarang potensi kesan kurang baik daripada ketidakbolehan diramal pasaran kewangan ke atas prestasi kewangan Kumpulan untuk memastikan Kumpulan membentuk nilai bagi pemegang pemegang sahamnya. Pengurusan risiko kewangan dinyatakan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insurans dan pematuhan kepada polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan. Pengurusan menyemak secara kerap risiko-risiko ini dan meluluskan polisi perbendaharaan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini.

Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak swap kadar faedah dan kontrak swap mata wang bersilang untuk melindung nilai pendedahan risiko kewangan tertentu.

#### (a) Risiko pasaran

##### (i) Risiko mata wang

Entiti dalam Kumpulan pada dasarnya berurus niaga dalam mata wang daripada mata wang kefungsian mereka masing-masing kecuali bagi pinjaman tertentu yang didenominasikan dalam mata wang selain daripada mata wang kefungsian mereka masing-masing (iaitu pinjaman Dolar Amerika Syarikat).

Pendedahan pertukaran asing dalam mata wang urus niaga selain daripada mata wang kefungsian entiti operasi telah diurus dengan memasuki kontrak pertukaran mata wang asing hadapan, kontrak swap mata wang bersilang dan jumlah pinjaman telah dikekalkan pada tahap yang boleh diterima.

Profil pendedahan mata wang aset kewangan dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat dinyatakan dalam nota masing-masing kepada penyata kewangan. Risiko-risiko mata wang sebagaimana ditakrifkan oleh FRS 7 timbul atas akaun aset dan liabiliti monetari telah didenominasikan. Pada tarikh kunci kira-kira, entiti kefungsian Ringgit Malaysia (“RM”) Kumpulan dan Syarikat dan entiti kefungsian

Rupiah Indonesia (“IDR”) mempunyai liabiliti monetari bersih didenominasikan dalam Dolar Amerika Syarikat (“USD”), serta juga kesan-kesan kepada keuntungan sebelum cukai Kumpulan dan Syarikat sekiranya USD telah mengukuh/merosot sebanyak 5% terhadap RM dan IDR adalah seperti berikut:

	Kumpulan	Syarikat		
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	
	2011 RM'000		2011 RM'000	
Liabiliti monetari bersih didenominasikan dalam USD	<b>(551,330)</b>	(640,559)	<b>33</b>	(15,095)
Kesan kepada keuntungan sebelum cukai sekiranya USD telah mengukuh/ merosot terhadap RM - mengukuh - merosot	(27,625) <b>27,625</b>	(32,028) 32,028	<b>2</b> (2)	(755) 755
Liabiliti monetari bersih didenominasikan dalam USD	<b>(218,484)</b>	-		
Kesan kepada keuntungan sebelum cukai sekiranya USD telah mengukuh/merosot terhadap IDR: - mengukuh - merosot	(11,246) <b>11,246</b>	-	-	-

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

### (a) Risiko pasaran (samb.)

#### (i) Risiko mata wang (samb.)

Analisis kesensitifan tidak mengambil kira sebarang pengimbangan faktor pertukaran asing dan telah ditentukan dengan mengandaikan bahawa perubahan dalam kadar pertukaran asing telah berlaku pada tarikh kunci kira-kira. Perubahan dinyatakan mewakili penilaian pengurusan mengenai perubahan munasabah yang mungkin dalam kadar pertukaran asing sepanjang tempoh sehingga tarikh kunci kira-kira tahunan berikutnya.

Pada tarikh kunci kira-kira, tidak ada baki monetari ketara yang lain dipegang oleh Kumpulan dan Syarikat yang didenominasikan dalam mata wang bukan kefungsian. Perbezaan berpunca daripada terjemahan penyata kewangan ke dalam mata wang pembentangan Kumpulan tidak akan diambil kira.

#### (ii) Risiko kadar faedah aliran tunai

Risiko kadar faedah aliran tunai adalah risiko yang aliran tunai masa hadapan daripada instrumen kewangan akan mengalami naik turun disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Aset menanggung faedah Kumpulan pada dasarnya adalah deposit bank jangka pendek dengan institusi kewangan. Kadar faedah ke atas deposit ini diawasi dengan teliti untuk memastikan agar ia dikekalkan pada kadar yang menguntungkan. Kumpulan menimbangkan risiko perubahan ketara kepada kadar faedah ke atas deposit sebagai tidak berkemungkinan.

Pendedahan kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman Kumpulan. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran berhemah pinjaman kadar tetap dan terapung. Instrumen kewangan derivatif (swap kadar faedah terapung kepada tetap) digunakan, di mana sesuai, untuk menghasilkan profil kadar faedah yang ditetapkan.

Sekiranya pinjaman Kumpulan pada kadar boleh ubah ke atas mana lindungan nilai berkesan tidak dimasukkan ke dalam perubahan dalam mata asas berikut, dengan semua angka boleh ubah lain dikekalkan secara konstans, kesan-kesan ke atas keuntungan sebelum cukai akan menjadi seperti berikut:

	Kumpulan	Syarikat		
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Pinjaman berdasarkan kos dana ("COF"):				
- meningkat sebanyak 50 mata asas	(875)	(2,996)	(875)	(1,500)
- merosot sebanyak 50 mata asas	875	2,996	875	1,500
- meningkat sebanyak 75 mata asas	(2,969)	-	-	-
- merosot sebanyak 75 mata asas	2,969	-	-	-
Pinjaman berdasarkan kadar pemberian pinjaman utama kur rujuk ("BPLR"):				
- meningkat sebanyak 50 mata asas	(1,052)	(1,368)	-	-
- merosot sebanyak 50 mata asas	1,052	1,368	-	-

#### (iii) Risiko harga

Kumpulan terdedah kepada risiko harga sekuriti disebut harga timbul daripada pelaburan dipegang yang dikelaskan dalam kunci kira-kira sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan risiko kemeruapan harga disebabkan naik turun dalam pasaran komoditi produk sawit. Pelaburan dalam sekuriti disebut harga terdiri daripada terutamanya bon korporat disebut harga dan amanah saham sebagai alternatif kepada deposit bank. Kumpulan menganggap kesan perubahan dalam harga sekuriti ekuiti ke atas keuntungan sebelum cukai sebagai tidak ketara. Untuk mengurus dan mengurangkan risiko ke atas kemeruapan harga, Kumpulan memantau naik turun harga minyak sawit mentah setiap hari dan memasuki kontrak komoditi jualan hadapan fizikal atau pengaturan swap peletakan harga minyak sawit mentah selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

### 3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

#### (b) Risiko kredit

Risiko kredit merujuk kepada risiko yang pihak satu lagi akan memungkiri obligasi kontraknya yang menyebabkan kerugian kewangan kepada Kumpulan. Risiko kredit timbul daripada pendedahan kredit kepada pelanggan, termasuk penghutang belum dijelas, serta juga deposit, tunai dan baki bank dan instrumen kewangan derivatif dengan instrumen kewangan.

Bagi penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang, Kumpulan mengawal risikorisiko ini melalui penggunaan kelulusan kredit, had dan prosedur mengawasi. Kumpulan juga meminimumkan pendedahannya dengan menganalisis kedudukan kewangan pihak satu lagi sebelum menandatangani mana-mana perjanjian/kontrak dan mendapatkan kolateral yang mencukupi di mana sesuai untuk mengurangkan risiko kredit. Penghutang perdagangan diawasi atas dasar berterusan melalui prosedur pelaporan pengurusan Kumpulan. Bagi aset-aset kewangan yang lain (deposit, tunai dan baki bank dengan institusi kewangan dan instrumen kewangan derivatif), Kumpulan menerima pakai polisi yang berurusan hanya dengan pihak satu lagi dengan kredibiliti tinggi (iaitu bank dan institusi kewangan).

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit diwakili oleh jumlah dibawa setiap aset kewangan dalam kunci kira-kira selepas menolak sebarang peruntukan kerosotan nilai.

Lihat Nota 33 dan 40 bagi pendedahan lanjut mengenai risiko kredit.

#### (c) Risiko mudah tunai

Kumpulan secara aktif menguruskan profil kematangan hutang, aliran tunai kendalian dan ketersediaan pendanaannya (terdiri daripada kemudahan pinjaman tidak dikeluarkan dan tunai dan setara tunai) untuk memastikan agar semua pembiayaan semula, bayaran balik dan keperluan pendanaan dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan mudah tunai berhemahnya, Kumpulan mengekalkan tahap tunai atau pelaburan boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi (Nota 51) bagi memenuhi keperluan modal kerjanya. Selain daripada itu, Kumpulan berusaha untuk mengekalkan ketersediaan kemudahan perbankan pada tahap munasabah kepada kedudukan keseluruhan hutang Kumpulan. Setakat mana yang boleh, Kumpulan cuba mendapatkan pembiayaan dikomitkan daripada kedua-dua institusi pasaran modal dan institusi kewangan dan secara berhemah mengimbangkan portfolionya dengan pendanaan jangka pendek untuk mencapai keberkesanan kos secara keseluruhan.

Jadual di bawah menganalisis liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat ke dalam kumpulan kematangan berkenaan berdasarkan tempoh selebihnya dari tarikh kunci kirakira sehingga tarikh kematangan kontrak. Jumlah dinyatakan dalam jadual adalah aliran tunai tidak didiskaunkan dikontrakkan.

	Kurang daripada 1 tahun RM'000	Antara 1 dan 5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000
<b>Kumpulan</b>			
<b>Pada 31 Mac 2012</b>			
Bon	112,234	593,618	899,855
Surat Niaga Perdagangan dan Nota Berjangka Sederhana	37,953	807,613	–
Pinjaman berjangka	871,157	1,221,900	333,601
Pinjaman sokongan kerajaan	5,000	79,886	184,829
Pinjaman sokongan kerajaan	2,275	1,549	–
Pembiayaan perdagangan dan lain-lain pembiayaan	1,427,881	20,527	40,424
Peruntukan	24,129	11,577	–
Pinjaman jangka pendek*	326,496	–	–
Instrumen kewangan derivatif	1,466	–	–
	<b>2,808,591</b>	<b>2,736,670</b>	<b>1,458,709</b>

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

### (c) Risiko mudah tunai (samb.)

	Kurang daripada 1 tahun RM'000	Antara 1 dan 5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000
<b>Kumpulan</b>			
<b>Pada 31 Mac 2011</b>			
Bon	75,397	389,692	123,678
Surat Niaga Perdagangan dan Nota Berjangka Sederhana	76,577	756,000	–
Pinjaman berjangka	631,861	1,512,220	229,102
Pinjaman sokongan kerajaan	5,000	50,943	218,772
Pemutang sewa beli dan pajakan	2,102	2,329	–
Pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang	1,445,724	42,280	45,872
Peruntukan	–	23,938	–
Pinjaman jangka pendek*	394,978	–	–
Instrumen kewangan derivatif	3,201	3,179	4,858
	<b>2,634,840</b>	<b>2,780,581</b>	<b>622,282</b>

\* Pinjaman jangka pendek Kumpulan termasuk penerimaan jurubank, kredit pusingan, surat kredit dan overdraf bank

	Kurang daripada 1 tahun RM'000	Antara 1 dan 5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000
<b>Syarikat</b>			
<b>Pada 31 Mac 2012</b>			
Surat Niaga Perdagangan dan Nota Berjangka Sederhana	<b>37,953</b>	<b>807,613</b>	–
Pinjaman berjangka	<b>112,485</b>	<b>186,350</b>	–
Pinjaman jangka pendek (penerimaan jurubank dan kredit pusingan)	<b>21,611</b>	–	–
Pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang	<b>835,747</b>	–	–
	<b>1,007,796</b>	<b>993,963</b>	–
<b>Pada 31 Mac 2011</b>			
Surat Niaga Perdagangan dan Nota Berjangka Sederhana	34,050	756,000	–
Pinjaman berjangka	38,320	298,310	–
Pinjaman jangka pendek (penerimaan jurubank dan kredit pusingan)	129,151	–	–
Pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang	1,175,602	–	–
	<b>1,377,123</b>	<b>1,054,310</b>	–

Pendedahan pinjaman Kumpulan dan Syarikat kepada perubahan kadar faedah dan tarikh peletakan harga kontrak pada tarikh kunci kira-kira dinyatakan dalam Nota 16, 17, 18 dan 19 kepada penyata kewangan.

### 3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

#### (d) Risiko modal

Objektif Kumpulan apabila menguruskan modal adalah untuk melindungi keupayaan Kumpulan untuk diteruskan atas dasar berterusan dan untuk mengekalkan struktur modal yang optimum bagi memaksimumkan nilai pemegang-pemegang saham. Untuk mengekalkan atau mencapai struktur modal yang optimum, Kumpulan boleh menyelaraskan bayaran dividen, mengembalikan modal kepada pemegang-pemegang saham, menerbitkan saham-saham baru, membeli balik saham-saham diterbitkan, mendapatkan kemudahan pembiayaan baru atau melupuskan aset untuk mengurangkan pinjaman.

Pengurusan mengawasi modal berdasarkan nisbah penggearan Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat juga diperlukan oleh bank tertentu untuk mengekalkan nisbah penggearan tidak melebihi peratusan tertentu yang berubah-ubah antara 100% dan 400%. Strategi Kumpulan dan Syarikat adalah untuk mengekalkan nisbah penggearan tidak melebihi 100%.

Nisbah penggearan dikira sebagai hutang bersih dibahagikan dengan modal ekuiti. Hutang bersih dikira sebagai jumlah pinjaman (tidak termasuk pembiayaan perdagangan dan lain-lain pembiayaan) tolak tunai dan setara tunai. Modal ekuiti bersamaan dengan modal dan rizab boleh dikaikan kepada pemilik-pemilik Syarikat. Kumpulan dan Syarikat mengawasi nisbah penggearan berdasarkan terma-terma perjanjian pinjaman masing-masing.

#### (e) Pengukuran nilai saksama

Jadual berikut mengemukakan aset dan liabiliti diukur pada nilai saksama dan dikelaskan mengikut tahap hierarki pengukuran nilai saksama berikut:

- harga disebut harga (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti serupa (Tahap 1);
- input selain daripada harga disebut harga termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan bagi aset dan liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung (Tahap 2); dan
- input bagi aset dan liabiliti yang adalah tidak berdasarkan data pasaran boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan) (Tahap 3)

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
<b>2012</b>				
<b>Kumpulan</b>				
<b>Aset</b>				
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	584,625	–	–	584,625
Instrumen kewangan derivatif	–	15,984	–	15,984
Aset kewangan tersedia untuk jualan	–	–	2,204	2,204
Jumlah aset	<b>584,625</b>	<b>15,984</b>	<b>2,204</b>	<b>602,813</b>
<b>Liabiliti</b>				
Instrumen kewangan derivatif	–	1,466	–	1,466
Jumlah liabiliti	–	<b>1,466</b>	–	<b>1,466</b>
<b>Syarikat</b>				
<b>Aset</b>				
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	129,260	–	–	129,260
Instrumen kewangan derivatif	–	5,039	–	5,039
Aset kewangan tersedia untuk jualan	–	–	2,050	2,050
Jumlah aset	<b>129,260</b>	<b>5,039</b>	<b>2,050</b>	<b>136,349</b>

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

### (e) Pengukuran nilai saksama (samb.)

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
<b>2011</b>				
<b>Kumpulan</b>				
<b>Aset</b>				
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	212,730	–	–	212,730
Instrumen kewangan derivatif	–	771	–	771
Aset kewangan tersedia untuk jualan	–	–	2,204	2,204
Jumlah aset	212,730	771	2,204	215,705
<b>Liabiliti</b>				
Instrumen kewangan derivatif	–	11,238	–	11,238
Jumlah liabiliti	–	11,238	–	11,238
<b>Syarikat</b>				
<b>Aset</b>				
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	168,082	–	–	168,082
Instrumen kewangan derivatif	–	771	–	771
Aset kewangan tersedia untuk jualan	–	–	2,050	2,050
Jumlah aset	168,082	771	2,050	170,903

Nilai saksama instrumen kewangan didagangkan dalam pasaran aktif (seperti sekuriti perdagangan) adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kirakira. Harga pasaran disebut harga digunakan bagi aset kewangan dipegang oleh Kumpulan dan Syarikat adalah harga penutup. Instrumen ini dimasukkan dalam Tahap 1.

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak didagangkan dalam pasaran aktif (contohnya, kontrak swap kadar faedah) ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian. Nilai saksama swap kadar faedah dikira berdasarkan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan berdasarkan keluk hasil boleh diperhatikan. Instrumen ini dikelaskan sebagai Tahap 2.

Sekiranya teknik penilaian untuk instrumen ini adalah berdasarkan input tidak boleh diperhatikan penting, instrumen tersebut adalah dikelaskan sebagai Tahap 3.

#### 4 HASIL KENDALIAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Hasil kontak pembinaan	1,340,389	878,168	55,748	112,826
Hasil pembangunan hartaanah	1,169,527	1,071,339	—	—
Jualan produk kuari dan produk dikilang	875,506	763,240	—	—
Jualan barang	80,403	70,042	—	—
Hasil konsesi tol	232,944	222,813	—	—
Hasil pelabuhan	178,861	127,723	—	—
Jualan produk berkait minyak sawit mentah dan perladangan	590,434	506,284	—	—
Perkhidmatan pengurusan	11,592	19,498	—	—
Pendapatan dividen	119	68	143,580	164,505
Sewa hartaanah	3,908	27,025	234	233
Pemberian lain-lain perkhidmatan	34,177	34,517	—	—
	<b>4,517,860</b>	<b>3,720,717</b>	<b>199,562</b>	<b>277,564</b>

Maklumat tambahan mengenai hasil kendalian Kumpulan termasuk bahagian Kumpulan daripada hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama adalah seperti berikut:

	2012 RM'000	2011 RM'000
Hasil kendalian Kumpulan	<b>4,517,860</b>	3,720,717
Bahagian hasil kendalian:		
Syarikat-syarikat bersekutu	482,214	461,022
Entiti kawalan bersama	336,580	300,130
	<b>5,336,654</b>	4,481,869

#### 5 KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN

- (a) Perbelanjaan berikut (tidak termasuk kos kewangan dan perbelanjaan cukai pendapatan) mengikut sifat telah didebitkan dalam mendapatkan keuntungan kendalian sebelum kos kewangan:

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000 (Dinyatakan semula)	2012 RM'000	2011 RM'000 (Dinyatakan semula)
Kos kontrak pembinaan	1,357,483	930,800	70,181	116,386
Kos pembangunan hartaanah	837,706	775,200	—	—
Kos produk kuari dan produk kilang dijual	700,199	615,883	—	—
Kos produk perladangan dijual	280,807	233,819	—	—
Kos operasi tol	119,616	103,675	—	—
Kos operasi pelabuhan	74,200	66,242	—	—
Kos pemberian perkhidmatan lain	—	4,084	—	—
Kos manfaat kakitangan	6	254,177	226,975	22,470
Hartaanah, loji dan peralatan:				
- susut nilai	27	81,705	80,228	586
- penghapusan kira	27	2,928	705	—
- kerugian atas pelupusan		357	313	—
- kerosotan nilai	27	15,426	3,205	—
Tanah pegangan pajak				
- pelunasan	28	3,467	3,096	—
- kerugian atas pelupusan		2,832	—	—

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 5 KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN (samb.)

- (a) Perbelanjaan berikut (tidak termasuk kos kewangan dan perbelanjaan cukai pendapatan) mengikut sifat telah didebitkan dalam mendapatkan keuntungan kendalian sebelum kos kewangan: (samb.)

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2012 RM'000	2011 RM'000 (Dinyatakan semula)	2012 RM'000	2011 RM'000 (Dinyatakan semula)
Hartanah pelaburan					
- susut nilai	29	<b>2,136</b>	4,184	<b>129</b>	129
- kerosotan nilai	29	—	326	—	—
Sewa tanah dan bangunan		<b>4,256</b>	4,095	<b>1,281</b>	1,276
Sewa loji dan peralatan		<b>16,697</b>	11,235	—	—
Pajakan dan lesen pelabuhan		<b>3,829</b>	3,829	—	—
Imbuhan juruaudit					
- audit berkanun	8				
Tahun semasa		<b>2,745</b>	2,414	<b>325</b>	261
(Terlebih)/terkurang akruan					
berhubung dengan tahun terdahulu		<b>164</b>	(50)	<b>64</b>	(9)
Kerugian pertukaran asing (bersih)		<b>28,225</b>	—	<b>9,342</b>	5,168
Kerugian nilai saksama:					
- Instrumen kewangan derivatif		<b>183</b>	19,071	—	—
Kerosotan nilai tanah dipegang untuk pembangunan harta	37(a)	<b>4</b>	1,822	—	—
Kerosotan nilai kos pembangunan harta	37(b)	—	10,739	—	—
Pelunasan aset konsesi	30	<b>72,071</b>	55,785	—	—
Pelunasan perbelanjaan pembangunan kuari	36	<b>4,288</b>	3,212	—	—
Pelunasan diskau ke atas terbitan bon		<b>349</b>	328	—	—
Peruntukan bagi kerosotan nilai penghutang	40	<b>16,269</b>	72,640	<b>50</b>	2,063
Peruntukan bagi kerosotan nilai jumlah terhutang daripada entiti kawalan bersama	33	<b>2,853</b>	36,177	—	—
Stok bangunan dikurangkan nilai		<b>1,484</b>	11,592	—	—
Kerugian atas pelupusan anak-anak syarikat		—	926	—	66
Kerugian atas pelupusan syarikat bersekutu		—	2,775	—	—

Perbelanjaan kendalian langsung daripada harta pelaburan yang menghasilkan pendapatan sewa untuk Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan masing-masing berjumlah RM1,119,000 (2011: RM1,714,000) dan RM124,000 (2011: RM324,000).

Perbelanjaan kendalian langsung daripada harta pelaburan yang tidak menghasilkan pendapatan sewa untuk Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan masing-masing berjumlah RM68,000 (2011: RM169,000) dan RM60,000 (2011: RM158,000).

## 5 KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN (samb.)

(b) Jumlah berikut telah dikreditkan dalam mendapatkan keuntungan kendalian sebelum kos kewangan:

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Dividen kasar diterima daripada:				
- anak-anak syarikat (disebut harga)	–	–	72,238	35,939
(tidak disebut harga)	–	–	56,961	122,816
- syarikat-syarikat bersekutu (disebut harga)	–	–	8,864	–
(unquoted)	–	–	5,398	5,684
- lain-lain pelaburan (disebut harga)	197	134	119	66
Pendapatan faedah				
- deposit bank	45,169	28,612	4,201	3,494
- pinjaman dan penghutang daripada pihak berkaitan	61,383	46,555	64,429	77,640
- pinjaman dan penghutang daripada pihak tidak berkaitan	19,273	27,602	40	20
- kos dilunaskan ke atas penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang dan jumlah ter hutang daripada entiti kawalan bersama	28,308	38,078	1,106	4,508
- Lain-lain	20,875	10,956	611	305
Keuntungan ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	5,932	3,645	55	104
Keuntungan ke atas pelupusan tanah pegangan pajak	576	2,272	–	–
Keuntungan ke atas pelupusan aset dipegang untuk jualan	2,030	5	–	–
Pendapatan sewa daripada harta tanah	5,397	29,305	234	233
Pendapatan sewa daripada loji, mesin peralatan dan kenderaan	5,212	188	179	136
Keuntungan pertukarang asing (bersih)	–	4,972	–	–
Hutang lapuk diperolehi semula	40	230	4,778	1,400
Kemasukan kira semula peruntukan kerosotan nilai penghutang	40	15,729	15,926	682
Kemasukan kira semula peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	–	22,000	–	22,000
Kemasukan kira semula peruntukan bagi kerrosotan nilai jumlah ter hutang oleh entiti kawalan bersama	33	27,318	–	4,813
Kemasukan kira semula stok bangunan	–	–	–	–
Pelunasan geran kerajaan	26	6,158	5,778	–
Keuntungan atas pelupusan saham dalam anak-anak syarikat	–	62,947	–	–
Keuntungan atas pembubaran anak syarikat	–	–	1,488	–
Keuntungan atas pelupusan syarikat bersekutu	–	993	–	990
Keuntungan atas pelupusan entiti kawalan bersama	–	4,684	–	–
Keuntungan atas pelupusan pelaburan jangka pendek	–	1,039	–	862
Pendapatan daripada amanah saham disebut harga	1,755	1,750	431	496
Keuntungan nilai saksama:				
- aset kewangan dipegang untuk perdagangan	14,452	5,151	6,667	4,779
- Instrumen kewangan derivatif	22,056	1,443	6,253	1,443

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 6 KOS MANFAAT KAKITANGAN

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Upah, gaji dan bonus		<b>296,813</b>	259,790	<b>21,548</b>	18,236
Pelan caruman persaraan dinyatakan		<b>29,242</b>	25,484	<b>3,160</b>	2,748
Pelan manfaat persaraan dinyatakan	25	<b>980</b>	1,012	—	—
Lain-lain manfaat kakitangan		<b>16,800</b>	16,483	<b>1,440</b>	1,486
		<b>343,835</b>	302,769	<b>26,148</b>	22,470
Tolak perbelanjaan dipermodalkan ke dalam:					
- Kos pembangunan hartanah	37(b)	(432)	(458)	—	—
- Perbelanjaan pembangunan ladang	38(b)	(19,295)	(8,678)	—	—
- Kerja kontrak pembinaan dalam pelaksanaan	47	(69,931)	(66,658)	—	—
		<b>254,177</b>	226,975	<b>26,148</b>	22,470

## 7 IMBUHAN PARA PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Para Pengarah Syarikat:				
Yuran	<b>1,307</b>	1,097	<b>726</b>	687
Pelan caruman persaraan dinyatakan	<b>1,206</b>	1,232	<b>1,024</b>	1,089
Lain-lain emolumen	<b>7,451</b>	15,861	<b>6,339</b>	14,986
	<b>9,964</b>	18,190	<b>8,089</b>	16,762
Para pengarah anak-anak syarikat:				
Yuran	<b>640</b>	509	—	—
Pelan caruman persaraan dinyatakan	<b>1,231</b>	1,030	—	—
Lain-lain emolumen	<b>8,593</b>	7,326	—	—
	<b>10,464</b>	8,865	—	—

Anggaran nilai monetari manfaat bukan berupa wang yang diberi kepada para Pengarah Kumpulan dan Syarikat melalui penggunaan aset Kumpulan dan Syarikat dan penyediaan manfaat-manfaat lain dalam tahun kewangan masing-masing berjumlah RM422,000 (2011: RM509,000) dan RM132,000 (2011: RM92,000).

Pengarah-pengarah Eksekutif dan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif tertentu Syarikat telah diperuntukkan waran di bawah Waran 2008/2013 daripada IJM Land Berhad, anak syarikat bagi Syarikat, selaras dengan tawaran untuk jualan oleh Syarikat kepada semua kakitangannya yang layak seperti berikut:

Tarikh Tamat	Harga Pelaksanaan RM/Waran	Bilangan Waran 2008/2013 daripada IJM Land Berhad, anak syarikat			
		Baki pada 1.4.2011 '000	Dilupuskan '000	Dilaksanakan '000	Baki pada 31.3.2012 '000
11 September 2013	1.35	1,376	—	—	<b>1,376</b>

## 8 IMBUHAN JURUAUDIT – AUDIT BERKANUN

	Kumpulan 2012 RM'000	2011 RM'000	Syarikat 2012 RM'000	2011 RM'000
PricewaterhouseCoopers Malaysia *	<b>2,174</b>	1,741	<b>389</b>	252
Lain-lain firma ahli PricewaterhouseCoopers International Limited *	<b>224</b>	427	–	–
Lain-lain juruaudit anak-anak syarikat	<b>511</b>	196	–	–
	<b>2,909</b>	2,364	<b>389</b>	252

\* PricewaterhouseCoopers Malaysia dan lain-lain firma ahli PricewaterhouseCoopers International Limited adalah entiti undang-undang berasingan dan bebas.

## 9 KOS KEWANGAN

Note	Kumpulan 2012 RM'000	2011 RM'000	Syarikat 2012 RM'000	2011 RM'000
Perbelanjaan faedah timbul daripada:				
- Pinjaman bank menanggung faedah	<b>139,163</b>	122,810	<b>15,093</b>	13,429
- Pendahuluan daripada anak-anak syarikat	–	–	<b>319</b>	463
- Sewa beli dan pemajakan	<b>589</b>	73	–	–
- Bon	<b>28,647</b>	26,744	–	–
- Surat Niaga Perdagangan dan Nota Berjangka Sederhana (“MTN”)	<b>31,946</b>	36,097	<b>31,267</b>	32,607
- Pelunasan pinjaman sokongan kerajaan	<b>7,020</b>	6,917	–	–
- Kos dilunaskan ke atas liabiliti kewangan	<b>11,674</b>	12,094	–	–
- Kerugian nilai saksama ke atas swap kadar faedah	<b>183</b>	2,134	–	–
- Lain-lain	<b>3,248</b>	9,266	–	1,484
	<b>222,470</b>	216,135	<b>46,679</b>	47,983
Tolak faedah dipermodalkan ke dalam:				
- Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah	37(a) <b>(4,943)</b>	–	–	–
- Kos pembangunan harta tanah	37(b) <b>(43,844)</b>	(20,505)	–	–
- Perbelanjaan pembangunan ladang	38(b) <b>(316)</b>	–	–	–
- Kontrak pembinaan kerja dalam pelaksanaan	47 <b>(492)</b>	(644)	–	–
	<b>(49,595)</b>	(21,149)	–	–
	<b>172,875</b>	194,986	<b>46,679</b>	47,983

## 10 PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

	Kumpulan 2012 RM'000	2011 RM'000	Syarikat 2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Cukai semasa:</b>				
- Cukai pendapatan Malaysia	<b>258,671</b>	192,927	<b>10,546</b>	17,468
- Cukai luar negara	<b>2,676</b>	(5,156)	–	–
	<b>261,347</b>	187,771	<b>10,546</b>	17,468
Cukai tertunda (Nota 23)	<b>(10,242)</b>	9,423	<b>(697)</b>	(753)
	<b>251,105</b>	197,194	<b>9,849</b>	16,715

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 10 PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN (samb.)

	Kumpulan 2012 RM'000	2011 RM'000	Syarikat 2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Cukai semasa:</b>				
- Tahun semasa	<b>238,215</b>	185,508	<b>6,666</b>	16,855
- Manfaat daripada perbezaan sementara tidak diiktiraf sebelum ini	<b>(12,216)</b>	(2,815)	—	—
- Terkurang/(terlebih) akruan dalam tahun terdahulu (bersih)	<b>35,348</b>	5,078	<b>3,880</b>	613
	<b>261,347</b>	187,771	<b>10,546</b>	17,468
<b>Cukai tertunda:</b>				
- Pengasalan dan keterbalikan perbezaan sementara	<b>(10,242)</b>	9,423	<b>(697)</b>	(753)
	<b>251,105</b>	197,194	<b>9,849</b>	16,715

Penerangan mengenai hubungan antara perbelanjaan cukai pendapatan dan keuntungan sebelum cukai adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2012 RM'000	2011 RM'000	Syarikat 2012 RM'000	2011 RM'000
Keuntungan sebelum cukai	<b>801,591</b>	659,731	<b>122,096</b>	181,676
Cukai dikira pada kadar cukai Malaysia sebanyak 25% (2011: 25%)	<b>200,398</b>	164,933	<b>30,524</b>	45,419
Kesan cukai:				
- Kadar cukai berbeza di lain-lain negara	<b>(1,694)</b>	(8,666)	—	—
- Perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	<b>41,437</b>	58,552	<b>17,916</b>	6,138
- Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	<b>(43,750)</b>	(68,347)	<b>(42,471)</b>	(35,455)
- Penggunaan insentif cukai	<b>(6,932)</b>	(772)	—	—
- Aset cukai tertunda tahun semasa tidak diiktiraf	<b>36,481</b>	55,894	—	—
- Penggunaan kerugian cukai tidak diiktiraf sebelum ini	<b>(387)</b>	(121)	—	—
- Penggunaan perbezaan sementara boleh ditolak tidak diiktiraf sebelum ini	<b>(11,829)</b>	(2,694)	—	—
- Bahagian keputusan entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu	<b>2,125</b>	(6,622)	—	—
- Lain-lain	<b>(92)</b>	(41)	—	—
Terkurang/(terlebih) akruan dalam tahun-tahun terdahulu (bersih)	<b>35,348</b>	5,078	<b>3,880</b>	613
Perbelanjaan cukai pendapatan	<b>251,105</b>	197,194	<b>9,849</b>	16,715

Termasuk dalam perbelanjaan cukai pendapatan Kumpulan adalah penjimatan cukai daripada penggunaan kerugian cukai seperti berikut:

	Kumpulan 2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Kerugian cukai:</b>		
Penjimatan cukai berpunca daripada penggunaan kerugian cukai dibawa ke hadapan untuk yang mana kredit berkaitan diiktiraf dalam tahun	<b>387</b>	121

## 10 PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN (samb.)

(Caj)/kredit cukai berhubung dengan komponen lain-lain pendapatan komprehensif adalah seperti berikut:

	Sebelum cukai RM'000	2012 (Caj)/ kredit cukai RM'000	Selepas cukai RM'000	Sebelum cukai RM'000	2011 (Caj)/ kredit cukai RM'000	Selepas cukai RM'000
Perbezaan terjemahan mata wang	(67,206)	-	(67,206)	(25,877)	-	(25,877)
Penilaian semula keuntungan ke atas harta tanah, loji dan peralatan	48,374	(12,094)	36,280	-	-	-
Bahagian lain-lain pendapatan komprehensif syarikat-syarikat bersekutu	(390)	-	(390)	(9,982)	-	(9,982)
Realisasi lain-lain pendapatan komprehensif timbul daripada pelupusan anak-anak syarikat asing dan entiti kawalan bersama	-	-	-	2,640	-	2,640
	(19,222)	(12,094)	(31,316)	(33,219)	-	(33,219)
Cukai semasa	-	-	-	-	-	-
Cukai tertunda (Nota 23)	-	(12,094)	-	-	-	-
	-	(12,094)	-	-	-	-

Tidak ada caj/kredit cukai berhubung dengan komponen lain-lain pendapatan komprehensif Syarikat.

## 11 PEROLEHAN SETIAP SAHAM

### (a) Asas

Perolehan asas setiap saham bagi tahun kewangan telah dikira berdasarkan keuntungan Kumpulan yang boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti biasa Syarikat bagi tahun kewangan dan purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan dalam tahun kewangan. Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan telah diperolehi selepas mengambil kira pelaksanaan Waran 2009/2014 (2011: Pelaksanaan Waran 2005/2010 dan Waran 2009/2014).

	Kumpulan 2012 RM'000	2011 RM'000
Keuntungan bersih boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat	409,076	304,491
	'000	'000
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan	1,370,894	1,345,369
Perolehan asas setiap saham (sen)	29.84	22.63

### (b) Dicairkan sepenuhnya

Perolehan dicairkan sepenuhnya setiap saham Kumpulan dikira dengan membahagi keuntungan Kumpulan yang boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti biasa Syarikat bagi tahun kewangan sebanyak RM409,076,000 (2011: RM304,491,000) dengan purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan diselaraskan untuk mengandaikan penyaluran kesemua potensi kecairan saham biasa, iaitu Waran 2009/2014 (2011: Waran 2009/2014). Pengiraan dibuat untuk menentukan bilangan saham yang mungkin dapat dibeli pada harga pasaran (ditentukan sebagai purata wajaran harga saham tahunan saham-saham Syarikat) berdasarkan nilai monetari hak langganan yang terdapat pada Waran 2009/2014 (2011: Waran 2009/2014 belum dilaksanakan). Pengiraan ini bertindak untuk menentukan elemen "bonus" kepada saham biasa yang ada untuk tujuan pengiraan kecairan. Tiada pelarasian dibuat kepada keuntungan bersih bagi pengiraan.

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 11 PEROLEHAN SETIAP SAHAM (samb.)

### (b) Dicairkan sepenuhnya (samb.)

	Kumpulan 2012 RM'000	2011 RM'000
	'000	'000
Keuntungan bersih boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat	<b>409,076</b>	304,491
	<hr/>	<hr/>
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan	1,370,894	1,345,369
Pelarasan bagi Waran 2009/2014	<b>31,601</b>	36,262
	<hr/>	<hr/>
Purata wajaran bilangan saham biasa bagi perolehan setiap saham dicairkan	<b>1,402,495</b>	1,381,631
	<hr/>	<hr/>
Perolehan setiap saham dicairkan (sen)	<b>29.17</b>	22.04
	<hr/>	<hr/>

## 12 DIVIDEN

Dividen diisyiharkan berhubung dengan tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	Syarikat			
	2012	Jumlah dividen, tolak cukai RM'000	2011	Jumlah dividen, tolak cukai RM'000
	Dividen kasar setiap saham Sen	Dividen kasar setiap saham Sen		
Dividen interim pertama satu tier	4.00	55,261	4.00	54,040
Dividen interim kedua satu tier	8.00	*	7.00	95,465
	<b>12.00</b>	<b>55,261</b>	11.00	149,505

\* Jumlah dividen, akan ditentukan berdasarkan bilangan pemegang-pemegang saham yang berhak untuk menerima dividen pada jam 5:00 petang pada 15 Jun 2012.

Pada 29 Mei 2012, para Pengarah telah mengisyiharkan dividen interim kedua satu tier berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012 sebanyak 8 sen setiap saham untuk dibayar pada 4 Julai 2012 kepada setiap ahli yang adalah berhak untuk menerima dividen pada jam 5:00 petang pada 15 Jun 2012. Dividen interim kedua tidak diiktiraf dalam Penyata Perubahan dalam Ekuiti memandangkan ia telah diisyiharkan selepas akhir tahun kewangan.

Para Pengarah tidak mengesyorkan bayaran mana-mana dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012 (2011: Tiada).

## 13 PELAPORAN BERSEGMENT

Pengurusan telah menentukan segmen kendalian berdasarkan laporan yang disemak oleh Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") yang digunakan untuk membuat keputusan strategik. EXCO menimbangkan perniagaan daripada perspektif segmen perniagaan dan menilai prestasi segmen kendalian berdasarkan ukuran keuntungan sebelum cukai.

Kumpulan mempunyai segmen perniagaan utama berikut:

- |   |   |
|---|---|
| (a) Pembinaan<br>(b) Pembangunan harta tanah<br>(c) Pengilangan dan pengkuarian<br>(d) Perladangan<br>(e) Infrastruktur | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kegiatan pembinaan</li> <li>- Pembangunan tanah yang dijadikan lot kosong, kediaman, komersil dan/atau bangunan perindustrian</li> <li>- Pengeluaran dan jualan produk konkrit, dan kegiatan pengkuarian</li> <li>- Penanaman kelapa sawit</li> <li>- Operasi lebuh raya bertol</li> </ul> |
|---|---|

Lain-lain operasi Kumpulan terdiri terutamanya daripada pemegangan pelaburan.

### 13 PELAPORAN BERSEGMENT (samb.)

Maklumat segmen disediakan kepada EXCO bagi segmen boleh dilaporkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012 adalah seperti berikut:

	Pembinaan RM'000	Pembangunan hartanah RM'000	Pengilangan & pengkuarian RM'000	Perladangan RM'000	Infrastruktur RM'000	Pelaburan & lain-lain RM'000	Kumpulan RM'000
<b>HASIL:</b>							
Jumlah hasil	2,535,675	1,233,079	993,564	590,434	668,318	143,813	6,164,883
Tolak: hasil antara segmen	(583,716)	(149)	(100,904)	–	–	(143,460)	(828,229)
	<b>1,951,959</b>	<b>1,232,930</b>	<b>892,660</b>	<b>590,434</b>	<b>668,318</b>	<b>353</b>	<b>5,336,654</b>
Tolak: Bahagian hasil kendalian syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	(522,832)	(22,295)	(17,154)	–	(256,513)	–	(818,794)
Hasil daripada pelanggan luar	<b>1,429,127</b>	<b>1,210,635</b>	<b>875,506</b>	<b>590,434</b>	<b>411,805</b>	<b>353</b>	<b>4,517,860</b>
<b>KEPUTUSAN:</b>							
Keuntungan sebelum cukai	<b>62,001</b>	<b>283,891</b>	<b>138,151</b>	<b>215,247</b>	<b>86,138</b>	<b>16,163</b>	<b>801,591</b>
Keuntungan sebelum cukai termasuk:							
- Susut nilai dan pelunasan hartaanah, loji dan peralatan, tanah pegangan pajak, hartaanah pelaburan, aset konsesi dan aset tidak ketara	(11,661)	(8,817)	(33,831)	(29,278)	(79,311)	(769)	(163,667)
- Pelunasan geran kerajaan	–	–	–	–	6,158	–	6,158
- Pendapatan faedah	78,314	75,692	2,678	8,111	7,099	3,114	175,008
- Kos kewangan	(72,354)	(10,058)	(4,431)	(1,227)	(84,805)	–	(172,875)
- Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	15,366	1,178	418	–	22,837	–	39,799
- Bahagian keputusan entiti kawalan bersama	6,775	(13,900)	–	–	(30,715)	–	(37,840)

Hasil antara segmen terdiri daripada pemberian perkhidmatan pembinaan kepada segmen pembangunan hartaanah dan infrastruktur dan jualan produk pengilangan dan pengkuarian kepada segmen pembinaan. Urus niaga ini dijalankan atas terma-terma dipersetujui antara segmensegmen.

Hasil daripada pelanggan luar dilaporkan kepada EXCO diukur dalam cara yang seimbang dengan yang terdapat dalam penyata pendapatan komprehensif.

Hasil mengikut produk dan perkhidmatan dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 13 PELAPORAN BERSEGMENT (samb.)

Maklumat segmen disediakan kepada EXCO bagi segmen boleh dilaporkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012 adalah seperti berikut: (samb.)

	Pembinaan RM'000	Pembangunan hartanah RM'000	Pengilangan & pengkuarian RM'000	Perladangan RM'000	Infrastruktur RM'000	Pelaburan & lain-lain RM'000	Kumpulan RM'000
<b>ASET:</b>							
Aset segmen	1,758,464	4,891,692	999,746	1,839,957	3,909,102	345,680	13,744,641
Aset tidak diperuntukkan:							
- Aset cukai tertunda							98,810
- Cukai boleh didapati semula							47,197
Jumlah aset disatukan							<u>13,890,648</u>
Aset segmen termasuk:							
- Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	104,454	39,474	13,898	-	296,271	22,000	476,097
- Pelaburan dalam entiti kawalan bersama	148,693	625,054	1,520	-	403,207	173	1,178,647
- Tambahan kepada aset bukan semasa* (selain daripada instrumen kewangan dan aset cukai tertunda)	23,893	120,677	31,105	259,776	407,709	215	843,375
<b>LIABILITI:</b>							
Segment liabiliti	2,161,596	1,084,958	199,669	483,785	2,503,575	4,107	6,437,690
Liabiliti tidak diperuntukkan:							
- Liabiliti cukai tertunda							388,165
- Liabiliti cukai semasa							25,672
Jumlah liabiliti disatukan							<u>6,851,527</u>

\* Aset bukan semasa terdiri daripada hartaanah, loji dan peralatan, tanah pegangan pajak, hartaanah pelaburan, aset konsesi, aset tidak ketara, tanah dipegang untuk pembangunan hartaanah dan perbelanjaan pembangunan ladang.

Jumlah disediakan kepada EXCO berhubung dengan jumlah aset dan jumlah liabiliti diukur dalam cara yang seimbang dengan yang terdapat dalam penyata kewangan. Aset dan liabiliti ini diperuntukkan berdasarkan operasi segmen.

### 13 PELAPORAN BERSEGMENT (samb.)

Maklumat segmen disediakan kepada EXCO bagi segmen boleh dilaporkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011 adalah seperti berikut:

	Pembinaan RM'000	Pembangunan hartanah RM'000	Pengilangan & pengkuarian RM'000	Perladangan RM'000	Infrastruktur RM'000	Pelaburan & lain-lain RM'000	Kumpulan RM'000
<b>HASIL:</b>							
Jumlah hasil	1,862,092	1,178,927	838,524	538,264	620,277	165,415	5,203,499
Tolak: Hasil antara segmen	(525,901)	(163)	(31,127)	-	-	(164,439)	(721,630)
	1,336,191	1,178,764	807,397	538,264	620,277	976	4,481,869
Tolak: Bahagian hasil kendalian syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	(395,553)	(19,721)	(44,157)	(31,980)	(269,741)	-	(761,152)
Hasil daripada pelanggan luar	940,638	1,159,043	763,240	506,284	350,536	976	3,720,717
<b>KEPUTUSAN:</b>							
(Kerugian)/keuntungan sebelum cukai	(79,233)	289,658	109,497	196,013	110,667	33,129	659,731
Keuntungan sebelum cukai termasuk:							
- Susut nilai dan pelunasan hartaanah,loji dan peralatan, tanah pegangan pajak, hartaanah pelaburan aset konsesi dan aset tidak ketara	(11,634)	(10,705)	(32,907)	(28,001)	(62,489)	(769)	(146,505)
- Pelunasan geran kerajaan	-	-	-	-	5,778	-	5,778
- Pendapatan faedah	80,162	52,706	2,415	4,855	7,991	3,674	151,803
- Keuntungan ke atas pelupusan anak syarikat	-	62,947	-	-	-	-	62,947
- Kos kewangan	(97,424)	(9,268)	(5,197)	-	(83,097)	-	(194,986)
- Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	14,125	649	(676)	3,389	29,357	-	46,844
- Bahagian keputusan entiti kawalan bersama	(14,631)	7,205	-	(119)	(21,905)	-	(29,450)

Hasil antara segmen terdiri daripada pemberian perkhidmatan kepada segmen pembangunan hartaanah dan infrastruktur dan jualan produk pengilangan dan pengkuarian kepada segmen pembinaan. Urus niaga ini dijalankan atas terma-terma yang dipersetujui antara segmensegmen.

Hasil daripada pelanggan luar dilaporkan kepada EXCO diukur dalam cara yang seimbang dengan yang terdapat dalam penyata pendapatan komprehensif.

Hasil mengikut produk dan perkhidmatan dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 13 PELAPORAN BERSEGMENT (samb.)

Maklumat segmen disediakan kepada EXCO bagi segmen boleh dilaporkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011 adalah seperti berikut: (samb.)

	Pembinaan RM'000	Pembangunan hartanah RM'000	Pengilangan & pengkuarian RM'000	Perladangan RM'000	Infrastruktur RM'000	Pelaburan & lain-lain RM'000	Kumpulan RM'000
<b>ASET:</b>							
Aset segmen	1,683,738	4,632,477	936,962	1,501,695	3,285,206	381,273	12,421,351
Aset tidak diperuntukkan:							
- Aset cukai tertunda							83,147
- Cukai boleh didapati semula							49,253
Jumlah aset disatukan							<u>12,553,751</u>
Aset segmen termasuk:							
- Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	88,585	38,298	13,946	-	309,709	22,000	472,538
- Pelaburan dalam entiti kawalan bersama	132,896	480,496	6,658	-	399,587	173	1,019,810
- Tambahan kepada aset bukan semasa* (selain daripada instrumen kewangan dan aset cukai tertunda)	24,151	58,568	32,896	197,543	130,387	17	443,562
<b>LIABILITI:</b>							
Segment liabiliti	2,132,545	1,022,266	207,619	230,560	1,973,670	18,366	5,585,026
Liabiliti tidak diperuntukkan:							
- Liabiliti cukai tertunda							370,929
- Liabiliti cukai semasa							31,773
Jumlah liabiliti disatukan							<u>5,987,728</u>

\* Aset bukan semasa terdiri daripada hartaanah, loji dan peralatan, tanah pegangan pajak, hartaanah pelaburan, aset konsesi, aset tidak ketara, tanah dipegang bagi pembangunan hartaanah dan perbelanjaan pembangunan ladang.

Jumlah disediakan kepada EXCO berhubung dengan jumlah aset dan jumlah liabiliti diukur dalam cara yang seimbang dengan yang ada dalam penyata kewangan. Aset dan liabiliti ini diperuntukkan berdasarkan operasi segmen

### 13 PELAPORAN BERSEGMENT (samb.)

Maklumat geografi:

	Hasil daripada pelanggan luar RM'000	Aset* bukan semasa RM'000
<b>2012</b>		
Malaysia	3,923,118	4,397,811
India	549,802	541,245
Lain-lain negara	44,940	576,163
	<b>4,517,860</b>	<b>5,515,219</b>
<b>2011</b>		
Malaysia	3,210,367	4,040,227
India	478,814	661,312
Lain-lain negara	31,536	354,869
	<b>3,720,717</b>	<b>5,056,408</b>

\* Aset bukan semasa terdiri daripada hartaanah, loji dan peralatan, tanah pegangan pajak, hartaanah pelaburan, aset konsesi, aset tidak ketara, tanah dipegang bagi pembangunan hartaanah dan perbelanjaan pembangunan ladang.

Hasil adalah berdasarkan negara dalam mana pelanggan terletak. Aset bukan semasa ditentukan mengikut negara di mana aset-aset ini terletak.

### 14 MODAL SAHAM, PREMIUM SAHAM DAN SAHAM PERBENDAHARAAN

#### (A) MODAL SAHAM

	Kumpulan dan Syarikat			
	2012	Nilai nominal RM'000	2011	Nilai nominal RM'000
	Bilangan saham '000	Bilangan saham '000		
Saham biasa bernilai RM1 sesaham:				
Dibenarkan:				
Pada 1 April / Pada 31 Mac	<b>3,000,000</b>	<b>3,000,000</b>	3,000,000	3,000,000
Diterbitkan dan berbayar penuh:				
At 1 April	<b>1,351,115</b>	<b>1,351,115</b>	1,327,216	1,327,216
Terbitan saham:				
- Pelaksanaan Waran 2005/2010	-	-	22,404	22,404
- Pelaksanaan Waran 2009/2014	<b>30,494</b>	<b>30,494</b>	1,495	1,495
Pada 31 Mac	<b>1,381,609</b>	<b>1,381,609</b>	1,351,115	1,351,115

- (a) Dalam tahun kewangan, modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar telah meningkat daripada RM1,351,114.355 kepada RM1,381,608.554 melalui penerbitan 30,494,199 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada pelaksanaan Waran 2009/2014 pada harga pelaksanaan RM4.00 setiap saham selaras dengan Surat Iktaran Pol bertarikh 18 September 2009.

Saham-saham biasa baru yang diterbitkan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham biasa sedia ada Syarikat.

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 14 MODAL SAHAM, PREMIUM SAHAM DAN SAHAM PERBENDAHARAAN (samb.)

### (A) MODAL SAHAM (samb.)

#### (b) Waran 2005/2010

Waran 2005/2010 telah dibentuk oleh Surat Ikatan Pol bertarikh 22 Jun 2005.

Pada 23 Ogos 2005, Syarikat memperuntukkan:

- (i) 93,171,576 Waran baru 2005/2010 pada harga terbitan RM0.05 setiap Waran berasaskan 1 Waran bagi setiap 5 saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 sesaham dipegang dalam Syarikat pada 11 Julai 2005; dan
- (ii) 10,000,000 Waran baru 2005/2010 pada harga terbitan RM0.05 setiap Waran kepada kakitangan pengurusan Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang layak; dan

Pada 2 Oktober 2009, Syarikat memperuntukkan 8,098,689 Waran 2005/2010 baru pada harga terbitan RM0.05 setiap Waran berasaskan 2 Waran 2005/2010 baru bagi setiap 5 Waran 2005/2010 sedia ada dipegang dalam Syarikat pada 1 Oktober 2009 diikuti Terbitan Bonus 2:5.

Setiap waran memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan 1 saham biasa baru dalam Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 23 Ogos 2005 sehingga tarikh tamat pada 22 Ogos 2010, pada harga pelaksanaan RM4.80 setiap saham selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 22 Jun 2005. Harga pelaksanaan kemudiannya telah diselaraskan kepada RM4.77 pada 19 Ogos 2008 selaras dengan dividen in-specie oleh Syarikat kepada pemegang-pemegang sahamnya sebanyak 85,763,142 waran IJM Land Berhad (“IJMLB”) berasaskan 1 waran IJMLB bagi setiap 10 saham IJM dipegang. Waran 2005/2010 disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia berkuatkuasa mulai 2 September 2005. Harga pelaksanaan telah kemudiannya diselaraskan kepada RM3.41 pada 1 Oktober 2009 diikuti Terbitan Bonus 2:5 dan peruntukan sebanyak 132,097,381 Waran 2009/2014 baru berasaskan 1 Waran bagi setiap 10 saham biasa sedia ada bernilai RM1 sesaham dalam Syarikat dipegang selepas Terbitan Bonus 2:5.

Pelaksanaan Waran dalam tahun kewangan sebelum ini mengakibatkan 22,403,715 saham biasa baru telah diterbitkan pada RM3.41 sesaham. Purata wajaran harga saham disebut harga Syarikat pada masa waran telah dilaksanakan adalah RM4.99 setiap saham.

Pada 20 Ogos 2010, 424,235 Waran 2005/2010 yang tidak dilaksanakan telah luput.

#### (c) Waran 2009/2014

Waran 2009/2014 dibentuk melalui Surat Ikatan Pol bertarikh 18 September 2009.

Pada 26 Oktober 2009, Syarikat memperuntukkan 132,097,381 Waran 2009/2014 baru pada harga terbitan RM0.25 setiap Waran berasaskan 1 Waran bagi setiap 10 saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat dipegang selepas Terbitan Bonus 2:5.

Setiap waran memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan 1 saham biasa baru dalam Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 26 Oktober 2009 sehingga tarikh tamat pada 24 Oktober 2014, pada harga pelaksanaan RM4.00 setiap saham selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 18 September 2009. Waran 2009/2014 telah disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 28 Oktober 2009.

Waran dilaksanakan dalam tahun kewangan mengakibatkan 30,494,199 saham biasa baru diterbitkan pada RM4.00 sesaham. Purata wajaran harga saham disebut harga Syarikat pada masa waran telah dilaksanakan adalah RM6.12 (2011: RM5.18) setiap saham.

Pada tarikh kunci kira-kira, 99,383,838 Waran 2009/2014 (2011: 129,878,037) kekal tidak dilaksanakan.

#### 14 MODAL SAHAM, PREMIUM SAHAM DAN SAHAM PERBENDAHARAAN (samb.)

##### (B) PREMIUM SAHAM

	Kumpulan dan Syarikat	2012	2011
	RM'000	RM'000	
Pada 1 April	1,835,676	1,776,547	
Timbul daripada:			
- Pelaksanaan Waran 2005/2010	-	54,269	
- Pelaksanaan Waran 2009/2014	99,106	4,860	
Pada 31 Mac	<b>1,934,782</b>	1,835,676	

##### (C) SAHAM PERBENDAHARAAN

	Kumpulan dan Syarikat		2011	
	2012	Jumlah RM'000	2011	Jumlah RM'000
	Bilangan saham '000	Bilangan saham '000		
Pada 1 April	15	77	-	-
Belian balik saham	2	12	15	77
Pada 31 Mac	<b>17</b>	<b>89</b>	15	77

Pemegang-pemegang saham Syarikat telah meluluskan resolusi biasa pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 24 Ogos 2011 bagi Syarikat untuk membeli balik saham-sahamnya sendiri sehingga maksimum sebanyak 10% daripada modal Syarikat yang diterbitkan dan berbayar. Para Pengarah Syarikat komited untuk meningkatkan nilai Syarikat dan percaya bahawa rancangan pembelian balik telah digunakan demi kepentingan terbaik Syarikat dan pemegang-pemegang sahamnya.

Dalam tahun kewangan, Syarikat membeli balik 2,000 (2011: 15,000) daripada modal sahamnya yang diterbitkan daripada pasaran terbuka Bursa Malaysia bagi RM12,197 (2011: RM77,008). Purata harga dibayar bagi saham-saham dibeli balik adalah lebih kurang RM6.05 (2011: RM5.10) setiap saham. Urus niaga pembelian balik telah dibiayai oleh dana dihasilkan secara dalaman. Saham-saham dibeli balik telah dipegang sebagai saham-saham perpendaharaan sebagaimana dibenarkan di bawah Seksyen 67A Akta Syarikat 1965. Syarikat mempunyai hak untuk menerbitkan semula saham-saham ini pada tarikh terkemudian. Sebagai saham-saham perpendaharaan, hak-hak yang terdapat berhubung dengan undian, dividen dan penyertaan dalam lain-lain pengagihan digantung.

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012

## 15 LAIN-LAIN RIZAB

	Kumpulan	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>(a) Rizab modal</b>			
Pada 1 April	<b>36,275</b>	37,120	
Dipindahkan kepada premium saham atas pelaksanaan:	-	(750)	
- Waran 2005/2010	-	(273)	
- Waran 2009/2014	<b>(7,624)</b>	(374)	
Dipindahkan kepada keuntungan tertahan atas penamatan			
Waran 2005/2010	-	(21)	
Pada 31 March	<b>34,147</b>	36,275	
<b>(b) Rizab waran</b>			
Pada 1 April	<b>32,470</b>	33,138	
Dipindahkan kepada premium saham atas pelaksanaan:			
- Waran 2005/2010	-	(273)	
- Waran 2009/2014	<b>(7,624)</b>	(374)	
Dipindahkan kepada keuntungan tertahan atas penamatan			
Waran 2005/2010	-	(21)	
Pada 31 Mac	<b>24,846</b>	32,470	
<b>(c) Rizab penebusan modal</b>			
Pada 1 April	<b>10,000</b>	5,000	
Dipindahkan kepada rizab modal atas penebusan			
saham keutamaan dalam anak syarikat	-	5,000	
Pada 31 Mac	<b>10,000</b>	10,000	
Pada 31 Mac	<b>68,993</b>	78,745	
<hr/>			
	Syarikat	2012 RM'000	2011 RM'000
Rizab Waran			
Pada 1 April	<b>32,470</b>	33,138	
Dipindahkan kepada premium saham atas pelaksanaan:			
- Waran 2005/2010	-	(273)	
- Waran 2009/2014	<b>(7,624)</b>	(374)	
Dipindahkan kepada keuntungan tertahan atas penamatan			
Waran 2005/2010	-	(21)	
Pada 31 Mac	<b>24,846</b>	32,470	

## 16 BON

			Bercagar	
	Sukuk Mudharabah Nota (b) RM'000	Nota Bai Bithaman Ajil Junior (a) RM'000	Nota Bai Bithaman Ajil Senior (a) RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kumpulan</b>				
<b>2012</b>				
Pada 1 April	–	267,774	237,017	504,791
Pengeluaran dalam tahun	700,000	–	–	700,000
Ditebus dalam tahun	–	–	(45,000)	(45,000)
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Mac	700,000	267,774	192,017	1,159,791
Tolak:				
Pelunasan nilai saksama	–	–	(11,215)	(11,215)
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tolak:				
Jumlah boleh ditebus dalam masa 12 bulan (Nota 45)	–	–	(52,455)	(52,455)
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	700,000	267,774	128,347	1,096,121
<hr/>				
<b>2011</b>				
Pada 1 April	–	267,774	388,017	655,791
Ditebus dalam tahun	–	–	(151,000)	(151,000)
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Mac	–	267,774	237,017	504,791
Tolak:				
